



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

NEGERI SEMBILAN
TAHUN 2003



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KANDUNGAN	i
<u>KATA PENDAHULUAN</u>	<u>iv</u>
<u>INTISARI LAPORAN</u>	<u>viii</u>
<u>BAHAGIAN I - PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI SEMILAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003</u>	
<u>Pendahuluan</u>	<u>1</u>
<u>Pengesahan Penyata Akaun Awam</u>	<u>3</u>
<u>Analisis Penyata Akaun Awam</u>	<u>3</u>
<u>Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri</u>	<u>3</u>
<u>Kemajuan Pelaksanaan Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8)</u>	<u>13</u>
<u>Rumusan Dan Syor Audit</u>	<u>15</u>
<u>BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI</u>	
<u>Pendahuluan</u>	<u>16</u>
<u>Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri</u>	<u>17</u>
<u>Pelaksanaan Sistem Perakaunan Standard Kerajaan Negeri (SPEKS)</u>	<u>34</u>
<u>Pengurusan Kewangan Di Peringkat Jabatan</u>	<u>44</u>
<u>Program Audit Presence</u>	<u>52</u>
<u>Program Anak Angkat</u>	<u>54</u>

BAHAGIAN III - AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS

<u>Pendahuluan</u>	<u>60</u>
<u>Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri</u> Pelaksanaan Projek Pelbagai	<u>60</u>
<u>Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Sembilan</u> Pembangunan Projek Ternakan Rusa	<u>79</u>
<u>Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban</u> Pengurusan Tukar Syarat Tanah	<u>106</u>
<u>Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sembilan</u> Projek Pembinaan Masjid	<u>124</u>

**BAHAGIAN IV : BADAN BERKANUN NEGERI,
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA
TEMPATAN**

<u>Pendahuluan</u>	<u>146</u>
<u>Pengauditan Penyata Kewangan</u>	<u>146</u>
<u>Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan</u>	<u>146</u>
<u>Persijilan Penyata Kewangan</u>	<u>147</u>
<u>Pembentangan Penyata Kewangan</u>	<u>150</u>
<u>Prestasi Kewangan</u>	<u>150</u>
<u>Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan</u> Pengurusan Kewangan	<u>154</u>
<u>Majlis Daerah Tampin</u> Pengurusan Kewangan	<u>170</u>
<u>Majlis Perbandaran Nilai</u> Pengurusan Landskap	<u>194</u>
<u>Majlis Agama Islam Negeri Sembilan</u> Projek Usaha sama Pembangunan Medan Rahang	<u>216</u>

PERKARA

MUKA SURAT

BAHAGIAN V - PERKARA AM

Pendahuluan 241

Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan
Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2002 241

Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua
Audit Negara Yang Masih Belum Selesai 245

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai
Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Jabatan 246

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Akaun Negeri Sembilan 246

PENUTUP 248

LAMPIRAN

I Sijil Ketua Audit Negara 249

II Lembaran Imbangan, Penyata Memorandum Dan Penyata Akaun
Hasil Disatukan 250

III Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan Agensi
Kerajaan Negeri Setakat 31 Julai 2004 253

IV Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan Pihak Berkuasa
Tempatan Yang Belum Dibentangkan Setakat 31 Julai 2004 254

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Akaun Awam serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan DYMM Tuanku Yang Di-pertuan Besar Negeri Sembilan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala DYMM Tuanku Yang Di-pertuan Besar Negeri Sembilan menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sembilan. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 3 kaedah pengauditan seperti berikut:

1.1 Pengauditan Penyata Kewangan - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini juga dibuat terhadap penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan.

1.2 Pengauditan Pengurusan Kewangan - untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.

1.3. Pengauditan Prestasi - untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang telah ditetapkan.

2. Laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2003 ini disediakan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan di beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2003 melalui 3 kaedah pengauditan yang telah dinyatakan. Bagi tujuan pengesahan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Tahun 2003, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah

dijalankan di Perbendaharaan Negeri. Pengauditan tersebut melibatkan pemeriksaan terhadap 2,915 baucar bayaran bernilai RM381.09 juta, sebanyak 28,787 penyata pemungut bernilai RM733.18 juta dan 2,595 baucar jurnal bernilai RM42.93 juta. Pada masa yang sama, pengauditan pengurusan kewangan di 6 Jabatan/ Agensi Negeri dan 6 pengauditan prestasi telah dijalankan. Berhubung dengan pengauditan prestasi, program/aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan sektor pembinaan, pertanian dan projek sosial untuk rakyat.

3. Semua Pegawai Pengawal yang berkeenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2002 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Jabatan/Agensi Negeri berkeenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.

4. Pada umumnya, pengurusan kewangan Jabatan Kerajaan Negeri pada tahun 2003 telah menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun sebelumnya. Berhubung dengan pelaksanaan aktiviti pula, pada umumnya Jabatan/Agensi Negeri telah merancang aktiviti mereka dengan baik seperti menyediakan garis panduan yang lengkap; menetapkan matlamat pelaksanaan aktiviti, mengenal pasti keperluan kewangan dan guna tenaga serta juga menetapkan norma kerja. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaan aktiviti, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan. Beberapa kelemahan yang berpunca daripada kekurangan kakitangan dan peruntukan kewangan; penyeliaan yang kurang rapi serta ketiadaan pemantauan masih berterusan berlaku.

5. Jabatan Audit Negara terus mengambil beberapa pendekatan untuk membantu Jabatan/Agensi Negeri memperbaiki kelemahan dalam pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti. Antara pendekatan yang telah diambil adalah seperti berikut :

5.1 Program Anak Angkat. Mulai tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Program Anak Angkat. Asas pelaksanaan program ini adalah bagi mengatasi tanggapan bahawa Jabatan Audit Negara adalah sebuah Jabatan yang bersifat '*fault finder*' - hanya mencari kesalahan kepada sifat '*developmental*'. Melalui program ini, lima pejabat telah dipilih

untuk diberikan bimbingan dan nasihat oleh Jabatan Audit Negara bagi memantapkan lagi tahap pengurusan kewangan. Sehingga akhir bulan Julai 2004, tiga daripada 5 telah berjaya mengikuti program ini dan diberi sijil penyertaan. Harapan saya Jabatan/Agensi Negeri yang menamatkan program ini akan terus berusaha mengekalkan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri masing-masing. Laporan berhubung dengan pelaksanaan program ini juga dilaporkan dalam Laporan ini.

5.2 Pengauditan Syarikat Kerajaan. Memandangkan penglibatan Kerajaan atau Agensi Kerajaan dalam syarikat Kerajaan/swasta melalui pegangan ekuiti dan pemberian pinjaman/geran melibatkan jumlah kewangan yang besar dan meningkat dari tahun ke setahun, pengauditan terhadap syarikat berkenaan amatlah penting untuk menentukan wang awam yang terlibat digunakan dengan cara yang cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini, Jabatan Audit Negara telah mendapatkan perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat berkenaan selaras dengan peruntukan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pada 19 November 2003.

5.3 Penglibatan Semasa Pembangunan Sistem Berkomputer. Pegawai Jabatan Audit Negara telah menyertai perbincangan mengenai pembangunan sistem berkomputer khususnya di peringkat Perbendaharaan Negeri bagi memastikan kawalan dalaman yang mencukupi diwujudkan untuk menjamin keutuhan sistem dan integriti data. Penglibatan ini dirasai perlu memandangkan pembangunan sesuatu sistem berkomputer melibatkan perbelanjaan Kerajaan yang besar dan dengan itu sudah sewajarnya ia dilaksanakan dengan teratur dan memenuhi tujuan yang telah ditetapkan.

6. Laporan ini disediakan dalam 5 Bahagian seperti berikut :

Bahagian I : Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2003

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Jabatan Negeri

Bahagian III : Aktiviti Jabatan Negeri Dan Kajian Khas

Bahagian IV : Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam
Dan Pihak Berkuasa Tempatan

Bahagian V : Perkara Am

7. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting bagi menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat sesebuah negeri. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

8. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.

(TAN SRI DR. HADENAN BIN A. JALIL)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

17 Ogos 2004

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

1. Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 2003 telah dapat disahkan kerana Bendahari Negeri telah mengemukakan bukti dan dokumen sokongan yang lengkap bagi menyokong semua butiran yang terdapat dalam Akaun Awam tersebut. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun 2003 adalah stabil kerana aset adalah melebihi tanggungan.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI

2. Pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Perbendaharaan Negeri dan di 4 Jabatan yang lain mendapati kecuali bagi Jabatan Pengairan dan Saliran yang pengurusan kewangannya adalah baik, yang lain masih boleh dipertingkatkan. Kawalan hasil, perbelanjaan, akaun amanah, pinjaman dan harta modal adalah aspek penting yang perlu diberi penekanan dan penambahbaikan. Selaku Pegawai Pengawal Ketua Jabatan hendaklah prihatin, komited dan bertanggungjawab terhadap hal kewangan dan perakaunan di Jabatan masing-masing agar kelemahan pengurusan kewangan yang berbangkit dapat diatasi segera.

BAHAGIAN III - AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS

3. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri : Pelaksanaan Projek Pelbagai

Bagi tahun 2002 dan 2003, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM6.68 juta bagi melaksanakan program projek pelbagai. Daripada peruntukan tersebut sejumlah RM6.43 juta telah dibelanjakan untuk melaksanakan pelbagai projek kecil. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pegawai Pengawal tidak mempunyai garis panduan yang khusus untuk diikuti dalam

pemilihan projek dan dalam pelaksanaannya. Pejabat SUK telah meletakkan seluruh tanggungjawab bagi merancang dan melaksanakan program ini kepada Pejabat Daerah. Pihaknya juga tidak membuat pemantauan terus terhadap pelaksanaan program ini kerana telah diserahkan sepenuhnya kepada Pejabat Daerah.

4. Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri: Pembangunan Projek Ternakan Rusa

Pada tahun 1988, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Sembilan telah memulakan Program Pembangunan Ternakan Rusa dengan pembelian 40 ekor rusa dari spesis *cervus timorensis*. Di peringkat awal, ternakan rusa dianggap sebagai projek perintis untuk menentukan sama ada rusa sesuai ditenak di Negeri Sembilan. Hasil daripada penternakan yang dijalankan, bilangan rusa telah membiak kepada lebih 600 ekor dan bilangan ini telah ditambah dengan rusa dari spesis Sambar dan Axis-axis. Dalam usahanya ke arah pembiakan rusa bagi mendapatkan baka yang baik dan juga bagi tujuan konservasi, Jabatan telah membuka 4 buah ladang lain di Pusat Sumber Ternakan Siliau, Pusat Industri Ternakan Gemencheh, Pusat Pelancongantani Titian Bintangor, Rembau dan Taman Sumber Ilmu Seremban. Memandangkan rusa yang dibela telah membiak dengan baik, Jabatan bercadang melantik agen untuk menjual daging rusa dan juga menjual rusa hidup. Kini, pihaknya sedang mempergiatkan usaha ke arah menjadikan program ternakan rusa sebagai tarikan pelancong. Bagi menarik lebih ramai penternak menternak rusa, Jabatan bercadang untuk memperkenalkan sistem pawah kepada penternak/syarikat yang berminat.

5. Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban : Pengurusan Tukar Syarat Tanah

Mengikut Jadual Kesepuluh Pelembagaan Persekutuan, semua tanah adalah hak Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Pejabat Tanah adalah merupakan pihak yang bertanggungjawab terhadap pengurusan tanah termasuk mengutip cukai dan premium tanah di daerah masing-masing. Untuk melicinkan urusan ini, Pengarah Tanah Negeri telah mengeluarkan beberapa garis panduan mengenai tukar syarat tanah dan pelanggaran syarat nyata untuk dipatuhi oleh semua Pejabat Tanah. Namun begitu urusan permohonan tukar syarat tanah masih mengambil masa yang

lama untuk diselesaikan. Selain itu, pelanggaran syarat nyata tanah juga begitu berleluasa tanpa diambil sebarang tindakan. Pejabat Tanah perlu merangka satu kaedah yang dapat memendekkan tempoh masa prosesan tukar syarat tanah. Selain itu, Unit Penguatkuasaan perlu ditubuhkan secara tetap di Pejabat Tanah bagi memantau aktiviti pelanggaran syarat tanah.

6. Jabatan Hal Ehwal Islam : Projek Pembinaan Masjid

Di seluruh Negeri Sembilan mempunyai sejumlah 276 buah masjid yang di bina oleh Kerajaan Negeri di bawah kelolaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam. Antara masjid yang dibina pada 2001 hingga 2003 adalah Masjid Sikamat, Masjid Bandar Baru Nilai dan Masjid Pasir Panjang Port Dickson. Pembinaan kesemua masjid ini dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh Jabatan Kerja Raya melalui panggilan tender terbuka. Kos pembinaan bagi 3 buah masjid ini berjumlah RM14.9 juta berbanding dengan anggaran asal Jabatan berjumlah RM9 juta. Tempoh siap projek pembinaan masjid ditetapkan antara 58 hingga 84 minggu. Bagi Masjid Sikamat walaupun telah siap tetapi terlewat disiapkan selama 9 bulan manakala bagi Masjid Pasir Panjang, telah dapat disiapkan 3 bulan lebih awal daripada jadual asal. Bagi Masjid Pasir Panjang pula, telah terlewat disiapkan selama 9 bulan.

BAHAGIAN IV – BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

7. Pengesahan Dan Penyerahan Penyata Kewangan

Sepanjang tempoh tahun 2003 dan hingga bulan Julai 2004, sejumlah 24 Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam telah diperakukan. Bagi tempoh yang sama, sejumlah 13 penyata yang sepatutnya diterima masih belum diterima oleh Jabatan Audit Negara.

8. Analisis Akaun Tahun 2002 Bagi Badan Berkanun Negeri Dan Pihak Berkuasa Tempatan

Berdasarkan kepada Penyata Kewangan tahun 2002, adalah didapati kedudukan kewangan 6 Pihak Berkuasa Tempatan dan 2 Badan Berkanun adalah stabil. Mengenai tunggakan cukai pintu, Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mempergiatkan tindakan penguatkuasaan bagi mendapatkannya.

9. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri : Pengurusan Kewangan

Sejak dijadikan Anak Angkat Audit pada tahun 2003, pengurusan kewangan Perbadanan didapati telah bertambah baik khususnya dari segi penyelenggaraan rekod kewangan dan akaun. Perbadanan hendaklah memastikan rekod dan akaun yang diselenggara itu sentiasa lengkap dan kemas kini. Pegawai yang bertanggungjawab hendaklah menyemak rekod dan akaun dari masa ke masa dan sebagai bukti semakan telah dijalankan menurunkan tandatangan ringkas di rekod dan akaun tersebut.

10. Majlis Daerah Tampin : Pengurusan Kewangan

Pengurusan kewangan di Majlis Daerah Tampin hendaklah dipertingkatkan khususnya dari aspek kawalan pengurusan hasil. Ciri kawalan dalaman hendaklah diperkemaskan supaya apa jua kelemahan pengurusan kewangan yang berbangkit tidak akan berulang.

11. Majlis Perbandaran Nilai : Pengurusan Landskap

Sebahagian besar daripada kerja landskap Majlis Perbandaran Nilai dilaksanakan oleh pihak swasta. Ini disebabkan Majlis tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk melaksanakannya. Majlis memantau semua kerja pembangunan dan penyelenggaraan landskap yang dilaksanakan. Sungguhpun strategi pelaksanaan kerja telah dirancang secara teratur, namun demikian, mutu kerja pembangunan dan penyelenggaraan landskap masih boleh ditingkatkan. Pihak Majlis juga wajar memanfaatkan sumber tapak semaian sedia ada dan

melaksanakan sendiri kerja menebang dan mencantas pokok agar kos dapat diijimatkan dan boleh digunakan untuk tujuan landskap di tempat lain.

12. Majlis Agama Islam : Projek Usaha Sama Pembangunan Medan Rahang

Projek usaha sama ini telah dilaksanakan bagi memenuhi hasrat Kerajaan Negeri untuk menubuh sebuah rangkaian pusat tumpuan dan perniagaan strategik melalui pembinaan rumah kediaman dan rumah kedai, di mana dengan pertambahan kegiatan ekonomi dan sosial diharap dapat meningkatkan taraf ekonomi penduduk Bumiputra setempat. Majlis Agama Islam selaku pemilik tanah, akan mendapat balasan/pulangan dalam bentuk sebuah Kompleks Pejabat setinggi 6 tingkat bernilai RM12.75 juta. Projek ini masih belum disempurnakan sepenuhnya, di mana Komplek Pejabat MAINS dan Fasa Kedua pembangunan usaha sama ini masih belum dibangunkan. Majlis telah dinasihatkan supaya memantau projek ini, khususnya pembinaan Kompleks Pejabat agar dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan manakala bahan binaan yang digunakan adalah mengikut spesifikasi dan berkualiti.

BAHAGIAN I
PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

1. PENDAHULUAN

Penyata Akaun Awam mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Akaun Memorandum serta Penyata Hasil dan Perbelanjaan yang menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2003. Selaras dengan Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan 1957, Pihak Berkuasa Kewangan Negeri dikehendaki menyediakan Penyata Akaun Awam secepat mungkin selepas penutupan akaun tahunan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957. Pihak Berkuasa Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2003 kepada Jabatan Audit Negara pada 25 Jun 2004. Penyata tersebut telah selesai diaudit dan Sijil Ketua Audit Negara dikeluarkan pada 17 Ogos 2004 seperti di **Lampiran 1**.

Pengauditan terhadap Penyata Akaun Awam Negeri adalah untuk mengesah dan memberi pendapat sama ada Penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama. Dalam menentukan sama ada sesuatu kesilapan adalah *material*, faktor yang diambil kira ialah jumlah nilai kesilapan dalam akaun, corak (*nature*) kesilapan dan juga keadaan di bawah mana transaksi itu berlaku.

Menyedari hakikat bahawa sumber manusia merupakan aset yang penting dalam menghasilkan sesuatu kerja yang berkualiti, Pejabat Kewangan Negeri dengan kerjasama Jabatan Kerajaan Negeri yang lain dari masa ke masa menganjurkan kursus dan latihan dalam jurusan berkaitan kewangan dan akaun. Sepanjang tahun 2003, seramai 147 pegawai pelbagai gred telah menghadiri 5 kursus/latihan yang dianjurkan oleh Pejabat Kewangan Negeri, Pejabat Setiausaha

Kerajaan Negeri dan Kementerian Kewangan.

Demi mempertingkatkan pengurusan kewangan Kerajaan Negeri, Unit Naziran telah diwujudkan pada tahun 2003. Sepanjang tahun 2003, lima Jabatan di 4 daerah telah dilawati oleh Unit Naziran untuk memastikan pengurusan kewangan terutama kutipan hasil, penyimpanan dokumen dan pengurusan aset adalah mematuhi peraturan.

Dalam usaha untuk meningkatkan sistem perakaunannya, Kerajaan Negeri pada tahun 2003 telah melaksanakan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) dalam pentadbiran kewangan negeri. Sistem berkomputer ini adalah diperkenalkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Selaras dengan perkembangan ini, semua Pegawai Pengawal di peringkat Negeri Sembilan adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan kewangan yang akan dihubungkan terus dengan pangkalan data Pejabat Perbendaharaan Negeri melalui penggunaan komputer secara talian terus (*on line*). Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah mengadakan beberapa sesi kursus dan taklimat SPEKS untuk pegawainya daripada peringkat pengurusan hingga ke peringkat bawahan.

Bagi memastikan pengurusan kewangan di Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Sembilan diurus secara berhemah dan cekap, pendekatan yang diambil oleh Jabatan Audit Negara melalui Program Anak Angkat dan '*Audit Presence*' diteruskan. Adalah diharapkan dengan pendekatan ini akan dapat membantu Jabatan dan Agensi kerajaan di Negeri Sembilan ke arah memperkukuh dan memantapkan lagi pengurusan kewangan masing-masing.

Seterusnya bagi memperbaiki sistem pengurusan pelaburan Kerajaan Negeri dengan lebih kemas dan teratur, Unit Analisis dan Pemantauan Pelaburan telah ditubuhkan dengan dianggotai oleh 4 orang pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan pelaburan Kerajaan Negeri. Antara objektif penubuhan Unit ini adalah untuk menganalisis dan memantau pelaburan yang dibuat dan hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri. Selain itu, Unit ini juga bertanggungjawab untuk mengenal pasti punca hasil yang baru bagi Kerajaan Negeri. Malah pada tahun

2003, Unit ini telah menyelaraskan kertas cadangan untuk meningkatkan hasil Kerajaan untuk diperakukan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

2. PENGESAHAN PENYATA AKAUN AWAM

Pengauditan Penyata Akaun Awam telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Akaun Awam adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Akaun Awam. **Pada pendapat Audit, Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri ini menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada 31 Disember 2003.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam ini dan ringkasan Penyata Akaun Awam yang telah diaudit adalah seperti di **Lampiran I dan II.**

3. ANALISIS PENYATA AKAUN AWAM

Analisis Penyata Akaun Awam dibuat bagi menilai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada akhir tahun 2003 berbanding dengan kedudukan pada akhir tahun 2002. Penilaian ini dibuat berdasarkan 2 jenis penyata utama iaitu Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum. Kedua penyata ini memberikan gambaran berbeza di mana Lembaran Imbangan menunjukkan keadaan sebenar kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun berkenaan yang berasaskan tunai, sementara Penyata Akaun Memorandum merupakan memorandum untuk memaklumkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri yang lebih bercorak jangka panjang dan ke arah asas perakaunan akrual.

3.1 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Kedudukan kewangan sesebuah negeri dapat dinilai daripada maklumat kewangan yang terkandung di Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun

Memorandum. Lembaran Imbangan digunakan untuk mengakaunkan Kumpulan Wang Disatukan yang ditubuhkan melalui Perkara 97(1) dan (2) Perlembagaan Persekutuan. Kumpulan Wang Disatukan ini terdiri daripada 3 iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada akhir Disember 2003 adalah seperti di **Jadual 1**

Jadual 1
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan
Mengikut Lembaran Imbangan

Bil	Butiran	Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	230.42	235.04	4.62
2.	Akaun Amanah Disatukan Terdiri daripada:	(55.69)	(96.85)	(41.16)
	<i>i) Kumpulan Wang Pembangunan</i>	(92.38)	(136.30)	(43.92)
	<i>ii) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	37.19	39.69	2.49
	<i>iii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	51.99	63.09	11.10
	<i>iv) Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air</i>	(133.89)	(146.57)	(12.68)
	<i>v) Deposit</i>	58.13	55.21	(2.92)
	<i>vi) Akaun Kena Bayar</i>	23.27	28.03	4.76
3.	Akaun Pinjaman Disatukan	29.80	34.93	5.13
	Jumlah	204.53	173.12	(31.41)

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sembilan

Jumlah Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2003 adalah RM173.12 juta dan ditunjukkan sebagai aset yang berbentuk wang tunai sejumlah RM37.59 juta dan pelaburan sejumlah RM135.53 juta. Kumpulan Wang Disatukan itu mengalami penurunan sejumlah RM31.41 juta berbanding dengan peningkatan sejumlah RM12.49 juta pada tahun 2002. Penurunan ini disumbangkan oleh peningkatan defisit Akaun Amanah Disatukan sejumlah RM41.16 juta yang terdiri daripada defisit Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM43.92 juta dan Kumpulan Wang Bekalan Air sejumlah RM12.68 juta. Selain itu, Akaun Hasil Disatukan dan Akaun

Pinjaman Disatukan masing-masing menyumbang sejumlah RM4.62 juta dan RM5.13 juta. Dengan ini penurunan bersih Kumpulan Wang Disatukan selepas mengambil kira Akaun Kena Bayar adalah sejumlah RM36.17 juta.

Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan adalah stabil di mana aset yang dimiliki berjumlah RM173.12 juta mampu menjelaskan tanggungan berjumlah RM83.24 juta yang terdiri daripada Akaun Kena Bayar dan Akaun Deposit. Walaupun begitu jumlah aset ini adalah menurun daripada RM204.53 juta pada tahun 2002 menjadi RM173.12 juta pada tahun 2003 iaitu penurunan sejumlah RM31.41 juta. Bagi mengukuhkan kedudukan aliran tunai Kerajaan Negeri, amalan perbelanjaan berhemat hendaklah diteruskan di samping usaha gigih menambahkan sumber pendapatan dan memungut tunggakan hasil yang berjumlah RM60.36 juta dan tunggakan bayaran balik pinjaman Agensi Negeri yang berjumlah RM41.35 juta.

Mengikut Penyata Akaun Memorandum, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2
Aset Dan Tanggungan Mengikut
Kedudukan Penyata Akaun Memorandum

Bil	Butiran	Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	<u>Aset</u>			
	Tunggakan Hasil	53.62	60.36	6.73
	Pinjaman Boleh Tuntut	95.70	108.53	12.83
	Pelaburan	29.02	29.02	-
2.	<u>Tanggungan</u>			
	Hutang Kerajaan Negeri	1,222.47	1,295.59	73.12

Sumber : Penyata Akaun Awam Negeri Sembilan

Jumlah aset yang ditunjuk dalam Penyata Akaun Memorandum adalah meningkat sejumlah RM6.73 juta menjadi RM60.36 juta pada akhir tahun

2003, berbanding RM53.62 juta pada akhir tahun 2002. Peningkatan ini berpunca daripada peningkatan tunggakan hasil. Selain tunggakan hasil, aset ini juga terdiri daripada Pinjaman Boleh Tuntut dan pelaburan masing-masing berjumlah RM108.53 juta dan RM29.02 juta. Bagi tempoh jangka panjang, aset ini tidak mampu menampung hutang Kerajaan Negeri yang berjumlah RM1.30 bilion.

Pada pandangan Audit, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan berdasarkan Lembaran Imbangan adalah stabil walaupun terdapat penurunan nilai aset sejumlah RM31.41 juta. Penyata Memorandum pula menunjukkan kedudukan kewangan Negeri Sembilan adalah kurang memuaskan di mana hutang melebihi aset yang dimilikinya.

LEMBARAN IMBANGAN

3.2 AKAUN HASIL DISATUKAN

Pada tahun 2003, hasil Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM233.86 juta dan perbelanjaan berjumlah RM229.23 juta. Dengan itu Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri mempunyai surplus sejumlah RM4.63 juta.

3.2.1 Hasil

Hasil Kerajaan Negeri terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai, dan Terimaan Bukan Hasil. Bagi tahun 2003, hasil Kerajaan Negeri berjumlah RM233.86 juta iaitu meningkat sejumlah RM42.39 juta berbanding dengan RM191.47 juta pada akhir tahun 2002. Analisa selanjutnya menunjukkan sungguhpun secara keseluruhan hasil negeri telah meningkat tetapi ada juga butiran hasil yang menunjukkan penurunan yang ketara. Kedudukan hasil yang meningkat dan menurun secara ketara berbanding dengan tahun 2002 adalah seperti berikut:

i) Peningkatan Hasil Yang Ketara

a) Perolehan Dari Jualan Barangan

Hasil Bukan Cukai yang dikutip daripada Perolehan Dari Jualan Barangan pada tahun 2003 berjumlah RM70.67 juta berbanding dengan tahun 2002 berjumlah RM23.55 iaitu meningkat sejumlah RM47.12 juta. Peningkatan hasil ini adalah disebabkan bayaran premium pemberian milikan tanah, jualan pelan dan bahan cetak dan jualan barang pertanian/ternakan.

b) Terimaan Dari Agensi Kerajaan

Terimaan Dari Agensi Kerajaan pada tahun 2003 berjumlah RM50.28 juta iaitu meningkat sejumlah RM15.42 juta berbanding RM34.86 juta pada tahun 2002. Peningkatan ini disebabkan Pemberian 50% Untuk Membiayai Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2002 berjumlah RM7.18 juta hanya diterima pada tahun 2003. Begitu juga dengan Bayaran Perkhidmatan Tahun 2002 kepada Kerajaan Negeri kerana penglibatan kakitangan negeri melaksanakan projek Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM7.95 juta telah diterima pada tahun 2003.

c) Cukai Tanah

Cukai tanah yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2003 berjumlah RM71.61 juta iaitu meningkat sejumlah RM4.28 juta berbanding RM67.33 juta pada tahun 2002. Peningkatan kutipan cukai tanah adalah disebabkan tindakan tegas yang diambil oleh Pejabat Daerah Dan Tanah dalam usaha mengutip hasil cukai tanah. Pembayar cukai juga tidak dikenakan denda lewat dan ini menggalakkan pembayar cukai melunaskan cukai tahun semasa. Selain itu, peningkatan hasil juga adalah disebabkan kutipan cukai

tahun pertama yang diterima hasil daripada pemberian milikan tanah .

ii) Penurunan Hasil Yang Ketara

a) Pulangan Balik Perbelanjaan

Kutipan Pulangan Balik Perbelanjaan pada tahun 2003 berjumlah RM5.18 juta menurun sejumlah RM18.77 juta berbanding dengan kutipan tahun 2002 yang berjumlah RM23.95 juta. Penurunan ini disebabkan tiada pindahan lebih terimaan daripada Akaun Amanah Jabatan Bekalan Air bagi tahun 2003. Ini adalah kerana pada tahun 2003 Akaun Amanah Jabatan Bekalan Air mengalami defisit sejumlah RM13.68 juta berbanding dengan tahun 2002 mempunyai surplus sejumlah RM20.05 juta.

b) Denda Dan Hukuman

Kutipan Denda Dan Hukuman pada tahun 2003 berjumlah RM2.35 juta berbanding RM5.73 juta pada tahun 2002. Pengurangan sejumlah RM3.38 juta ini adalah disebabkan penguatkuasaan oleh Jabatan Hutan terhadap pembalakan yang giat dijalankan menyebabkan kutipan Denda Dan Hukuman pada tahun 2003 berkurangan.

3.2.2 Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus tahun 2003 adalah berjumlah RM229.23 juta termasuk pindahan berjumlah RM70.42 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Perbelanjaan ini merupakan 85.7% daripada peruntukan yang diluluskan berjumlah RM267.63 juta. Berbanding dengan perbelanjaan tahun lepas berjumlah RM240.89 juta, maka perbelanjaan 2003 telah menurun sejumlah RM11.66 juta. Sebahagian besar perbelanjaan mengurus adalah untuk menampung perbelanjaan di bawah pemberian dan kenaan bayaran tetap seperti

bayaran hutang Kerajaan Negeri, pencen dan ganjaran serta caruman kepada agensi kerajaan. Selain itu, bayaran emolumen kepada anggota perkhidmatan awam dan perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan termasuk penyelenggaraan, sewaan dan lain-lain kos operasi juga merupakan komponen terbesar perbelanjaan mengurus.

3.3 AKAUN AMANAH DISATUKAN

Pada tahun 2003, Akaun Amanah Disatukan berbaki debit berjumlah RM96.85 juta. Akaun Amanah Disatukan ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam, Akaun Deposit dan Akaun Kena Bayar.

3.3.1 Kumpulan Wang Pembangunan

Perbelanjaan Pembangunan Negeri bagi tahun 2003 berjumlah RM130.01 juta iaitu 78.2% daripada peruntukan yang berjumlah RM166.27 juta. Daripada jumlah ini, perbelanjaan langsung berjumlah RM101.07 juta dan perbelanjaan pinjaman berjumlah RM28.93 juta.

Perbelanjaan langsung bagi pembangunan pada tahun 2003 berjumlah RM101.07 juta berbanding dengan tahun 2002 berjumlah RM83.02 juta iaitu meningkat sejumlah RM18.05 juta. Peningkatan perbelanjaan cara langsung disebabkan perbelanjaan bagi 6 maksud telah meningkat dengan ketara jika dibandingkan dengan tahun 2002.

Perbelanjaan pembangunan melalui pinjaman pada tahun 2003 berjumlah RM28.93 juta berbanding dengan tahun 2002 berjumlah RM3.22 juta iaitu meningkat sejumlah RM25.71 juta. Perbelanjaan ini adalah untuk membiayai pembinaan dan pengubahsuaian kompleks sukan dan pembinaan rumah awam kos rendah.

3.3.2 Deposit

Pada tahun 2003 baki akaun deposit adalah berjumlah RM55.21 juta

iaitu menurun sejumlah RM2.92 juta berbanding dengan baki pada akhir tahun 2002 yang berjumlah RM58.13 juta. Penurunan ini disebabkan pada tahun 2003 sebanyak 12 Jabatan/Pejabat mengambil tindakan mewartakan deposit lama yang tidak dituntut dan diakaunkan ke hasil negeri.

3.3.3 Akaun Kena Bayar

Akaun ini diwujudkan bagi menampung perbelanjaan pada akhir tahun yang perlu dijelaskan pada awal tahun berikutnya. Pada akhir tahun 2003, baki akaun ini berjumlah RM28.03 juta berbanding RM23.27 juta pada tahun 2002. Kenaikan jumlah Akaun Kena Bayar pada tahun 2003 berbanding tahun 2002 disebabkan beberapa Jabatan mempunyai jumlah Akaun Kena Bayar yang besar sekali seperti Jabatan Kerja Raya dengan jumlah RM11.83 juta. Pembayaran kemajuan kerja bagi projek membina Stadium Tertutup di Bandar Baru Nilai dan naik taraf Stadium Tunku Abdul Rahman perlu dibayar oleh Jabatan Kerja Raya melalui Akaun Kena Bayar bagi kelancaran sukan SUKMA yang diadakan di Negeri Sembilan. Jabatan lain yang mempunyai Akaun Kena Bayar yang besar ialah Jabatan Bekalan Air dengan jumlah RM5.92 juta.

3.4 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan adalah satu akaun yang digunakan untuk mengakaun pinjaman yang diterima dan pindahan terimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan. Mengikut Lembaran Imbangan, baki Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2003 berjumlah RM34.93 juta berbanding RM29.80 juta pada akhir tahun 2002. Pinjaman yang diterima pada tahun 2003 berjumlah RM100.70 juta berbanding RM187.50 juta pada tahun 2002. Sejumlah RM95.57 juta telah dikeluarkan daripada Akaun Pinjaman untuk membiayai projek bekalan air, perumahan awam kos rendah dan projek Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

3.5 PINJAMAN BOLEH DITUNTUT

Pada akhir tahun 2003, baki akaun ini berjumlah RM108.53 juta berbanding RM95.70 juta pada akhir tahun 2002. Baki ini terdiri daripada baki Perbadanan Kemajuan Negeri berjumlah RM54.87 juta, Yayasan Negeri Sembilan RM6.90 juta manakala Majlis Perbandaran Seremban dan sebuah syarikat swasta masih tidak berubah seperti tahun 2002 iaitu RM38.12 juta dan RM8.64 juta masing-masing. Sepanjang tahun 2003, hanya 2 Agensi telah membayar balik ansuran pinjaman berjumlah RM1.88 juta berbanding RM43.23 juta yang sepatutnya dibayar. Oleh kerana sebuah Agensi dan sebuah syarikat tidak menjelaskan bayaran balik pinjaman mengikut Jadual yang ditetapkan, baki tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2003 telah meningkat menjadi RM41.35 juta.

3.6 PELABURAN

Pelaburan Kerajaan Negeri terdiri daripada simpanan tetap dan saham serta syer dalam syarikat.

3.6.1 Simpanan Tetap

Pada tahun 2003, Kerajaan Negeri mempunyai simpanan tetap berjumlah RM112.10 juta berbanding RM168 juta pada akhir tahun 2002 iaitu menurun sejumlah RM55.90 juta. Simpanan tetap perlu dicairkan pada tahun 2003 untuk tujuan menampung perbelanjaan pembangunan bagi pembinaan/pengubahsuaian Kompleks Sukan sempena SUKMA di Negeri Sembilan dan perbelanjaan Jabatan Bekalan Air yang mengalami defisit.

3.6.2 Saham Dan Syer

Pelaburan saham dan syer Kerajaan Negeri ada yang dilaporkan di dalam Lembaran Imbangan dan sebahagiannya dinyatakan di Akaun Memorandum. Pada akhir tahun 2003 keseluruhan pelaburan

Kerajaan Negeri dalam 24 buah syarikat berjumlah RM52.46 juta berbanding dengan tahun 2002 berjumlah RM52.23 juta dalam 22 buah syarikat iaitu meningkat sejumlah RM0.33 juta.

3.7 TUNGGAKAN HASIL

Tunggakan hasil telah meningkat sejumlah RM6.75 juta iaitu daripada RM53.61 juta pada tahun 2002 menjadi RM60.36 juta pada tahun 2003. Peningkatan tunggakan hasil disebabkan kurangnya tindakan penguatkuasaan oleh pihak yang berkuasa bagi mengutip tunggakan. Kedudukan tunggakan hasil mengikut jenis hasil pada akhir tahun 2003 dan 2002 adalah seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3

Kedudukan Tunggakan Hasil Jabatan Pada Tahun 2003

Jenis Hasil	Tahun 2003 (RM Juta)	Tahun 2002 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (%)
Cukai Tanah	49.37	43.86	5.51	12.6
Bayaran Air	9.90	8.45	1.45	17.3
Lain-Lain Hasil	1.09	1.30	(0.21)	16.2
Jumlah	60.36	53.61	6.75	12.6

Sumber : Rekod Pejabat Bendahari Negeri Sembilan

3.8 HUTANG KERAJAAN NEGERI

Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Pada akhir tahun 2003, baki hutang Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM1.29 bilion berbanding RM1.22 bilion pada tahun 2002, iaitu meningkat sejumlah RM73.12 juta. Peningkatan hutang ini adalah disebabkan pinjaman baru daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM94.19 juta. Pinjaman baru ini bagi membiayai projek Perumahan Awam Kos Rendah, projek Bekalan Air dan projek Perbadanan Kemajuan Negeri. Pada tahun 2003,

Kerajaan Negeri telah menjelaskan ansuran bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM21.06 juta. Kerajaan Negeri mempunyai 44 ansuran bayaran balik yang tertunggak berjumlah RM79.66 juta pada 31 Disember 2003 di mana usia tunggakan antara 1 hingga 8 tahun.

4. KEMAJUAN PERLAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RANCANGAN MALAYSIA KE LAPAN (RMK 8)

4.1 PRESTASI PERBELANJAAN

Rancangan Malaysia Ke Lapan (RMK8) meliputi tempoh 5 tahun bermula dari tahun 2001 dan berakhir pada tahun 2005. Matlamat RMK8 adalah untuk meningkatkan pertumbuhan keluaran, mempercepatkan perubahan struktur pertanian, pembuatan dan perkhidmatan serta memperkukuhkan kestabilan sosio ekonomi. Peruntukan siling RMK8 yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM985.82 juta yang diagihkan kepada pelbagai Jabatan/Agensi. Bagi tahun 2003, jumlah peruntukan pembangunan yang diluluskan berjumlah RM267.52 juta. Jabatan Bekalan Air dan Jabatan Kerja Raya adalah antara 2 Jabatan yang telah menerima agihan siling peruntukan tertinggi iaitu RM118.14 juta atau 44.2 % daripadanya. Analisis terhadap perbelanjaan tahun 2003 merangkumi projek yang besar iaitu pembinaan/pengubahsuaian kompleks sukan berjumlah RM40.20 juta, pembinaan rumah awam kos rendah menelan belanja RM6.84 juta dan menaik taraf jalan berjumlah RM8.3 juta.

4.2 PERBELANJAAN PEMBANGUNAN MENGIKUT JABATAN

Prestasi perbelanjaan projek pembangunan bagi tahun 2002 dan 2003 adalah seperti di **Jadual 4** dan prestasi ini khususnya bagi 8 jabatan masih boleh dipertingkatkan terutama di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Ini memandangkan bagi tempoh 3 tahun, prestasi kewangan projek bagi 2 maksud di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri perbelanjaan sehingga akhir tahun 2003 melebihi peruntukan RMK8.

Jadual 4
Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMK 8

Bil.	Jabatan	Peruntukan RMK 8 (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31.12.2003 (RM Juta)	Peratus (%)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan:			
	Menteri Besar	20.00	20.50	102.5
	Kerja Kecil	20.80	11.33	54.5
	Pelbagai	90.10	96.36	107
	Bangunan Kerajaan	60.65	18.01	29.7
	Perumahan Dan Kerajaan T4an	31.37	19.33	61.6
	Kemajuan Kaw.Perusahaan	35.00	11.40	32.6
	Pelancongan	15.37	12.64	82.2
2.	Pejabat Pertanian	14.76	7.94	53.8
3.	Jabatan Haiwan	12.76	5.94	46.5
4.	Pejabat Tanah Dan Galian	2.00	1.49	74.5
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	45.05	21.51	47.6
6.	Jabatan Kerja Raya	149.50	57.85	38.7
7.	Jabatan Hutan	7.37	1.66	22.5
8.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	40.81	30.39	74.5
	Jumlah	545.54	316.35	58.0

Sumber : Unit Perancang Ekonomi Negeri Sembilan

4.3 PROJEK BEKALAN AIR

Tidak termasuk dalam jadual di atas adalah projek Jabatan Bekalan Air, Negeri Sembilan. Mengikut RMK8, anggaran bagi Projek Bekalan Air yang disediakan berjumlah RM440.28 juta manakala perbelanjaannya berjumlah RM863.90 juta. Perbelanjaan melebihi anggaran disebabkan 8 projek bekalan air bagi RMK7 telah dibawa ke RMK8. Bagi jumlah RM863.90 juta yang dibelanjakan semasa RMK8, termasuk 8 projek bernilai RM363.70 juta untuk RMK7.

4.4 PRESTASI FIZIKAL PROJEK

Mengikut Laporan Prestasi Perbelanjaan dan Kemajuan bagi Projek RMK8 setakat tahun 2003, bilangan projek yang dirancang adalah sebanyak 281 kesemuanya dan sehingga akhir tahun 2003, sebanyak 197 projek telah siap. Manakala daripada baki 84 projek sebanyak 82 sedang dilaksanakan mengikut Jadual manakala 2 projek Jabatan Perhutanan telah

dibatalkan kerana lewat diJadualkan. Butiran terperinci prestasi fizikal projek adalah seperti di **Jadual 5**.

Jadual 5
Status Pelaksanaan Projek RMK8 Setakat 31 Disember 2003

Maksud Pembangunan	IJ	DJ	LJ	BM	SS	Jumlah
P.51 Pengarah Pertanian	13	-	-	-	-	13
P.52 Jabatan Perkhidmatan Haiwan	-	-	-	-	63	63
P.53 Kemajuan Tanah (Pengarah Tanah dan Galian)	-	-	-	-	18	18
P.54 Jabatan Pengairan dan Saliran	-	-	-	-	33	33
P.55 Jabatan Kerja Raya	2	-	-	-	5	7
P.56 Pejabat Setiausaha Kerajaan (Kerja-Kerja Kecil)	2	-	-	-	-	2
P.57 Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pelbagai)	8	-	-	-	-	8
P.58 Jabatan Perhutanan Negeri	5	-	-	-	-	5
P.59 Pejabat Setiausaha Kerajaan (Bangunan-Bangunan Kerajaan)	13	-	-	-	-	13
P.60 Pejabat Setiausaha Kerajaan (Perumahan dan Kerajaan T4an)	10	-	-	-	10	20
P.61 Pejabat Setiausaha Kerajaan (Kamajuan Kawasan Perusahaan)	-	-	-	-	34	34
P.62 Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pelancongan)	-	-	2	-	24	26
P.63 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	21	-	-	-	4	25
P.72 Jabatan Bekalan Air	8	-	-	-	6	14
Jumlah Besar	82	-	2	-	197	281

IJ - Ikut Jadual, DJ - Mendahului Jadual, LJ – Lewat Jadual, BM - Belum Mula, SS – Sudah Siap

Sumber : Unit Perancangan Ekonomi Negeri Sembilan

5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Penyediaan Penyata Akaun Awam adalah baik. Butiran yang ditunjukkan dalam Penyata Akaun Awam telah dapat disahkan kerana disertakan dengan dokumen sokongan yang mencukupi. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah stabil. Ini memandangkan asetnya melebihi tanggungan. Kerajaan Negeri harus mengamalkan perbelanjaan berhemat dan berusaha meningkatkan sumber pendapatan.

BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI

6. PENDAHULUAN

Mengikut Seksyen 6 Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara dikehendaki menjalankan pengauditan pematuhan bagi menentukan sama ada kutipan hasil, perbelanjaan, pinjaman, akaun amanah dan pengurusan aset Jabatan Kerajaan diurus mengikut peraturan yang ditetapkan. Di samping itu, pengauditan ini juga bertujuan untuk menentukan semua rekod dan dokumen kewangan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

Pada tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah menggunakan 3 pendekatan pengauditan iaitu pengauditan pengurusan kewangan, program Anak Angkat dan program Pemeriksaan Audit Khas (*Audit Presence*) bagi membantu mempertingkatkan tahap akauntabiliti pengurusan kewangan Jabatan Negeri. Pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di 4 Jabatan yang dipilih, manakala 5 Jabatan telah diambil menjadi Anak Angkat Jabatan Audit Negara dan 40 Jabatan/Pejabat telah dipilih untuk Pemeriksaan Audit Khas. Meskipun pengurusan kewangan di Jabatan Negeri bertambah baik, hasil pemeriksaan Audit mendapati masih ada Jabatan yang tidak mematuhi peraturan berhubung dengan pengurusan kewangan dengan sepenuhnya. Antara ketidakpatuhan peraturan kewangan termasuk kelemahan dalam kawalan hasil dan perbelanjaan, pengurusan akaun amanah, aset dan penyelenggaraan rekod kewangan. Pegawai Pengawal yang terlibat telah dimaklumkan mengenai kelemahan pengurusan kewangannya melalui surat pemerhatian Audit dan *Exit Conference*. Aspek positif yang ditemui juga turut dimaklumkan. Hanya isu penting dilaporkan dalam **Bahagian** ini.

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI

7. LATAR BELAKANG

Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri (Pejabat) adalah bertanggungjawab mengawal selia pengurusan kewangan Jabatan Negeri bagi memastikan semua dasar dan peraturan yang ditetapkan dipatuhi dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Tanggungjawab ini meliputi mengawal selia kutipan hasil negeri, pengagihan peruntukan kepada Jabatan, mengawal bayaran dan menentukan rekod kewangan Jabatan diselenggara dengan betul dan sempurna.

Struktur Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri yang diluluskan pada bulan April 2003 adalah terbahagi kepada 2 bahagian iaitu Bahagian Pengurusan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri. Pejabat diketuai oleh Pegawai Kewangan Negeri Gred M54 dan dibantu oleh seorang Timbalan Gred M48 dan seorang Bendahari Gred W48 serta 79 kakitangan yang lain. Daripada jumlah itu, sebanyak 78 adalah berjawatan tetap dan 4 berjawatan sementara. Mengikut perjawatan yang diisi, Pejabat mempunyai 52 jawatan tetap dan 4 pegawai sementara. Kekosongan 26 jawatan tetap hingga kini masih belum diisi.

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996 menetapkan supaya setiap Jabatan menubuh Jawatankuasa Kewangan Dan Akaun masing-masing bagi membincang dan menyelesaikan hal kewangan dan akaun Jabatan. Pada tahun 2003, Jawatankuasa Kewangan Dan Akaun di Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri telah mengadakan mesyuarat 2 kali iaitu pada bulan Julai dan Oktober 2003. Perkara yang dibincangkan adalah mengenai pengurusan kewangan dan akaun di peringkat Jabatan. Dalam usaha untuk mempertingkatkan sistem perakaunan bagi Kerajaan Negeri Sembilan, Pejabat telah melaksanakan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS). Sistem ini dilaksanakan secara berperingkat mulai bulan Januari 2003.

8. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada peraturan kewangan dipatuhi dan rekod kewangan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini, serta wujudnya kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, pengurusan perbelanjaan dan amanah. Pengauditan telah dijalankan terhadap rekod dan dokumen kewangan tahun 2003. Rekod dan dokumen utama yang disemak adalah bajet, waran peruntukan, baucar bayaran, penyata pemungut, jurnal, penyata penyesuaian bank, Buku Tunai, Lejar, Sijil Bank, Sijil Saham dan perjanjian pinjaman. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang terlibat telah diadakan untuk mendapat ulasan dan penjelasan lanjut. Di samping itu, Jabatan Audit Negara juga menilai tahap pencapaian, peranan dan tanggungjawab Perbendaharaan Negeri sebagai agensi pengawal kewangan.

9. PENEMUAN AUDIT

9.1 KAWALAN BAJET

Mengikut Sistem Belanjawan Diubahsuai pencapaian sesuatu program/aktiviti Jabatan bergantung kepada bajet yang sedia ada dan juga cara dan bagaimana ianya dibelanjakan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

9.1.1 Penyediaan Bajet

Pejabat telah mengeluarkan Surat Pekeliling Pejabat Kewangan Negeri Bilangan 1 Tahun 2002 sebagai panduan dalam penyediaan cadangan bajet bagi semua Jabatan Negeri untuk tahun 2003. Mengikut Surat Pekeliling tersebut, dasar dan strategi bajet tahun 2003 mengambil pendekatan yang sama dengan Kerajaan Pusat dalam merancang perbelanjaan dan merangka tindakan pengurusan secara strategik dan berkesan bagi meransang pertumbuhan serta mengembalikan keyakinan rakyat terhadap ekonomi negara. Belanjawan berimbang atau sekurang-kurangnya mengurangkan defisit adalah pendekatan yang disarankan kepada

Pegawai Pengawal bagi menguruskan perbelanjaan Kerajaan Negeri. Dasar bajet tahun 2003 adalah untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan negeri melalui dasar fiskal yang berhemah dan kewangan yang pragmatik serta penekanan kepada program yang boleh meningkatkan hasil negeri. Bidang yang boleh meningkatkan hasil negeri merangkumi sektor pertanian, pembangunan sumber manusia, peningkatan infrastruktur, pelancongan dan pembuatan serta teknologi maklumat dan komunikasi. Jabatan juga dinasihatkan supaya mengurangkan pembaziran sumber.

9.1.2 Kelulusan Bajet

Cadangan bajet yang dikemukakan oleh Pegawai Pengawal telah dikaji oleh Pejabat Kewangan Negeri. Setelah dikaji dan berpuas hati dengan cadangan bajet yang dikemukakan, Pejabat telah membentangkannya di Dewan Undangan Negeri untuk kelulusan. Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada bulan November 2002 telah meluluskan bajet tahun 2003 yang dibentangkan itu. Mengikut bajet itu, hasil Kerajaan Negeri yang dianggarkan berjumlah RM179.22 juta manakala perbelanjaan mengurus berjumlah RM249.06 juta. Ini bermakna bajet 2003 menjangkakan defisit sejumlah RM69.84 juta. Bagi perbelanjaan pembangunan pula, bajetnya berjumlah RM123.84 juta. Kuasa untuk berbelanja dikeluarkan melalui Waran Am No. 1 Tahun 2003 yang ditandatangani oleh Menteri Besar pada bulan Oktober 2002 selaras dengan kehendak Seksyen 8 dan Seksyen 13 Akta Acara Kewangan 1957. Butiran lanjut bajet 2003 seperti di **Jadual 6**.

Jadual 6
Bajet Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2003

Perihal	Jumlah (RM Juta)
HASIL	
Hasil Cukai	92.14
Hasil Bukan Cukai	57.91
Terimaan Bukan Hasil	4.17
Terimaan Dari Wang Persekutuan	25.00
Jumlah Hasil	179.22
PERBELANJAAN MENGRURUS	
Emolumen	61.86
Perkhidmatan Dan Bekalan	41.86
Aset	4.43
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	139.80
Perbelanjaan Lain	1.11
Jumlah Perbelanjaan	249.06
Lebihan/(Kurangan) Bagi Tahun	(69.84)

Sumber : Penyata Akaun Awam Negeri Sembilan 2003

9.1.3 Waran Tambah Peruntukan

Bagi menampung kekurangan yang terdapat pada bajet asal tahun 2003, tiga waran anggaran tambahan telah diluluskan dan ditandatangani oleh Menteri Besar pada bulan April, Ogos dan November 2003. Anggaran tambahan bagi Mengurus berjumlah RM18.42 juta manakala bagi Pembangunan berjumlah RM45.79 juta. Butiran anggaran tambahan seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7
Anggaran Tambahan Tahun 2003

Perihal	Anggaran Tambahan			Jumlah (RM Juta)
	Pertama (RM Juta)	Ke2 (RM Juta)	Ketiga (RM Juta)	
Mengurus	6.86	7.56	4.00	18.42
Pembangunan	2.20	2.67	40.92	45.79
Jumlah	9.06	10.23	44.92	64.21

Sumber : Rekod Perbendaharaan Negeri

Anggaran muktamad Kerajaan Negeri bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan setelah mengambil kira anggaran tambahan adalah berjumlah RM267.63 juta dan RM166.26 juta masing-masing. Adalah didapati bajet pembangunan meningkat daripada RM115.58 juta pada tahun 2002 menjadi RM166.26 juta pada tahun 2003. Tambahan dalam bajet pembangunan ini akan digunakan untuk pembinaan sebuah stadium baru dan menaik taraf sebuah stadium yang ada sempena menyambut Sukan Malaysia 2004 (SUKMA) pada bulan Mei 2004.

Pada pendapat Audit, pengurusan bajet Kerajaan Negeri tahun 2003 dari peringkat penyediaan, pengkajian, pembentangan dan pengeluaran Waran Am untuk berbelanja adalah teratur dan mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.

9.2 KAWALAN HASIL

Hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2003 berjumlah RM233.86 juta berbanding dengan RM191.47 juta pada tahun 2002 iaitu meningkat sejumlah RM42.39 juta. Sumber hasil utama negeri terdiri dari hasil cukai berjumlah RM76.31 juta, hasil bukan cukai berjumlah RM102.07 juta dan terimaan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM34.86 juta. Berikut adalah penemuan

Audit hasil dari semakan ke atas rekod yang berkaitan.

9.2.1 Penyerahan Akaun Tunai Bulanan Oleh Pemungut Hasil

Pejabat menyelenggara satu daftar bagi merekod penerimaan Akaun Tunai Bulanan yang dikemukakan oleh 143 pemungut hasil. Berbanding dengan tahun 2002, ada tambahan 2 pemungut hasil pada tahun 2003 iaitu Jabatan Bekalan Air Seremban (Pentadbiran) dan Pejabat Tanah Seremban (Pembangunan). Bagi pemungut yang tidak mengemukakan Akaun Tunai Bulanan mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu pada 10 hari bulan, bulan yang berikutnya, surat peringatan akan dihantar kepada pemungut berkenaan. Pada keseluruhannya, penyerahan Akaun Tunai Bulanan ke Pejabat Perbendaharaan Negeri adalah memuaskan.

9.2.2 Pemprosesan Penyata Pemungut dan Pengeluaran Resit Perbendaharaan

Selaras dengan perubahan sistem SPENNS kepada sistem SPEKS, proses kerja juga turut berubah. Pada mesyuarat yang diadakan antara pihak Perbendaharaan dengan pihak bank pada bulan Jun 2002 adalah diputuskan penyata pemungut berserta dengan penyata bank akan dihantar terus ke Pejabat Perbendaharaan Negeri oleh pihak bank. Ini adalah sebagai satu langkah kawalan dalaman bagi memastikan wang yang dikutip kesemuanya dimasukkan ke dalam bank. Pihak Perbendaharaan Negeri akan menyemak kedua rekod ini dan selepas berpuas hati bahawa wang yang dikutip telah sebenarnya dibankkan, Perbendaharaan Negeri akan mengeluarkan resit baginya. Semakan Audit ke atas penyata pemungut yang dipilih secara persampelan mendapati resit dikeluarkan pada hari yang sama atau selewat-lewatnya pada hari yang berikutnya.

9.2.3 Pengesahan Laporan Hasil Bulanan dan Penyata Penyesuaian Hasil

Pejabat merekodkan tarikh dan bulan bagi semua penyata hasil bulanan yang telah disahkan/disesuaikan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) dengan baki di rekod jabatan. Penyesuaian ini adalah satu unsur kawalan dalaman yang penting bagi memastikan urusan niaga yang dicatatkan di rekod PTJ bersamaan/bersesuaian dengan di rekod Perbendaharaan Negeri. Pada tahun 2003, Penyata Penyesuaian Hasil bagi semua Jabatan telah dikemukakan seperti yang ditetapkan.

9.2.4 Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Terimaan)

Mengikut Arahan Perbendaharaan 146, satu Penyata Penyesuaian Bank hendaklah disediakan dan ditandatangani oleh Bendahari Negeri. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dalam tempoh 2 minggu selepas akhir setiap bulan. Sungguhpun demikian, pihak Perbendaharaan Negeri telah mengambil masa antara 38 hari hingga 230 hari untuk mengemukakan penyata tersebut. Penyata Penyesuaian Bank bagi bulan Disember 2003 dikemukakan untuk diaudit pada bulan Jun 2004. Adalah dimaklumkan kelewatan ini disebabkan Perbendaharaan Negeri menghadapi beberapa masalah teknikal berikutan dari perubahan sistem perakaunan kepada sistem SPEKS, di mana penyata penyesuaian terpaksa dibuat secara manual dan ini telah mengambil masa yang panjang.

Pemeriksaan Audit terhadap Penyata Penyesuaian Bank Terimaan pada 31 Disember 2003 mendapati wang yang dikreditkan oleh bank tetapi tidak terdapat dalam Buku Tunai berjumlah RM341.17 juta disebabkan masalah teknikal di mana nombor rujukan penyata pemungut Perbendaharaan Negeri tidak dapat dipadankan dengan nombor rujukan penyata pemungut yang direkodkan oleh bank. Pejabat telah dinasihatkan supaya mengambil tindakan menyesuaikan perbezaan yang wujud.

9.2.5 Rekod Hasil Lain

i) Daftar Cek Tidak Laku

Mengikut peraturan kewangan, satu Daftar Cek Tidak Laku hendaklah diselenggara bagi merekod semua cek tidak laku yang diterima. Susulan sewajarnya hendaklah diambil bagi mendapatkan cek ganti. Semakan Audit mendapati Pejabat ada menyelenggara Daftar Cek Tidak Laku. Mengikut daftar, pada akhir tahun 2003, sejumlah 13 jabatan mempunyai 182 cek tidak laku bernilai RM0.24 juta yang belum diganti. Jabatan yang menerima cek tidak laku terbesar ialah Jabatan Bekalan Air Negeri dengan 83 cek bernilai RM0.13 juta dan diikuti oleh Pejabat Tanah Dan Daerah Seremban dengan 50 cek tidak laku bernilai RM0.09 juta.

ii) Simpanan Buku Resit

Mengikut Arahan Perbendaharaan 68, semua stok resit yang tidak digunakan hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan berkunci. Adalah didapati sejumlah 98 buku resit Kew. 38 disimpan selamat dalam peti besi. Penerimaan buku resit daripada Jabatan Percetakan Negara dan pengeluarannya serta pengagihannya ke pusat tanggungjawab direkodkan dengan sempurna.

iii) Semakan Resit

Arahan Perbendaharaan 80 (c) menghendaki semua resit yang dikeluarkan daripada stok disemak sekurang-kurangnya setiap minggu bagi memastikan ianya masih utuh. Pihak Audit mendapati semakan tersebut ada dilakukan.

9.2.6 Tunggakan Hasil

Adalah didapati Pejabat sentiasa memantau kedudukan tunggakan hasil yang belum dijelaskan seperti cukai tanah, bayaran air, ansuran rumah awam kos rendah dan sebagainya. Pejabat

mendapatkan maklumat tunggakan hasil daripada setiap Jabatan dan menyatukannya untuk tujuan melaporkannya di Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Dan Akaun pada setiap bulan. Tunggakan hasil bagi tahun 2003 berjumlah RM60.36 juta berbanding RM53.61 juta bagi tahun 2002. Peningkatan tunggakan sejumlah RM6.75 juta pada tahun 2003 disebabkan oleh peningkatan tunggakan cukai tanah dan jualan air. Daripada jumlah yang tertunggak, sejumlah RM1.85 juta iaitu tunggakan hasil ansuran Perumahan Awam Kos Rendah dan tunggakan hasil bayaran bil setempat cukai tanah telah diluluskan untuk dihapuskira. Pecahannya mengikut Jabatan/Agensi seperti **Jadual 8**.

Jadual 8
Jumlah Tunggakan Hasil Yang
Telah Dihapuskira Pada Tahun 2003

Jabatan/Agensi	Tunggakan Hasil (RM Juta)
Unit Perumahan- Seremban	0.46
Unit Perumahan Jelebu	0.07
Unit Perumahan- Port Dickson	0.01
Pejabat Tanah Tampin	1.23
Pejabat Tanah Jelebu	0.08
Jumlah	1.85

Sumber : Rekod Perbendaharaan Negeri

9.2.7 Kehilangan Wang Awam

Mengikut Arahan Perbendaharaan 316 dan 317, semua bentuk kehilangan termasuk kehilangan wang awam, setem, barang awam dan harta lain yang berharga disebabkan oleh kecurian atau kecuaiannya pegawai perlu dilaporkan dengan segera tidak lewat dari 2 hari bekerja sekiranya mempercayai suatu jenayah telah dilakukan. Sepanjang tahun 2003, lima jabatan/agensi Kerajaan Negeri

Sembilan telah melaporkan kehilangan wang berjumlah RM581,456. Butirannya seperti di **Jadual 9**.

Jadual 9
Kehilangan Wang Awam Pada Tahun 2003

Bil.	Jabatan/ Agensi	Amaun (RM)	Catatan
1.	Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban	478,511	Bayaran pampasan tanah
2.	Jabatan Bekalan Air Port Dickson	51,281	Kutipan hasil air
3.	Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin	15,385	Kutipan hasil lesen rumah awam, peniaga borong dan kedai runcit
4.	Majlis Daerah Tampin	12,720	Pungutan t4 letak kereta
5.	Majlis Daerah Tampin	23,559	Pungutan hasil lesen
Jumlah		581,456	

Sumber: *Pejabat Kewangan Negeri*

Mengikut laporan awal yang disediakan, kehilangan berlaku disebabkan tidak ada pembahagian tugas di kalangan kakitangan yang ditugaskan memungut hasil, rekod yang diselenggara tidak disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab dan sikap tidak jujur pegawai yang diberi amanah menjalankan tugas sebagai pemungut. Daripada sejumlah RM581,456 yang diseleweng, sejumlah RM51,664 telah didapatkan kembali melalui bayaran balik yang dibuat oleh pegawai yang bertanggungjawab di atas kehilangan tersebut. Kehilangan di Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban dan Jabatan Bekalan Air Port Dickson telah dibuat Laporan Polis. Mengenai 3 kes lain yang berlaku di Majlis Daerah Tampin dan Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin, memandangkan wang yang diseleweng berjumlah RM51,664 telah didapatkan kembali, tindakan disiplin sedang diambil oleh Pejabat ke atas pegawai yang berkenaan.

Pada pendapat Audit, kawalan dalaman di semua jabatan/agensi pemungut hasil perlu dipertingkatkan. Pejabat hendaklah memastikan Ketua Jabatan melaksanakan pembahagian tugas di kalangan pemungutnya dan semakan harian dijalankan bagi memastikan wang yang dipungut kesemuanya dimasukkan ke dalam bank.

Pada keseluruhannya, kawalan hasil adalah memuaskan. Sehubungan hasil yang tertunggak, Jabatan perlu melaksanakan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas agar ianya dapat dikutip dengan segera.

9.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Pada tahun 2003, sejumlah RM229.23 juta telah dibelanjakan untuk perbelanjaan mengurus dan sejumlah RM130.01 juta untuk perbelanjaan pembangunan.

9.3.1 Kawalan Perbelanjaan Mengurus

Pada tahun 2003, perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Sembilan berjumlah RM229.23 juta berbanding dengan RM240.89 juta pada tahun 2002. Perbelanjaan ini merupakan 85.7 % daripada peruntukan yang diluluskan berjumlah RM267.63 juta. Semakan Audit ke atas kawalan perbelanjaan mengurus mendapati perkara berikut:

- i)** Sebanyak 10 butiran perbelanjaan yang diluluskan anggaran berjumlah RM109,200 tetapi tiada perbelanjaan dibuat;
- ii)** Sembilan butiran perbelanjaan berjumlah RM2.71 juta melebihi anggaran yang dibenarkan berjumlah RM2.55 juta; dan
- iii)** Sebanyak 38 butiran perbelanjaan berjumlah RM22.81 dibuat kurang 50% daripada peruntukan yang dibenarkan berjumlah RM53.01.

9.3.2 Kawalan Perbelanjaan Pembangunan

Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Negeri pada tahun 2003 berjumlah RM130.01 juta berbanding RM106.22 juta pada tahun 2002. Perbelanjaan Ini terdiri daripada perbelanjaan langsung berjumlah RM101.07 juta dan pinjaman diberi berjumlah RM28.93 juta. Peningkatan perbelanjaan disebabkan oleh pembinaan stadium yang baru dan naik taraf stadium yang ada sempena Sukan Malaysia 2004 (SUKMA). Perbelanjaan yang dilakukan adalah kurang daripada bajet muktamad berjumlah RM166.27 juta. Semakan Audit terhadap kawalan perbelanjaan pembangunan mendapati perkara berikut:

- i) Adalah didapati 9 butiran perbelanjaan tidak dibelanjakan langsung berbanding anggaran yang diluluskan berjumlah RM2 juta; dan
- iii) Sebanyak 12 butiran perbelanjaan berjumlah RM0.23 juta dibelanjakan kurang 50% daripada anggaran yang diluluskan berjumlah RM5.69 juta.

9.3.3 Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Bayaran)

Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Bayaran) pada 31 Disember 2003 menunjukkan Buku Tunai berbaki RM7.83 juta manakala baki di Penyata Bank berjumlah RM52.29 juta. Perbezaan antara baki di Buku Tunai dengan baki di Penyata Bank berjumlah RM44.46 juta. Perbezaan ini adalah disebabkan ada urusan niaga direkodkan di Buku Tunai tetapi tidak ada di Penyata Bank dan begitu juga sebaliknya. Semakan selanjutnya mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

- i) Debit dalam Buku Tunai tetapi tidak terdapat di dalam bank berjumlah RM95.97 juta adalah merupakan baki debit dalam Buku Tunai sistem SPENNS ke sistem SPEKS. Transaksi ini tidak dapat disahkan kerana tiada dokumen sokongan;
- ii) Dalam senarai cek belum ditunaikan terdapat baki kredit dalam Buku Tunai sistem SPENNS dipindah ke sistem SPEKS berjumlah RM116.49 juta. Transaksi ini tidak dapat disahkan

kerana tiada dokumen sokongan; dan

- iii) Bagi tahun 2003 terdapat cek luput berjumlah RM2.21 juta yang belum dilaraskan ke Akaun Penyelesaian Cek Terbatal.

9.3.4 Pengesahan Laporan Perbelanjaan Bulanan

Pejabat merekodkan semua penyata perbelanjaan bulanan dikemukakan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi tujuan mengesahkan baki di penyata tersebut dengan baki di rekod PTJ. Penyesuaian ini adalah satu unsur kawalan dalaman yang penting bagi memastikan urusan niaga yang dicatatkan di rekod PTJ bersamaan/bersesuaian dengan rekod Perbendaharaan Negeri. Bagi PTJ yang lewat mengemukakan penyata penyesuaian, Pejabat akan menghantar surat peringatan. Mengikut rekod Pejabat, sehingga bulan Jun 2004, ada 4 Jabatan atau PTJ yang tidak mengemukakan penyata penyesuaian. Kedudukannya seperti di **Jadual 10**.

Jadual 10
Jabatan Yang Lewat Mengemukakan Penyata
Penyesuaian Perbelanjaan

Bil	Nama Pejabat / Jabatan	Penyata Penyesuaian Tidak Dikemukakan (Bulan)
1.	Jabatan Kerja Raya (Ibu Pejabat)	April- Disember 2003
2.	Jabatan Kerja Raya (Seremban)	Jun – Disember 2003
3.	Jabatan Kerja Raya Jempol	Mei – Disember 2003
4.	Pejabat Hutan	Januari – Disember 2003

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri

9.3.5 Kawalan Cek Terbatal

Mengikut Arahan Perbendaharaan 118, cek yang tidak ditunaikan hendaklah dibatalkan selepas tamat tempoh sah laku iaitu selepas 90 hari dan dikreditkan ke Akaun Cek Terbatal. Mengikut penyata penyesuaian bank bagi bulan Jun 2003 yang terakhir dikeluarkan

oleh Sistem SPENNS, sebanyak 488 cek bernilai RM1.62 juta bagi tahun 2002 adalah cek yang tidak ditunaikan dan terbatal. Daripada jumlah itu, sebanyak 313 cek berjumlah RM0.76 juta telah dikreditkan ke Akaun Cek Terbatal dan tempoh yang diambil untuk mengkreditkannya antara 1 hingga 3 bulan. Baki 175 cek bernilai RM0.86 juta belum dikreditkan ke Akaun Cek Terbatal. Selain itu, Arahan Perbendaharaan 118 menetapkan supaya cek terbatal yang tidak dituntut selepas 6 tahun dari tarikh cek dikeluarkan hendaklah dikreditkan ke Hasil Pelbagai. Pemeriksaan Audit mendapati 634 cek bagi tahun 1997 berjumlah RM0.64 juta hingga kini belum dikreditkan ke Hasil Pelbagai.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya kawalan perbelanjaan Pejabat Perbendaharaan Negeri adalah memuaskan kerana tiada kelemahan yang ketara.

9.4 PENGURUSAN PINJAMAN

Kerajaan Negeri membiayai projek pembangunan melalui pinjaman yang diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan. Pinjaman ini juga disalurkan kepada agensi negeri bagi tujuan yang sama. Semua pinjaman yang diterima diakaunkan ke dalam Akaun Pinjaman Yang Disatukan. Semakan Audit ke atas rekod pinjaman mendapati perkara berikut:

9.4.1 Pinjaman Daripada Kerajaan Persekutuan

Jumlah pinjaman Kerajaan Negeri telah meningkat daripada RM1.22 bilion pada akhir tahun 2002 menjadi RM1.29 bilion pada akhir tahun 2003. Peningkatan ini disebabkan pinjaman berjumlah RM93.71 juta telah diperolehi pada tahun 2003 dan juga faedah dipermodalkan berjumlah RM0.48 juta pada tahun yang sama. Semua pinjaman yang diambil pada tahun 2003 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Semakan terhadap rekod pinjaman pada tahun 2003 mendapati baki pinjaman seperti di rekod Bendahari Negeri telah disesuaikan dengan rekod Perbendaharaan

Malaysia selaku pihak pemberi pinjaman.

9.4.2 Pinjaman Kerajaan Negeri Kepada Agensi

Pada tahun 2003, Kerajaan Negeri telah memberi pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri dan Yayasan Negeri Sembilan yang masing-masing berjumlah RM9 juta dan RM4.9 juta. Baki pinjaman yang belum diselesaikan oleh beberapa agensi ini pada akhir tahun 2003 berjumlah RM108.53 juta. Sepanjang tahun 2003, agensi telah membayar balik ansuran pinjaman berjumlah RM1.88 juta berbanding RM43.23 juta yang sepatutnya dibayar.

Pada pendapat Audit, pengurusan rekod pinjaman adalah memuaskan.

9.5 PENGURUSAN PELABURAN

Pelaburan Kerajaan Negeri terdiri daripada simpanan tetap di pelbagai institusi kewangan tempatan dan juga dalam bentuk saham dan syer. Pada akhir tahun 2003 pelaburan Kerajaan Negeri dalam simpanan tetap berjumlah RM112.10 juta manakala dalam bentuk saham dan syer di 24 syarikat bernilai RM52.46 juta. Pelaburan dalam simpanan tetap diuruskan oleh Perbendaharaan Negeri manakala pelaburan dalam saham dan syer diuruskan oleh Pejabat Kewangan Negeri. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

9.5.1 Simpanan Tetap

Daftar simpanan tetap telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Semua sijil saham telah disimpan dengan selamat.

9.5.2 Saham Dan Syer

Rekod pelaburan saham dan syer adalah tidak lengkap. Butiran seperti peratusan pegangan dan modal berbayar syarikat tidak dicatatkan. Maklumat mengenai dividen, terbitan hak dan bonus juga tidak dicatatkan. Pihak Audit telah menyarankan agar rekod pelaburan dikemaskinikan. Selain itu, tiada bukti bahawa semakan

dibuat terhadap Penyata Kewangan Syarikat berkenaan bagi memastikan semua dividen, bonus dan terbitan hak diterima oleh Pejabat.

Oleh kerana Unit Pelaburan telah ditubuh pada tahun 2002, pada pendapat Audit, Unit ini hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap urusan pelaburan. Antara tugas Unit adalah memastikan rekod pelaburan diselenggara lengkap dan kemas kini.

9.6 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN KUMPULAN WANG AMANAH

Kumpulan Wang Amanah ditubuhkan di bawah Seksyen 10 (1) Akta Acara Kewangan 1957 manakala Akaun Amanah ditubuhkan di bawah Seksyen 9 (3) Akta yang sama. Semakan Audit ke atas Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah/Akaun Deposit yang diselenggara oleh Pejabat mendapati perkara berikut:

9.6.1 Jenis Amanah

Pada tahun 2003, Pejabat mempunyai 59 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, sembilan Akaun Amanah Awam dan 52 Akaun Deposit. Kedudukannya pada akhir tahun 2003 adalah seperti di **Jadual 11**.

Jadual 11
Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Akaun Amanah Awam Dan Akaun Deposit Pada Tahun 2003

Bil.	Jenis Amanah	Bilangan Akaun	Baki Pada 31.12.2003 (RM Juta)
1.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	59	39.69
2.	Akaun Amanah Awam	9	63.09
3.	Deposit	52	55.21

Sumber : Rekod Perbendaharaan Negerii

9.6.2 Penyata Penyesuaian Amanah

Arahan Perbendaharaan 143 menghendaki pengesahan dibuat oleh Pegawai Pengawal terhadap laporan bulanan yang dikemukakan oleh Perbendaharaan Negeri. Sebarang perbezaan dengan rekod Jabatan hendaklah disiasat dan penyata penyesuaian bulanan disediakan mengenainya. Sungguhpun demikian, ada kes di mana Pusat Tanggungjawab (PTJ) lewat/tidak mengemukakan penyata penyesuaian bulanan. Pada akhir bulan Mac 2004, sebanyak 17 PTJ tidak mengemukakan penyata penyesuaian bulanan bagi akaun deposit dan 5 PTJ bagi akaun amanah untuk sepanjang tahun 2003. Pejabat hendaklah memastikan semua PTJ mengemukakan penyata penyesuaian amanah bulanan tidak lewat dari 14 hari selepas laporan bulanan diterima.

9.6.3 Pendahuluan Diri dan Pendahuluan Pelbagai

Pada tahun 2003, ada 5 pendahuluan diri dan 10 pendahuluan pelbagai diluluskan. Kesemua 5 pendahuluan diri tersebut berjumlah RM20,597 telah diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan. Daripada 10 pendahuluan pelbagai berjumlah RM185,660, dua daripadanya berjumlah RM71,420 tidak dapat diselesaikan dalam tempoh satu hingga 2 bulan seperti yang disyaratkan. Semakan Audit mendapati bagi pendahuluan yang lewat dijelaskan, tiada tindakan segera diambil bagi mendapatkannya daripada potongan gaji kakitangan. Selain itu, ada 3 kes pendahuluan pelbagai berjumlah RM10,125 telah terpendam sejak tahun 1999. Pejabat telah dinasihatkan supaya menyiasat kes pendahuluan pelbagai yang terpendam itu.

9.6.4 Deposit

Pada akhir tahun 2003, Kerajaan Negeri memegang 18 jenis deposit berjumlah RM55.21 juta yang diselenggara oleh 22 Pegawai Pengawal melibatkan 52 Akaun Deposit. Ini termasuk Deposit Am, Depositi Sewa Rumah Kos Rendah, Deposit Cagaran Bekalan Air,

Deposti Wang Jaminan Pelaksanaan dan Deposit Kontrak/Tawaran. Semakan Audit mendapati daripada 52 akaun deposit itu, hanya 8 yang dapat mengemukakan senarai baki deposit seperti pada 31 Disember 2003, yang lain tidak dapat mengemukakannya. Pejabat telah dinasihatkan supaya menyusul perkara ini dengan pemegang deposit yang berkenaan.

Pada pendapat Audit, pengurusan akaun amanah serta Kumpulan wang amanah perlu dipertingkatkan lagi.

10. PELAKSANAAN SISTEM PERAKAUNAN STANDARD KERAJAAN NEGERI (SPEKS)

10.1 LATAR BELAKANG

Semua Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan telah bersetuju pada dasarnya untuk melaksanakan satu sistem perakaunan yang bersepadu yang dapat dihubungkan secara *on-line*. Persetujuan yang dicapai adalah selaras dengan hasrat dan aspirasi Kerajaan Persekutuan yang mahu menyaksikan Kerajaan Elektronik terlaksana di peringkat Negeri. Ke arah ini, beberapa Jawatankuasa Teknologi Maklumat telah ditubuh untuk meninjau dan mengkaji kesesuaian pelaksanaan satu sistem yang bersepadu di setiap negeri di mana pengumpulan maklumat kewangan dapat dibuat secara terus melalui sistem *on-line*. Setelah mendapat dan mengkaji pandangan daripada semua pihak yang terlibat, Mesyuarat Majlis Kewangan Negara yang bersidang pada tahun 2001 telah bersetuju supaya semua negeri melaksanakan satu sistem pengkomputeran yang bersepadu dikenali sebagai Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS). Sehubungan dengan ini, Perbendaharaan Malaysia telah memutuskan supaya konsortium yang dilantik membangunkan sistem SPEKS di semua negeri.

SPEKS merupakan satu rangkaian sistem berkomputer yang akan menyambungkan sistem di Pejabat Perbendaharaan Negeri, Pusat Tanggungjawab dan agensi lain seperti bank. Ianya merupakan satu

sistem perakaunan yang bersepadu yang akan mengambil kira kemudahan dan kemajuan teknologi berkomputer terkini dan berhubungkait secara *on-line*. Pembangunan SPEKS mengambil kira ciri-ciri aplikasi Kerajaan Elektronik dan terdiri daripada Sistem Pengurusan Kewangan dan Belanjawan (e-SPKB), *Project Monitoring Sistem (PMS)*, e-Perolehan dan *Human Resource Management and Investment Sistem (HRMIS)*.

10.2 OBJEKTIF SPEKS

SPEKS selain daripada dapat memperkemaskan sistem perakaunan Kerajaan Negeri juga mempunyai objektif seperti berikut :

- Melicin dan mempertingkatkan produktiviti dan kecekapan pengurusan kewangan negeri agar dapat mengatasi kelemahan pengurusan kewangan dan perakaunan.
- Penyediaan Penyata Kewangan yang sempurna dan bertepatan pada masanya.
- Mengadakan Pusat Sumber Maklumat Kewangan supaya apa jua maklumat kewangan yang diperlukan dapat diperolehi dengan mudah.
- Menyediakan Kerajaan Negeri ke era Kerajaan Elektronik.

Dengan terlaksananya sistem SPEKS, diharap akan melahirkan Pegawai Pengawal yang lebih bertanggungjawab dalam hal kewangan dan perakaunan kerana Pusat Tanggungjawab (PTJ) akan menyelenggara sepenuhnya urusan kewangan mereka. PTJ boleh melihat sendiri kedudukan kewangan mereka dengan menggunakan komputer secara *on-line* yang dihubungkan dengan pangkalan data di Pejabat Perbendaharaan Negeri.

10.3 PELAKSANAAN SPEKS

Sistem SPEKS akan dilaksanakan secara berperingkat di mana pelaksanaan fasa pertama melibatkan Negeri Kedah dan Perlis manakala bagi fasa kedua melibatkan Negeri Sembilan, Johor dan Melaka.

Pelaksanaan dan pembangunan sistem ini dipertanggungjawabkan kepada 3 jawatankuasa yang ditubuh khusus untuk tujuan ini.

10.3.1 Penubuhan Jawatankuasa

Jawatankuasa yang ditubuh terdiri daripada Jawatankuasa Pemandu, Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pelaksanaan.

i) Jawatankuasa Pemandu

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Akauntan Negara Malaysia dan mempunyai 9 orang ahli yang terdiri daripada pegawai Pejabat Kewangan Negeri, Perbendaharaan Malaysia, MAMPU dan Jabatan Audit Negara. Tugas jawatankuasa antaranya adalah untuk melapor dan menasihati Jawatankuasa Teknikal, mengawasi dan melulus prosedur dan dasar yang sedia ada ke arah pelaksanaan keseluruhan projek.

ii) Jawatankuasa Teknikal

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Timbalan Akauntan Negara Malaysia dan mempunyai 9 orang ahli yang terdiri daripada pegawai Pejabat Kewangan Negeri, Perbendaharaan, MAMPU dan Jabatan Audit Negara. Tugas utama jawatankuasa ini adalah untuk memantau pelaksanaan SPEKS di peringkat negeri. Jawatankuasa Teknikal merupakan pasukan petugas yang bertanggungjawab terhadap peralatan/rangkaian, pembangunan perakaunan dan aplikasi SPEKS.

iii) Jawatankuasa Pelaksanaan

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan mempunyai 7 orang ahli antaranya terdiri daripada pegawai Pejabat Akauntan Negara Negeri, Jabatan Audit Negeri, Bendahari Negeri, Wakil Teknikal Negeri dan

wakil pemaju sistem. Jawatankuasa ini bertanggungjawab merancang dan mengawasi pelaksanaan SPEKS di peringkat negeri, menyediakan keperluan sumber manusia, mengenal pasti prosedur, peraturan dan undang-undang sedia ada untuk dibuat pindaan atau sebaliknya dan membantu dalam menyelesaikan sebarang masalah yang timbul dalam pelaksanaan SPEKS.

10.3.2 Jadual Pelaksanaan

Mengikut perancangan, pelaksanaan projek SPEKS di Negeri Sembilan akan bermula pada bulan Oktober 2002 dan akan berakhir pada bulan Jun 2004. Kesemua 9 modul akan dibangunkan dalam tempoh tersebut. Modul yang akan dilaksanakan secara berperingkat seperti di **Jadual 12**.

Jadual 12

Pelaksanaan Keseluruhan SPEKS

Bil.	Modul	Tempoh Pelaksanaan
1.	Lejar Am	Oktober 2002 - Mac 2003
2.	Buku Vot	Februari 2003 - Jun 2003
3.	Belanjawan	Jun 2003 - Disember 2003
4.	Pengurusan Dokumen	April 2003 - September 2003
5.	Gaji	Jun 2003 - Disember 2003
6.	Pengurusan Kewangan PTJ	Oktober 2003 - Mac 2004
7.	Pinjaman/Pelaburan	Januari 2004 - Mei 2004
8.	Aset	Februari 2004 - Julai 2004
9.	Maklumat Pengurusan Kewangan	Februari 2004 - Julai 2004

Sumber: *Rekod Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri*

Semasa mesyuarat Ketua Jabatan yang diadakan di Pejabat Kewangan Negeri pada bulan Oktober 2002, Pengerusi

Jawatankuasa Pelaksanaan Projek hanya menyentuh mengenai 7 modul yang akan dilaksanakan mengikut fasa. Fasa 1 akan dilaksanakan pada bulan Januari 2003 meliputi 4 modul iaitu modul Lejar Am, Buku Vot, Belanjawan dan Sistem Pengurusan Kewangan manakala Fasa 2 yang akan dilaksanakan pada bulan Mei 2003 merangkumi 3 modul iaitu modul Gaji, Lejar Kecil dan Pinjaman. Tarikh pelaksanaan modul Aset, Pengurusan Dokumen dan Pengurusan Kewangan PTJ tidak pula disentuh.

10.3.3 Pembiayaan Projek SPEKS

Mengikut minit Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan SPEKS yang diadakan pada bulan September 2002, Jabatan Akauntan Negara Malaysia bertanggungjawab menyediakan perkakasan dan membiayai kos penyelenggaraannya bagi tahun pertama. Semua kos selepas tamat tempoh jaminan pelaksanaan sistem akan ditanggung oleh Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri. Kos keseluruhan bagi keperluan perkakasan dianggarkan berjumlah RM5.9 juta.

10.3.4 Pembangunan SPEKS

Pada peringkat permulaan pelaksanaan SPEKS, Pejabat Setiausaha Kerajaan melalui Unit Pengurusan Teknologi Maklumat telah menguruskan penyambungan rangkaian NSNET di semua Jabatan di Wisma Negeri dan semua Pejabat Daerah dan Tanah kecuali Pejabat Daerah Dan Tanah Nilai. Bagi Fasa Ke2, rangkaian NSNET akan disambungkan ke semua pejabat di Daerah Seremban dan Kuala Pilah. Adalah dianggarkan kos bagi melaksanakan keseluruhan rangkaian ke semua PTJ di semua daerah berjumlah RM1 juta. Kosnya ditanggung oleh Jabatan Akauntan Negara.

10.3.5 Pencapaian SPEKS

Ada sedikit kelewatan dalam pelaksanaan SPEKS bagi Kerajaan Negeri Sembilan. Modul Lejar Am dimulakan pada bulan Januari

2003 dan diikuti oleh Modul Gaji dan Buku Vot pada bulan November 2003. Pelaksanaan Modul Lejar Am adalah di peringkat Bendahari Negeri sahaja manakala Modul Buku Vot dan Gaji telah dilaksanakan di kedua PTJ iaitu di Pejabat Kewangan Negeri dan Pejabat Perancang Bandar Dan Desa mulai bulan November 2003. Bagi PTJ yang lain, Modul Gaji dan Buku Vot dilaksanakan mulai bulan Januari 2004 dan ini diikuti dengan Modul Belanjawan yang juga dilaksanakan pada bulan yang sama. Dalam pembangunan dan pelaksanaan sesuatu sistem aspek kawalan dalaman perlu diberi penekanan yang sewajarnya. Aspek kawalan dalaman antaranya termasuk kawalan pengurusan dan organisasi, kawalan perubahan kepada sistem, kawalan operasi, kawalan fizikal dan persekitaran dan kawalan akses. Semakan Audit terhadap aspek kawalan dalaman SPEKS mendapati perkara berikut:

i) Kawalan Pengurusan Dan Organisasi

Di Perbendaharaan Negeri, ada 3 unit iaitu Unit Operasi, Perakaunan dan Unit ICT/EDP. Di Unit ICT/EDP, ada 2 orang wakil dari konsortium yang dilantik dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pelaksanaan sistem SPEKS di Pejabat Perbendaharaan Negeri. Antara tugas wakil ini adalah mengendalikan masalah operasi berkaitan dengan pelaksanaan SPEKS dan memantau kerja *housekeeping* terhadap pangkalan data. Selain itu, wakil ini juga terlibat dalam memberi latihan secara berterusan kepada kakitangan di Perbendaharaan Negeri dan di PTJ yang menggunakan SPEKS.

Bagi membolehkan sistem SPEKS dapat dilaksanakan dengan teratur dan lancar, panduan pengguna telah disediakan dan didokumentasikan. Sehingga kini, beberapa panduan telah dikeluarkan antaranya Panduan Pengguna Sistem Gaji, Sistem Vot, Sistem Bajet dan Lejar Am. Latihan secara

praktikal juga diberi kepada kakitangan yang terlibat dalam urusan pengendalian SPEKS.

Bagi memperketatkan sistem kawalan dalaman di Bahagian ICT, seorang pegawai tidak dibenarkan membuat semua kerja berkaitan proses data seperti menjalankan tugas input, edit dan penyemakan laporan yang dikeluarkan. Tugas ini adalah diasingkan dan dinyatakan dengan jelas di senarai tugas kakitangan.

ii) Kawalan Perubahan Kepada Sistem

Masalah teknikal yang dihadapi oleh pengguna SPEKS di peringkat Perbendaharaan Negeri, Jabatan dan Pusat Tanggungjawab akan dilaporkan oleh Ketua Unit ICT kepada pasukan *Helpdesk* SPEKS, Jabatan Akauntan Negara di Kuala Lumpur. Berhubung dengan masalah yang memerlukan perubahan kepada format dalam sistem, ianya akan dirujuk kepada Jawatankuasa Pembangunan yang juga berpangkalan di Kuala Lumpur untuk membantu mengkaji dan di mana perlu, membuat beberapa perubahan terhadapnya. Format yang diubah sebelum digunakan akan diuji terlebih dahulu oleh pihak Bendahari Negeri. Semakan Audit mendapati setiap perubahan kepada format telah diuji, diluluskan sewajarnya dan didokumentasikan.

iii) Kawalan Operasi

Kawalan operasi adalah antara kawalan yang terpenting dalam memastikan sistem dan perkakasan pengkomputeran berfungsi seperti yang diharapkan. Selain daripada menjamin keutuhan sistem dan perkakasan, pemantauan juga perlu dibuat ke atas beberapa aspek lain seperti masa tindak balas (*response time*), Jadual kerja, prosedur *backup*, penyelenggaraan perkakasan, keutuhan aplikasi, rangkaian dengan aplikasi lain (*networking*) dan sebagainya. Adalah

diperhatikan Pejabat dengan bantuan pasukan *Helpdesk* telah menetapkan satu polisi yang khusus terhadap kawalan operasian ini. Semakan Audit juga mendapati Pejabat mempunyai satu prosedur *backup* dan pengurusan media yang lengkap dan teratur. Sebagai bukti bahawa kawalan berterusan dibuat ke atas operasian sistem dan perkakasan, pihak Audit telah mencadangkan supaya Pejabat menyediakan laporan bulanan mengenai hasil pemantauan yang dijalankan ke atas keupayaan *server* bagi tujuan naik taraf sistem yang ada.

iv) Kawalan Fizikal Dan Persekitaran

Kawalan fizikal dan persekitaran adalah penting bagi memastikan bukan sahaja perkakasan dan perisian komputer sentiasa selamat dan tidak disalahgunakan tetapi juga untuk memastikan data yang diproses sentiasa utuh. Pejabat telah mengambil beberapa kawalan tertentu seperti melarang pihak yang tidak bertanggungjawab berada di persekitaran Unit ICT/EDP. Daripada segi keselamatan kebakaran pula, beberapa alat pemadam api telah ditempatkan di lokasi yang strategik supaya mudah digunakan dalam keadaan kecemasan. Pihak Audit juga telah mencadangkan supaya selain daripada alat pemadam api, gas helon juga digunakan. Juga adalah didapati 2 unit alat penghawa dingin telah dipasang di Unit ICT/EDP yang mana akan beroperasi apabila alat penghawa dingin berpusat tidak berfungsi.

Sebagai kawalan tambahan, pihak Audit telah mencadangkan supaya Pejabat menggunakan kad pintar bagi tujuan keluar masuk Unit ICT/EDP, memasang kamera litar keselamatan dan memastikan bilik *server* sentiasa berkunci dan bersih. Selain itu, adalah juga dicadangkan supaya Pejabat menyediakan pelan kecemasan dan latihan dalam keadaan berlakunya kebakaran, banjir dan pencerobohan.

v) Kawalan Akses

Kawalan ini penting untuk memastikan program dan data tidak dicerobohi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Di bawah sistem SPEKS, kawalan akses telah diwujudkan di semua peringkat prosesan sama ada di peringkat Ibu Pejabat (Bendahari Negeri), Jabatan mahupun di PTJ. Kebenaran akses kepada skrin dipertanggungjawabkan kepada pegawai tertentu mengikut tugas dan fungsi pegawai yang berkenaan. Akses kepada input dan edit pula diasingkan dan dipertanggungjawabkan kepada pegawai yang lain. Bagi akses kepada sistem, ianya hanya dibenarkan kepada pegawai yang diberi kata laluan. Sehubungan dengan kata laluan, semakan Audit mendapati panjang minima kata laluan yang dibenarkan oleh sistem ialah 3 digit. Memandangkan kata laluan adalah merupakan proses pegesahan bagi memastikan kesahihan pengguna, pengwujudannya hendaklah mengikut ciri tertentu seperti dalam Garis Panduan Pengurusan Keselamatan ICT Sektor Awam Malaysia (MyMIS) di mana digit minima kata laluan ialah 8 digit, menggunakan kombinasi abjad dan nombor, dienkrip dan tidak dikongsi dan ditukar sekurang-kurangnya sekali sebulan. Ini adalah untuk mengelakkan kata laluan dicerobohi dengan mudah. Oleh kerana Sistem SPEKS di Negeri Sembilan masih membenarkan 3 digit untuk kata laluan, pihak yang berkenaan telah dinasihatkan mengubahkannya seperti mana yang kehendak MyMis.

vi) Kawalan Perancangan Operasi Yang Berterusan

Dalam usaha untuk memastikan sistem yang wujud berjalan lancar dan tidak terganggu disebabkan pegawai bertukar, berhenti, data hilang dan sebagainya, Pejabat telah menyediakan satu pelan tindakan luar jangka yang meliputi tindakan pemulihan dan *backup*. Unit Komputer

Perbendaharaan Negeri akan menjalankan proses *backup* data secara harian, mingguan, bulanan dan tahunan. *Backup* terhadap sistem pula dibuat secara bulanan. Dua salinan data yang *dibackup* disimpan di tempat yang berasingan iaitu di Unit Komputer Perbendaharaan Negeri dan di Pejabat Yayasan Negeri Sembilan.

Pada pendapat Audit, Pejabat Perbendaharaan Negeri telah mengambil langkah kawalan dalaman yang sewajarnya dalam memastikan sistem SPEKS yang dilaksanakan boleh dipercayai dan berfungsi seperti yang diharapkan. Walaupun begitu, ianya perlu dipertingkatkan bagi menjamin pelaksanaan SPEKS berjalan dengan licin dan lancar dan sebarang masalah yang berbangkit ditangani dengan segera.

11. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya pengurusan kewangan Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri adalah baik. Usaha ke arah ini hendaklah diteruskan.

PENGURUSAN KEWANGAN DI PERINGKAT JABATAN

12. LATAR BELAKANG

Seksyen 15(A) Akta Acara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan secara khusus tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di setiap Jabatan/Pejabat agar dapat menjamin wujudnya akauntabiliti awam dalam pengurusan kewangan kerajaan. Antara tanggungjawab Pegawai Pengawal adalah untuk mengawal peruntukan kewangan yang diluluskan dan memastikan hasil yang dipungut dan diperakaunkan mengikut peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.

Pada tahun 2003, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di 4 buah Jabatan/Pejabat di seluruh Negeri Sembilan terdiri dari Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah dan Pejabat Daerah Kecil Dan Tanah Gemas. Pada tahun 2003, jumlah hasil bagi semua Jabatan/Pejabat tersebut adalah berjumlah RM11.56 juta. Manakala jumlah perbelanjaan ialah RM27.39 juta dan baki deposit Jabatan/Pejabat berkenaan berjumlah RM1.08 juta.

13. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Jabatan/Pejabat berkenaan telah diurus mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan. Bagi tujuan ini, selain dari menyemak rekod kewangan dan akaun yang diselenggara, penilaian juga dibuat terhadap keberkesanan kawalan dalaman yang wujud. Skop pengauditan adalah meliputi bulan Januari hingga Disember 2003. Rekod kewangan yang diperiksa antaranya Buku Tunai, Buku Vot, buku resit, penyata pemungut, baucar bayaran, pesanan kerajaan, inden, rekod harta modal dan inventori serta penyata penyesuaian.

14. PENEMUAN AUDIT

14.1 KAWALAN PENGURUSAN

Kawalan pengurusan adalah untuk memastikan urusan pentadbiran pejabat, kewangan dan sumber manusia dikendalikan dengan cekap dan berkesan serta mematuhi pekeliling dan peraturan yang ditetapkan. Faktor yang diberi penekanan termasuk penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja yang lengkap dan kemas kini, struktur organisasi yang jelas mengikut fungsinya, penurunan kuasa yang teratur, bimbingan dan latihan yang sesuai kepada kakitangan serta penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun. Penemuan Audit terhadap kawalan pengurusan adalah seperti di **Jadual 13**.

Jadual 13
Kawalan Pengurusan

Jabatan / Pejabat	Kawalan Pengurusan					
	a	b	c	d	e	f
Jabatan Pengairan Dan Saliran	/	/	/	/	/	/
Jabatan Kebajikan Masyarakat	/	x	x	/	/	/
Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah	/	x	/	/	/	/
Pejabat Daerah Kecil Dan Tanah Gemas	x	x	/	x	/	x

Nota : / : Mematuhi x : Tidak Mematuhi TB : Tidak Berkenaan

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan di setiap pejabat
- b. Manual Prosedur Kerja adalah lengkap dan kemas kini
- c. Fail Meja disediakan bagi setiap anggota
- d. Fail Meja adalah lengkap dan kemas kini
- e. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah ditubuhkan
- f. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bermesyuarat setiap bulan atau sekurang-kurangnya 2 bulan sekali.

Pada pandangan Audit, Jabatan Pengairan Dan Saliran mempunyai kawalan pengurusan yang baik di mana peraturan dan prosedur

mengenai pengurusan pentadbiran telah dipatuhi. Manakala 3 Jabatan/Pejabat yang lain perlu memperbaiki dan memantapkan pengurusan pentadbiran masing-masing.

14.2 KAWALAN HASIL

Arahan Perbendaharaan menetapkan beberapa peraturan yang perlu dipatuhi dalam kawalan pengurusan hasil. Selain dari memastikan kawalan dalaman yang secukupnya diwujudkan, Jabatan/Pejabat hendaklah memastikan semua hasil yang dikutip adalah mengikut prosedur dan peraturan yang ditetapkan, diperakaunkan dengan betul serta dibankkan dalam tempoh yang sepatutnya. Adapun semakan Audit dibuat bagi menentukan perkara berikut dipatuhi:

- Kawalan yang secukupnya dibuat terhadap pengeluaran, penggunaan dan penyimpanan borang hasil seperti buku resit, lesen dan lain-lain borang hasil.
- Penurunan kuasa dan pengagihan tugas dibuat dengan teratur.
- Kawalan yang secukupnya diwujudkan terhadap wang pungutan sebelum dimasukkan ke dalam bank.
- Semua pungutan telah di bank dalam tempoh yang ditetapkan.
- Penyelenggaraan rekod pungutan dan semakan terhadapnya dibuat dengan teratur.
- Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan disediakan dengan teratur dan kemas kini.

Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan hasil adalah seperti di **Jadual 14**.

Jadual 14
Pematuhan Terhadap Peraturan
Kewangan Berhubung Dengan Kawalan Hasil

Jabatan / Pejabat	Peraturan Kawalan Hasil						
	a	b	c	d	e	f	g
Jabatan Pengairan Dan Saliran	/	/	/	/	/	/	/
Jabatan Kebajikan Masyarakat	/	/	/	/	/	/	/
Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah	/	x	/	/	/	/	/
Pejabat Daerah Kecil Dan Tanah Gemas	/	x	/	/	/	x	/

Nota : / : *Mematuhi* x : *Tidak Mematuhi*

- a. Resit ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai yang berasingan
- b. Semakan harian dibuat antara Buku Tunai dan resit
- c. Kebenaran bertulis untuk pegawai yang menerima wang
- d. Notis mengenai keperluan meminta resit dipamerkan untuk pengetahuan awam
- e. Kemasukan wang ke bank dibuat dengan segera
- f. Pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga
- g. Penyata Penyesuaian Hasil dibuat dengan betul dan kemas kini

Pada keseluruhannya, pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan hasil adalah memuaskan. Bagaimanapun, Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah dan Pejabat Daerah Kecil Dan Tanah Gemas perlu memperbaiki lagi beberapa kelemahan berkaitan semakan harian terhadap Buku Tunai dan pemeriksaan mengejut yang tidak dilaksanakan.

14.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab bagi memastikan bahawa setiap perbelanjaan yang dibuat disokong dengan dokumen sokongan yang asal dan lengkap, peruntukan yang diluluskan mencukupi, diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa serta diperakaunkan dengan betul. Bagi tujuan ini, semakan Audit telah dibuat ke atas beberapa aspek kawalan perbelanjaan bagi menentukan sama ada perkara seperti berikut dipatuhi:

- Buku Vot, Daftar Bil dan Daftar Pembayaran diselenggara dengan

lengkap dan kemas kini.

- Penurunan kuasa dan pengagihan tugas dibuat dengan teratur.
- Semua perolehan dibuat mengikut peraturan kewangan dan dokumen yang berkaitan dengannya dikawal sewajarnya.
- Penyata Penyesuaian Perbelanjaan Bulanan disediakan dengan betul dan tepat pada masanya.

Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 15**.

Jadual 15
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan
Berhubung Dengan Kawalan Perbelanjaan

Jabatan / Pejabat	Peraturan Kawalan Perbelanjaan						
	a	b	c	d	e	f	g
Jabatan Pengairan Dan Saliran	/	/	/	/	/	/	x
Jabatan Kebajikan Masyarakat	/	x	/	/	/	x	x
Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah	/	/	/	x	/	/	/
Pejabat Daerah Kecil Dan Tanah Gemas	/	/	/	/	/	/	x

Nota : / :Mematuhi

x : Tidak Mematuhi

- Transaksi di Buku Vot ditandatangani oleh pegawai bertanggungjawab
- Buku Vot disemak oleh pegawai penyelia
- Penyata Penyesuaian Perbelanjaan disediakan dengan lengkap dan kemas kini
- Maklumat di Pesanan Kerajaan adalah lengkap
- Ada surat kuasa untuk tandatangan Pesanan Kerajaan
- Daftar Bil diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
- Daftar Bil diperiksa oleh pegawai kanan

Pada keseluruhannya, kawalan perbelanjaan adalah memuaskan kecuali Daftar Bil tidak disemak oleh pegawai kanan bagi kesemua Jabatan/Pejabat.

14.4 PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH/AKAUN AMANAH

Jabatan yang menyelenggara Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah hendaklah menguruskannya mengikut arahan, peraturan dan undang-undang yang berkaitan. Bagi membolehkan semua bayaran dan terimaan yang melibatkan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah diperakunkan dengan teratur maka rekod kewangan dan akaun seperti Buku Tunai, penyata penyesuaian dan senarai individu hendaklah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Penyata tahunan akaun amanah hendaklah disediakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Mengenai akaun deposit, selain dari menyelenggara rekod deposit yang lengkap dan kemas kini, senarai baki deposit individu hendaklah juga disediakan. Semakan Audit ke atas pengurusan Kumpulan Wang Amanah/ Akaun Amanah/ Akaun Deposit oleh Jabatan/Pejabat mendapati perkara seperti berikut:

14.4.1 Pengurusan Kumpulan Wang Amanah /Akaun Amanah

Bagi Kumpulan Wang Amanah seperti Pinjaman Kenderaan dan Pinjaman Komputer, adalah didapati rekod berkaitan yang diselenggara oleh semua Jabatan/Pejabat adalah lengkap dan kemas kini. Semua bayaran balik pinjaman dibuat melalui potongan gaji peminjam berkenaan. Mengenai Akaun Amanah, hanya Jabatan Pengairan Dan Saliran sahaja yang menyelenggaranya iaitu Akaun Amanah 'Kempen Cintai Sungai Kita' di mana baki akaun pada akhir bulan Disember 2003 berjumlah RM4,545. Oleh kerana Akaun ini telah mencapai maksud ianya ditubuhkan dan telah tidak bergerak sejak tahun 2002, Pihak Audit telah mengesyorkan kepada Jabatan Pengairan Dan Saliran supaya menutup akaun ini dan bakiya dikreditkan ke hasil Kerajaan Negeri.

14.4.2 Pengurusan Akaun Deposit

Pada akhir tahun 2003, baki akaun deposit Wang Jaminan Pelaksanaan Jabatan Saliran Dan Pengairan ialah RM85,503. Mengenai akaun ini, Jabatan telah dinasihatkan supaya

menyelenggara akaun individu mengenainya. Pejabat Daerah Kecil Dan Tanah Gemas serta Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah telah menyelenggara 3 akaun deposit melibatkan 493 pendeposit dengan baki berjumlah RM1.08 juta pada akhir bulan Disember 2003. Akaun Deposit yang diselenggara adalah Akaun Deposit Am, Deposit Pengeluaran Bahan Batuan dan Deposit Pengambilan Balik Tanah. Semakan Audit mendapati Pejabat telah menyelenggara rekod akaun deposit dengan lengkap dan kemas kini. Baki deposit individu seperti yang ditunjukkan di senarai deposit adalah bersamaan dengan baki di akaun kawalan. Semua akaun ini masih aktif kecuali bagi 5 pendeposit di Pejabat Tanah Dan Daerah Gemas yang telah tidak aktif sejak 34 tahun yang lalu. Pihak Pejabat telah mengambil tindakan mewartakan deposit ini supaya dapat dikreditkan sebagai hasil Kerajaan Negeri.

Pada pendapat Audit, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/ Akaun Amanah/ Akaun Deposit adalah baik.

14.5 PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI

Perolehan, penggunaan, penyelenggaraan, penyimpanan dan pelupusan aset dan inventori hendaklah diuruskan dengan cekap, berhemat selaras dengan kehendak peraturan kewangan yang ditetapkan. Rekod yang berkaitan hendaklah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991. Sungguhpun demikian, semakan Audit mendapati pengurusan aset dan inventori oleh 4 buah Jabatan/Pejabat adalah kurang memuaskan. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan aset adalah seperti di **Jadual 16**.

Jadual 16
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan
Berhubung Dengan Pengurusan Aset

Jabatan / Pejabat	Peraturan Pengurusan Aset								
	a	b	c	d	e	f	g	h	i
Jabatan Pengairan Dan Saliran	/	x	/	/	/	/	x	x	x
Jabatan Kebajikan Masyarakat	X	x	x	x	/	/	x	x	x
Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah	/	/	/	x	/	/	/	x	x
Pejabat Daerah Kecil Dan Tanah Gemas	/	x	/	x	x	x	x	TB	TB

Nota : / : *Mematuhi* x : *Tidak Mematuhi* TB : *Tidak Berkenaan*

- a. Daftar Harta Modal dan Inventori diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
- b. Pemeriksaan fizikal dijalankan terhadap harta modal dan inventori
- c. Aset mempunyai tanda pengenalan 'Hak Milik Kerajaan'
- d. Verifikasi stok dijalankan
- e. Pelantikan Pegawai Pengangkutan dibuat secara bertulis
- f. Kenderaan diguna dengan kelulusan Pegawai Pengangkutan
- g. Buku Log kenderaan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
- h. Aset usang diambil tindakan pelupusan
- i. Pelupusan aset disegerakan.

Pada pendapat Audit, pengurusan aset dan inventori Jabatan/Pejabat masih boleh dipertingkatkan. Bagi mana-mana kelemahan yang wujud, Jabatan/Pejabat hendaklah memperbaikinya dengan segera.

15. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, tahap pengurusan kewangan Jabatan/Pejabat berhubung dengan kawalan pengurusan, kutipan hasil, kawalan perbelanjaan dan pengurusan aset masih boleh dipertingkatkan. Bagi memantapkan pengurusan kewangan di peringkat masing-masing, Jabatan/Pejabat hendaklah mengambil tindakan positif ke arah memperbaiki apa jua kelemahan yang berbangkit.

16. PROGRAM AUDIT PRESENCE

16.1 LATAR BELAKANG

Program *Audit Presence* adalah Pemeriksaan Audit Khas terhadap Jabatan yang tidak terpilih untuk pengauditan pengurusan kewangan pada tahun itu. Keutamaan pemilihan akan diberi kepada Jabatan dan Cawangannya di daerah yang belum pernah atau tidak diaudit melebihi 3 tahun yang lalu serta aktiviti utamanya adalah mengutip hasil. Pengauditan ini meliputi semakan terhadap kawalan dalaman dan pemeriksaan terhadap wang hasil dan panjar. Program ini dimulai pada tahun 2003.

16.2 OBJEKTIF PROGRAM

Objektif Program *Audit Presence* adalah untuk:

- i) Mencegah daripada berlakunya kelemahan pengurusan kewangan yang berterusan; dan
- ii) Mewujudkan kesedaran di kalangan kakitangan auditi terhadap pentingnya mengurus kewangan dan harta benda dengan cermat dan berhemat.

16.3 PELAKSANAAN DAN PENDEKATAN

Pada tahun 2003, pemilihan Jabatan adalah berdasarkan Jabatan yang tidak terpilih untuk pengauditan pengurusan kewangan. Sebanyak 40 pejabat cawangan bagi 7 Jabatan di daerah telah dipilih untuk tujuan ini. Sebelum lawatan dibuat, auditi akan diberitahu 2 hari lebih awal bagi memaklumkan kehadiran pegawai Audit dan pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Negeri. Sebagai langkah permulaan, pada tahun 2003, pengauditan hanya ditumpukan terhadap aspek kawalan hasil yang merangkumi perkara berikut:

- i) Resit ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai yang berasingan;
- ii) Semakan harian dibuat antara Buku Tunai dan resit;

- iii) Kebenaran bertulis diberi untuk pegawai yang menerima wang;
- iv) Notis mengenai keperluan meminta resit dipamerkan untuk pengetahuan awam;
- v) Kemasukan wang ke bank dibuat dengan segera;
- vi) Pemeriksaan mengejut ada dibuat terhadap wang dan barang berharga;
- vii) Penyata Penyesuaian Hasil dibuat dengan betul dan kemas kini;
- viii) Kebenaran khusus diberi kepada seseorang pegawai yang perlu menguruskan sendiri semua aktiviti pungutan hasil; dan
- ix) Pusingan kerja dilakukan dari semasa ke semasa antara kakitangan di Pejabat Cawangan.

16.4 PENEMUAN AUDIT

Kedudukan secara ringkas pematuhan peraturan kewangan berkaitan kawalan hasil di 40 Pejabat Cawangan yang diaudit adalah seperti di **Jadual 17**.

Jadual 17
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berkaitan Kawalan Hasil

Bil.	Jabatan/Pejabat	Bil.Pejabat Cawangan Dilawati	Kawalan Hasil	
			M	TM
1.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	7	2	5
2.	Jabatan Kerja Raya	3	2	1
3.	Jabatan Bekalan Air	8	2	6
4.	Jabatan Perhutanan	3	0	3
5.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	8	8	0
6.	Jabatan Pertanian	7	6	1
7.	Jabatan Agama Islam	4	4	0
J u m l a h		40	24	16

M = *Memuaskan*

TM = *Tidak Memuaskan*

16.5. KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI

Pada keseluruhannya, analisis Audit mendapati sebahagian besar Pejabat tidak mematuhi sekurang-kurangnya satu daripada 9 elemen kawalan hasil. Antara perkara yang tidak mematuhi peraturan adalah seperti berikut:

- i) Pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga tidak dijalankan bagi 8 Pejabat;
- ii) Sebanyak 3 Pejabat tidak mematuhi peraturan yang menghendaki resit ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai berasingan;
- iii) Semakan harian antara Buku Tunai dan resit tidak dijalankan oleh pegawai bertanggungjawab di 3 pejabat; dan
- iv) Pusingan kerja antara kakitangan khususnya di Bahagian Kewangan tidak dilakukan oleh 2 Pejabat sekian lama.

Pada pendapat Audit, kegagalan mematuhi peraturan kewangan yang penting akan melemahkan kawalan dalaman dan boleh mengakibatkan penyelewengan wang kutipan hasil.

16.6 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Program *Audit Presence* menunjukkan sebahagian besar Pejabat adalah mematuhi peraturan berkaitan kawalan hasil dengan memuaskan. Ketua Pejabat hendaklah menjalankan penyeliaan dan pemantauan yang lebih rapi dengan mematuhi sepenuhnya peraturan kewangan yang ditetapkan.

17. PROGRAM ANAK ANGKAT

17.1 LATAR BELAKANG

Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta undang-undang lain yang berkaitan telah menetapkan bahawa Ketua Audit Negara adalah bertanggungjawab untuk mengaudit dan melaporkan kedudukan Penyata Kewangan serta aktiviti Kerajaan Persekutuan,

Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam. Berdasarkan kepada pengauditan yang telah dijalankan adalah didapati bahawa kelemahan pengurusan kewangan/aktiviti di Jabatan dan Agensi Kerajaan masih terus berlaku. Sehubungan dengan ini, bermula dari tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah memutuskan untuk membantu Jabatan dan Agensi berkenaan dengan melaksanakan program 'Anak Angkat'. Melalui program ini Jabatan Audit Negara akan mengambil langkah yang lebih sistematik untuk membantu Jabatan dan Agensi yang bermasalah dalam pengurusan kewangannya. Ini selaras dengan visi Jabatan Audit Negara iaitu menjadi penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti sektor awam.

17.2 OBJEKTIF PROGRAM

Program ini bertujuan membantu Jabatan dan Agensi memantapkan pengurusan kewangan dengan cara memberi bimbingan dan nasihat bagi memperbaiki segala kelemahan yang berlaku terutamanya berhubung dengan penyelenggaraan rekod perakaunan.

17.3 PELAKSANAAN/PENDEKATAN

17.3.1 Kaedah Pemilihan Jabatan Dan Agensi

Kriteria terhadap pemilihan Jabatan dan Agensi sebagai 'Anak Angkat' adalah Jabatan dan Agensi yang mempunyai kelemahan atau masalah dalam pengurusan kewangan. Jabatan dan Agensi berkenaan boleh dikenal pasti melalui:

- i)** Pemerhatian Audit yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam di Pejabat Perbendaharaan Negeri;
- ii)** Aduan awam melalui media dan juga sumber tertentu seperti Biro Pengaduan awam; dan
- iii)** Cadangan Ketua Jabatan atau Agensi yang menunjukkan minat dan inisiatif untuk memperbaiki kelemahan pengurusan kewangannya.

17.3.2 Jabatan Dan Agensi Yang Dipilih

Pada tahun ini, sebanyak 5 Jabatan dan Agensi telah dipilih di bawah program ini. Jabatan dan Agensi yang terlibat adalah seperti berikut:

- i)** Jabatan Kehakiman Syariah;
- ii)** Jabatan Hal Ehwal Agama Islam;
- iii)** Majlis Daerah Tampin;
- iv)** Perbadanan Perpustakaan Negeri Sembilan; dan
- v)** Lembaga Muzium.

17.3.3 Tatacara Pelaksanaan

Tatacara pelaksanaan program 'Anak Angkat' adalah seperti berikut:

- i)** Setiap pejabat yang dipilih akan dimaklumkan kepada Ketua Jabatan dan Agensi secara bertulis dan seterusnya disusuli dengan *entrance conference*. Bagi mengenal pasti masalah pengurusan kewangan dan puncanya, penilaian secara menyeluruh dibuat terhadap kawalan dalaman Jabatan dan Agensi yang merangkumi kawalan hasil, perbelanjaan, amanah dan kawalan aset dan inventori.
- ii)** Daripada penilaian di atas serta pemerhatian yang pernah dibangkitkan sebelum ini dan temu bual dengan pihak pengurusan, kelemahan yang serius akan dibangkitkan dengan Ketua Jabatan berkenaan. Kelemahan ini akan dibincangkan bersama pihak pengurusan Jabatan untuk diambil tindakan pembetulan atau pembaikan oleh Jabatan dan Agensi.
- iii)** Bagi membantu Pejabat berkenaan membetulkan kelemahan yang berlaku, Jabatan Audit Negara telah mengambil tindakan berikut:
 - a)** Memberi latihan secara teori dan praktikal kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam pengurusan kewangan dan penyelenggaraan rekod perakaunan Pejabat;

- b) Memberi input kepada Pejabat bagi menyediakan Panduan Kerja yang berkaitan dengan pengurusan kewangan dan penyelenggaraan rekod perakaunan; dan
- c) Memantau kemajuan pelaksanaan kerja pembetulan dan memastikan bahawa kerja tersebut dilaksanakan dengan teratur secara berterusan. Bagi tujuan pemantauan, lawatan ke pejabat berkenaan telah dibuat dari semasa ke semasa sekurang-kurangnya setiap 3 bulan 1 kali dalam tempoh 1 tahun.

Selagi masih wujud kelemahan yang *material* dan tiada tindakan positif daripada Jabatan untuk mengatasi kelemahan, status 'Anak Angkat' akan dikekalkan. Program ini akan ditamatkan selepas Jabatan Audit Negara berpuas hati bahawa Jabatan terbabit telah berjaya menguruskan rekod perakaunan dengan teratur dan kemas kini dalam tempoh 1 tahun dari tarikh program ini bermula.

17.4 KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI

Hasil daripada penilaian terhadap kawalan dalaman di 5 Jabatan dan Agensi yang terlibat secara keseluruhannya mendapati kelemahan pengurusan kewangan adalah berkisar kepada 4 perkara berikut:

- i) Kegagalan Jabatan menyimpan rekod perakaunan;
- ii) Rekod perakaunan yang tidak dikemas kini;
- iii) Ketidakpatuhan terhadap tatacara perakaunan; dan
- iv) Ketidakpatuhan kepada undang-undang.

Seterusnya Jabatan Audit Negara telah mengenal pasti punca kelemahan yang timbul dan mendapati bahawa secara keseluruhannya Jabatan dan Agensi yang terlibat sama ada tidak kemas kini atau tidak mempunyai garis panduan seperti Manual Prosedur Kerja atau Fail Meja, kakitangan yang tidak mencukupi, senarai tugas yang tidak jelas, kakitangan tidak mempunyai ilmu dalam bidang kewangan, kakitangan yang tidak diberi latihan dan kurang atau tiada penyeliaan daripada pegawai penyelia.

17.5 TINDAKAN PEMBETULAN OLEH JABATAN DAN AGENSI

Jabatan dan Agensi yang terlibat telah menunjukkan komitmen untuk berusaha memperbaiki kelemahan yang telah dikenal pasti melalui syor dan nasihat daripada Jabatan Audit Negara. Antara tindakan pembedulan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan dan Agensi adalah seperti berikut:

- i)** Menyedia dan mengemas kini Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja;
- ii)** Mengkaji dan menyemak senarai tugas;
- iii)** Menyedia dan mengemas kini rekod perakaunan; dan
- iii)** Mengenal pasti kakitangan dan menghantar mereka mengikuti latihan dan kursus berkaitan dengan kerja masing-masing.

17.6 PENCAPAIAN PROGRAM

17.6.1 Tahap pengurusan kewangan Jabatan yang pilih sebagai 'Anak Angkat' kecuali Lembaga Muzium adalah pada tahap yang lebih baik daripada sebelum program ini dilaksanakan. Komitmen pengurusan untuk mengambil tindakan positif terhadap kelemahan yang dibangkitkan amat memuaskan. Kakitangan telah dilatih dan memahami peranan masing-masing.

17.6.2 Lembaga Muzium Negeri masih mempunyai beberapa kelemahan dalam pengurusan kewangannya. Oleh kerana prestasi kewangannya kurang memuaskan, ianya masih dikekalkan sebagai 'Anak Angkat'. Lembaga Muzium Negeri tidak dapat mencapai tahap pengurusan kewangan yang diharapkan kerana menghadapi masalah kekurangan kakitangan khususnya di Bahagian Kewangan. Pada awal bulan Mac 2004, Lembaga telah mengambil seorang Penolong Akauntan secara kontrak untuk membantu dalam hal yang berkaitan dengan kewangan dan akaun. Pihak Audit akan meneruskan usaha untuk memperbaiki apa jua kelemahan pengurusan kewangan yang wujud di Lembaga tersebut.

Pada pandangan Audit, selain daripada Lembaga Muzium, Pejabat yang lain bolehlah dicontohi dan ditamatkan status 'Anak Angkat'.

17.7 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Program Anak Angkat telah berjaya membantu Jabatan menangani masalah pengurusan kewangan. Segala usaha telah dilaksanakan untuk memastikan Jabatan dan Agensi dapat menguruskan kewangan dan rekod perakaunan dengan teratur dan sempurna. Semasa program ini berjalan, Jabatan Audit Negara telah mengadakan perbincangan, lawatan, bimbingan, latihan dan bengkel. Sekurang-kurangnya 4 siri lawatan untuk mengenal pasti masalah Jabatan dan Agensi, perbincangan dengan pengurusan serta susulan terhadap kelemahan yang dibangkitkan telah diadakan. Selain itu, latihan secara teori dan praktikal serta bimbingan telah diberi kepada pegawai dan kakitangan Jabatan 'Anak Angkat'. Memandangkan pengurusan kewangan adalah satu proses yang berterusan, maka pegawai dan kakitangan yang terlibat hendaklah sentiasa peka dengan perubahan peraturan kewangan yang diamalkan masa kini. Jabatan Audit Negara telah memberi bantuan asas dalam penyelenggaraan rekod perakaunan bagi 4 komponen penting iaitu kawalan hasil, perbelanjaan, amanah dan pengurusan aset. Bagaimanapun, kejayaan pengurusan kewangan yang cekap, mantap dan berkesan adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal.

BAHAGIAN III AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS

18. PENDAHULUAN

Seksyen 6, Akta Audit 1957 menghendaki Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap program/aktiviti untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cekap dan berhemat. Pada tahun 2003, empat kajian telah dijalankan terhadap program/aktiviti di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban. Kajian ini bertujuan untuk menilai sama ada aktiviti yang dilaksanakan mencapai matlamat yang ditetapkan. Hasil kajian tersebut telah dimaklumkan kepada Jabatan yang berkenaan dan hanya isu yang ketara dilaporkan dalam **Bahagian** ini.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

PELAKSANAAN PROJEK PELBAGAI

19. LATAR BELAKANG

Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah telah menyediakan pelbagai kemudahan asas untuk rakyat di Negeri Sembilan menikmati kehidupan yang lebih selesa khususnya bagi mereka yang tinggal di luar bandar. Antara kemudahan asas yang disediakan adalah bekalan elektrik, air dan telefon. Selain itu, projek pembangunan yang lain juga dilaksanakan seperti pembinaan jalan, longkang, jambatan, rumah ibadah, balai raya dan sebagainya. Bagi Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8), Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan berjumlah RM90.1 juta untuk dibelanjakan bagi tujuan membangunkan beberapa projek pelbagai. Projek pelbagai yang dibangunkan ini diharap dapat menyediakan

prasarana yang sempurna dan perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk luar bandar bagi menjana dan meningkatkan kegiatan ekonomi mereka.

Daripada sejumlah RM90.1 juta yang diperuntukkan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di bawah RMK8, sejumlah RM22 juta adalah untuk pembinaan dan penyelenggaraan kemudahan asas luar bandar yang disalurkan melalui Pejabat Daerah. Bakinya sejumlah RM68.1 juta disalurkan kepada Jabatan/Agensi lain seperti Jabatan Kerja Raya, Pejabat Pembangunan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk tujuan pembinaan kompleks sukan, urusan pengambilan balik tanah, penyediaan tapak bangunan dan juga pemasangan tiang lampu di luar kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Bagi tahun 2002 dan 2003, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM6.68 juta kepada 7 Pejabat Daerah dan 1 Pejabat Daerah Kecil di Negeri Sembilan bagi melaksanakan program ini. Daripada peruntukan tersebut sejumlah RM6.43 juta telah dibelanjakan.

20. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada kemudahan asas yang dirancang telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamatnya.

21. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Kajian ini meliputi tempoh tahun 2002 dan 2003 dan tertumpu kepada peruntukan Kerajaan Negeri yang disalurkan kepada Pejabat Daerah. Pengauditan telah dijalankan di Pejabat Setiausaha Kerajaan dan 3 Pejabat Daerah iaitu Pejabat Daerah Tampin, Pejabat Daerah Jelebu dan Pejabat Daerah Kecil Gemas. Di peringkat daerah, semakan dibuat ke atas senarai permohonan projek yang diterima daripada mukim, fail projek dan juga Laporan Kemajuan Kerja. Selain mengadakan perbincangan dengan pegawai di peringkat daerah dan penduduk tempatan yang mendapat projek, lawatan fizikal juga dilakukan ke beberapa lokasi pembinaan untuk melihat secara dekat status projek yang telah dilaksanakan.

22. PENEMUAN AUDIT

22.1 PERANCANGAN

Setiap program pembangunan memerlukan perancangan yang mapan dan rapi agar objektifnya tercapai. Antara perkara yang dirancang adalah keperluan kewangan, kaedah pelaksanaan, pemilihan projek dan tenaga kerja yang diperlukan.

22.1.1 Struktur Pengurusan

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bertanggungjawab sepenuhnya ke atas program ini. Selaku pemegang waran peruntukan dan penyelaras program, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri akan mengeluarkan waran peruntukan kecil kepada setiap Pejabat Daerah untuk melaksanakan program ini. Bagi tujuan pemantauan, pihaknya akan mengumpulkan semua maklumat mengenai kemajuan pelaksanaan program yang dilaksanakan di peringkat Pejabat Daerah.

Di peringkat Pejabat Daerah pula, pihaknya akan melantik kontraktor kerja untuk melaksanakan program pelbagai ini. Pelantikan kontraktor bagi melaksanakannya sama ada dibuat secara sebut harga ataupun secara pemberian terus. Pejabat Daerah tidak dapat melaksanakan sendiri program ini kerana tidak mempunyai keupayaan untuk berbuat demikian.

22.1.2 Keperluan Kewangan

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri menganggarkan sejumlah RM22.1 juta diperlukan bagi melaksanakan projek di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Peruntukan yang diluluskan bertujuan untuk menyediakan kemudahan asas yang sempurna di kawasan luar bandar. Kemudahan ini antaranya jalan, saliran dan perparitan, jambatan, rumah ibadah, dewan dan balai raya. Selaku Pegawai Pengawal bagi program ini, Pejabat

Setiausaha Kerajaan Negeri akan mengeluarkan waran peruntukan kecil kepada semua Pejabat Daerah yang diberi tanggungjawab untuk melaksanakan pelbagai projek yang diluluskan. Bagi tahun 2002, anggaran peruntukan yang akan diagihkan kepada Pejabat Daerah berjumlah RM3.31 juta manakala bagi tahun 2003 berjumlah RM3.12 juta. Butiran lanjut mengikut Daerah adalah seperti di **Jadual 18**.

Jadual 18
Anggaran Pengagihan Peruntukan Mengikut Daerah

Bil.	Pejabat Daerah	Peruntukan	
		Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)
1.	Pejabat Daerah Jempol	0.50	0.41
2.	Pejabat Daerah Kuala Pilah	0.24	0.32
3.	Pejabat Daerah Rembau	0.61	0.37
4.	Pejabat Daerah Jelebu	0.32	0.32
5.	Pejabat Daerah Seremban	0.53	0.46
6.	Pejabat Daerah Tampin	0.35	0.42
7.	Pejabat Daerah Port Dickson	0.41	0.43
8.	Pejabat Daerah Kecil Gemas	0.35	0.39
Jumlah		3.31	3.12

Sumber: Rekod Pejabat SUK

22.1.3 Garis Panduan Projek

Untuk melaksanakan sesuatu program secara terancang, perlu wujud satu kaedah atau tatacara pelaksanaan yang kemas dan teratur. Ianya dalam bentuk garis panduan yang mana hendaklah dipatuhi oleh semua Pejabat Daerah yang diarah melaksanakan program ini. Semakan Audit mendapati Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pegawai Pengawal bagi program ini tidak menyediakan sebarang kaedah atau garis panduan untuk dipatuhi dalam melaksanakan projek pelbagai di daerah. Sebagai panduan, Pejabat Daerah telah mengguna pakai sebahagian

daripada garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

22.1.4 Had Kos Projek

Untuk memastikan peruntukan yang diluluskan dapat diagihkan kepada semua Pejabat Daerah secara adil, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan telah mengeluarkan arahan yang menghadkan kos bagi sesuatu projek. Mengikut arahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, pembiayaan bagi setiap projek kecil seperti jalan, saliran dan sebagainya dihadkan tidak melebihi RM20,000. Sekiranya kos melebihi RM20,000, kelulusan khas hendaklah diperolehi daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Bagi pembinaan baru seperti dewan dan balai raya yang kosnya melebihi had RM20,000 tetapi tidak melebihi RM75,000, hanya satu projek diluluskan dalam setahun bagi setiap daerah.

22.1.5 Kriteria Pemilihan Projek

Semakan Audit mendapati Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri tidak mempunyai garis panduan dalam pemilihan sesuatu projek. Pejabat Daerah telah menggunakan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sungguhpun demikian, kaedah yang ditetapkan dalam garis panduan itu hanya boleh diguna pakai untuk projek menaik taraf dan penyelenggaraan jalan kampung. Mengenai penyelenggaraan jalan kampung, kriteria pemilihan jalan ditetapkan seperti berikut:

- i) jalan yang dibina/naik taraf dapat memberi manfaat kepada lebih 100 pengguna di kawasan sekitarnya;
- ii) jalan dapat memberi kemudahan perhubungan kepada pusat kesihatan atau klinik, sekolah, masjid/surau, pasar, pusat riadah atau kemudahan awam yang lain;

- iii) jalan yang menghubungkan antara sebuah kampung dengan sebuah kampung yang lain atau menghubungkannya dengan jalan besar; dan
- iv) jalan kampung yang menghubungkan pekan kecil, pusat kegiatan ekonomi, perniagaan, industri kecil atau pusat pertumbuhan desa.

Garis panduan ini juga telah menetapkan beberapa syarat mengenai takrif naik taraf jalan kampung. Jalan berikut tidak boleh dianggap sebagai jalan kampung jika ianya bertujuan lain dari di atas.

- i) Jalan yang menuju ke sebuah rumah.
- ii) Jalan ke kebun milik individu.
- iii) Dataran kejut (*hard stand*).
- iv) Jalan yang menjadi laluan kenderaan berat seperti laluan lori membawa kayu balak atau laluan lori kelapa sawit.

Semua projek yang dipilih oleh Pejabat Daerah akan disenaraikan dan dikemukakan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk diperakukan. Bilangan projek yang dirancang untuk dilaksanakan bagi tahun 2002 dan 2003 mengikut daerah seperti di **Jadual 19** .

Jadual 19
Projek Yang Dirancang Untuk Dilaksanakan

Bil	Pejabat Daerah	Jumlah Projek Dirancang	
		2002	2003
1.	Pejabat Daerah Jempol	31	25
2.	Pejabat Daerah Kuala Pilah	34	28
3.	Pejabat Daerah Port Dickson	18	14
4.	Pejabat Daerah Rembau	13	13
5.	Pejabat Daerah Jelebu	23	20
6.	Pejabat Daerah Seremban	32	23
7.	Pejabat Daerah Tampin	9	23
8.	Pejabat Daerah Kecil Gemas	21	17
	Jumlah	181	163

Sumber: Rekod Pejabat Daerah

22.1.6 Pemilihan Tapak Projek

Oleh kerana ketiadaan garis panduan yang khusus secara bertulis disediakan bagi pembinaan projek lain seperti longkang, jambatan, rumah ibadah dan dewan balai raya, Pejabat Daerah telah diberi kebebasan membuat pemilihan projek berasaskan kepada permohonan yang diterima daripada Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK). Mengikut amalan Pejabat Daerah, semua permohonan yang diterima akan dikaji dan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah. Jawatankuasa ini diwakili oleh Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan), Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Penghulu Mukim dan wakil dari Jabatan Teknikal Pejabat Daerah. Pemilihan projek akan dibuat mengikut kepentingan. Selain itu, keutamaan juga diberi bagi mana-mana kemudahan awam yang telah mengalami kerosakan akibat dilanda bencana.

22.1.7 Kaedah Pelaksanaan Projek

Kaedah pelaksanaan projek ini adalah dengan cara melantik kontraktor kerja secara pemberian terus dan panggilan sebutharga. Sehubungan dengan perlantikan kontraktor ini, Pejabat Daerah merujuk kepada prosedur dan peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2001, kontraktor untuk kerja hendaklah dipilih dari kalangan Kontraktor Bumiputra Kelas "F" yang berdaftar di Pejabat Daerah. Keutamaan hendaklah diberi kepada kontraktor yang memenuhi beberapa kriteria yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri seperti telah berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor serta bertaraf Bumiputra dan mempunyai sijil pendaftaran yang masih sah. Bagi kerja yang bernilai kurang dari RM20,000 ianya hendaklah ditawarkan secara terus kepada kontraktor berdasarkan Jadual Kadar Harga Kejuruteraan Awam (*Bill Of Quantities*) manakala bagi kerja yang melebihi RM20,000, ianya hendaklah ditawarkan secara sebutharga. Untuk memastikan pengagihan kerja yang adil, tawaran kerja hendaklah dibuat secara pusingan di kalangan kontraktor.

Pada pandangan Audit, pengagihan kerja kepada kontraktor mengikut pusingan adalah satu tindakan yang bijak. Tindakan ini akan dapat menghindarkan dari berlakunya pilih kasih dan rasuah.

22.1.8 Penyeliaan Kerja

Semua projek yang hendak dilaksanakan memerlukan penyeliaan yang sewajarnya supaya apabila siap kelak dapat memanfaatkan penduduk setempat. Oleh itu, pengawasan yang rapi adalah penting bagi memastikan projek dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mematuhi spesifikasi kerja yang ditetapkan. Untuk tujuan ini, Juruteknik Pembangunan dan Penghulu Mukim telah

diberi tanggungjawab menyelia kerja yang akan dilaksanakan serta memperakukan setiap peringkat kerja yang telah disiapkan.

Pada pendapat Audit, perancangan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri terhadap projek ini tidak begitu menyeluruh. Pejabat yang bertanggungjawab tidak menyediakan garis panduan yang lengkap dan khusus untuk diikuti dalam pemilihan projek dan pengurusanannya. Oleh itu, Jabatan Audit tidak dapat menentukan sama ada projek yang dipilih oleh Pejabat Daerah dan diperakukan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri adalah mengikut keutamaan.

22.2 PELAKSANAAN

Pejabat Daerah telah melaksanakan projek pelbagai berpandukan kepada prosedur dan peraturan yang ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Kementerian Kewangan.

22.2.1 Peruntukan Kewangan Projek

Pejabat Daerah mendapat peruntukan dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk membiayai projek yang diluluskan. Oleh kerana peruntukan bagi sesuatu projek adalah terhad, maka Pejabat Daerah terpaksa menyenarai pendekkan bilangan projek mengikut keutamaan berdasarkan kepada jumlah peruntukan yang ada. Ada sebilangan projek yang dirancang terpaksa ditangguhkan atau dibawa ke tahun berikutnya. Peruntukan yang diagihkan kepada daerah bagi tahun 2002 dan 2003 adalah seperti di **Jadual 20**.

Jadual 20
Peruntukan Projek Pelbagai Mengikut Daerah

Pejabat Daerah	Peruntukan	
	2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)
1. Pejabat Daerah Jempol	0.51	0.41
2. Pejabat Daerah Kuala Pilah	0.24	0.40
3. Pejabat Daerah Rembau	0.61	0.40
4. Pejabat Daerah Jelebu	0.32	0.41
5. Pejabat Daerah Seremban	0.53	0.46
6. Pejabat Daerah Tampin	0.37	0.42
7. Pejabat Daerah Port Dickson	0.42	0.44
8. Pejabat Daerah Kecil Gemas	0.35	0.39
Jumlah	3.35	3.33

Sumber: Rekod Pejabat SUK

22.2.2 Perlantikan Kontraktor Kerja

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2001, pelantikan kontraktor kerja bagi melaksanakan program pelbagai hendaklah mengikut peraturan berikut:

- i)** Perolehan bagi kerja kecil atau pembaikan yang tidak mengubah struktur asal bernilai antara RM20,000 hingga RM100,000 hendaklah dibuat berdasarkan Jadual Kadar Harga Kejuruteraan Awam. Penawaran kerja hendaklah dibuat secara pusingan/undian di kalangan kontraktor Kelas F di daerah yang berkenaan dan berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) di bawah butiran kerja berkaitan.
- ii)** Perolehan bagi kerja kecil yang tidak mempunyai Jadual Kadar Harga Kejuruteraan Awam bernilai RM20,000 hingga RM200,000 hendaklah dibuat dengan mempelawa sebut harga di kalangan kontraktor kecil di daerah yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor di bawah butiran kerja berkaitan.

- iii) Bagi kerja baru atau kerja penyelenggaraan, pembaikan, ubahsuai dan menaik taraf yang mengubah struktur asal serta kerja elektrik dan mekanikal, rujukan hendaklah dibuat dengan Jabatan Teknikal.

Pengauditan ke atas rekod yang diselenggara di 3 Pejabat Daerah tersebut mendapati kaedah pelantikan kontraktor tidak sama di antara satu daerah dengan daerah yang lain. Perbezaannya seperti berikut:

i) Pejabat Daerah Tampin dan Pejabat Daerah Kecil Gemas

Pemilihan kontraktor bagi melaksanakan semua projek pelbagai yang tidak mempunyai had nilai dibuat melalui panggilan sebut harga di kalangan kontraktor Bumiputera Kelas F.

ii) Pejabat Daerah Jelebu

Projek yang berharga kurang daripada RM20,000 ditawarkan terus kepada kontraktor Bumiputera Kelas F manakala kerja yang bernilai lebih daripada RM20,000 ditawarkan secara panggilan sebut harga.

Walaupun kedua kaedah ini adalah teratur, namun demikian ianya tidak menggambarkan keseragaman dalam penawaran kerja. Mengikut Pejabat Daerah Tampin dan Pejabat Daerah Kecil Gemas, penawaran kerja cara ini bertujuan untuk mewujudkan pertandingan yang sihat di kalangan kontraktor selain mendapat tawaran harga yang paling kompetitif. Pada pendapat Audit, penetapan kaedah perlantikan kontraktor hendaklah sepatutnya merujuk kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2001 yang berkuatkuasa.

22.2.3 Projek Yang Telah Dilaksanakan

Pejabat Daerah melaksanakan projek pelbagai berdasarkan kepada perakuan yang diterima daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Seperti yang termaklum, Pejabat Daerah bertanggungjawab sepenuhnya dalam pemilihan kontraktor, pemantauan kerja yang dilaksanakan dan sebagainya. Semakan Audit telah dijalankan ke atas rekod yang diselenggara di 3 daerah dan adalah didapati projek pelbagai di tiga daerah ini telah dilaksanakan dengan jayanya. Maklumat lengkap mengenai projek yang telah dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 21**.

Jadual 21
Projek Yang Telah Dilaksanakan

Bil.	Nama Projek	Pejabat Daerah Jelebu		Pejabat Daerah Tampin		Pejabat Daerah Kecil Gemas	
		2002	2003	2002	2003	2002	2003
1.	Pembinaan/Penurapan Jalan Luar Bandar	11	7	3	10	9	8
2.	Pelbagai Projek Kecil	12	12	5	12	8	8
3.	Pembinaan/Pengubahsuaian Dewan/Balairaya	-	1	1	1	4	1

Sumber: Rekod Pejabat SUK

Bagi memastikan sejauh mana projek di atas telah berjaya, temu bual telah diadakan antara pihak Audit dan ahli Jawatankuasa Kampung di 2 daerah iaitu di Daerah Tampin dan Daerah Jelebu pada awal tahun 2004. Mengikut maklum balas yang diperolehi hasil dari perbincangan yang diadakan itu, mendapati program projek pelbagai ini telah mencapai matlamatnya. Lawatan Audit ke beberapa tapak projek mendapati kemudahan asas seperti jalan perhubungan, saluran, jambatan, balai raya dan kemudahan lain telah dibekalkan dengan sewajarnya. Malahan ada juga kampung yang telah mempunyai bilik bacaan/pusat sumber dan pusat latihan komputer untuk kemudahan para pelajar sekolah. Kerajaan Negeri nampaknya tiada halangan untuk meluluskan projek pelbagai yang dapat

memberikan manfaat dan kemajuan kepada penduduk di kawasan luar bandar. Contoh projek yang dijalankan oleh Pejabat Daerah seperti di **Foto 1** , **Foto 2** dan **Foto 3**.

Foto 1

Projek Penurapan Jalan Utama Kampung FELDA Sungai Kelamah



*Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 17 Disember 2003*

Foto 2

Projek Mengubahsuai Surau Kampung Kurnia Diraja, Gemas



*Sumber : Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 17 Disember 2003*

Foto 3
**Membina Jambatan Konkrit Di Kampung Ulu Chenderam,
Tampin Tengah**



*Sumber : Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 27 Januari 2004*

22.2.4 Pertindihan Projek Dengan Agensi Lain

Supaya kerja yang dijalankan tidak bertindih dengan yang telah/sepatutnya dilaksanakan oleh agensi lain, Pejabat Daerah hendaklah mengkaji dan mendapatkan maklum balas daripada Jawatankuasa Kampung mengenai kerja yang telah dijalankan sebelumnya/akan dijalankan kemudian atau telah dijalankan oleh agensi lain di lokasi yang sama. Lawatan Audit ke tempat projek dan temu bual dengan ahli Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung mendapati peraturan ini tidak diamalkan oleh 3 Pejabat Daerah ini. Kerja kecil yang dilaksanakan oleh Pejabat Daerah tidak dirujuk kepada mana-mana pihak yang berkenaan. Kegagalan Pejabat Daerah untuk membuat semakan sedemikian telah menyebabkan ada antara kerja tertumpu kepada satu lokasi sahaja dan ada pula yang telah/sepatutnya dilaksanakan oleh agensi lain juga dilaksanakan oleh Pejabat Daerah. Berikut adalah beberapa

kes yang ditemui oleh Audit semasa lawatan dibuat ke beberapa lokasi projek.

- i) Penurapan semula jalan oleh Pejabat Daerah Kecil Gemas di kawasan milik persendirian FELDA. Kos bagi penurapan jalan ini boleh digunakan untuk penurapan jalan di tempat lain sekiranya Pejabat Daerah telah mengadakan perbincangan dengan ahli Jawatankuasa yang berkenaan.
- ii) Surau di Kampung Kurnia Diraja, Gemas yang sepatutnya diubahsuai oleh Jabatan Agama Islam telah diubahsuai oleh Pejabat Daerah Kecil Gemas. Pertindihan kerja ini disebabkan ketiadaan permuafakatan antara Pejabat Daerah dan ahli Jawatankuasa Kampung yang berkenaan.
- iii) Pemasangan 'gabion', pembinaan longkang dan jambatan di daerah telah dibuat oleh Pejabat Daerah Tampin pada tahun 2003. Kerja yang melibatkan saliran dan penebatan banjir ini sepatutnya di bawah tanggungjawab Jabatan Pengairan Dan Saliran.
- iv) Pejabat Daerah Kecil Gemas telah menjalankan penurapan semula jalan dalam kawasan Sekolah Kg. FELDA Jelai 2 yang mana kerja ini sepatutnya di bawah tanggungjawab Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan.
- v) Pejabat Daerah Tampin telah membina tempat menunggu bas di Kampung Pondo dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Kerja pembinaan ini, pada pendapat Audit sepatutnya diletakkan di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan.

Mengikut Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, pertindihan kerja tidak dapat dielakkan kerana projek adalah untuk kepentingan awam dan atas arahan Kerajaan Negeri.

22.2.5 **Pembinaan Jambatan Konkrit Di Kg. Tengah, Ulu Jelebu**

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2001 telah menetapkan beberapa syarat mengenai peraturan perolehan kerja kecil. Pekeliling ini telah menerangkan dengan jelas tentang beberapa garis panduan yang patut dipatuhi berkaitan dengan kerja yang melibatkan perubahan struktur, elektrik dan mekanikal. Ini bertujuan bagi memastikan kualiti kerja pembinaan telah mematuhi piawaian yang ditetapkan. Untuk tujuan itu pihak Jabatan telah menyediakan anggaran kos bagi pembinaan jambatan berjumlah RM56,287 manakala harga yang ditawarkan melalui sebut harga berjumlah RM53,804. Satu lawatan Audit bersama Juruteknik Pejabat Daerah Jelebu telah dilakukan ke tapak projek pembinaan jambatan konkrit di Daerah Jelebu. Mengikut spesifikasi kerja jambatan sepatutnya berukuran panjang 60 kaki X 10 kaki lebar. Hasil pemeriksaan dan pengukuran semula yang dibuat menunjukkan keadaan berikut:

- Panjang sebenar jambatan yang dibina ialah 46 kaki panjang dan lebar 10 kaki.
- Reka bentuk jambatan ini agak berbeza di mana ia menggunakan tiang besi "*I*" *beam* yang menyokong lantai dan dipasang terus ke dasar sungai. Spesifikasi kerja bagi pembinaan jambatan ini tidak dinyatakan dalam anggaran kos kerja yang disediakan oleh Jabatan.
- *Railing* yang dipasang berukuran agak kecil berbanding dengan ukuran bagi projek JKR.
- Pada bulan Disember 2003 pihak kontraktor telah dibayar sejumlah RM57,815.

Mengikut penjelasan Pejabat Daerah Jelebu, perubahan dalam spesifikasi kerja terpaksa dibuat kerana lokasi pembinaan telah berubah. Walau bagaimanapun, perubahan spesifikasi kerja ini tidak dibuat pindaan dalam surat tawaran kerja.

22.2.6 Pembayaran Bagi Projek Belum Siap

Mengikut peraturan, sijil perakuan siap kerja hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor apabila kerja telah disahkan sempurna. Lawatan Audit ke projek balai raya di Kampung Petasih, Jelevu pada bulan Februari 2004 mendapati balai raya belum dibekalkan elektrik, air dan alat kelengkapan sebagaimana yang sepatutnya. Sungguhpun demikian, semakan Audit ke atas rekod yang diselenggara, mendapati kos bagi projek ini bernilai RM74,976 telahpun dijelaskan kesemuanya pada bulan Disember 2003. Mengikut penjelasan yang diberi oleh Pejabat Daerah Jelevu pada bulan April 2004, semua kekurangan seperti yang dilaporkan telahpun disempurnakan.

Pihak Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pegawai Pengawal bagi program sepatutnya menetapkan satu dasar atau garis panduan yang menyeluruh mengenai pelaksanaan program ini. Walaupun kaedah perlantikan kontraktor masih mematuhi Pekeliling Perbendaharaan dan mengguna pakai sebahagian peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar sebagai panduan untuk melaksanakan program Kerajaan Negeri, akan tetapi spesifikasi dan reka bentuk pembinaan masih mengikut budi bicara Pejabat Daerah, sepatutnya mesti wujud satu spesifikasi dan reka bentuk yang tetap.

22.3 PEMANTAUAN

22.3.1 Pemantauan Oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pegawai Pengawal bertanggungjawab sepenuhnya atas program pelbagai ini. Bagi melaksanakan program ini, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah mengeluarkan waran peruntukan kecil kepada Pejabat Daerah bagi membolehkan Pejabat Daerah melaksanakan apa jua projek kecil yang dirancang. Semakan Audit mendapati Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah meletakkan seluruh tanggungjawab bagi merancang dan melaksanakan program ini

kepada Pejabat Daerah. Pihak Setiausaha Kerajaan Negeri tidak membuat pemantauan terus terhadap pelaksanaan program ini kerana telah dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada Pejabat Daerah. Sepatutnya Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri membuat pemantauan terhadap pelaksanaan program oleh Pejabat Daerah. Pegawai yang bertanggungjawab hendaklah membuat lawatan fizikal untuk menentukan kemajuan projek dan mendapatkan laporan mengenainya.

22.3.2 Pemantauan Oleh Pejabat Daerah

Pejabat Daerah selaku jabatan yang melaksanakan projek telah menetapkan tanggungjawab untuk memantau kemajuan pelaksanaan program kepada Juruteknik Pembangunan dan Penghulu Mukim. Namun begitu tanggungjawab ini tidak dijalankan dengan baik sehingga menyebabkan berlakunya kelemahan seperti dinyatakan di atas. Laporan berkaitan dengan kemajuan projek juga tidak disediakan dan dikemukakan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Pada pandangan Audit, pemantauan terhadap program ini masih perlu dipertingkatkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pegawai Pengawal program dan tidak menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab ini kepada Pejabat Daerah.

23. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada pandangan Audit, hasrat Kerajaan Negeri untuk menyediakan prasarana yang sempurna dan lengkap kepada penduduk luar bandar adalah baik. Bagaimanapun pelaksanaan program ini masih boleh dipertingkatkan. Pihak Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pegawai Pengawal hendaklah menetapkan satu dasar atau garis panduan yang khusus mengenai program ini. Walaupun agensi pelaksana tertakluk kepada pekeliling yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan namun tidak semua peraturan yang ada dapat dipatuhi. Pada masa ini Pejabat Daerah mengguna pakai sebahagian daripada peraturan yang

keluarkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar sebagai panduan untuk melaksanakan program projek pelbagai.

Pada mesyuarat yang diadakan pada bulan April 2004, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri memaklumkan pihaknya bersetuju dengan pandangan Audit dan akan menyediakan satu garis panduan yang terperinci dan menyeluruh mengenai peraturan pelaksanaan projek pelbagai. Dalam penyediaan garis panduan tersebut, pihaknya akan mengambil kira pandangan Audit agar projek yang dilaksanakan kelak tidak bertindih dengan projek yang dilaksanakan oleh agensi lain. Garis panduan ini tidak akan mengambil kira projek jalan kampung sebagai projek kecil kerana ianya tergolong sebagai projek Persekutuan.

JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN NEGERI SEMBILAN

PEMBANGUNAN PROJEK TERNAKAN RUSA

24. LATAR BELAKANG

Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Sembilan (Jabatan) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan mula menternak rusa pada tahun 1988. Sebagai permulaan, sebanyak 40 ekor rusa terdiri daripada 4 ekor rusa jantan dan 36 rusa betina telah ditenak. Baka rusa telah dibeli dari Negara Mauritius dari jenis Rusa Jawa (*Cervus Timorensis*). Baka ini dipilih atas nasihat Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia yang pernah menternak rusa di Ladang Ternakan Haiwan, Ijok, Selangor. Rusa jenis ini dipilih kerana dapat menyesuaikan diri pada keadaan persekitaran tropika dan mempunyai kemampuan untuk membiak dengan baik. Ia sebagai satu pilihan yang tepat dalam pembangunan ternakan rusa di Negeri Sembilan khususnya dan negara amnya. Kesemua 40 ekor rusa yang mula dipelihara telah ditempatkan di Ladang Ternakan Serting Ilir yang mempunyai keluasan lebih kurang 23 hektar sebelum dipindahkan ke Ladang Ternakan Rusa di rizab Padang Ragut Gemencheh yang keluasannya lebih kurang 7.6 hektar. Kos permulaan untuk projek pembangunan ternakan rusa di rizab padang ragut Gemencheh berjumlah RM161,192.

Jabatan kini sedang mengusahakan 4 buah ladang ternakan rusa milikan Kerajaan Negeri Sembilan melalui pembangunan rizab padang ragut iaitu di Taman Sumber Ilmu, Pantai Seremban, Pusat Sumber Ternakan Siliau, Pusat Pelancongantani Titian Bintangor dan Ladang Rusa di Pusat Pembangunan Industri Ternakan, Gemencheh (PPIT)/Pusat Haiwan Kecil Gemencheh. Keluasan keseluruhan bagi keempat ladang ini dianggarkan seluas 92 hektar. Selain itu ada satu lagi ladang ternakan rusa milikan Kerajaan Negeri Sembilan dalam pembangunan iaitu Ladang Ternakan Rusa berkonsepkan *agroforestry*, di Kampung Renal Gelu, Jelebu.

Sehingga Disember 2003, Jabatan mempunyai lebih kurang 700 ekor rusa yang di tempatkan di ladang ternakan rusa di bawah kelolaan Jabatan

Perkhidmatan Haiwan Negeri Sembilan. Rusa yang diternak terdiri daripada 3 spesis iaitu Rusa Sambar (*Cervus Unicolor*), Rusa Jawa (*Cervus Timorensis*) dan Rusa Bintik (*Cervus Axis*).

25. OBJEKTIF AUDIT

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sejauh mana usaha Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Sembilan untuk menggalakkan penternakan rusa di kalangan penternak negeri ini tercapai. Selain itu, untuk menilai sama ada projek ternakan rusa telah dapat membantu dalam mempromosikan industri pelancongan negeri.

26. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi Projek Ternakan Rusa di Negeri Sembilan yang dilaksanakan bagi tahun 2001 hingga 2003. Projek ini dipilih kerana ianya merupakan antara aktiviti utama Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Sembilan. Semasa menjalankan pemeriksaan, semua rekod dan dokumen yang berkaitan dari mula program dirancang hingga pelaksanaannya ke tarikh pengauditan telah disemak. Selain dari menjalankan pemeriksaan di peringkat Jabatan, lawatan juga dibuat ke kawasan ladang ternakan rusa Jabatan. Temu bual juga diadakan dengan pegawai yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan penternakan rusa bagi tujuan mendapatkan maklumat lanjut.

27. PENEMUAN AUDIT

27.1 PERANCANGAN

Projek ternakan rusa dirancang oleh Jabatan bagi mempelbagaikan produk ternakan di Negeri Sembilan. Perancangan yang kemas dan teliti adalah amat penting dalam menentukan pencapaian sesuatu projek. Perancangan projek ini adalah meliputi aspek seperti berikut:

27.1.1 Objektif Projek

Melalui kertas yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan pada tahun 1988, Jabatan telah mencadangkan supaya penternakan rusa dibuat secara besaran bagi memenuhi objektif berikut:

- i) Mendapatkan baka rusa yang sesuai untuk dibekalkan kepada penternak tempatan.
- ii) Membekalkan daging rusa kepada yang meminatinya, khususnya bagi mereka yang meminati daging exotik.
- iii) Menjadikan program penternakan rusa sebagai usaha ke arah menarik lebih ramai pelancong melawat Negeri Sembilan melalui konsep *agrotourism*.
- iv) Memproses tanduk velvet rusa jantan untuk tujuan perubatan khususnya dan juga lain-lain aktiviti hiliran yang dapat memberi nilai tambah kepada aktiviti penternakan rusa.
- v) Membantu mengekalkan baka rusa yang hampir pupus melalui aktiviti konservasi.
- vi) Memperkenalkan aktiviti penternakan rusa secara komersil sebagai satu jenis ternakan baru yang berpotensi untuk diterokai.

Walau bagaimanapun, semakan Audit mendapati ada antara objektif asal telah diubah mengikut keperluan semasa perancangan Kerajaan Negeri Sembilan. Kini ada 2 objektif utama iaitu untuk memperkenalkan ternakan rusa sebagai satu jenis ternakan baru serta mengembangkan aktiviti *agrotourism* dan *agroforestry* melalui penternakan rusa.

27.1.2 Pemilihan Rusa

Pada peringkat awal perancangan program, Jabatan telah menghantar seorang Penolong Pegawai Veterinar ke New Caledonia dan New Zealand untuk menjalani kajian dan latihan

mengenai penternakan rusa. Sekembalinya beliau pada tahun 1988, Jabatan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan telah membeli 40 ekor baka Rusa Jawa (*Cervus Timorensis*) daripada Mauritius. Adalah difahamkan rusa jenis itu amat sesuai dengan persekitaran dan iklim Negara ini. Sebagai usaha ke arah program konservasi, Jabatan akan menambah baka yang ada dengan baka rusa dari spesis lain seperti Rusa Sambar (*Cervus Unicolor*) dan Rusa Bintik (*Cervus Axis*).

i) Rusa Sambar (*Cervus Unicolor*)

Rusa Sambar boleh ditemui di negara kawasan Khatulistiwa yang beriklim tropika seperti di Malaysia, Indonesia dan India. Rusa ini merupakan spesis haiwan yang terkawal dan dijangka akan pupus sekiranya usaha pemuliharaan tidak dilaksanakan segera. Ianya berbadan besar dan berat badan bagi rusa jantan dewasa dalam lingkungan 150 kg hingga 180 kg manakala rusa betina dewasa pula mempunyai purata berat badan dalam lingkungan 100 hingga 130 kg. Bulunya berwarna coklat manakala bulu di bahagian leher badan berwarna oren atau kekuningan. **Foto 4** menunjukkan kumpulan Rusa Sambar di Ladang Rusa Taman Sumber Ilmu.

ii) Rusa Jawa (*Cervus Timorensis*)

Rusa Jawa berasal daripada kepulauan Jawa. Spesis ini berbulu pendek, berwarna coklat gelap dan bertubuh sasar. Berat badannya antara 80 hingga 90 kg untuk jantan dewasa manakala rusa betina dewasa pula berat badan adalah dalam lingkungan 60 hingga 70 kg. Rusa dari spesis ini merupakan rusa pilihan untuk dibiakkan di negara ini. **Foto 5** menunjukkan kumpulan Rusa Timorensis di Ladang Rusa Titian Bintangor. Kadar produktiviti dan pembiakannya yang baik telah menyebabkan rusa jenis ini mendapat

tempat dalam program pembangunan ternakan rusa di kebanyakan negeri di Malaysia masa kini.

iii) Rusa Bintik (*Cervus Axis*)

Rusa bintik berasal daripada Negara India, Bangladesh dan Sri Lanka dan ianya juga dikenali sebagai rusa chital atau rusa berbintik India. Ianya bertubuh kecil dan berat badannya antara 40 hingga 50 kg untuk betina dewasa manakala untuk jantan dewasa berat badan adalah dalam lingkungan 60 hingga 70 kg. Bulunya berwarna coklat kemerahan dan bertompok putih di kiri dan kanan badan. **Foto 6** menunjukkan rusa bintik di Ladang Rusa Taman Sumber Ilmu. Rusa ini agak sensitif dan sukar untuk dijinakkan tetapi mudah untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran kawasan beriklim tropika dan mempunyai produktiviti yang tinggi dalam pembiakan.

Foto 4

Rusa Sambar Di Taman Sumber Ilmu



*Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh :29 Disember 2003*

Foto 5

Rusa Jawa Di Titian Bintangor



*Sumber: Foto Jabatan Perkhidmatan Haiwan
Tarikh :29 Disember 2003*

Foto 6

Kumpulan Rusa Bintik Di Ladang Rusa Taman Sumber Ilmu



*Sumber: Foto Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Sembilan
Tarikh :29 Disember 2003*

27.1.3 Pembukaan Ladang Ragut

Mengikut perancangan awal, Jabatan dikehendaki melaksanakan program penternakan rusa secara perladangan. Ladang yang dibangunkan untuk tujuan ini adalah merupakan rizab padang ragut yang telah diwartakan kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Sembilan oleh Kerajaan Negeri. Kawasan yang dibangunkan ini akan ditanam dengan rumput ragut. Rumput jenis ini adalah sesuai untuk makanan rusa. Jabatan telah merancang membuka beberapa kawasan padang ragut bagi tujuan ini. Padang ragut yang pertama dibangunkan pada tahun 1988 di Gemencheh dengan keluasan lebih kurang 7.6 hektar. Sebagai permulaan, 40 ekor rusa akan ditenak di ladang itu. Memandangkan program ini berpotensi untuk dimajukan maka cadangan juga dibuat bagi membuka padang ragut di tempat lain seperti di Titian Bintangor dan Taman Sumber Ilmu. Ladang di Siliau yang asalnya untuk tujuan ternakan lembu telah ditanam dengan rumput ragut untuk tujuan yang sama.

27.1.4 Kaedah Pelaksanaan

Semua ladang ternakan rusa Jabatan adalah diurus dan dikendalikan sendiri oleh kakitangan Jabatan. Bagi kerja permulaan seperti pembersihan kawasan, pemasangan pagar, penyediaan rumah gelap, saliran serta jalan, ianya diserahkan kepada pihak luar untuk menguruskannya. Penyelenggaraan ladang dijalankan oleh kakitangan Jabatan.

Selain dari rumput, rusa juga diberi makanan tambahan seperti '*deer pellet*'. Makanan ini dibekalkan oleh kontraktor yang dilantik sejak tahun 2001. Pemilihan kontraktor dibuat melalui sebut harga dan tawaran diberi kepada pihak yang menawarkan harga yang terendah.

27.1.5 Pembangunan Pusat *Agrotourism*

Sehubungan dengan penternakan rusa untuk dijadikan tempat tarikan pelancong, Jabatan telah merancang membangunkan Pusat Pelancongantani di Titian Bintangor dan juga di Taman Sumber Ilmu, Pantai. Antara daya tarikan pelancong ke tempat ini ialah pemeliharaan rusa jinak yang mana membolehkan pelancong bergambar dengan rusa dan di samping itu memberi makan rusa. Selain itu, infrastruktur lain juga akan dibangunkan seperti tempat berehat, chalet dan menara. Jabatan juga merancang untuk membina sebuah mini muzium untuk memberi penerangan kepada pengunjung mengenai jenis rusa yang dipelihara. Maklumat biologi serta catatan berkenaan lokasi dan aktiviti pembiakan rusa juga akan dipamirkan.

27.1.6 Pembukaan Ladang Mengikut Konsep *Agroforestry*

Selain dari pembukaan ladang ragut, Jabatan juga merancang untuk membuka ladang yang berkonsepkan *agroforestry* di mana persekitarannya tidak berbeza daripada habitat asal yang terdapat dalam hutan. Tujuannya supaya rusa dapat hidup dalam

suasana habitat yang asal dan di samping itu mengekalkan keindahan alam. Kawasan ladang yang dikenal pasti adalah di Kg. Renal Geliu, Jelebu seluas lebih kurang 26 hektar. Kos bagi membuka ladang pada fasa pertama ini dianggarkan berjumlah RM175,000 termasuk kerja pembersihan kawasan, penyediaan saluran dan pemasangan pagar. Kos ini tidak termasuk membina rumah gelap. Adalah dianggarkan kira-kira 200 hingga 300 ekor rusa dapat ditenak di ladang tersebut. Buat permulaan, sebilangan rusa dari ladang ternakan rusa Titian Bintangor akan dipindahkan ke ladang ini.

27.1.7 Strategi Pelaksanaan

Jabatan selaku pihak yang melaksanakan projek penternakan rusa di Negeri Sembilan adalah bertanggungjawab untuk merangka strategi jangka pendek dan jangka panjang dalam pembangunan ternakan rusa. Bagi strategi jangka pendek, Jabatan merancang menternak rusa secara perladangan di kawasan rizab padang ragut di bawah kawalan Jabatan manakala bagi strategi jangka panjang, Jabatan merancang untuk memperkenalkan projek ternakan rusa di kalangan pengusaha dan individu yang berminat menternaknya. Melalui sistem pawah yang akan diperkenalkan, Jabatan akan membekalkan baka rusa jantan dan betina dewasa manakala penternak dikehendaki menyediakan tempat pemeliharaan serta keperluan lain seperti padang ragut, rumah gelap dan sebagainya. Usahasama secara perkongsian ini akan dimeterai melalui perjanjian dan akan selesai apabila pengusaha/individu dapat menukar ganti baka rusa yang diterima daripada Jabatan dengan seekor anak rusa betina berumur 1 tahun. Penternak diberi tempoh 5 tahun untuk menukar ganti baka rusa yang dibekalkan dari Jabatan.

27.1.8 Strategi Pemasaran

Peranan Jabatan dalam pemasaran rusa hidup tidaklah begitu ketara kerana matlamat jangka panjang Jabatan adalah untuk tujuan penambahbaikan *genetic* ternakan. Mengenai strategi pemasaran daging rusa, Jabatan merancang melantik agen atau orang perseorangan untuk memasarkannya. Oleh yang demikian strategi pemasaran ternakan rusa yang dikendalikan oleh Jabatan pada masa terdekat dan akan datang mempunyai 2 matlamat iaitu sebagai pembekal baka rusa untuk tujuan pembiakan dan pada masa yang sama mendapat manfaat dalam bentuk penjualan daging rusa.

Semua permintaan daging rusa yang diterima oleh Jabatan masa kini dikendalikan oleh individu atau peniaga yang ada kaitan dengan pemasaran daging secara konvensional. Memandangkan penternakan rusa yang dikendalikan kini telah berpotensi untuk berkembang maka Jabatan perlu mengadakan satu perancangan yang strategik agar pemasaran baka rusa dan juga daging rusa yang ditenak di ladang rusa Jabatan dapat dijual apabila telah mencapai usia dan berat badan yang ditetapkan.

27.1.9 Keperluan Kewangan

Pada peringkat permulaan pembangunan, projek ternakan rusa memerlukan peruntukan kewangan yang besar. Kos pembangunan yang besar diperlukan bagi tujuan penyediaan infrastruktur seperti penyediaan padang ragut, rumah gelap, pagar dan kemudahan lain seperti jalan serta saluran air. Kos penyelenggaraan pula termasuk pembelian makanan tambahan rusa, pembaikan pagar sekiranya berlaku kerosakan dan pembelian baja rumput. Bagi tempoh tahun 2000 hingga 2003, Jabatan menganggarkan perbelanjaan berjumlah RM827,000 bagi menemui kos pembangunan dan kos penyelenggaraan. Sumber kewangannya diperolehi daripada Kerajaan Negeri di bawah Program Pembangunan Ternakan Rusa. Perbelanjaan

yang dianggarkan bagi projek ini bagi tahun 2000 hingga 2003 adalah seperti di **Jadual 22** .

Jadual 22
Anggaran Perbelanjaan Bagi
Tahun 2000 Hingga 2003

Tahun	Peruntukan (RM)
2000	120,000
2001	200,000
2002	127,000
2003	380,000
Jumlah	827,000

Sumber: Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan

27.1.10 Guna Tenaga

Rusa adalah binatang ternakan yang mudah ditenak dan mengikut pengalaman Jabatan, penjagaan sepenuh masa tidak diperlukan. Berdasarkan kepada hakikat ini, Jabatan tidak merancang bagi mendapatkan kakitangan tambahan untuk kerja penjagaan rusa. Walau bagaimanapun, pihaknya memerlukan pekerja tambahan yang pakar dalam bidang pembiakan dan pengurusan ladang. Tugas pekerja ladang yang kebanyakannya terdiri dari kalangan kakitangan Jabatan termasuk menjaga kebersihan tempat ternakan, memastikan rusa yang ditenak mendapat makanan dan minuman yang cukup dan bersih serta memastikan rusa sentiasa sihat. Tugas lain termasuk memastikan kawasan ternakan rusa sentiasa selamat dari ancaman luar seperti anjing liar.

Pada pandangan Audit, Jabatan hendaklah mempunyai perancangan yang jelas mengenai jumlah rusa yang perlu ditenak mengikut ketentuan kawasan yang sedia ada dan juga memastikan pengeluaran

daging rusa dapat memenuhi permintaan pasaran. Sehubungan dengan ternakan rusa sebagai tarikan pelancong, Jabatan hendaklah menjalin usahasama dengan Majlis Pelancongan Negeri Sembilan bagi mengatur beberapa strategi jangka panjang agar matlamat memajukan sektor pelancongantani dapat dicapai.

27.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan projek hendaklah berdasarkan kepada perancangan yang telah ditetapkan. Aspek pelaksanaan yang diperhatikan dalam projek ternakan rusa adalah seperti berikut:

27.2.1 Pembangunan Ladang Ternakan Rusa

Sehingga kini ladang ternakan rusa yang dikendalikan oleh Jabatan adalah di Taman Sumber Ilmu, Seremban, Pusat Pelancongantani Titian Bintangor, Pusat Pembangunan Industri Ternakan Gemencheh dan Pusat Ternakan Siliau. Ada di antara ladang ini dibuka sejak tahun 1988. Selain itu, satu ladang baru sedang dibangunkan dikenali sebagai Ladang Ternakan Rusa berkonsepkan *agroforestry* di Kg. Renal Geliu, Jelebu. Kos pembangunan untuk kesemua ladang ini berjumlah RM828,186. Kos pembangunan ini adalah termasuk pemasangan pagar, pembinaan rumah gelap, penanaman rumput ragut, pembelian baka dan penyediaan infrastruktur asas seperti saluran air dan jalan. Butiran kos pembangunan mengikut ladang adalah seperti di **Jadual 23**.

Jadual 23

Kos Bagi Membangunkan Ladang Ternakan Rusa

Bil	Projek	Tahun Dibangunkan	Kos (RM)
1.	Pusat Pembangunan Industri Ternakan Gemencheh	1988	60,000
2.	Pusat Sumber Ternakan Siliau	1991	80,000
3.	Pusat Pelancongantani Titian Bintangor	1996	323,218
4.	Taman Sumber Ilmu, Pantai	1997	189,968
5.	Ladang Agroforestry, Kg. Renal Geliau, Jelebu (Dalam pembinaan)	2003	175,000
	Jumlah		828,186

Sumber: Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Sembilan

27.2.2 Perbelanjaan Penyelenggaraan Ladang Rusa

Selain daripada perbelanjaan pembangunan, Jabatan juga membuat perbelanjaan lain seperti pembelian makanan tambahan rusa, pembelian baja rumput, selenggaraan seperti membaiki serta mengganti pagar di mana perlu dan 'service cut' iaitu memotong rumput yang telah diragut oleh rusa agar ia tumbuh semula dengan rata. Perbelanjaan yang dibuat bagi tujuan ini untuk tempoh tahun 2000 hingga 2003 adalah berjumlah RM825,836.

Peningkatan perbelanjaan berlaku pada tahun 2003 disebabkan rusa yang ditenak telah membiak. Pada tahun 2003, bilangan rusa yang ditenak berjumlah 656 ekor berbanding dengan lebih kurang 450 ekor pada tahun 2000. Bilangan rusa yang bertambah dan perubahan konsep serta pendekatan yang diikuti masa kini telah menyebabkan Jabatan membuka sebuah lagi ladang ternakan rusa berkonsepkan *agroforestry* di Kg. Renal Geliau, Jelebu. Semakan Audit mendapati Jabatan telah berbelanja secara berhemat. Butiran perbelanjaannya seperti di **Jadual 24**.

Jadual 24
Perbelanjaan Penyelenggaraan Ladang
Bagi Tempoh Tahun 2000 Hingga 2003

Tahun	Perbelanjaan (RM)
2000	119,884
2001	199,039
2002	126,964
2003	379,949
Jumlah	825,836

Sumber: Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan

27.2.3 Memagar Kawasan Ternakan

Setelah mengenal pasti lokasi yang sesuai untuk dijadikan ladang ternakan rusa, Jabatan telah mengambil tindakan memagarkannya. Mengikut perkiraan Jabatan, kos pemagaran adalah agak tinggi untuk kawasan seluas 20.6 hektar bagi pemeliharaan lebih kurang 100 ekor rusa. Ini disebabkan pagar yang digunakan bukan dari jenis pagar biasa tetapi dari jenis *cyclone* iaitu jenis yang tahan lasak serta tidak mudah berkarat dan boleh digunakan lebih daripada 15 tahun.

Ketinggian pagar adalah 7 kaki dari paras tanah. Pagar dibina tinggi agar rusa tidak mudah melompat keluar. Selain itu, satu lagi lapisan pagar keselamatan dibina di sekelilingnya dikenali dengan pagar parameter. Jarak antara pagar *cyclone* dan pagar parameter adalah lebih kurang 4 hingga 5 kaki dan ini dapat dijadikan laluan bagi pekerja membuat rondaan. Kedua jenis pagar ini dijangka dapat digunakan selama 15 hingga 20 tahun dengan syarat sentiasa diawasi dari dicerobohi sama ada oleh manusia mahu pun binatang buas. Jabatan sentiasa memeriksa dan mengawasi pagar ternakan rusa agar sentiasa dalam keadaan baik dan selamat.

Pada pendapat Audit, kos pemagaran yang tinggi menggunakan pagar jenis *cyclone* boleh menyebabkan projek penternakan rusa kurang mendapat sambutan daripada kalangan para penternak. Walaubagimana pun penggunaan pagar jenis *cyclone* untuk penternakan rusa adalah lebih menguntungkan dalam jangka panjang kerana ia tahan berbanding dengan pagar jenis *chainlink* yang mudah berkarat dan kurang memberi keselamatan pada ternakan rusa yang dipelihara.

27.2.4 Penanaman Rumput

Makanan utama rusa adalah rumput. Walaupun rusa makan semua jenis rumput, tetapi jenis rumput yang paling sesuai dari sudut kandungan nutrient bagi rusa adalah jenis *Setaria*, *Bracharia Humidicola* dan *Guinea* yang tidak terdapat di Negara ini. Oleh itu, Jabatan telah menanamnya melalui biji benih yang diimport. Penanamannya dibuat mengikut konsep padang ragut. Hasil dari usaha tanaman yang dijalankan, Jabatan kini mempunyai 4 padang ragut seluas lebih kurang 92 hektar iaitu di Taman Sumber Ilmu Pantai, Siliau, Gemencheh dan Titian Bintangor.

Untuk memastikan rumput yang ditanam tidak kehabisan diragut oleh rusa, penanamannya telah dibahagikan kepada beberapa petak (*paddock*). Setiap petak mempunyai keluasan antara 2.5 ekar dan 5 ekar dan boleh menampung keperluan antara 30 hingga 80 ekor rusa untuk tempoh selama 10 hingga 14 hari. Bagi memastikan bekalan rumput berterusan dan tidak terputus, tempoh ragutan dalam sesuatu petak ditentukan secara pusingan.

Rusa dipindahkan dari satu petak ke satu petak yang lain apabila rumput di sesuatu petak itu telah diragut secukupnya. Pindahan ini dibuat bagi memastikan rumput yang telah diragut dapat

tumbuh semula. Mengikut kiraan Jabatan, rumput memerlukan masa antara 30 hingga 35 hari untuk tumbuh semula. Bagi memastikan rumput yang ditanam sentiasa subur, Jabatan melaksanakan program pembajaan setiap 3 hingga 4 kali setahun mengikut keadaan dengan menggunakan pelbagai jenis baja seperti baja urea, baja TSP dan baja MOP.

Oleh kerana ternakan rusa memerlukan tanah yang agak luas bagi tujuan penanaman rumput ragut dan sebagainya, Jabatan hendaklah mencari satu kaedah baru seperti memperkenalkan penternakan rusa secara intensif dengan menggunakan teknik pemotongan rumput. Dengan cara ini tanah/kawasan yang luas tidak diperlukan. Kaedah seperti ini adalah lebih kondusif dan sesuai di kalangan penternak yang tidak mempunyai tanah yang luas.

27.2.5 Pembinaan Rumah Gelap

Di setiap ladang ternakan rusa, Jabatan telah membina sebuah rumah gelap. Tujuan rumah gelap ini dibina adalah untuk memudahkan rusa ditangkap bagi tujuan pemeriksaan rawatan, sembelihan dan pemindahan. Mengikut kajian, rusa akan menjadi jinak dan mudah dikawal apabila berada dalam keadaan sunyi dan gelap. Rumah gelap yang dibina mempunyai satu pintu berputar dan sebuah tempat khas bagi menangkap rusa yang masuk ke dalamnya. Rumah gelap di Ladang Rusa Siliau telah dibina pada tahun 1991 manakala di Gemencheh pada tahun 1988 dan keduanya diperbuat daripada kayu. Rumah gelap di Ladang Rusa Taman Sumber Ilmu dibina pada tahun 1997 dan di Titian Bintangor pada tahun 1995, dan keduanya diperbuat daripada konkrit. Kos pembinaan bagi sebuah rumah gelap konkrit dianggarkan antara RM35,000 hingga RM40,000 mengikut saiz serta peralatan yang hendak digunakan. Pemeriksaan Audit mendapati rumah gelap di Siliau dan Gemencheh telah usang dan tidak begitu selamat untuk

digunakan. Mengikut Jabatan, usaha sedang diambil untuk membinanya semula mengikut ciri rumah gelap konkrit yang dibina di Ladang Rusa Taman Sumber Ilmu. **Foto 7 dan 8** adalah rumah gelap di Taman Sumber Ilmu dan Ladang Siliu.

Foto 7
Rumah Gelap Konkrit Di Ladang
Rusa Taman Sumber Ilmu



Foto 8
Rumah Gelap Papan Di Ladang
Rusa Siliu



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 29 Disember 2003

27.2.6 Pembelian Baka Rusa

Untuk tujuan pembiakan dan pembakaan, Jabatan telah mendapatkan jenis baka rusa yang baik daripada beberapa sumber tempatan. Pada tahun 1998, Jabatan telah mendapatkan 25 baka Rusa Bintik secara pindah stok daripada Ladang Jabatan Perkhidmatan Haiwan Behrang Ulu, Perak dan pada masa yang sama, Jabatan juga telah membeli 5 ekor baka Rusa Sambar daripada pembekal tempatan dengan kos RM25,500. Selain itu, Jabatan juga membeli 13 ekor Rusa Jawa (*Cervus timorensis*) daripada Ladang Infoternak di Sg. Siput dengan harga keseluruhan RM19,500 iaitu RM1,500 seekor. Kesemua rusa yang dibeli telah ditempatkan di ladang ternakan rusa Jabatan untuk tujuan pembakaan.

Rusa yang dipilih untuk dijadikan baka adalah dari jenis yang baik dan bersesuaian dengan iklim Negara ini. Pembelian baka rusa untuk tujuan pembakaan adalah diperlukan untuk menjamin dan mempertingkatkan nilai genetik pada rusa yang ditenak di semua ladang ternakan rusa Jabatan. Butiran pembelian baka dan penempatannya seperti di **Jadual 25**.

Jadual 25
Pembelian Baka Rusa Dan Penempatannya

Tahun	Ladang Jabatan	Baka Rusa	Bilangan (Ekor)	Harga (RM)
1988	Gemencheh	Timorensis	40	84,000
1998	Sumber Ilmu	Sambar	6	31,500
1998	Sumber Ilmu	Axis-axis	25	Pindahan stok
1999	Sumber Ilmu	Sambar	1	6,000
2001	Titian Bintangor	Timorensis	13	19,500
	Jumlah		85	141,000

Sumber: Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan

27.2.7 Penjagaan Rusa

Rusa agak mudah dipelihara dan tidak memerlukan ramai penjaga. Mengikut kajian Jabatan, seseorang pekerja boleh menjaga lebih kurang 100 ekor rusa. Kerja penjagaan yang diperlukan antaranya memastikan makanan dan air minuman rusa sentiasa cukup dan rusa dalam keadaan sihat. Jabatan telah menggunakan kakitangannya untuk menjaga rusa yang dipelihara di semua ladang ternakannya. Lawatan Audit ke Ladang Rusa Titian Bintangor mendapati 3 pekerja Jabatan telah ditempatkan untuk menjaga ladang ternakan rusa seluas 37.5 hektar sepenuh masa. Seorang dari pekerja tersebut terdiri dari kalangan Pembantu Haiwan Gred G22 manakala 2 yang lain adalah kakitangan rendah sementara. Sebanyak 225 ekor Rusa Jawa (*Cervus timorensis*) dan 22 ostrich ditenak di ladang itu.

Tinjauan yang sama di 3 buah ladang ternakan rusa yang lain juga mendapati bilangan kakitangan yang ditempatkan di ladang ternakan adalah mengikut bilangan rusa yang ditenak. Butiran penjagaan ladang ternakan rusa yang dikendalikan oleh Jabatan seperti di **Jadual 26**.

Jadual 26
Butiran Penjagaan Ladang Ternakan Rusa

Bil.	Ladang Rusa	Keluasan (Hektar)	Bilangan Rusa (Ekor)	Bil. Pekerja
1.	Taman Sumber Ilmu	20.6	183	3
2.	Gemencheh	7.6	78	2
3.	Titian Bintangor	37.5	225	3
4.	Siliau	26	200	3
	Jumlah	91.7	686	11

Sumber: Rekod Jabatan Haiwan Perkhidmatan Negeri Sembilan

Pada pendapat Audit, bilangan pekerja yang ditempatkan di setiap ladang ternakan rusa bagi tujuan penjagaan adalah seimbang. Selain dari menjaga rusa, pekerja juga terlibat dalam pelbagai kerja ladang seperti menyelenggara padang ragut dan menjaga kebersihan serta keselamatan kawasan ternakan.

27.2.8 Kesihatan Dan Penyakit Rusa

Mengikut kajian Jabatan, rusa kurang kena penyakit jika dibandingkan dengan binatang ternakan lain seperti kambing, lembu, arnab dan sebagainya. Oleh itu, kadar kematiannya juga rendah, sekitar satu peratus. Rusa mati kebiasaannya disebabkan oleh luka kerana merempuh pagar dan bergaduh sesama sendiri. Penyakit yang sering melanda rusa adalah penyakit luka berulat dan cacing. Penyakit ini tidak berjangkit dan cepat sembuh. Sungguhpun demikian, bagi memastikan rusa

yang ditenak sentiasa sihat, Jabatan telah menyediakan satu program rawatan kesihatan rusa mengikut jadual tertentu. Rawatan yang diberi termasuk pemberian ubat cacing 2 kali satu tahun dan rawatan kesihatan biasa. Bagi rusa yang luka akibat bergaduh semasa mengawan dan sebagainya, rawatan diberi selepas rusa yang sakit diasingkan ke suatu tempat yang dikhaskan dalam rumah gelap.

Pada pandangan Audit, Jabatan telah melaksanakan Program Kesihatan Rusa mengikut jadual yang ditetapkan.

27.2.9 Pencapaian Keseluruhan

Hasil daripada usaha gigih yang dijalankan oleh Jabatan, rusa yang ditenak kini telah dapat membiak dengan baik. Bermula dengan 40 ekor rusa yang ditenak pada tahun 1988 di sebuah ladang rusa seluas 7.6 hektar, Jabatan kini mempunyai anggaran sejumlah 751 ekor rusa yang dipelihara di 4 kawasan ternakannya seluas 92 hektar.

Walau bagaimanapun, jumlah sebenar yang dijual/disembelih sejak Jabatan memulakan projek ternakan rusa tidak diketahui kerana Jabatan hanya menyelenggara rekod mengenainya mulai tahun 2000. Mengikut Jabatan, kos pembelian rusa untuk tujuan pembiakan dan pembakaan yang dibeli oleh Jabatan pada tahun 1988 hingga kini bernilai RM141,000. Manakala anggaran kasar nilai stok rusa hidup yang ditenak di semua ladang ternakan rusa Jabatan pada tahun 2003 dianggarkan bernilai RM1.12 juta iaitu pada harga purata RM1,500 seekor. Pertambahan bilangan rusa bagi tempoh tahun 2000 hingga 2003 seperti di **Jadual 27**.

Jadual 27
Baki Stok Rusa Di Seluruh
Ladang Jabatan Pada Disember 2003

Tahun	Bilangan Rusa (Ekor)	Nilai (RM)
2000	206	309,000
2001	361	541,500
2002	684	1,026,000
2003	751	1,126,500

Sumber : Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan

Pada pendapat Audit, peningkatan bilangan rusa yang ditenak amatlah memberangsangkan. Sungguhpun demikian, dari segi kos mentenak, Jabatan tidak mempunyai data lengkap mengenainya. Adalah dicadangkan agar Jabatan menyediakan kos pengeluaran secara terperinci.

27.2.10 Kos Keseluruhan Projek Ternakan Rusa Jabatan

Tujuan asal Jabatan menceburi projek ternakan rusa adalah sebagai program dalam mempelbagaikan aktiviti ternakan Jabatan dan bukan bertujuan untuk mendapatkan keuntungan. Oleh itu, Jabatan tidak menyelenggara rekod yang lengkap dan data yang terperinci mengenai kos pemeliharaannya supaya dapat dibandingkan dengan pungutan hasil jualan rusa. Kos yang dimaksudkan terdiri dari kos berubah seperti pembaikan pagar dan rumah gelap, gaji pekerja, bayaran letrik dan air, pembelian baja dan benih, pemakanan tambahan dan sebagainya. Tanpa maklumat ini, pihak Audit tidak dapat membuat analisis sama ada projek ternakan rusa ini secara keseluruhannya menguntungkan Jabatan.

Pada pandangan Audit, Jabatan hendaklah membuat analisis sama ada projek yang dijalankan oleh pihaknya setakat ini

adalah menguntungkan ataupun sebaliknya. Analisis ini penting supaya dapat dijadikan panduan kepada para penternak yang ingin menceburi bidang ternakan rusa.

27.2.11 Pemasaran Rusa

Selain dari menternak rusa untuk tujuan pembiakan, Jabatan juga terlibat secara langsung dalam penjualan rusa hidup dan daging rusa. Rusa yang berumur antara 1½ tahun dan 2 tahun adalah sesuai untuk dijual/disembelih. Harga jualan daging rusa yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Kewangan Negeri adalah RM23 sekilo manakala harga jualan bagi rusa hidup adalah mengikut spesis rusa. Butiran harga rusa mengikut spesis adalah seperti di **Jadual 28**.

Jadual 28

**Harga Jualan Rusa Dewasa Hidup Mengikut Spesis
Yang Diluluskan Oleh Pihak Berkuasa Kewangan Negeri**

Bil	Spesis Rusa	Jenis	Harga Seekor (RM)
1.	Rusa Jawa (<i>Cervus Timorensis</i>)	Jantan Betina	2,300 2,200
2.	Rusa Bintik (<i>Cervus Axis</i>)	Jantan Betina	2,100 2,000
3.	Rusa Sambar (<i>Cervus Unicolor</i>)	Jantan Betina	2,600 2,500

Sumber : Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan

Mengenai penjualan daging rusa, tidak ada sebarang promosi dijalankan oleh Jabatan. Ianya bergantung kepada permintaan. Kebiasaannya pada musim perayaan, permintaan daging rusa amat menggalakkan. Dalam musim begini, adakalanya permintaan untuk mendapatkan daging rusa tidak dapat dipenuhi kerana kekurangan bekalan. Bagi tempoh tahun 2000 hingga 2003 sejumlah 149 ekor rusa bernilai RM158,420 telah disembelih dan yang dijual hidup berjumlah 39 ekor dengan nilai

RM68,600. Butiran penjualan daging rusa dan rusa hidup seperti di **Jadual 29**

Jadual 29
Bilangan Rusa Yang Dijual Hidup
Dan Disembelih Bagi Tahun 2000 Hingga 2003

Tahun	Bil. Sembelih (Ekor)	Nilai (RM)	Jual Hidup (Ekor)	Nilai (RM)
2000	16	12,980	-	-
2001	28	29,280	-	-
2002	57	67,560	22	34,500
2003	48	48,600	17	34,100
Jumlah	149	158,420	39	68,600

Sumber : Rekod Jabatan Perkhidmatan Haiwan N.S

Bagi memastikan daging rusa pada musim tertentu seperti musim perayaan, perkahwinan dan sebagainya dapat dipenuhi, Jabatan hendaklah merancang ternakannya supaya pengeluarannya kelak dapat memenuhi permintaan pasaran.

27.2.12 **Pembangunan *Agrotourism***

Pembukaan ladang ternakan rusa di Pusat Pelancongantani Titian Bintangor dan di Taman Sumber Ilmu pada tahun 1996 dan 1997 antaranya bermotifkan *agrotourism*. Di ladang rusa Titian Bintangor yang mempunyai keluasan 37.5 hektar telah dibina 4 buah chalet, sebuah menara, kawasan perkhemahan dan dipelbagaikan lagi dengan pemeliharaan ostrich. Kos keseluruhan untuk membangunkan Pusat Pelancongantani ini berjumlah RM323,218. Di Taman Sumber Ilmu pula, sebagai tarikan pelancongan, lima ekor unta dan pelbagai jenis unggas dipelihara. Selain itu, beberapa kawasan pelancongan juga dibangunkan di tempat itu. Kos keseluruhan bagi membangunkan Taman Sumber Ilmu berjumlah RM189,967.

Sungguhpun pelbagai kemudahan disediakan untuk menarik pelancong, sambutannya tidak begitu menggalakkan. Jabatan tidak menyelenggara Daftar Lawatan Pelancong dan oleh itu bilangan pelancong yang melawat kawasan ini tidak diketahui. Lawatan Audit ke kawasan pelancongan ini mendapati antara sebab sambutan tidak begitu menggalakkan adalah kerana kempen serta promosi untuk menonjolkan kawasan ini sebagai destinasi pelancongan tidak berterusan. Selain itu, kurangnya kemudahan awam seperti bas, teksi dan sebagainya untuk pergi ke kawasan pelancongan ini menjadi penghalang untuk memajukan kawasan ini sebagai kawasan pelancongan. Pusat Pelancongantani Titian Bitangor pula tidak mempunyai bekalan air walaupun telah ada perancangan untuk mengadakan bekalan tersebut pada tahun 2004. Air untuk kegunaan harian diambil dari tasik yang berhampiran. Juga kurang promosi dijalankan bagi memperkenalkan pusat agrotourism ini sama ada melalui Laman Web Jabatan/Kerajaan Negeri atau melalui media cetak dan risalah pelancongan negeri. Jabatan dan Kerajaan Negeri tidak mengadakan promosi yang agresif bagi memperkenalkan pusat ini kepada orang ramai memandangkan perbelanjaan yang besar telah dibuat bagi membangunkan kawasan ini sebagai Pusat Pelancongantani.

Pada pandangan Audit, sekiranya Jabatan berhasrat untuk menjadikan Pusat Pelancongantani Titian Bitangor dan Taman Sumber Ilmu sebagai pusat pelancongan, maka pihaknya hendaklah memastikan kemudahan *accessibility* memuaskan. Jalan masuk hendaklah baik dan bantuan dari pihak swasta hendaklah dirundingkan bagi penyediaan kemudahan awam seperti bas, teksi dan sebagainya. Pihaknya juga hendaklah memastikan kemudahan asas adalah disediakan dan memuaskan. Promosi yang agresif hendaklah dijalankan.

27.2.13 Pembangunan Agroforestry

Penternakan rusa boleh dijalankan sama ada menggunakan konsep ladang ternakan atau berkonsepkan hutan seperti habitat asalnya. Empat ladang rusa yang dibuka adalah berkonsepkan perladangan di mana pokok asal ditebang, tanah dibersihkan dan ditanam dengan rumput untuk makanan rusa. Bagi ladang rusa yang berkonsepkan *agroforestry*, penebangan pokok adalah pada kadar yang minima di mana habitat asal rusa akan dikekalkan. Ladang seperti ini di Kg. Renal Geliau, Jelebu sedang dalam pembinaan. Sebut harga bagi membersihkan kawasan, saliran dan memagar telah dikeluarkan dan ditawarkan kepada sebuah syarikat dengan harga RM175,000 bagi fasa pertama. Ladang ini dibuka bagi menampung pertambahan bilangan rusa.

27.2.14 Aktiviti Penternakan Secara Komersial

Untuk melahirkan lebih ramai pengusaha/penternak berkecimpung dalam penternakan rusa secara komersial dan memandangkan modal permulaan untuk penternakan rusa agak tinggi, Jabatan bercadang memperkenalkan sistem pawah dan akan dilaksanakan secara perjanjian. Melalui sistem pawah ini pengusaha/penternak akan diberi pinjaman modal berbentuk rusa yang diperolehi dari stok ladang ternakan rusa Jabatan. 10 hingga 50 ekor rusa diberi dengan nisbah satu jantan bagi setiap 10 betina. Segala kos pembangunan infrastruktur dikehendaki ditanggung oleh pihak penternak. Mengikut syarat dalam perjanjian, pengusaha/penternak disyaratkan memulangkan bagi setiap rusa yang diperolehi seekor anak rusa dewasa. Jabatan bertanggungjawab memberi khidmat sokongan dari aspek teknikal dan kepakaran serta kesihatan ternakan kepada pengusaha/penternak. Sekiranya program ini dapat dilaksanakan, Jabatan boleh memberi penumpuan kepada program pembiak baik (*genetic improvement*) ternakan rusa.

Program pembangunan ternakan rusa melalui sistem PAWAH hingga kini belum mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri walaupun kertas cadangan telah dikemukakan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri untuk dipertimbangkan. Ladang rusa swasta yang wujud di Negeri Sembilan adalah dengan bantuan dan kerjasama yang diberikan oleh Jabatan pada peringkat pembangunan ladang dan pada masa kini kesemua ladang yang diusahakan oleh pihak swasta telah beroperasi dengan baik.

Pada pandangan Audit, projek ternakan rusa oleh Jabatan adalah berjaya. Rusa telah membiak dengan baik. Sungguhpun demikian, hasratnya untuk menggalakkan penternak menternak rusa tidak akan mendapat sambutan sekiranya kos pembangunan adalah tinggi. Kos yang tinggi serta kesukaran mendapatkan tanah yang luas bagi menternak rusa telah menjadi penghalang besar kepada penternak untuk mengusahakan ternakan rusa. Jabatan hendaklah memikirkan satu kaedah untuk membolehkan individu mengusahakan ternakan rusa secara konsortium atau gabungan. Dari segi tarikan pelancong, pihak Jabatan perlu bergiat lebih proaktif dengan mengadakan lebih banyak promosi untuk memperkenalkan ladang *agroforestry* sebagai pusat pelancongan.

27.3 PEMANTAUAN

27.3.1 Pemantauan terhadap projek penternakan rusa dilaksanakan di peringkat Jabatan dan juga di peringkat ladang. Di peringkat Jabatan, pemantauan dilaksanakan oleh Unit Industri Ternakan diketuai oleh seorang Pegawai Veterinar Gred G41 dan dibantu oleh 13 kakitangan sokongan. Unit ini akan mengkaji setiap laporan yang dikemukakan oleh ladang ternakan dan di mana perlu menghulurkan bantuan. Pemantauan ini bertujuan memastikan rusa yang dibela di ladang ternakan hidup selesa, sihat dan subur. Antara tanggungjawab Unit ini adalah seperti berikut:

- i) Menguruskan stok ternakan rusa.
- ii) Memastikan rumput ragut mencukupi
- iii) Memastikan ternakan dalam keadaan sihat.
- iv) Menguruskan stok peralatan dan keperluan ladang.
- v) Menguruskan pembangunan sumber manusia untuk keperluan ladang.

27.3.2 Di peringkat ladang pula pemantauan dijalankan oleh pekerja ladang. Berikut adalah antara tugas pemantauan yang dijalankan di peringkat ladang.

- i) Membuat rondaan setiap pagi bagi memastikan keselamatan kawasan petak dan tidak ada pencerobohan atau lubang di pagar yang membolehkan anjing liar memasuki kawasan ternakan.
- ii) Membuat laporan mengenai keadaan ladang, pagar dan bilangan rusa sama ada bertambah/berkurangan dan sebagainya kepada pihak Ibu Pejabat pada setiap bulan.
- iii) Memastikan air minuman rusa sentiasa bersih, rumput dan makanan tambahan rusa adalah mencukupi dan selamat dimakan.
- iv) Mengenalpasti mana-mana rusa yang sakit.

Pada pendapat Audit, Jabatan telah menjalankan pemantauan terhadap program penternakan rusa ini dengan baik dan memuaskan.

28. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Projek ternakan rusa sungguhpun berjaya di peringkat Jabatan dan berpotensi untuk dimajukan, tetapi dari segi objektif utamanya masih belum tercapai. Usaha Jabatan untuk menggalakkan lebih ramai penternak menternak rusa akan hanya dicapai sekiranya Jabatan dapat melaksanakan kaedah program PAWAH ternakan rusa yang masih lagi menunggu kelulusan Kerajaan Negeri. Kaedah pemeliharaan rusa secara intensif merupakan satu pendekatan yang baik untuk diperkenalkan dan untuk menjadikan penternakan rusa lebih menarik serta

effisien dari segi kos dan pengurusan. Jabatan perlu mengkaji semula perancangan jangka panjangnya agar dapat menarik lebih ramai penternak rusa. Di mana perlu, membantu mendapatkan pembiayaan bagi mengusahakan projek ini memandangkan projek ternakan rusa memerlukan perbelanjaan permulaan yang agak besar. Dari segi tarikan pelancong, Jabatan hendaklah berusaha lebih giat dengan mengadakan pelbagai promosi ke arah menarik lebih ramai pelawat mengunjung Ladang Agroforestry dan juga Pusat Pelancongantani. Secara keseluruhan penternakan rusa mempunyai potensi yang amat baik untuk dimajukan. Ia merupakan antara program Jabatan untuk mempelbagaikan pengeluaran daging Negara.

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEREMBAN

PENGURUSAN TUKAR SYARAT TANAH

29. LATAR BELAKANG

Mengikut Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan, semua tanah adalah hak Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Pejabat Tanah (Jabatan) merupakan pihak yang bertanggungjawab terhadap pengurusan tanah termasuk mengutip hasil cukai dan premium tanah di daerah masing-masing. Pengurusan tanah tertakluk kepada Kanun Tanah Negara, 1965 yang berkuatkuasa pada tahun 1966 dan Kaedah Tanah Negeri Tahun 1966. Mengikut peruntukan Kanun tersebut, kuasa untuk tukar syarat tanah terletak kepada Pihak Berkuasa Negeri. Bagaimanapun kuasa untuk menukarkan syarat nyata jenis tanaman bagi tanah pertanian boleh diwakilkan kepada Pentadbir Tanah Daerah. Selain daripada Kanun Tanah Negara dan Kaedah Tanah Negeri, beberapa pekeliling lain telah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan (KPTG) dan Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Sembilan bagi melicinkan pengurusan dan pentadbiran tanah.

30. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada aktiviti tukar syarat tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mematuhi undang-undang.

31. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada pengurusan tukar syarat tanah bagi tahun 2001 dan 2002 yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban (Pejabat). Pejabat ini dipilih memandangkan hasil tanah yang dikutip adalah yang terbesar bagi Negeri Sembilan. Pada tahun 2001 dan 2002, Pejabat telah berjaya mengutip hasil cukai dan premium tanah berjumlah RM9.46 juta. Pengauditan yang dijalankan termasuk menyemak

dokumen yang berkaitan dengan permohonan mengubah syarat nyata tanah. Bagi mengenal pasti syarat nyata kegunaan tanah yang ditetapkan dipatuhi, beberapa sampel hak milik tanah telah dipilih untuk semakan. Selain itu, perbincangan juga diadakan dengan pegawai berkenaan dan lawatan juga dilakukan dengan Pegawai Penempatan ke tapak tanah yang dipilih.

32. PENEMUAN AUDIT

32.1 PERANCANGAN

Perancangan merupakan antara aspek terpenting dalam pengurusan tukar syarat tanah. Mengikut Seksyen 124 Kanun, Pihak Berkuasa Negeri diberi kuasa untuk menukar syarat nyata tanah bagi membolehkan pemilik tanah memajukan tanah untuk tujuan lain. Bagi memastikan proses permohonan tukar syarat tanah berjalan lancar, Pihak Berkuasa Negeri telah menetapkan kaedah atau peraturan dalam pengurusan tukar syarat tanah.

32.1.1 Penubuhan Unit Tanah

Bagi tujuan mengurus dan mentadbir hal ehwal tanah, Pejabat Tanah Dan Daerah Seremban telah menubuh satu unit khas dikenali sebagai Unit Tanah. Mengikut Carta Organisasi Pejabat, Unit Tanah diketuai oleh seorang Timbalan Pentadbir Tanah Gred M52 dan dibantu oleh 3 Penolong Pentadbir Tanah, seorang dari Gred M44 dan 2 dari Gred M41 serta 25 gred sokongan yang terdiri dari 2 Ketua Pembantu Tadbir Gred N22, tujuh Pembantu Tadbir Gred N17, enam Pegawai Penempatan Gred N17 dan 12 jawatan lain.

Dari segi pentadbiran, Unit Tanah telah dibahagikan kepada 2 cawangan, satu di Seremban yang meliputi 5 mukim iaitu Bandar Seremban, Rasah, Ampangan, Lenggeng, Rantau dan Pantai manakala yang satu lagi di Cawangan Nilai merangkumi 2 mukim iaitu Setul dan Labu.

32.1.2 Peranan Dan Tanggungjawab Unit Tanah

Bagi memastikan pengurusan tukar syarat tanah dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, Unit Tanah di Pejabat Tanah telah diberi peranan dan tanggungjawab untuk mendaftar dan memproses setiap permohonan tanah. Setiap permohonan yang diterima sama ada daripada orang awam, agensi atau syarikat direkodkan ke dalam Daftar Permohonan Tukar Syarat Tanah. Permohonan yang diterima akan diproses berpandukan kepada ketetapan undang-undang, Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Sembilan serta Manual Prosedur Kerja Jabatan. Difahamkan Manual Prosedur Kerja Jabatan kini sedang dikemaskinikan untuk tujuan mendapatkan Sijil Anugerah Kualiti ISO 9000.

32.1.3 Proses Tukar Syarat Tanah

Setiap permohonan tukar syarat tanah akan dilaksanakan melalui kaedah atau peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Permohonan juga dikehendaki mendapatkan ulasan daripada Jabatan Teknikal Satu. Kertas kerja akan disediakan oleh Pejabat berdasarkan kepada ulasan Jawatankuasa Teknikal Satu dan dikemukakan kepada Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Sembilan (PTG). Setelah mengkajinya, PTG akan mengemukakan kertas kerja tersebut kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk pertimbangan sewajarnya. Pemohon yang berjaya akan diminta menjelaskan bayaran premium tambahan, cukai tahun pertama, pendaftaran dan bayaran ukur sekiranya menggunakan khidmat juruukur kerajaan. Mengikut Notis 7G, semua perbelanjaan yang dikenakan hendaklah dijelaskan dalam tempoh 3 bulan selepas kelulusan diterima. Proses yang dilalui dalam permohonan tukar syarat tanah mengikut Seksyen 124 Kanun Tanah Negara adalah seperti berikut:

- i)** Permohonan tukar syarat tanah hendaklah melengkapkan borang tertentu dan mengemukakan kepada Pentadbir Tanah Daerah yang berkenaan.
- ii)** Mengikut Pekeliling Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) Bil. 2 Tahun 2002 yang berkuatkuasa pada bulan Januari 2002, tempoh yang ditetapkan bagi menyelesaikan permohonan tukar syarat tanah ialah 9 bulan. Ini termasuk tempoh masa mengkaji permohonan dari aspek teknikal.
- iii)** Berpandukan kepada pekeliling berkenaan, permohonan dimajukan kepada Bahagian Teknikal untuk ulasan sewajarnya. Bahagian Teknikal dikehendaki memproses permohonan dalam tempoh 106 hari.
- iv)** Berdasarkan kepada keputusan Jawatankuasa Teknikal, PTG akan menyediakan Kertas Ringkasan Majlis Mesyuarat yang mengandungi ulasan Jabatan Teknikal Satu dan Jabatan Pengarah Tanah Dan Galian. Pengarah Tanah Dan Galian Negeri sendiri akan membawa kertas ringkasan ini untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK).
- v)** Pentadbir Tanah Daerah akan memaklumkan keputusan MMK sama ada menolak atau meluluskan permohonan kepada pemohon.
- vi)** Bagi permohonan yang diluluskan, tindakan seterusnya ialah mendapatkan penilaian harga tanah daripada Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta Negeri untuk tujuan pengiraan premium tambahan. Penilaian yang dibuat juga melibatkan pindaan kadar sewa tanah (cukai tanah) tahunan. Setelah penilaian dibuat, bayaran premium tambahan, kadar sewa baru dan bayaran lain hendaklah dijelaskan dalam tempoh 3 bulan. Sekiranya tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, kelulusan yang diberi akan luput.
- vii)** Setelah kesemua premium dan kos lain dijelaskan, pihak pemohon dikehendaki mengemukakan dokumen hakmilik

ke pejabat Pentadbir Tanah. Seterusnya proses penukaran syarat dilakukan di mana syarat asal dibatalkan dan syarat baru dimasukkan ke dalam dokumen hak milik.

Pada pandangan Audit, proses tukar syarat tanah melibatkan banyak pihak dan mengambil masa yang lama. Adalah dimaklumkan Pentadbir Tanah Seremban telahpun berbincang dengan Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Sembilan untuk mengeluarkan satu panduan yang menyeluruh bagi mengurangkan karenah birokrasi bagi tujuan penambahbaikan prosesan tukar syarat. Adalah diharapkan dengan adanya garis panduan ini, proses tukar syarat tanah dapat dipendekkan.

32.1.4 Kadar Bayaran Premium

Kadar bayaran premium tambahan yang dikenakan kepada pemohon adalah berdasarkan kepada kelulusan dan persetujuan yang diberi oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Sembilan Bil. 6 Tahun 1986 iaitu Perkiraan Premium Tambahan Kerana Perubahan Kategori Atau Syarat Tanah Milik Dan Premium Pembirimilikan Semula Bagi Tanah Milik Yang Diserahkan. Cara pengiraan kadar bayaran premium tambahan yang dikenakan kepada pemohon adalah menggunakan konsep *enhance value* iaitu tanah dinilai berdasarkan kepada nilai tanah mengikut syarat nyata asal dan nilai tanah mengikut kegunaan setelah diubah syarat kegunaanya.

32.1.5 Sasaran Kerja

Semua permohonan yang diterima diproses berpandukan kepada ketetapan dalam Kanun Tanah Negara, Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian dan Manual Prosedur Jabatan. Jabatan tidak dapat menjangka jumlah permohonan yang perlu diproses setiap tahun. Oleh itu, pihaknya tidak menetapkan sebarang sasaran di dalam merancang kerja tahunan.

Dimaklumkan Jabatan akan cuba menetapkan sasaran kerja berdasarkan permohonan yang diterima daripada beberapa tahun kebelakangan.

Pada pendapat Audit, sukar bagi Pejabat Tanah menyediakan perancangan terhadap bilangan tukar syarat tanah yang boleh diproses untuk sesuatu tempoh kerana ini bergantung kepada bilangan sebenar permohonan yang diterima.

32.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan tukar syarat tanah adalah tertakluk kepada beberapa undang-undang seperti Kanun Tanah Negara, Kaedah Tanah Negeri, Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan/Negeri dan Manual Prosedur Kerja Jabatan. Undang-undang ini boleh diguna pakai bagi tanah milik persendirian dan tanah milik Kerajaan Negeri. Di peringkat pelaksanaan, pengurusan tukar syarat tanah melibatkan beberapa proses seperti berikut:

32.2.1 Proses Permohonan Tukar Syarat Tanah

Mengikut Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Bil. 2 Tahun 2002, tempoh proses permohonan tukar syarat tanah ditetapkan selama 9 bulan dari tarikh permohonan diterima hingga ke tarikh pengesahan pelan. Permohonan akan diproses oleh Unit Tanah. Prosesan permohonan ini melalui berbagai peringkat khususnya di peringkat Jabatan Teknikal Satu. Tempoh yang ditetapkan untuk prosesan adalah selama 106 hari sebelum diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk kelulusan. Peringkat prosesan dari masa permohonan diterima hingga ke peringkat makluman oleh Jabatan adalah seperti berikut:

- i)** Permohonan dengan menggunakan Borang permohonan (KTN 53) diterima oleh Pejabat Tanah.
- ii)** Fail dibuka bagi setiap permohonan.

- iii) Borang permohonan dihantar kepada Pegawai Penempatan Kanan untuk siasatan dan laporan.
- iv) Borang permohonan dihantar kepada Jabatan Teknikal Satu untuk ulasan.
- v) Permohonan dikemukakan kepada PTG untuk semakan dan penyediaan kertas kerja untuk dikemukakan kepada MMK .
- vi) PTG terima keputusan MMK dan hantar ke Pejabat.
- vii) Pemohon dimaklumkan oleh Pejabat.
- viii) Mendapatkan penilaian harga tanah untuk tujuan pengiraan premium tambahan dari Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta Negeri.
- ix) Pemohonan dikehendaki membuat bayaran.
- x) Pejabat menyediakan perintah tukar syarat tanah.
- xi) Pejabat membuat catatan pembatalan/kemasukan dalam dokumen hak milik.
- xii) Pejabat membuat pindaan terhadap cukai tahunan.

32.2.2 Daftar Permohonan Tukar Syarat Tanah

Semua permohonan tukar syarat tanah yang diterima telah didaftarkan oleh Pejabat di Daftar Permohonan Tukar Syarat Tanah. Bagi setiap pemohon yang diterima, satu fail dibuka baginya. Antara maklumat yang dicatatkan di daftar berkenaan ialah bilangan permohonan, no. fail pemohon, nama dan alamat pemohon, lot tanah, mukim dan maklumat juruukur. Semakan Audit mendapati maklumat seperti keputusan MMK, jumlah premium tambahan yang dikenakan dan resit bayaran premium yang juga penting tidak direkodkan. Oleh kerana beberapa maklumat penting seperti dinyatakan di atas tidak direkodkan di Daftar Tukar Syarat Tanah, maka sukar bagi pihak Audit untuk membuat analisis mengenai status setiap permohonan yang diterima sama ada telah dilulus atau ditolak dan jumlah premium yang dikenakan. Pejabat telah dinasihatkan supaya merekodkan

kesemua maklumat penting agar memudahkan semakan dibuat mengenai status permohonan pada sesuatu masa.

32.2.3 Permohonan Tukar Syarat Tanah

Mengikut Daftar Permohonan Tukar Syarat Tanah yang diselenggara oleh Pejabat Tanah Daerah, sejumlah 38 permohonan diterima pada tahun 2001 dan 34 permohonan pada tahun 2002. Daripada 72 permohonan, sebanyak 15 fail permohonan telah disemak oleh Audit dan daripada jumlah itu, sembilan permohonan telah diluluskan manakala 6 yang lain ditolak oleh MMK atas alasan tertentu. Walau bagaimanapun, bagi 2 permohonan yang ditolak, rayuan semula telah dibuat dan akhirnya permohonan itu diluluskan oleh MMK. Bagi permohonan yang ditolak, alasan yang diberi berdasarkan kepada keputusan yang dibuat oleh Jabatan Teknikal yang tidak memberi sokongan yang sewajarnya. Maklumat lengkap mengenai permohonan tukar syarat tanah termasuk kelulusan selepas rayuan dibuat bagi tempoh 2001 hingga 2002 adalah seperti di **Jadual 30**.

Jadual 30
Bilangan Permohonan Tukar Syarat Tanah
Bagi Tempoh 2001 Hingga 2002

Tahun	Bilangan Permohonan	Sampel Yang Dipilih	Permohonan Diluluskan	Permohonan Ditolak
2001	38	8	4	4
2002	34	7	7	0
Jumlah	72	15	11	4

Sumber: Rekod Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban

32.2.4 Permohonan Tukar Syarat Tanah Lewat Diproses

Mengikut Pekeliling PTG Bil. 2 Tahun 2002, tempoh proses permohonan oleh Bahagian Teknikal adalah selama 106 hari dari tarikh permohonan diterima. Pemeriksaan Audit terhadap 15 fail permohonan tukar syarat tanah mendapati tempoh yang diambil

bagi memproses permohonan adalah antara 94 hari hingga 298 hari. Daripada 15 permohonan, sebanyak 2 permohonan diproses mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu kurang dari 106 hari, manakala bakinya sebanyak 13 permohonan lewat diproses, iaitu melebihi 106 hari. Kelewatan berlaku disebabkan kegagalan pemohon untuk mengemukakan dokumen permohonan tukar syarat tanah yang lengkap. Keadaan akan berlarutan apabila Jabatan meminta maklumat tambahan untuk menyokong permohonan itu. Tempoh memproses permohonan tukar syarat adalah seperti di **Jadual 31**.

Jadual 31
Permohonan Tukar Syarat Tanah Lewat Diproses

Bil	Rujukan Fail	Tarikh Kemukakan Permohonan	Tarikh MMK Mesyuarat	Tarikh Pemohon Dimaklum	Tempoh Proses (hari)
1.	PTS 528/140/01/06	27. 03. 2001	13. 06. 2001	30. 06. 2001	94
2.	PTS 528/141/01/06	22. 03. 2001	06. 06. 2001	03. 08. 2001	131
3.	PTS 528/171/01/06	30. 04. 2001	25. 07. 2001	19. 09. 2001	140
4.	PTS 528/197/01/09	25. 07. 2001	11. 10. 2001	11. 12. 2001	107
5.	PTS 528/245/01/06	31. 10. 2001	20. 02. 2002	15. 04. 2002	163
6.	PTS 528/246/01/06	31. 10. 2001	20. 02. 2002	15. 04. 2002	163
7.	PTS 528/253/01/01	28. 11. 2001	27. 03. 2002	01. 07. 2002	213
8.	PTS 528/102/01/05	19. 01. 2002	18. 09. 2002	06. 11. 2002	298
9.	PTS 528/131/02/01	10. 04. 2002	21. 08. 2002	30. 10. 2002	210
10.	PTS 528/51/02/06	04. 07. 2002	22. 01. 2002	26. 2. 2002	232
11.	PTS 528/162/02/01	05. 07. 2002	11. 09. 2002	30. 10. 2002	115
12.	PTS 528/166/02/06	08. 07. 2002 rayuan 26. 11. 2002	11. 09. 2002	30.10.2002 tiada maklumat	135
13.	PTS 528/167/02/06	08. 07. 2002 rayuan 26. 11. 2002	11. 09. 2002 23.04.2003	16.10.2002 lulus 28.05.2003	99 183
14.	PTS 528/195/02/09	08. 10. 2002	08.01.2003	25.02.2003	137
15.	PTS 528/211/02/01	22. 10. 2002	21. 01. 2003	25.02.2003	132

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban

Untuk memastikan permohonan yang dikemukakan lengkap dan kemaskini, Jabatan Audit ingin mencadangkan supaya satu garis panduan yang menyeluruh dikeluarkan menggariskan tatacara pengisian borang permohonan dan jenis dokumen yang perlu disertakan bersama permohonan.

32.2.5 Bayaran Premium Tambahan

Setelah MMK memberi kelulusan tukar syarat tanah, Pejabat akan memaklumkan kelulusan itu kepada pemohon. Pemohon dikehendaki membayar premium tambahan yang dikenakan dalam masa yang ditetapkan. Jumlah premium tambahan yang dikenakan bergantung kepada nilai syarat kegunaan tanah lama berbanding dengan syarat baru yang telah diluluskan seperti ditetapkan oleh Pekeliling PTG Bil. 6 Tahun 1986. Bagi tahun 2001, premium tambahan yang dikutip oleh Pejabat Tanah Seremban berjumlah RM5.89 juta dan bagi tahun 2002 berjumlah RM3.59 juta. Walau bagaimanapun kutipan premium tambahan ini tidak dapat disahkan kerana perkiraan kadar baru yang dikenakan tidak direkodkan dalam fail pemohon. Premium tambahan untuk permohonan tukar syarat tanah bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Cawangan Nilai tidak diketahui kerana maklumat kutipan premium tambahan tidak dikemaskinikan ke dalam daftar yang diselenggara di pejabat berkenaan. Pengarah Tanah Dan Galian dan Pentadbir Tanah Dan Daerah hendaklah memastikan setiap pemohon yang berjaya menukar syarat tanah dimaklumkan dengan segera setelah kelulusan diberi.

Bagi memastikan setiap pemohon yang berjaya menukar syarat tanah dengan segera, Pentadbir Tanah Seremban akan berbincang dengan Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Sembilan mengenai syor Jabatan Audit agar setiap permohonan tukar syarat tanah dikenakan deposit. Ini untuk mengelakkan pemohon yang berjaya menukar syarat tanah dan mengabaikan kelulusan yang telah diberi. Sekiranya

dipersetujui, Pentadbir Tanah perlu mendapatkan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan.

32.2.6 Penguatkuasaan Terhadap Pelanggaran Syarat Kegunaan Tanah

Syarat nyata kegunaan tanah terbahagi kepada 3 kategori iaitu pertanian, bangunan dan industri. Setiap perubahan kategori tanah hendaklah dikemukakan kepada Pejabat untuk diproses dan seterusnya mendapatkan kelulusan MMK. Sekiranya tanah tidak diusahakan/dimajukan mengikut syarat yang telah ditetapkan maka ia dikelasifikasikan sebagai melanggar syarat kegunaan tanah dan boleh diambil tindakan undang-undang. Mengikut Seksyen 127(1) (a) dan 127 (1A) (a) dan (b) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri boleh menyita tanah atau mengenakan perintah untuk bayaran denda apabila tuan punya tanah gagal memberi sebab yang munasabah mengenai pelanggaran syarat kegunaan tanahnya. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2002, Pejabat Tanah Daerah Seremban telah membuka sebanyak 26 fail pelanggaran syarat tanah untuk diambil tindakan. Daripada jumlah itu 14 fail dibuka pada tahun 2001 dan 12 fail dibuka pada tahun 2002. Manakala bagi Pejabat Tanah Daerah Seremban Cawangan Nilai pula telah membuka 13 fail pelanggaran syarat tanah. Ini merupakan fail pelanggaran syarat yang dibuka pada tahun 1997 tetapi masih aktif. Fail yang dibuka adalah hasil daripada aduan orang awam.

Daripada 26 fail aduan yang dibuka, tujuh fail telah diminta untuk disemak. Hanya 5 fail dikemukakan untuk semakan Audit manakala 2 yang lain tidak dikemukakan. Semakan Audit mendapati notis pelanggaran syarat nyata tanah mengikut Seksyen 128 Kanun Tanah Negara telah dikeluarkan kepada setiap pemilik tanah berkenaan. Antara pelanggaran syarat nyata tanah yang dilakukan adalah seperti berikut:

- i) Pembinaan rumah ibadat di atas tanah syarat rumah kediaman.
- ii) Pemasangan/pembinaan menara pemancar di atas tanah syarat tanaman kontan selain dari getah.
- iii) Membina kilang di atas tanah syarat 'tiada'.

Maklumat lengkap mengenai pelanggaran syarat tanah adalah seperti di **Jadual 32**.

Jadual 32
Pelanggaran Syarat Nyata Tanah

Bil	Rujukan Fail	Syarat Nyata Tanah	Pelanggaran Syarat Tanah
1.	PTS388/105/02/06	Tapak rumah kediaman	Membina rumah ibadat
2.	PTS388/104/01/05	Tapak rumah kediaman	Membina rumah ibadat
3.	PTS388/102/01/05	Tapak rumah kediaman	Membina rumah ibadat
4.	PTS388/101/01/05	Tanaman selain dari getah	Menjadikan tapak simpan lori dan mendirikan menara telekomunikasi
5.	PTS388/102/02/03	Syarat 'Tiada'	Membina industri/kilang

Sumber: Rekod Pejabat Daerah Seremban

Walaupun Pentadbir Tanah Daerah telah mengeluarkan notis amaran pelanggaran syarat nyata tanah mengikut Seksyen 128 Kanun Tanah Negara kepada tuan punya tanah berdaftar akan tetapi tiada tindakan susulan diambil. Mengikut maklumbalas yang diterima, tindakan susulan tidak dapat

diambil kerana notis tidak dapat disampaikan kepada pemilik tanah. Tambahan pula, bagi tanah yang dimiliki sebelum kuatkuasanya Kanun Tanah Negara, dimaklumkan Pihak Berkuasa Negeri terpaksa membayar pampasan kepada pemilik sekiranya tanah dirampas. Berdasarkan kepada faktor tersebut, sehingga kini tiada sebarang tindakan undang-undang dikenakan ke atas pemilik tanah.

Lawatan Audit ke tapak tanah yang melanggar syarat nyata tanah di Mukim Nilai dan Setul mendapati tuan tanah masih meneruskan operasi mereka tanpa pemuliharaan syarat nyata tanah mengikut Seksyen 124 Kanun Tanah Negara. Pelanggaran syarat yang nyata adalah pembinaan kilang di atas tanah bersyarat pertanian. Mengikut Seksyen 127 (1A) (b) Kanun Tanah Negara, **Pentadbir Tanah boleh membuat suatu perintah untuk bayaran denda tidak kurang daripada RM500 dan dalam hal pelanggaran berterusan, suatu denda lagi tidak kurang daripada RM100 pada setiap hari dalam tempoh pelanggaran itu berterusan, apabila tuan punya gagal menunjukkan sebab dengan memuaskan kepada Pentadbir Tanah.** Jabatan Audit tidak dapat mengesahkan tempoh pelanggaran syarat berkenaan kerana tidak ada maklumat lengkap disimpan dalam fail berkenaan. Ini bermakna peruntukan Kanun Tanah Negara tersebut tidak dikuatkuasakan sewajarnya. **Foto 9 dan Foto 10** menunjukkan contoh pelanggaran syarat tanah tersebut.

Foto 9
Kilang Besi Dibina Atas Tapak
Tanah Yang Mempunyai Syarat 'Tiada' Di Mantin



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh :22/09/2003

Foto 10
Kilang Membuat Tiang Konkrit
Di atas Tanah Yang Mempunyai Syarat Pertanian Di Pajam



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 22/09/2003

32.2.7 Pengisian Jawatan Di Unit Tanah

Perjawatan yang telah diisi di Unit Tanah adalah seorang Timbalan Pentadbir Tanah Gred M48, tiga orang Penolong Pentadbir Tanah Gred M41, seorang Ketua Pembantu Tadbir Gred N22, enam orang Pegawai Penempatan Gred 17 dan seramai 7 orang Pembantu Tadbir Gred N17. Selain itu, seramai 3 orang Pembantu Tadbir Gred N17 dilantik secara sambilan. Mereka yang dilantik secara sambilan yang mana diberi tanggungjawab untuk menguruskan perkara berkaitan dengan permohonan tukar syarat tanah, tidak diberi latihan secara formal dalam bidang perundangan tanah. Ini juga merupakan salah satu sebab permohonan tukar syarat tanah lewat diproses.

Pada pendapat Audit, latihan secara formal dalam bidang perundangan perlu diberi kepada pegawai terlibat.

32.2.8 Tanggungjawab Pegawai Penempatan

Semakan Audit ke atas senarai tugas Pegawai Penempatan Cawangan Nilai mendapati bidang tugas yang diamanahkan kepada mereka adalah mencakupi pelbagai aspek antaranya seperti berikut:-

- i)** Memeriksa, menyiasat, melapor dan memperakukan permohonan;
- ii)** Pelupusan tanah Kerajaan secara pemberimilikan, merezabkan, Lesen Pendudukan Sementara dan permit mengambil, memindah dan mengangkut bahan batuan;
- iii)** Pengambilan balik sebahagian atau semua bahagian tanah;
- iv)** Mengkaji permit carigali atau pajakan melombong;
- v)** Membuat Ukuran Perenggan dengan menggunakan kompos Prismatic;
- vi)** Menempatkan pemohon di atas tanah;
- vii)** Menunjukkan tanda sempadan muktamat kepada pemilik tanah;

- viii) Mengemaskinikan Daftar Permohonan Tanah, Farasat Lot Mukim, Farasat Mukim, Farasat Penyelesaian Lot-lot Mukim, Salinan Permohonan Ukur, Daftar;
- ix) Menyiasat dan melaporkan tanpa arahan, kecacatan dan kehilangan tanda sempadan tanah, pelanggaran kategori atau syarat nyata, kesalahan menduduki tanah kerajaan, kesalahan mengambil, memindah dan mengangkut bahan tanpa permit; dan
- x) Menyeliakan kerja penyurih dan penarik rantai bagi harta pesaka kecil, pampasan pengambilan balik tanah, pampasan hak lalu lalang, pampasan izin lalu, kerosakan ketika kerja ukur dan menentukan premium di bawah Seksyen 42 dan 70 Kanun Tanah Negara.

Oleh kerana skop tugas Pegawai Penempatan ini luas maka tumpuan tidak dapat diberi ke atas aduan yang diterima. Oleh itu, aduan yang diterima kebiasaannya lewat diambil tindakan. Di Cawangan Nilai umpamanya, aduan yang diterima pada tahun 1997 masih lagi belum dapat diselesaikan sehingga kini. Pada tahun 2001 dan 2002 tidak ada siasatan atau aduan baru direkodkan.

32.2.9 Unit Penguatkuasaan

Berdasarkan kepada perjawatan yang diluluskan di Pejabat Tanah Dan Daerah, adalah didapati tidak ada unit penguatkuasaan ditubuhkan khusus untuk membendung pelanggaran dan pencerobohan syarat mengikut Kanun Tanah Negara. Tugas ini telah diserahkan sepenuhnya kepada Pegawai Penempatan sebagaimana dinyatakan dalam senarai tugasnya. Oleh kerana Pegawai Penempatan terpaksa menanggung bebanan tugas yang banyak maka penguatkuasaan terhadap pelanggaran syarat nyata tanah tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan. Tindakan penguatkuasaan hanya dilakukan secara sambilan. Permohonan Jabatan kepada Kerajaan Negeri untuk

mewujudkan Unit Penguatkuasaan di Unit Tanah hanya diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2004.

32.2.10 Unit Pendakwaan

Pihak Jabatan menyedari tentang perlunya diwujudkan satu Unit Pendakwaan untuk memastikan tindakan penguatkuasaan yang berkesan dapat diambil terhadap mereka yang melanggar syarat dan undang-undang tanah. Untuk memantapkan lagi peranan dan tanggungjawab Pejabat, pada tahun 2004 Pejabat telah mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri agar ditubuhkan Unit Pendakwaan. Dengan penubuhan Unit Pendakwaan ini, diharapkan akan dapat membantu pihak Jabatan untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang melanggar syarat nyata tanah.

Pada pandangan Audit, sebahagian besar prosedur tukar syarat tanah telah dipatuhi. Bagaimanapun, Pejabat Tanah perlu mempercepatkan pemprosesan permohonan tukar syarat untuk dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Melalui cara ini, keputusan sama ada dilulus atau ditolak dapat dimaklumkan kepada pemohon dalam tempoh yang ditetapkan. Di samping itu, tindakan tegas hendaklah diambil terhadap kes pelanggaran syarat tanah.

32.3 PEMANTAUAN

Pegawai Penempatan Di Unit Tanah adalah bertanggungjawab terhadap pemantauan pengurusan tanah terutama yang melibatkan pencerobohan tanah kerajaan dan pelanggaran syarat nyata tanah. Pada masa ini ada 6 Pegawai Penempatan dengan diketuai oleh seorang Pegawai Penempatan Kanan di Pejabat. Memandangkan bilangan Pegawai Penempatan yang kecil berbanding dengan bebanan tugas yang banyak, maka penguatkuasaan secara berkala dan berterusan tidak dapat dilakukan terhadap pelanggaran syarat tanah yang semakin berleluasa. Keadaan ini

menyebabkan Kerajaan Negeri lewat atau gagal mengutip hasil dalam bentuk sumber cukai tanah dan bayaran premium. Pihak Audit difahamkan kelemahan ini juga berpunca daripada ketiadaan Unit Penguatkuasaan di Pejabat Tanah Seremban dan tindakan penguatkuasaan hanya dilakukan secara berkala. Walau bagaimanapun, Unit ini telah diluluskan penubuhannya pada tahun 2004. Adalah diharapkan dengan tertubuhnya Unit ini kelak, tindakan penguatkuasaan dapat diambil segera ke atas semua kes pelanggaran syarat.

33. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya pengurusan tukar syarat tanah yang ditadbir oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban masih boleh dipertingkatkan. Kelemahan yang wujud hendaklah diatasi segera agar tukar syarat tanah dapat diselesaikan segera. Kelewatan dalam pemprosesan tukar syarat tanah boleh menjejaskan kutipan cukai tanah dan premium. Pihak Audit berpendapat dengan penubuhan Unit Penguatkuasaan pada tahun 2004, penguatkuasaan undang-undang tanah akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan seterusnya membendung pelanggaran syarat tanah dan pencerobohan tanah.

JABATAN HAL EHWAL ISLAM NEGERI SEMBILAN

PROJEK PEMBINAAN MASJID

34. LATAR BELAKANG

Masjid adalah tempat ibadah bagi orang Islam yang merupakan institusi ibadah terpenting yang dapat meningkatkan syiar Islam. Dengan adanya pembangunan dan kepesatan penduduk di merata daerah dan kawasan di Negeri Sembilan, maka keperluan kepada pembinaan masjid yang baru semakin meningkat setiap tahun. Pembinaan masjid baru juga adalah selaras dengan polisi dan dasar kerajaan yang berhasrat untuk memberi kemudahan beribadah kepada semua rakyat jelata yang beragama Islam. Selain daripada beribadah, program keagamaan berbentuk pembangunan lahiriah dan rohaniah juga diadakan. Program seumpama ini akan dapat memupuk dan mengimbangi keperluan jasmani dan rohani umat Islam.

Di seluruh Negeri Sembilan ada sejumlah 276 buah masjid yang terdiri daripada Masjid Negeri, masjid daerah/jamek dan masjid kariah. Kesemua masjid ini dibina oleh Kerajaan Negeri atas tapak tanah kerajaan atau atas tanah wakaf yang telah dirizabkan. Pengawalan dan pengurusan masjid adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan (Jabatan). Ada di antara masjid khususnya yang besar, diuruskan oleh imam, bilal dan siak yang dilantik oleh Jabatan manakala yang lain pula diuruskan oleh Jawatankuasa Masjid yang juga dilantik oleh Jabatan.

35. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pembinaan masjid telah dirancang dan dilaksanakan secara teratur dan berhemat.

36. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop kajian adalah meliputi tempoh tahun 2001 hingga 2003 dengan menyemak rekod serta dokumen berkaitan dengan aspek perancangan, proses tender, pemilihan kontraktor, pelaksanaan dan pemantauan projek. Masjid yang dipilih untuk kajian ini adalah Masjid Sikamat, Masjid Bandar Baru Nilai dan Masjid Pasir Panjang. Pilihan 3 projek ini dibuat kerana statusnya yang berbeza, satu dapat disiapkan lebih awal dari tempoh yang ditetapkan, satu disiapkan lewat dari jadual dan 1 lagi merupakan projek sakit. Dengan adanya pemilihan ini, akan membolehkan satu laporan yang seimbang disediakan. Lawatan fizikal ke tapak projek juga diadakan bersama pegawai yang terlibat.

37. PENEMUAN AUDIT

37.1 PERANCANGAN

Masjid dibina atas permintaan penduduk kariah dan mereka yang tinggal di persekitaran kawasan tersebut. Kertas cadangan yang disediakan oleh Jawatankuasa Kampung atau Jawatankuasa Masjid akan dipanjangkan kepada Jabatan dan seterusnya kepada Jawatankuasa Bertindak Kemajuan Islam untuk kelulusan. Untuk membina sesebuah masjid, beberapa peringkat perancangan hendaklah dilalui seperti berikut:

37.1.1 Kajian Awal

Setelah mendapat kelulusan Jawatankuasa Bertindak Kemajuan Islam, Jabatan akan memulakan kajian awal termasuk membuat bancian mengenai statistik penduduk Islam di kariah berkenaan. Beberapa faktor diambil kira dalam bancian penduduk yang dijalankan seperti jumlah penduduk Islam di kariah, keperluan untuk mengadakan sembahyang Jumaat dan upacara hari kebesaran Islam yang ingin dianjurkan. Apabila statistik penduduk Islam telah dikenal pasti, kertas kelulusan Jawatankuasa Bertindak Kemajuan Islam akan dipanjangkan kepada Jabatan

Hal Ehwal Agama Islam bagi tujuan menentukan persempadanan.

37.1.2 Pemilihan Tapak Masjid

Tindakan seterusnya ialah menentukan status tapak masjid sama ada di tapak tanah kerajaan atau tanah milik. Sekiranya tapak masjid adalah tanah milik dan memerlukan pengambilan balik tanah, Jabatan akan berbincang dengan Pejabat Daerah Dan Tanah yang berkenaan. Semakan Audit mendapati tapak tanah yang diluluskan untuk tujuan kemudahan awam seperti pembinaan masjid akan dijadikan tanah rizab dan diwartakan.

37.1.3 Sumber Kewangan

Kos pembinaan yang dirancang oleh Jabatan bagi Masjid Sikamat, Masjid Bandar Baru Nilai dan Masjid Pasir Panjang berjumlah RM9 juta bagi jemaah antara 1,000 hingga 3,000 orang. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM6.18 juta dianggarkan akan dibelanjakan untuk tahun 2001 hingga 2003. Butiran projek dan anggaran kosnya seperti di **Jadual 33**.

Jadual 33

Anggaran Perbelanjaan Projek Bagi Tahun 2001 Hingga 2003

Bil.	Butiran	Anggaran Kos RMK8 (RM Juta)	Anggaran Tahun 2001 (RM Juta)	Anggaran Tahun 2002 (RM Juta)	Anggaran Tahun 2003 (RM Juta)
1.	Membina Baru Masjid Sikamat	3.50	0.75	1.30	-
2.	Membina Masjid Bandar Baru Nilai	4.00	0.15	-	2.61
3.	Masjid Pasir Panjang Port Dickson	1.50	0.35	0.30	0.72
	Jumlah	9.00	1.25	1.60	3.33

Sumber: Rekod Jabatan Hal Ehwal Agama Islam

37.1.4 Jadual Pelaksanaan

Mengikut perancangan, pelaksanaan bagi 3 buah masjid ini akan mengambil masa antara 44 minggu hingga 84 minggu. Tempoh pelaksanaan bagi Masjid Sikamat adalah 84 minggu dan dijangka siap pada bulan Mac 2002, Masjid Bandar Baru Nilai selama 65 minggu dan dijangka siap pada bulan Jun 2003, manakala Masjid Pasir Panjang pula selama 44 minggu dan dijangka siap pada bulan November 2003.

37.1.5 Kaedah Pelaksanaan

Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku agensi pelaksana adalah bertanggungjawab bagi mengurus dan mengawal selia semua projek pembinaan masjid di seluruh Negeri Sembilan. Pihak JKR pula bertanggungjawab bagi pengurusan tender, pemilihan kontraktor dan penyeliaan projek seperti berikut:

- i) Sehubungan pelantikan kontraktor oleh Jabatan Kerja Raya untuk menjalankan kerja pembinaan masjid, pihaknya akan mengeluarkan tender terbuka. Tawaran tender diiklankan dan penilaian dibuat mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Semua tender akan dinilai oleh Jawatankuasa Perakuan Tender Jabatan yang dianggotai oleh Pengarah JKR, Ketua Penolong Pengarah (Bangunan) dan Ketua Penolong Pengarah (Kontrak dan Ukur Bahan). Jawatankuasa ini akan menilai tender yang diterima dan memberi syor kepada Lembaga Perolehan Negeri yang terdiri daripada Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri dan Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran.
- ii) Bagi projek yang dibiayai daripada sumber kewangan Kerajaan Negeri, pemilihan tender akan dibuat oleh Lembaga Perolehan Negeri manakala bagi projek yang dibiayai daripada Kerajaan Persekutuan, Lembaga Perolehan Tender Persekutuan di peringkat Negeri yang

terdiri daripada Pengarah Pembangunan Negeri, Pengarah Jabatan Akauntan Negara, Pengarah Jabatan Pendidikan dan Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran akan menentukannya. Pemilihan tender adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria seperti harga, keupayaan penender dari segi kedudukan kewangan, pengalaman dan keupayaan menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan.

37.2 PELAKSANAAN

Pembinaan 3 buah masjid ini telah dilaksana seperti yang telah dirancang. Semakan Audit terhadap pelaksanaan pembinaan masjid ini mendapati perkara seperti berikut:

37.2.1 Tapak Masjid

Bagi 3 masjid yang dilapor, adalah didapati tapak pembinaannya telah diwartakan dan diletakkan di bawah kawalan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam. Tapak bagi Masjid Sikamat seluas 1.9 hektar telah diwartakan pada tahun 1990, tapak tanah seluas 0.5 hektar bagi Masjid Pasir Panjang pula diwartakan pada tahun 2000 dan tapak tanah seluas 2.5 hektar bagi Masjid Bandar Baru Nilai diwartakan pada tahun 2001. Kesemua tapak ini adalah milik Kerajaan Negeri kecuali bagi tapak tanah untuk Masjid Pasir Panjang yang melibatkan pengambilan balik tanah seluas 0.5 hektar. Kos pengambilan balik tanah tersebut berjumlah RM0.26 juta. **Pihak Audit mendapati proses pengambilan balik tanah telah dibuat dengan teratur dan mematuhi prosedur yang ditetapkan.**

37.2.2 Pemilihan Penender

Projek pembinaan Masjid Sikamat dan Masjid Pasir Panjang telah diperakukan oleh Jawatankuasa Perakuan Tender Jabatan dan Lembaga Perolehan Negeri manakala bagi Masjid Bandar Baru

Nilai diperakukan oleh Lembaga Perolehan Persekutuan di peringkat Negeri.

Semakan Audit terhadap 3 projek yang dipilih mendapati bagi Masjid Sikamat, seramai 21 penender telah mengemukakan tawaran, bagi masjid Bandar Baru Nilai pula 30 penender manakala bagi Masjid Pasir Panjang Port Dickson, seramai 18 penender telah mengemukakan tawaran. Sebelum pihak JKR mengeluarkan surat setuju terima tender kepada penender yang berjaya, pihaknya akan membuat rujukan dan mendapatkan pengesahan dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam mengenai peruntukan yang diperlukan bagi setiap projek itu. Penender yang dipilih didapati telah menepati semua kriteria yang ditetapkan oleh pihak JKR termasuk telah berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). Pihak Audit mendapati kesemua penender yang dipilih dan ditawarkan kerja telah lulus penilaian awal dan penilaian keupayaan, mengemukakan dokumen yang lengkap semasa memasuki tender, mempunyai modal yang mencukupi dan kakitangan teknikal yang dikehendaki. Penender juga mempunyai peralatan dan jentera yang mencukupi.

Pihak Audit berpendapat pemilihan penender adalah mengikut syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.

37.2.3 Perjanjian Kontrak

Kos projek bagi tiga buah masjid ini berjumlah RM13.48 juta iaitu 49.7% lebih tinggi daripada anggaran asal. Masjid Sikamat bernilai RM4.59 juta, Masjid Pasir Panjang bernilai RM2.01 juta dan Masjid Bandar Baru Nilai bernilai RM6.88 juta. Mengikut perjanjian yang ditandatangani pada bulan Disember 2000, tempoh siap Masjid Sikamat ialah 84 minggu. Bagi Masjid Pasir Panjang yang perjanjiannya ditandatangani pada bulan November 2002, tempoh siapnya ialah 44 minggu dan Masjid Bandar Baru

Nilai yang perjanjiannya ditandatangani pada bulan Mac 2002 perlu disiapkan dalam tempoh 65 minggu.

Kontrak untuk melaksanakan ketiga projek ini yang menelan belanja RM13.48 juta antara lain mensyaratkan supaya kontraktor mengembalikan Surat Setujuterima Tender dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaannya. Adalah didapati peraturan ini telah dipatuhi. Selain itu, kontraktor juga telah mengemukakan bon pelaksanaan, Polisi Insurans Tanggungan Awam dan Polisi Insurans Kerja. Bon pelaksanaan yang dikemukakan adalah 5% daripada harga kontrak, insurans kerja yang diluluskan adalah atas nama kerajaan dan kontraktor juga telah melindungi Jabatan daripada kerugian akibat kerosakan dan sebagainya. Insurans liabiliti awam yang diambil adalah mengikut jumlah harga kontrak dan termasuk tempoh tanggungan kecacatan. Kontraktor juga telah memulakan kerja dalam tempoh yang ditetapkan iaitu dalam tempoh 14 hari daripada tarikh milik tapak.

Pada pandangan Audit, syarat kontrak telah dipatuhi sepenuhnya dan telah dapat memelihara kepentingan kerajaan.

37.2.4 Kerja Tanah

Semakan Audit mendapati kesemua masjid yang dilaporkan telah membuat ujian penyiasatan tanah. Mengikut Laporan *Soil Investigation* tapak Masjid Bandar Baru Nilai adalah daripada jenis tanah yang mengandungi *silt* dan *sand* dan tidak ada *rock*. Bagaimanapun, semasa tanah diusahakan adalah didapati ianya dari jenis tanah keras dan sukar untuk diratakan mengikut cara biasa. Bagi mempercepatkan proses merata tanah, pemecahan tanah mengikut kaedah *control blasting* terpaksa dilaksanakan. Kos bagi kerja letupan tanah ditanggung oleh pihak kontraktor. Kelewatan dalam menyiapkan kerja merata tanah telah menyumbang kepada kelewatan projek sehingga 30% dan

akhirnya projek dikategorikan sebagai projek sakit. Bagi tujuan mempercepat pembinaan masjid, pihak JKR telah bersetuju untuk mengubah aras laras masjid daripada 68.5m menjadi 69.5m.

37.2.5 Tempoh Siap Kerja

Mengikut perjanjian kontrak, tempoh siap kerja bagi 3 projek ini adalah antara 44 hingga 84 minggu. Pemeriksaan Audit mendapati Masjid Pasir Panjang telah sempurna disiapkan pada bulan September 2003 iaitu dua bulan lebih awal daripada tempoh yang ditetapkan. Bagi Masjid Sikamat, walaupun telah dapat disiapkan sepenuhnya tetapi telah lewat selama 9 bulan manakala bagi Masjid Bandar Baru Nilai pula telah diberi 3 kali lanjutan masa selama 9 bulan. Masjid kini telah pun siap dan JKR telah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja pada bulan Februari 2004.

- i) Mengenai Masjid Sikamat, pihak kontraktor tidak dapat menyiapkan kerja dalam tempoh lanjutan masa yang ditetapkan iaitu pada bulan Mac 2002. Setelah beberapa surat amaran dan peringatan dikeluarkan, pihak JKR telah mengambil tindakan mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap pada bulan Jun 2002 kepada kontraktor berkenaan. Berikutan daripada kelewatan tersebut, pihak JKR telah mengenakan denda mengikut syarat kontrak berjumlah RM182,457 dikira pada kadar RM873 sehari untuk tempoh selama 209 hari. Denda ini telah ditolak daripada bayaran muktamad yang dibuat pada bulan Ogos 2003.
- ii) Masjid Bandar Baru Nilai tidak dapat disiapkan mengikut jadual asal. Atas kelewatan kontraktor untuk menyiapkan Masjid Bandar Baru Nilai dalam tempoh yang ditetapkan iaitu pada bulan Mei 2003, pihak JKR telah mengeluarkan 3 Sijil Lanjutan Masa selama 9 bulan. Kontraktor telah menyiapkan projek pada bulan Februari 2004 dan pihak JKR Negeri telah

menyerahkannya kepada Jabatan Agama Islam pada bulan yang sama.

37.2.6 Tempoh Tanggungan Kecacatan

Bagi Masjid Sikamat, pihak JKR telah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja pada bulan Disember 2002. Oleh itu tempoh tanggungan kecacatan adalah bagi tempoh Januari 2003 hingga Disember 2003 iaitu selama 1 tahun. Mengenai kerja yang perlu dijalankan dalam tempoh tanggungan kecacatan ini, pihak JKR serta Jabatan telah menyenaraikannya untuk dilaksanakan dalam tempoh 14 hari. Walau bagaimanapun, pihak kontraktor hanya dapat menyiapkan sebahagian daripada kecacatan tersebut dan bagi kecacatan yang tidak disiapkan, pihak JKR telah mengeluarkan inden kerja kepada kontraktor yang lain. Bagi kerja yang dijalankan oleh kontraktor lain, sejumlah RM39,050 telah dibayar. Bayaran ini ditolak daripada bayaran muktamad kontraktor pertama. Semakan Audit mendapati ada antara kerja yang dikategorikan sebagai kerja kecacatan sebenarnya adalah kerja yang belum siap. Butiran kerja terlibat seperti berikut:

- i)** Memasang (9) pendakap alat pemadam api;
- ii)** Membekal dan memasang 4 cermin muka bingkai aluminium saiz 600mm x 600mm serta 4 bingkai penyidai tuala;
- iii)** Mengecat warna kemasan untuk pintu pagar utama; dan
- iv)** Membekal dan memasang 2 *air blower model LP 120A*, satu bilangan 5 mm(w) *stainless steel screen plate* serta rumah pam.

Oleh kerana kerja belum siap telah dikategorikan sebagai kerja kecacatan, pihak Audit berpendapat pihak JKR hendaklah terlebih dahulu mengkaji kedudukannya sebelum mengeluarkan Sijil Siap Kerja. Ini untuk memastikan yang kepentingan Kerajaan Negeri adalah terjamin.

37.2.7 Rekabentuk Masjid

Kebiasaannya, pihak JKR adalah bertanggungjawab dalam penyediaan lukisan rekabentuk masjid mengikut citarasa dan keperluan Jabatan. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh kekurangan kakitangan dan sebagainya, tidak semua kerja lukisan rekabentuk ini dilaksanakan oleh pihak JKR. Ada antara masjid, beberapa komponen lukisan rekabentuknya disediakan oleh juruperunding dan ada pula yang menggunakan lukisan rekabentuk masjid yang telah dibina.

- i) Semakan Audit mendapati bagi Masjid Pasir Panjang, pihak JKR telah menggunakan lukisan rekabentuk bagi masjid yang telah dibina manakala bagi Masjid Bandar Baru Nilai dan Sikamat, kerja berkaitan seperti lukisan arkitek, sivil dan struktur, mekanikal and elektrik and sebagainya diserahkan kepada pihak juruperunding untuk menyediakannya. Kerja juruperunding disemak oleh pihak JKR sebelum meluluskannya. Sehingga bulan Jun 2003, sejumlah RM0.50 juta telah dibayar kepada juruperunding dan jumlah ini adalah mengikuti jadual kadar yang telah ditetapkan. Butiran bayaran juruperunding seperti di **Jadual 34**.

Jadual 34

Bayaran Juruperunding Setakat Bulan Julai 2003

Bil	Masjid	Jenis Kerja	Bayaran (RM)
1.	Masjid Sikamat	Lukisan Arkitek	29,900
		Struktur	74,743
2.	Masjid Bandar Baru Nilai	Juruukur Bahan	100,500
		<i>Sivil and struktur</i>	247,192
		<i>Mechanical and electrical</i>	38,633
3.	Masjid Pasir Panjang	Laporan Proba Mackintosh	9,412
Jumlah			500,380

Sumber: Rekod Ibupejabat JKR Negeri Sembilan

- ii) Semakan Audit mendapati bagi Masjid Sikamat, lukisan arkitek yang diluluskan oleh pihak JKR tidak menyebut mengenai *butiran/dinding ditunjukkan pada arca tingkat mezzanine dan antara tiang ke tangga aras 9050mm grid C.J(2-9)*. Perkara ini hanya disedari selepas tender diluluskan dan kerja hendak dimulakan oleh pihak kontraktor. Butiran ini yang berjumlah RM66,041 kemudiannya telah dimasukkan ke dalam arahan perubahan kerja. **Pada pandangan Audit, pihak JKR hendaklah meneliti semua butiran yang perlu dimasukkan ke dalam kontrak sebelum meluluskannya.**

37.2.8 Arahan Perubahan Kerja Dan Pelarasan Harga Kontrak

Semasa pembinaan 3 buah masjid ini, ada beberapa kes di mana Arahan Perubahan Kerja dan Pelarasan Harga Kontrak tidak dikeluarkan seperti berikut:

- i) Kos kontrak bagi Masjid Pasir Panjang berjumlah RM2.01 juta. Walau bagaimanapun, pada mesyuarat pra pembinaan yang diadakan pada bulan Januari 2003, jumlah ini telah dikurangkan menjadi RM1.6 juta disebabkan Jabatan tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi. Walau bagaimanapun, bagi tujuan bayaran pendahuluan, ianya mengambil kira kos kontrak yang asal. Semakan Audit mendapati sehingga bayaran kemajuan ke 5, pihak JKR masih menggunakan amaun kontrak asal dalam membuat pembayaran. Mengikut maklum balas pihak JKR, pelarasan ini tidak diperlukan kerana pihaknya akan berusaha melaksanakan kerja mengikut kontrak asal menggunakan baki peruntukan projek lain bagi menampung kekurangan ini.
- ii) Bagi Masjid Pasir Panjang, adalah didapati Pelarasan Perubahan Harga bagi melantik juruperunding bagi syor asas 'Laporan Proba Mackintosh' bagi tujuan mengelakkan bunyi bising/gegaran tidak dikeluarkan. Harga berdasarkan senarai kuantiti adalah RM5,000 tetapi harga yang dituntut berjumlah RM9,412. Mengikut maklum balas pihak JKR, item ini

bersifat *provisional* di mana kos sebenar hanya diketahui setelah kerja dilaksanakan di tapak. Walaubagaimana pun, tindakan telah diambil dan Pelarasan Harga Kontrak telah dikeluarkan.

- iii) Bagi Masjid Bandar Baru Nilai, sehingga bulan Disember 2003, tiga arahan perubahan kerja dan satu pelarasan harga kontrak dengan nilai tambahan bersih berjumlah RM0.43 juta telah dikeluarkan manakala bayaran kemajuan yang telah dibuat berjumlah RM4.4 juta. Antara pelarasan harga kontrak yang diluluskan ialah bayaran bagi perbezaan jejari dome antara pelan dan Senarai Kuantiti berjumlah RM474,000. Ini menjadikan harga kontrak asal berubah daripada RM6.8 juta menjadi RM7.3 juta.

Mengenai Masjid Sikamat pula, sebanyak 12 arahan perubahan kerja/ pelarasan harga kontrak dikeluarkan berjumlah RM0.16 juta yang terdiri daripada arahan perubahan kerja sejumlah RM0.09 juta dan pelarasan harga kontrak sejumlah RM0.06 juta. Ini menyebabkan harga kontrak berubah daripada RM4.59 juta menjadi RM4.75 juta. Antara arahan perubahan kerja yang diluluskan adalah kerja menambak tanah hingga ke kawasan sempadan tanah masjid yang sebenar, pertukaran *saiz roof beam* dan *pemasangan paip upvc conduit* dan untuk pelarasan harga kontrak pula adalah untuk kerja pengukuran semula kerja cerucuk. Semakan Audit mendapati semua arahan perubahan kerja dan pelarasan harga kontrak ini telah mendapat kelulusan daripada JKR dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

37.2.9 Kerja Di Tapak Pembinaan

Lawatan Audit ke tapak projek pembinaan Masjid Sikamat, Masjid Bandar Baru Nilai dan Masjid Pasir Panjang pada bulan Jun 2003 bersama pegawai JKR mendapati perkara berikut:

i) Pekerja Harian

Mengikut syarat dalam Ordinan Kerja 1955 dan Peraturan Keselamatan Dalam Negeri, kontraktor hendaklah mengemukakan kepada JKR senarai lengkap dan kemas kini mengenai mereka yang bekerja di tapak pembinaan. Semakan Audit mendapati daftar yang diselenggara oleh pihak JKR tidak mengandungi butiran lengkap mengenai pekerja yang bertugas dengan kontraktor. Mengikut Borang Kontrak JKR 203A, kontraktor yang mengambil pekerja warga negara asing hendaklah mendapatkan kelulusan dan permit kerja mereka dari pihak yang berkuasa. Pihak JKR pula dikehendaki menyimpan maklumat ini. Adalah didapati maklumat ini tidak disimpan oleh pihak JKR. Mengikut pihak JKR, maklumat ini tidak dapat dikemaskinikan oleh kontraktor kerana pekerja asing yang diambil bekerja sering bertukar ganti.

ii) Dinding Adang (*Hoarding*)

Perjanjian kontrak mensyaratkan supaya kontraktor menyenggara selama tempoh yang perlu segala pemagaran, dinding adang keluli (berwarna) di sekeliling kawasan tapak bina. Lawatan ke tapak projek mendapati tapak bina bagi masjid Bandar Baru Nilai tidak mempunyai dinding adang sebagaimana yang ditetapkan dalam kontrak yang ditandatangani. Perkara ini diakui oleh Pegawai Penguasa Projek dan dimaklumkan tindakan akan diambil dengan membuat pelarasan harga kontrak. Mengikut harga kontrak dinding adang, kosnya berjumlah RM5,000. **Foto 11** adalah pemandangan Masjid Bandar Baru Nilai yang tidak mempunyai dinding adang.

Foto 11
Masjid Bandar Baru Nilai Tanpa Adang
Semasa Pembinaan



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 26.06.2003

iii) Penyimpanan Bahan Binaan Dan Tempat Penginapan

Mengikut syarat kontrak, kontraktor hendaklah mengadakan di tapak binaan sebuah bangunan sementara yang lengkap, selamat dan kalis cuaca untuk tujuan penyimpanan bahan binaan dan sebagai tempat penginapan bagi sepanjang masa pembinaan. Bangunan yang dimaksudkan hendaklah mempunyai antara lain bangsal untuk menyimpan simen, bangsal untuk membengkok besi, stor untuk penyimpanan bahan binaan, tempat penginapan pekerja dan sebagainya. Semakan Audit ke tempat pembinaan Masjid Sikamat, Masjid Pasir Panjang dan Masjid Bandar Baru Nilai mendapati perkara berikut:

- a) Sungguhpun bangsal simen disediakan tetapi simen tidak disimpan di bangsal, sebaliknya diletakkan di kawasan lapang berhampiran dengan kerja pembinaan dijalankan. Simen yang terdedah tidak sesuai untuk digunakan.

- b) Bangsal untuk membengkok bar dan kerja yang berkaitan tidak disediakan. Besi yang belum guna dibiarkan terdedah kepada hujan dan panas di kawasan lapang dan ini telah menyebabkan ianya berkarat. Besi yang berkarat tidak sesuai digunakan dalam kerja pembinaan dan sekiranya hendak digunakan juga maka ianya hendaklah diberus hingga bersih. Sila lihat **Foto 12**.

Foto 12
Longgokan Besi Yang Terdedah Kepada Panas Dan Hujan



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 26.06.2003

- c) Stor untuk bahan binaan lain tidak mempunyai ruang yang cukup. Oleh itu, sebahagian daripada bahan binaan terbiar di kawasan lapang dan ditutup dengan plastik.
- d) Tempat penginapan pekerja tidak disediakan pada kadar 9.30 meter persegi bagi setiap orang dan dilengkapi dengan dapur yang sesuai selaras dengan keperluan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Kesihatan. Lawatan ke tapak projek Masjid Bandar Baru Nilai

mendapati beberapa pekerja telah menggunakan bangunan separa siap untuk memasak dan menyimpan bahan makanan seperti di **Foto 13**.

Foto 13

Bangunan Separa Siap Digunakan Oleh Pekerja Binaan Untuk Memasak



*Sumber : Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 26.06.2003*

iv) Pejabat Tapak Bina

Kontraktor juga disyaratkan supaya menyediakan satu pejabat tapak bina yang lengkap dengan Carta Organisasi, sampel bahan binaan, gambar kemajuan kerja dan *weather chart*. Lawatan Audit ke Pejabat Tapak Bina bagi Masjid Bandar Baru Nilai dan Masjid Pasir Panjang mendapati pejabat yang ada tidak dilengkapi dengan carta organisasi sama ada di pihak kontraktor mahu pun di pihak JKR sendiri. Adalah juga didapati sampel bahan binaan tersangat kurang dipamerkan. Selain itu, gambar kemajuan projek dan *weather chart* tidak dipamerkan dan carta program kerja sebenar dalam bentuk *S curve* bagi membezakan antara program yang dirancang dengan yang sebenar juga tidak dipamerkan. Keadaan di Pejabat Tapak seperti di **Foto 14**.

v) Bahan Dan Mutu Hasil Kerja

Mengikut perjanjian kontrak, kontraktor hendaklah menjalankan beberapa ujian bahan di tapak projek dan menyimpan rekod mengenainya bagi tujuan pengesahan. **Oleh kerana bahan sampel ujian yang ada di tapak projek terlalu kecil, pihak Audit berpendapat ujian bahan sampel di tapak projek amat kurang dijalankan.**

vi) Kemudahan Pertolongan Cemas

Mengikut syarat yang ditetapkan dalam perjanjian kontrak, kontraktor dikehendaki menyediakan 1 peti pertolongan cemas di pejabat tapak pembinaan dan menjaganya dengan sempurna. Peti ini hendaklah sentiasa berada di tapak bina sepanjang waktu kerja bagi memudahkan pertolongan diberi dalam keadaan kecemasan. Lawatan ke pejabat tapak bina Masjid Bandar Baru Nilai mendapati peti pertolongan cemas tidak disediakan.

vii) Bahan Binaan

Penemuan Audit hasil daripada pemeriksaan ke atas penggunaan bahan binaan adalah seperti berikut:

a) Batu Bata

Semasa lawatan ke Masjid Bandar Baru Nilai kerja menyusun batu bata sedang berjalan dan batu bata yang digunakan adalah daripada jenis batu bata tanah liat berwarna merah. Mutu batu bata jenis ini adalah baik dan tahan lama. Bagaimanapun, adalah didapati beberapa batu yang pecah dan retak telah digunakan untuk mengikat tembok bangunan. Bagi Masjid Pasir Panjang pula, pada masa pemeriksaan Audit, tidak ada batu bata yang pecah dan retak digunakan untuk mengikat tembok bangunan.

b) Lapisan *Exmet*

Exmet adalah sekeping jejala keluli digunakan untuk memberi sokongan kepada dinding batu bata. Dalam pembinaan, *exmet* dipasang pada setiap 4 lapisan susunan batu bata. Ia dipasang memanjang di sepanjang dinding yang mana akan bertindak sebagai penyokong. Pemasangan ini juga bertujuan untuk menguatkan ikatan batu bata tembok. Adalah didapati bagi Masjid Bandar Baru Nilai walaupun ada lapisan *exmet* di beberapa tempat tetapi ianya tidak teratur dan menyeluruh. Pemasangan *exmet* tidak mematuhi piawaian yang ditetapkan. Bagaimanapun, di Masjid Pasir Panjang, pembinaannya adalah memuaskan.

c) *Stiffener*

Bagi dinding yang berukuran 10 kaki panjang atau dinding pada jarak keluasan 160 kaki persegi, *stiffener* hendaklah diletakkan. *Stiffener* adalah merupakan tiang penguat dinding yang dipasang bagi tujuan menguatkan dan mengukuhkan dinding supaya tidak mudah retak atau runtuh. Ianya diletakkan antara 2 tiang utama yang jauh dan juga di tempat dinding bertemu. Pihak Audit mendapati bagi Masjid Bandar Baru Nilai, *stiffener* telah dipasang kemudian dan tidak mengikut jarak yang ditetapkan dan di tempat dinding bertemu juga tidak dipasang dengan *stiffener*. Sila lihat **Foto 15** dan **Foto 16**.

d) Lapisan Kalis Lembab

Mengikut perjanjian kontrak lapisan kalis lembab daripada jenis bitumen hendaklah diletakkan sekurang-kurangnya 150 mm daripada tanah. Bagi Masjid Bandar Baru Nilai, kontraktor telah mematuhi arahan kerja ini.

e) Pemasangan Lintol

Lintol adalah konkrit tetulang yang diletakkan di atas kerangka pintu dan tingkap untuk menanggung beban dinding bata yang berada di atas kerangka tingkap atau pintu bagi mengelakkan kerangka tersebut menjadi melengkung. Pihak Audit mendapati lintol yang dipasang di Masjid Bandar Baru Nilai tidak mengikut spesifikasi. Panjang setiap lintol sepatutnya melebihi kerangka yang dipasang iaitu 6 inci di kiri dan kanan kerangka tersebut. Contoh pemasangan lintol yang tidak mengikut spesifikasi adalah seperti di **Foto 17**.

f) Ujian Bahan

Lawatan Audit di Masjid Bandar Baru Nilai mendapati pihak kontraktor ada menjalankan ujian bahan. Semasa pemeriksaan ada 6 sampel ujian kiub yang telah dijalankan pada bulan Jun 2003. Sungguhpun demikian, *curing* tidak dibuat walaupun pada masa itu, cuaca panas dan kering. Selain membuat ujian kiub, pihak kontraktor juga telah menjalankan ujian lain di makmal seperti *trial Mix*, *coarse aggregate test*, dan ujian tegangan (*bending test*). Keputusan bagi semua ujian yang dibuat adalah memuaskan kecuali bagi besi tetulang Y32 keputusannya adalah tidak memuaskan.

g) Kawalan Serangga

Ada bukti yang menunjukkan penyemburan dan kawalan serangga dijalankan di Masjid Sikamat dan Masjid Bandar Baru Nilai.

Foto 14
Pejabat Tapak Bina Yang
Kurang Bahan Sample



Foto 15
Pertemuan Antara 2 Dinding
Yang Tidak Ada Stiffener



Foto 16
Stiffener Yang Dipasang
Tidak Lengkap



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 26.06.2003

Foto 17
Lintol Yang Dipasang
Tidak Mengikut Piawaian



h) Kualiti Kayu Bumbung

Mengikut peraturan, setiap kayu yang dihantar ke tapak projek hendaklah disertakan Surat Perakuan Mutu Kayu daripada Lembaga Perakayan Malaysia. Antara perkara yang akan diperakukan oleh Lembaga dalam surat perakuan adalah Grade Kayu, kandungan awetnya, serta *moisture content*. Pihak Audit mendapati kayu yang digunakan bagi membuat bumbung Masjid Pasir Panjang tidak diperakukan dengan Sijil Mutu Kayu daripada Lembaga Perakayan Malaysia. Pemaju

memaklumkan bahawa kualiti kayu yang digunakan dalam projek ini adalah grade A dan berubat. Bagi menyokong pengakuan ini, pemaju telah mendapatkan perakuan dari Lembaga Perkayuan Malaysia. Bagi Masjid Sikamat, sijil perakuan mutu kayu telah diperolehi.

37.2.10 Bayaran Kemajuan

Bayaran kemajuan yang dibuat adalah berdasarkan kepada laporan penilaian yang dikemukakan sama ada oleh pihak JKR ataupun juruperunding. Semakan Audit terhadap bayaran kemajuan bagi Masjid Sikamat, Masjid Bandar Baru Nilai dan Masjid Pasir Panjang mendapati tidak ada kelewatan dalam membuat pembayaran ke atas tuntutan yang dikemukakan. Bayaran muktamad bagi Masjid Sikamat berjumlah RM4.75 juta telah diselesaikan pada bulan Ogos 2003. Bagi Masjid Pasir Panjang, bayaran kemajuan yang telah dibuat berjumlah RM1.59 juta dan bagi Masjid Bandar Baru Nilai, bayaran kemajuan berjumlah RM4.4 juta telah dibuat setakat bulan Disember 2003.

Pada pandangan Audit, pelaksanaan ketiga Masjid ini adalah memuaskan.

37.3 PEMANTAUAN

Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Agama Islam adalah pihak yang bertanggungjawab dalam memantau projek pembinaan masjid secara keseluruhan. Untuk memastikan kerja pembinaan berjalan dengan lancar dan mengikut piawaian yang ditetapkan, seorang pegawai dari Jabatan Kerja Raya telah ditempatkan di tapak pembinaan sepenuh masa. Pemantauan dijalankan melalui Mesyuarat Tapak dan rekod tapak.

37.3.1 Mesyuarat Tapak

Pemantauan semasa pembinaan dibuat melalui mesyuarat tapak bertujuan mengkaji kemajuan kerja yang dicapai berbanding

dengan program kerja yang dirancang. Mesyuarat dihadiri oleh Jabatan Kerja Raya, Jabatan Agama Islam dan kontraktor. Bagi setiap mesyuarat yang diadakan, minit mesyuarat dan laporan kemajuan disediakan oleh pihak JKR untuk menunjukkan status kemajuan projek. Semakan Audit mendapati bagi Masjid Sikamat sebanyak 12 kali mesyuarat tapak diadakan dan bagi Masjid Bandar Baru Nilai dan Masjid Pasir Panjang, sehingga bulan Julai 2003, mesyuarat tapak diadakan sebanyak 3 kali.

37.3.2 Mesyuarat Jawatankuasa

Selain daripada mesyuarat tapak, maklum balas juga diperolehi melalui Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak dan Jawatankuasa Kemajuan Agama Islam setiap 2 bulan sekali. Pemantauan juga ada dibuat dalam mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Negeri dan mesyuarat Majlis Pembangunan Negeri.

Pada pandangan Audit, aspek pemantauan terhadap projek pembinaan bagi 3 masjid ini adalah baik.

38. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya projek pembinaan 3 buah masjid di Negeri Sembilan telah dirancang dan dilaksanakan dengan baik. Walau bagaimanapun, Jabatan dan pihak JKR perlu memperbaiki beberapa kelemahan dalam pelaksanaan dan pemantauannya khususnya dari segi spesifikasi, penggunaan bahan binaan, ujian yang perlu dijalankan dan pemantauan harian di tapak binaan.

BAHAGIAN IV
BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM
DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

39. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara juga dikehendaki menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri. Di Negeri Sembilan, ada 5 Badan Berkanun Negeri, satu Majlis Agama Islam dan 8 Pihak Berkuasa Tempatan. Selain mengesahkan Penyata Kewangan, pengauditan pengurusan kewangan dan kajian Audit terhadap aktiviti atau program juga dijalankan bagi menilai pengurusan kewangan dan prestasi Jabatan/agensi berkenaan. Pada tahun 2003, auditan pengurusan kewangan telah dijalankan bagi 2 agensi negeri iaitu Perbadanan Perpustakaan Negeri, Negeri Sembilan dan Majlis Daerah Tampin. Kajian Audit juga telah dijalankan terhadap Majlis Perbandaran Nilai dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.

40. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Di Negeri Sembilan ada 14 agensi yang terdiri daripada 5 Badan Berkanun Negeri, satu Majlis Agama Islam dan 8 Pihak Berkuasa Tempatan. Pengauditan penyata kewangan bagi 11 agensi dijalankan oleh firma audit swasta bagi pihak Jabatan Audit Negara dan 3 agensi lagi diaudit sendiri oleh Jabatan Audit Negara. Perlantikan firma audit swasta adalah di bawah bidang kuasa Ketua Audit Negara. Walaupun pengauditan penyata kewangan dijalankan oleh pihak swasta, Jabatan Audit Negara membuat pemantauan terhadap kerja yang dijalankan.

41. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

41.1 Seksyen 60(2) Akta Kerajaan Tempatan, 1976 menetapkan kewajipan juruaudit untuk mengesah akaun Pihak Berkuasa Tempatan pada atau sebelum 31 Oktober tahun berikutnya. Bagi memenuhi kehendak Akta ini,

Pihak Berkuasa Tempatan perlu mengemukakan penyata kewangan kepada Jabatan Audit Negara selewatnya pada 30 Jun tahun berikutnya. Manakala 2 Enakmen Badan Berkanun menyebut akaunnya hendaklah diaudit dalam masa 6 bulan selepas berakhir setiap tahun kewangan dan 4 Enakmen lagi tidak menyebut secara khusus tarikh akaunnya dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara.

41.2 Sehingga akhir bulan Julai 2004, sejumlah 13 penyata Kewangan belum diterima oleh Jabatan Audit Negara untuk diaudit. Penyerahan penyata kewangan Badan Berkanun Negeri adalah kurang memuaskan. Lembaga Muzium Negeri belum mengemukakan penyata kewangan bagi tahun 1999 hingga 2003. Penyerahan penyata kewangan oleh Pihak Berkuasa Tempatan adalah memuaskan di mana sehingga akhir bulan Julai 2004, hanya Majlis Perbandaran Nilai yang belum mengemukakan penyata kewangan bagi tahun 2002 dan 2003 untuk diaudit. Manakala Majlis Agama Islam belum mengemukakan penyata kewangan bagi tahun 2003 untuk diaudit. Kedudukan penyerahan penyata kewangan oleh Agensi untuk diaudit adalah seperti di **Lampiran III**.

41.3 Agensi yang gagal menyerahkan penyata kewangan mereka dalam tempoh yang ditetapkan adalah disebabkan sama ada kekurangan kakitangan atau kakitangan yang ada tidak berpengalaman dalam pengendalian akaun dan penyediaan penyata kewangan serta rekod kewangan dan akaun yang diselenggara tidak lengkap dan kemas kini. Ketua Agensi telah dinasihatkan supaya menyegerakan penyediaan penyata kewangan mereka.

42. PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN

Sehingga akhir bulan Julai 2004, sejumlah 24 Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam bagi tahun 1988 hingga 2002 telah disahkan oleh Jabatan Audit Negara. Ia terdiri daripada 8 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, dua penyata kewangan Majlis Agama Islam dan 14 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan. Bagi Akaun Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam, tiga penyata kewangan diberi Sijil Tanpa

Berteguran, enam diberi Sijil Berteguran dan satu diberi Sijil *Adverse*. Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan, sepuluh penyata kewangan diberi Sijil Tanpa Berteguran manakala 4 yang lain diberi Sijil Berteguran. Jenis Sijil yang diberi ke atas penyata kewangan yang diaudit seperti di **Jadual 35**.

Adalah didapati agensi yang diberi Sijil Berteguran kerana penyata kewangan yang disediakan tidak mematuhi Piawaian Standard Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board (MASB)*), rekod kewangan yang diselenggara tidak lengkap serta ada kesilapan dan ketinggalan yang sungguhpun tidak material telah menjejaskan kedudukan akaun. Sijil *Adverse* telah dikeluarkan ke atas Penyata Kewangan Lembaga Muzium Negeri bagi tahun 1998 kerana pihak Audit berpendapat penyata kewangan menunjukkan kedudukan yang tidak benar dan saksama. Ini adalah kerana Lembaga Muzium tidak menyelenggara rekod kewangan dan akaun dengan baik sehingga menyebabkan angka di penyata kewangan tidak dapat disesuaikan dengan rekod yang diselenggara dan aset yang diperakaunkan tidak mematuhi standard piawaian *MASB*.

Jadual 35
Bilangan Dan Jenis Sijil Yang Dikeluarkan Bagi
Agensi Kerajaan Negeri Setakat 31 Julai 2004

Nama Agensi	Tarikh Sijil	Tahun Akaun	Jenis Sijil
A. PIHAK BERKUASA TEMPATAN			
1. Majlis Perbandaran Seremban	30.10.03	2002	Tanpa Berteguran
2. Majlis Perbandaran Nilai	04.03.04	2000	Berteguran
3. Majlis Perbandaran Port Dickson	31.07.03	2001	Tanpa Berteguran
	25.05.04	2002	Tanpa Berteguran
4. Majlis Daerah Tampin	02.07.03	2001	Tanpa Berteguran
	08.04.04	2002	Tanpa Berteguran
5. Majlis Daerah Kuala Pilah	31.10.03	2001	Tanpa Berteguran
	25.06.04	2002	Tanpa Berteguran
6. Majlis Daerah Jelebu	17.06.03	2001	Berteguran
	19.02.04	2002	Tanpa Berteguran
7. Majlis Daerah Rembau	19.05.03	2001	Tanpa Berteguran
	02.03.04	2002	Tanpa Berteguran
8. Majlis Daerah Jempol	25.05.04	2000	Berteguran
	25.05.04	2001	Berteguran
B. MAJLIS AGAMA ISLAM			
1. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	12.05.03	1999	Tanpa Berteguran
	02.09.03	2000	Tanpa Berteguran
C. BADAN BERKANUN NEGERI			
1. Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	22.01.03	2001	Tanpa Berteguran
	16.02.04	2002	Berteguran
2. Yayasan Negeri Sembilan	07.05.03	2001	Berteguran
	28.04.04	2002	Berteguran
3. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan	28.11.03	1998	Berteguran
	24.06.04	1999	Berteguran
	31.07.04	2000	Berteguran
4. Lembaga Muzium Negeri, Negeri Sembilan	25.03.04	1998	Adverse
Jumlah		24	

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negeri Sembilan

43. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Perkara 107 (2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan yang akan mengarahkan laporan itu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sehingga akhir bulan Julai 2004, masih ada 6 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan 8 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 1997 hingga 2002 belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Butirannya adalah seperti di **Lampiran IV**.

44. PRESTASI KEWANGAN

Pihak Audit telah menjalankan analisis ke atas akaun Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2002 seperti berikut:

44.1 BADAN BERKANUN NEGERI

Sehingga akhir bulan Julai 2004, tiga agensi iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan, Yayasan Negeri Sembilan dan Majlis Sukan Negeri Sembilan telah menyerahkan penyata kewangan bagi tahun 2002 untuk diaudit. Analisis prestasi kewangan adalah bagi Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan dan Yayasan Negeri Sembilan yang telah selesai diaudit.

i) Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan

Hasil analisis yang telah dijalankan terhadap penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan mendapati kedudukan kewangan Perbadanan pada akhir tahun 2002 adalah stabil di mana nilai hartanya melebihi tanggungan. Perbadanan masih mampu untuk menampung tanggungannya berjumlah RM133.63 juta melalui pegangan hartanya yang berjumlah RM261.09 juta. Kumpulan Wang terkumpul Perbadanan juga telah meningkat menjadi RM102.95 juta, hasil daripada keuntungan selepas cukai tahun 2002 berjumlah RM2.94 juta. Perbadanan telah berjaya mengawal perbelanjaan tahun

2002 yang berjumlah RM8.03 juta menerusi pendapatannya berjumlah RM11.41 juta.

ii) Yayasan Negeri Sembilan

Bagi Yayasan Negeri Sembilan, kedudukan kewangannya pada akhir tahun 2002 adalah kukuh. Kedudukan aset Yayasan adalah mantap dengan nilai berjumlah RM88.16 juta berbanding liabiliti berjumlah RM11.24 juta. Pendapatan Yayasan pada tahun 2002 berjumlah RM8.05 juta manakala perbelanjaannya berjumlah RM6.72 juta. Lebihan pendapatan dari perbelanjaan yang dicatatkan pada tahun 2002 sejumlah RM1.3 juta, telah menurun sekiranya dibandingkan dengan tahun 2001 yang mencatat lebihan pendapatan sejumlah RM4.30 juta. Ini adalah disebabkan terdapat pengurangan yang ketara sejumlah RM3.05 juta dalam pendapatan dividen dan projek usahasama.

44.2 PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Sehingga akhir bulan Julai 2004, sebanyak 6 Pihak Berkuasa Tempatan telah mengemukakan Penyata Kewangan bagi tahun 2002 untuk diaudit. Ianya terdiri dari Majlis Perbandaran Seremban, Majlis Perbandaran Port Dickson, Majlis Daerah Tampin, Majlis Daerah Kuala Pilah, Majlis Daerah Jelebu dan Majlis Daerah Rembau. Hasil analisis Audit terhadap Penyata Kewangan tahun 2002 bagi kesemua Pihak Berkuasa Tempatan mendapati kedudukan kewangan semasa bagi 2 Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Daerah Kuala Pilah boleh dipertingkatkan manakala yang lain adalah stabil. Majlis Perbandaran Seremban mengalami defisit sejumlah RM6.32 juta manakala Majlis Daerah Kuala Pilah mengalami defisit sejumlah RM0.14 juta. Lebihan perbelanjaan di Majlis Daerah Kuala Pilah disebabkan ubahsuaian bangunan Majlis manakala di Majlis Perbandaran Seremban disebabkan pertambahan perbelanjaan projek pembangunan. Pada umumnya, prestasi kewangan bagi kesemua Pihak Berkuasa Tempatan ini adalah baik kerana aset semasanya berupaya menampung tanggungan semasa. Kedudukan

prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan seperti di **Jadual 36**.

Jadual 36
Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002

Bil	Nama Agensi	Penyata Pendapatan Berakhir 31.12.2002			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2002		
		Pendapatan (RMJuta)	Perbelanjaan (RMJuta)	Surplus /(Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RMJuta)	Liabiliti Semasa (RMJuta)	Harta Bersih Semasa (RMJuta)
Badan Berkanun Negeri							
1	PKNNS	11.41	8.03	3.38	63.21	43.15	20.06
2	YNS	8.05	6.72	1.33	39.5	3.99	35.51
Pihak Berkuasa Tempatan							
1.	MP Seremban	53.47	59.79	(6.32)	61.02	25.12	35.9
2.	MP Port Dickson	23.13	18.38	4.75	16.17	3.42	12.75
3.	MD Tampin	13.14	11.88	1.26	4.05	1.43	2.62
4.	MD Kuala Pilah	6.78	6.92	(0.14)	1.2	1.05	0.15
5.	MD Jelebu	7.3	4.51	2.79	1.19	0.78	0.41
6.	MD Rembau	4.8	4.6	0.2	1.9	1.72	0.18

Sumber: Penyata Kewangan Tahun 2002

44.3 TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Berbanding dengan tahun 2001, hanya Majlis Daerah Tampin yang menunjukkan penurunan tunggakan hasil cukai taksiran. Pengurangan ini adalah hasil usaha dan penguatkuasaan Majlis memungut cukai taksiran semasa dan yang tertunggak. Adalah dicadangkan supaya Pihak Berkuasa Tempatan meningkatkan tindakan penguatkuasaan supaya hasil yang tertunggak itu dapat dikurangkan. Kedudukan tunggakan hasil cukai taksiran yang tertunggak seperti di **Jadual 37**.

Jadual 37**Tunggakan Hasil Cukai Taksiran Bagi Tahun 2001 Dan 2002**

Bil.	Nama PBT	Tahun 2001 (RM Juta)	Tahun 2002 (RMJuta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	MP Seremban	6.82	7.82	1.00
2.	MP Port Dickson	11.6	12.1	0.50
3.	MD Tampin	2.18	2.01	(0.17)
4.	MD Kuala Pilah	0.95	1.02	0.07
5.	MD Jelebu	0.82	0.86	0.04
6.	MD Rembau	0.24	0.25	0.01

Sumber : *Penyata Kewangan 2002*

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN

PENGURUSAN KEWANGAN

45. LATAR BELAKANG

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (Perbadanan) telah ditubuhkan pada tahun 1978 di bawah Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (1974). Ianya terletak di Bandar Seremban dan merupakan pusat ilmu bagi warga Negeri Sembilan khususnya. Perbadanan mempunyai 30 rangkaian yang terdiri daripada sebuah Perpustakaan Pusat, tujuh Perpustakaan Cawangan, sebanyak 13 Perpustakaan Desa, satu Perpustakaan Taman Perumahan, sebuah Perpustakaan Pekan dan 7 Perpustakaan Bergerak. Keluasan lantai kesemua rangkaian Perbadanan kecuali Perpustakaan Bergerak ialah 12,665 meter persegi dan mampu menampung kapasiti sejumlah 168,173 pengguna. Sehingga bulan September 2003, koleksi Perpustakaan telah menjangkau 540,684 naskah bahan monograf dan jurnal dari dalam dan luar negara serta 2,984 naskah bahan multimedia dan audio visual. Adalah menjadi harapan Perbadanan untuk muncul sebagai gudang ilmu bagi membekal dan menyalurkan maklumat rujukan dan penyelidikan dalam pelbagai media untuk dinikmati oleh semua lapisan masyarakat khususnya di Negeri Sembilan. Antara fungsi Perbadanan termasuk menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan satu koleksi sumber ilmu yang mantap dan mapan. Pada tahun 2003, Perbadanan telah melakukan perbelanjaan berjumlah RM1.77 juta dan hasil yang dipungut pada tahun 2003 berjumlah RM58,207. Sebahagian besar dari hasil yang dikutip terdiri dari yuran keahlian.

46. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Tujuan pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan Perbadanan telah dilaksanakan secara teratur, mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta wujudnya kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, pengurusan perbelanjaan, wang amanah, pinjaman, pelaburan dan aset. Semasa menjalankan pengauditan, rekod dan dokumen kewangan Perbadanan bagi tahun 2003 telah disemak.

47. PENEMUAN AUDIT

47.1 KAWALAN PENGURUSAN

Kawalan pengurusan yang mantap adalah penting bagi memastikan pengurusan kewangan Perbadanan dikendali dengan cekap dan berkesan. Pembahagian tugas dan penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja selaras dengan kehendak Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bil. 8 Tahun 1991 merupakan antara elemen yang terpenting dalam meningkatkan produktiviti sesebuah Jabatan demi mencapai visi, misi dan objektifnya.

47.1.1 Struktur Organisasi

Perbadanan telah mewujudkan satu struktur organisasi yang jelas membahagikan tugas pentadbiran dan kewangan. Bahagian Kewangan hanya mempunyai 2 orang kakitangan yang terdiri daripada seorang Pembantu Kewangan tetap dan seorang Pembantu Akauntan sambilan dan seorang Penolong Pegawai Perpustakaan Kontrak yang menjalankan tugas kewangan. Mengikut senarai perjawatan yang diluluskan pada tahun 2003, Perbadanan mempunyai 56 jawatan pelbagai gred. Ini termasuk jawatan yang wujud di peringkat daerah. Bagaimanapun, hanya 31 jawatan telah diisi meninggalkan kekosongan 25 jawatan. Kekosongan ini telah dimaklumkan kepada Unit Perkhidmatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri pada awal tahun 2003 untuk tindakan pengisian. Unit Perkhidmatan menanggungkan pengisian 4 jawatan Pembantu Perpustakaan ke tahun 2004. Semasa laporan ini disediakan, kekosongan yang wujud masih belum diisi.

47.1.2 Manual Prosedur Kerja

Manual Prosedur Kerja adalah merupakan panduan yang merekodkan susunan cara bekerja secara sistematik. Mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Bil. 8 Tahun 1991, setiap Jabatan dikehendaki menyediakan Manual Prosedur Kerja bagi

setiap aktivitinya. Perbadanan telah menyediakan Manual tersebut. Sungguhpun demikian, Manual yang disediakan bagi Sistem Kutipan Hasil adalah terlalu umum kerana tidak menyatakan dengan jelas kawalan dalaman yang perlu wujud dari peringkat penerimaan hingga ke peringkat penyerahan wang ke bank. Perbadanan telah diminta mengkaji semula Manual Prosedur Kerja dan di mana berkenaan, membuat pindaan sewajarnya.

47.1.3 Fail Meja Dan Senarai Tugas

Mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991, setiap pegawai dikehendaki mempunyai Fail Meja masing-masing. Fail Meja yang disediakan hendaklah antara lain mengandungi senarai tugas, peruntukan kuasa dan undang-undang, prosedur dan senarai semakan serta garis panduan yang membimbing seseorang pegawai menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan. Semakan Audit mendapati semua pegawai di Perbadanan mempunyai Fail Meja.

Senarai tugas adalah dokumen yang menjelaskan secara terperinci mengenai tugas dan tanggungjawab seseorang kakitangan. Selain dari menyenaraikan tugas yang perlu dijalankan oleh setiap kakitangan, ianya juga mencatatkan tarikh kuatkuasa dan tandatangan pegawai yang menerima dan juga yang memberi tugas. Semakan Audit mendapati semua pegawai di Bahagian Kewangan mempunyai senarai tugas. Sungguhpun demikian, ianya tidak lengkap kerana tidak mencatatkan tarikh kuatkuasa dan tandatangan pegawai yang menerima dan memberi tugas. Perbadanan telah dinasihatkan supaya melengkapkannya dengan segera.

47.1.4 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996, menghendaki supaya setiap Jabatan menubuhkan Jawatankuasa

Pengurusan Kewangan Dan Akaun di Jabatan masing-masing. Jawatankuasa ini dikehendaki mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 3 bulan sekali dan perkara yang dibincangkan meliputi kewangan Dan akaun. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali pada tahun 2002 dan 2 kali setakat bulan September tahun 2003. Sungguhpun demikian, dari minit mesyuarat yang disediakan, adalah didapati perkara kewangan dan akaun yang dibincangkan terlalu umum dan tidak ke arah untuk memperbaikinya. Perbadanan telah dinasihatkan supaya membincangkan perkara kewangan dan akaun secara lebih mendalam agar dapat menyelesaikan dengan segera apa jua kelemahan pengurusan kewangan dan akaun yang dihadapi oleh pihaknya masa kini.

47.1.5 Kursus Dan Latihan

Pada tahun 2003, Perbadanan telah menghantar seorang pegawai kewangannya menghadiri Kursus Pengurusan Stor anjuran INTAN.

Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan secara keseluruhannya adalah memuaskan.

47.2 KAWALAN HASIL

Hasil yang dipungut oleh Perbadanan pada tahun 2002 berjumlah RM71,944 manakala bagi tahun 2003 berjumlah RM58,287. Hasil yang dikutip terdiri daripada yuran keahlian, denda, fotostat serta sewa dewan dan gerai. Semakan Audit terhadap kawalan hasil mendapati perkara berikut:

47.2.1 Kuasa Memungut Hasil

Arahan Perbendaharaan 69 menghendaki Ketua Jabatan mengeluarkan surat kuasa membenarkan seseorang pegawai

memungut hasil bagi pihak Jabatan. Semakan mendapati Perbadanan telah memberi kebenaran secara bertulis kepada pegawai bawahannya untuk menerima wang, menulis resit, menandatangani resit dan memperakaunkan kutipan ke dalam Buku Tunai selaras dengan peruntukan kewangan yang ditetapkan.

47.2.2 Kawalan Borang Hasil

Mengikut Arahan Perbendaharaan 67, Daftar Borang Hasil hendaklah diselenggara bagi mengawal semua terimaan dan pengeluaran borang hasil, manakala Arahan Perbendaharaan 66(a) pula menghendaki semua borang hasil yang diterima, disemak serta disahkan kebetulannya dari segi bilangan dan nombor siri. Semakan Audit mendapati daripada 5,000 buku resit yang dibeli pada tahun 1999, sebanyak 1,410 buku tidak direkodkan ke dalam Daftar Borang Hasil. Pengeluaran buku resit tersebut juga tidak mengikut turutan nombor siri. Selain itu, tiada bukti yang menunjukkan buku resit yang diterima disemak tentang kebetulan nombor sirinya. Ini memandangkan bungkus yang mengandungi 20 buah buku resit setiap satu masih tidak dibuka dan tiada perakuan sedemikian oleh pegawai yang bertanggungjawab terhadapnya. Juga tiada bukti yang menunjukkan pegawai yang bertanggungjawab menyemak kesahihan dan ketepatan resit bulan Januari hingga bulan Jun 2003 yang direkodkan ke dalam Buku Tunai.

47.2.3 Kawalan Borang Hasil Di Perpustakaan Cawangan Dan Desa

Semakan selanjutnya mendapati bagi Perpustakaan Cawangan dan Desa, kawalan ke atas buku resit dari segi penerimaan, pengeluaran dan baki direkodkan ke dalam sebuah daftar yang direka sendiri dan bukan ke dalam daftar rasmi iaitu Daftar Borang Hasil (Kew. 68). Cawangan berbuat demikian kerana tidak menerima bekalan Kew. 68. Perbadanan telah dinasihatkan supaya membekalkannya kepada semua Perpustakaan

Cawangan dan Desa dan di samping itu, memastikan kawalan ke atas buku resit menggunakan Daftar Borang yang betul.

47.2.4 Borang Hasil Yang Dikeluarkan Daripada Stok Tidak Disemak

Arahan Perbendaharaan 80(c) pula menyarankan supaya Borang Hasil yang dikeluarkan daripada stok disemak sekurang-kurangnya setiap minggu untuk memastikan semua borang yang belum diperakaukan adalah utuh. Tiada bukti yang menunjukkan borang hasil yang dikeluarkan daripada stok disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab.

47.2.5 Buku Tunai

Semakan terhadap Buku Tunai pada 9 Julai 2003 mendapati ianya tidak kemas kini. Tarikh terakhir urusan direkodkan ialah pada bulan Jun 2003. Sungguhpun Arahan Perbendaharaan 146 menghendaki Buku Tunai disesuaikan dengan Penyata Bank pada penghujung setiap bulan tetapi bagi sepanjang tahun 2002 dan 2003, Perbadanan langsung tidak menyediakannya.

47.2.6 Daftar Mel

Mengikut Arahan Perbendaharaan 71, Daftar Mel hendaklah diselenggara bagi merekodkan terimaan wang dan dokumen atau barangan berharga yang diterima melalui pos atau penghantar. Sungguhpun Perbadanan menyelenggara Daftar Mel tetapi ianya tidak lengkap dan kemas kini. Maklumat seperti nombor pendaftaran bungkusan/surat berdaftar, nombor siri wang pos, nombor cek, amaun yang diterima dan perihal dokumen/barang tidak direkodkan. Daftar Mel juga tidak mempunyai ruang untuk merekodkan nombor siri resit yang dikeluarkan bagi kutipan yang diterima. Juga tiada bukti yang menunjukkan Daftar Mel disemak setiap hari dengan Buku Tunai selaras dengan kehendak Arahan Perbendaharaan 71(e).

47.2.7 Kutipan Melalui Sistem Pengkomputeran

Di Unit Sirkulasi, kutipan dibuat melalui sistem kutipan berkomputer. Semasa lawatan Audit ke Unit berkenaan pada bulan Jun 2003 mendapati unit tidak mempunyai data *back-up* Perbadanan telah disaran supaya memastikan data *back-up* sentiasa didapatkan dan menyimpannya di tempat yang selamat. Selain itu, dicadangkan Perbadanan juga memasang generator di tempat yang berkenaan bagi memastikan sistem tidak terganggu sekiranya bekalan terputus.

47.2.8 Penyerahan Wang Kutipan Ke Unit Kewangan

Ada beberapa kelemahan dalam proses serahan wang kutipan ke Unit Kewangan. Wang yang diserahkan ke unit tidak disertakan dengan Laporan atau Penyata Kutipan/Terimaan sebagai bukti kepada jumlah yang dikutip dan diserahkan. Adalah dicadangkan supaya semua Perpustakaan Cawangan dan Desa serta Perpustakaan Bergerak dibekalkan dengan Penyata Terimaan /Serahan bagi merekodkan wang yang dikutip dan yang diserahkan untuk diakaunkan. Bagi Unit Sirkulasi yang menggunakan sistem kutipan berkomputer, dicadangkan setiap serahan disertakan dengan laporan kutipan yang dicetak oleh komputer sebagai dokumen sokongan. Pegawai di Unit Kewangan yang menerima wang serahan sebelum mengeluarkan resit, hendaklah membuat semakan bagi memastikan wang yang diserahkan bersamaan dengan dokumen sokongannya.

47.2.9 Serahan Wang Ke Bank

Arahan Perbendaharaan 78(a) menghendaki semua wang pungutan dimasukkan ke dalam bank pada hari yang sama atau selewat-lewatnya pada hari kerja berikutnya. Analisis Audit ke atas kutipan tahun 2003 mendapati kutipan bulan Januari hingga Jun 2003 bagi 13 Perpustakaan Cawangan/Desa/Bergerak tidak diserahkan ke Bahagian Kewangan. Semakan selanjutnya mendapati sebahagian daripadanya telah menyerahkan wang

kutipan kepada Bahagian Kewangan tetapi resit belum dikeluarkan. Pihak Perbadanan telah dinasihatkan supaya membuat semakan secara berkala bagi memastikan semua kutipan oleh Perpustakaan Cawangan/Desa/Bergerak diserahkan ke Bahagian Kewangan dan juga memastikan Bahagian Kewangan mengeluarkan resit bagi kutipan yang diserahkan itu.

47.2.10 Pemeriksaan Mengejut

Pada bulan Ogos 2003, pihak Audit telah melakukan pemeriksaan mengejut ke 20 rangkaian Perbadanan dan hasil pemeriksaan seperti berikut:

- i)** Bagi semua cawangan selain Gemas, adalah didapati wang kutipan tidak disimpan di pejabat tetapi disimpan di rumah. Adalah dimaklumkan amalan ini terpaksa dilakukan kerana di cawangan tidak ada tempat yang selamat untuk menyimpan wang kutipan. Bagi memastikan wang kutipan disimpan selamat selaras dengan Arahan Perbendaharaan 78 dan 126, Perbadanan telah dicadangkan supaya membekalkan kabinet besi berkunci kepada Cawangan yang berkenaan. Adalah juga dicadangkan supaya bagi kutipan yang banyak, cawangan hendaklah memasukkannya segera ke dalam bank.
- ii)** Semua Perpustakaan Cawangan dan Desa yang dilawati, kecuali Perpustakaan Cawangan Gemas, tidak mempamerkan notis bagi memaklumkan kepada orang awam supaya mendapatkan resit bagi setiap pembayaran yang dibuat.
- iii)** Lawatan ke Perpustakaan Cawangan Port Dickson mendapati seorang Pembantu Rendah Am telah bertugas sebagai pemungut walaupun beliau tidak diberi kuasa untuk berbuat demikian. Ini disebabkan kedua pegawai yang diberi kuasa bertulis telah diarahkan untuk menjalani latihan kawad sempena Hari Kemerdekaan di Seremban. Ketua

Jabatan telah dinasihatkan supaya menurunkan kuasa bertulis kepada mana-mana pegawai lain yang difikirkan boleh menjalankan tugas sebagai pemungut.

47.2.11 Peti Besi Keselamatan

Peti Besi Keselamatan Perbadanan disimpan dalam bilik Pengarah. Seorang pegawai memegang kod kombinasi peti besi tersebut beserta satu anak kunci, manakala seorang pegawai yang lain memegang anak kunci yang kedua. Pada masa pemeriksaan Audit, peti besi mengandungi geran tanah, geran kenderaan, jaminan bank dan surat perjanjian penyewaan. Bagi 2 buku cek yang belum digunakan, ianya tidak disimpan di peti besi tetapi disimpan dalam laci pegawai yang memproses bayaran. Perbadanan telah dinasihatkan supaya menyimpan semua buku cek yang belum digunakan dalam peti besi keselamatan.

Pada pandangan Audit, kawalan pungutan hasil hendaklah diperkemas. Setiap rekod kewangan dan akaun perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

47.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Peruntukan Mengurus Perbadanan yang diluluskan dalam bajet tahun 2003 berjumlah RM2.45 juta dan perbelanjaannya berjumlah RM1.77 juta. Perbadanan bergantung kepada pemberian dari Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk menampung perbelanjaan mengurusnya. Bagi tahun 2003, pemberian yang diterima berjumlah RM1.85 juta. Setiap tahun Perbadanan menghadapi masalah aliran wang tunai kerana pemberian yang diterima setiap tahun tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan mengurusnya. Kedudukan perbelanjaan mengurus Perbadanan dan pemberian yang diterima untuk sepanjang 5 tahun adalah seperti di **Jadual 38**.

Jadual 38
Pemberian Dan Perbelanjaan Bagi Tahun 1999 Hingga 2003

Tahun	Bajet Yang Diluluskan (RM)	Pemberian Kerajaan Persekutuan/Negeri (RM)	Perbelanjaan Sebenar (RM)	Lebih/ (Kekurangan) (RM)
1999	2,037,548	1,365,000	1,846,877	(481,877)
2000	2,350,700	1,644,000	2,216,295	(572,295)
2001	3,173,100	1,800,000	2,426,962	(626,962)
2002	3,524,670	2,100,000	2,204,468	(104,468)
2003	2,451,801	1,850,000	1,772,524	(77,476)

Sumber : Rekod Perbadanan Perpustakaan Awam

47.3.1 Surat Penurunan Kuasa

Mengikut Arahan Perbendaharaan 11, seseorang pegawai yang berkewajipan menjalankan tugas kewangan dan perakaunan mestilah diberi kebenaran dengan jelas secara bertulis oleh Pegawai Pengawal. Semakan Audit mendapati Perbadanan telah mematuhi peraturan ini. Had kuasa dan tanggungjawab setiap pegawai atau kakitangan yang terlibat dengan urusan kewangan telah ditetapkan secara bertulis.

47.3.2 Perbelanjaan Dikenakan Kepada Vot Yang Salah

Semakan Audit ke atas baucar bulan Februari 2003 mendapati 19 pembayaran berjumlah RM40,060 telah dikenakan kepada vot yang salah. Perbadanan telah dinasihatkan supaya menyemak semula pembayaran yang telah dibuat itu dan bagi yang dikenakan kepada vot yang salah dibuat pelarasan sewajarnya.

47.3.3 Had Menandatangani Baucar

Pekeliling Akauntan Negara Bil. 8 Tahun 1971 menetapkan baucar bayaran bagi barangan atau perkhidmatan yang bernilai kurang daripada RM10,000 ditandatangani oleh 2 orang pegawai

manakala bagi yang bernilai melebihi RM10,000 ditandatangani oleh 3 orang pegawai. Semakan Audit mendapati Perbadanan tidak mematuhi peraturan ini. Semua baucar yang bernilai melebihi RM10,000 juga ditandatangani oleh 2 orang pegawai.

47.3.4 Baucar Tanpa Nombor Siri

Mengikut peraturan kewangan, semua baucar bayaran hendaklah disedia dan diluluskan mengikut nombor siri. Semakan Audit ke atas baucar bagi bulan Januari hingga Jun 2003 mendapati 7 daripadanya tidak mempunyai nombor siri tetapi telah dibayar pada bulan Februari dan Mac 2003. Amalan ini menandakan kelemahan kawalan dalaman ke atas pembayaran yang telah dibuat. Perbadanan telah dinasihatkan supaya mengawal baucar pembayaran mengikut turutan nombor siri. Butirannya adalah seperti di **Jadual 39**.

Jadual 39
Baucar Tanpa Nombor Siri

Bil.	Tarikh Baucar	Penerima	Amaun (RM)
1.	10/2/03	Pelangi System Sdn Bhd.	2,485
2.	10/2/03	Han Piew Kwang	1,625
3.	10/2/03	Chop Kim Thye	317
4.	10/2/03	Suzana bt Edros	480
5.	20/3/03	Gaji Kakitangan Tetap PPANS	49,313
6.	3/3/03	Housecoff Travel & Tours Sdn Bhd	447
7.	10/2/03	A & A Juta Enterprise	3,800
Jumlah			58,467

Sumber : Rekod Perbadanan Perpustakaan Awam

47.3.5 Buku Vot

Mengikut Arahan Perbendaharaan 95 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1987, Buku Vot hendaklah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Semua peruntukan yang dilulus, perbelanjaan, tanggungan, pindah peruntukan dan baki masih ada, hendaklah direkodkan dengan betul di Buku Vot. Semakan Audit mendapati catatan ke dalam Buku Vot tidak dibuat dengan betul. Semua tanggungan direkodkan ke dalam Buku Vot pada masa penyediaan baucar pembayaran dan bukan pada masa pesanan dibuat. Berikutan daripada tindakan ini, peruntukan Perbadanan tidak dapat dikawal dan pada penghujung tahun Perbadanan menghadapi masalah kekurangan peruntukan untuk menjelaskan bil tuntutan yang dikemukakan. Kesilapan ini telah berlarutan sejak beberapa tahun yang lalu. Pada bulan Julai 2003, sejumlah RM637,548 belum dijelaskan oleh Perbadanan bagi bil tahun 1999 hingga 2002. Juga tiada bukti yang menunjukkan Buku Vot disemak setiap bulan bagi memastikan semua transaksi direkodkan dengan betul dan segera.

47.3.6 Kawalan Perolehan

Agensi kerajaan yang diberi peruntukan Kerajaan Negeri, adalah dikehendaki mematuhi semua peraturan yang ditetapkan. Berikut adalah penemuan Audit berkaitan pematuhan terhadap perolehan kerja dan sebagainya:

i) Inden Kerja

Bagi sepanjang tahun 2002 dan 2003, Perbadanan tidak mengeluarkan inden kerja bagi kerja pembaikan dan penyelenggaraan kecil bangunan tetapi mengeluarkan pesanan tempatan. Perbadanan telah dinasihatkan supaya di masa hadapan, pesanan tempatan hanya dikeluarkan bagi bekalan atau perkhidmatan yang tidak memerlukan sebut harga atau tender manakala bagi yang memerlukan

sebut harga atau tender, borang inden kerja hendaklah dikeluarkan.

ii) Pesanan Kerajaan

Semakan Audit mendapati Pesanan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Perbadanan bagi tujuan memesan barangan dan peralatan tidak mematuhi kehendak peraturan kewangan yang ditetapkan dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1971 seperti berikut:

- a)** Pesanan Kerajaan yang dikeluarkan bagi memesan barangan dan peralatan tidak diberi tarikh. Adalah penting semua Pesanan Kerajaan yang dikeluarkan mempunyai tarikh memandangkan Pesanan Kerajaan yang dikeluarkan akan dianggap sebagai tanggungan.
- b)** Tarikh barang dibekalkan/perkhidmatan yang dilaksanakan tidak dicatat pada salinan pertama dan salinan pejabat. Tanpa tarikh tersebut, sukar dipastikan sama ada barangan yang dipesan diterima sebelum atau selepas bayaran dibuat.
- c)** Maklumat sama ada barangan yang dipesan telah diterima dan dikeluarkan untuk terus digunakan atau disimpan dan dibukukan tidak dicatatkan di salinan Pesanan Kerajaan. Tanpa catatan tersebut, kedudukan sebenar barangan yang diterima sukar dipastikan.
- d)** Ada kes di mana Pesanan Kerajaan dikeluarkan selepas barangan diterima dan pembelian dibuat tanpa menggunakan Borang Pesanan Kerajaan.

47.3.7 Daftar Bil

Arahan Perbendaharaan 103 dan pindaannya melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2002 menghendaki setiap Jabatan menyelenggara Daftar Bil bagi merekodkan semua bil yang diterima. Tujuan Daftar Bil adalah untuk memastikan semua bil dijelaskan dalam tempoh 30 hari dari

tarikh bil diterima. Arahan itu juga mensyaratkan supaya Ketua Pejabat memeriksa Daftar Bil sekurang-kurangnya sekali satu bulan. Sebagai bukti semakan telah dijalankan, pegawai yang menyemak hendaklah menurunkan tandatangan ringkas di daftar tersebut. Semakan Audit mendapati sungguhpun Perbadanan telah menyelenggara Daftar Bil tetapi ianya tidak lengkap dan kemas kini. Pada tarikh pemeriksaan Audit, hanya 4 bil yang direkodkan ke dalam Daftar Bil sungguhpun pada ketika itu ada beberapa bil dalam pegangan Perbadanan. Tiada bukti yang menunjukkan Daftar Bil disemak setiap bulan oleh pegawai yang bertanggungjawab.

47.3.8 Daftar Baucar Pembayaran

Semakan Audit mendapati pihak Perbadanan tidak mematuhi Arahan Perbendaharaan 98(a) yang menghendaki Daftar Baucar Pembayaran diselenggara untuk mengawal semua pengeluaran baucar. Perbadanan telah dinasihatkan supaya berbuat demikian dengan segera.

Pada Pendapat Audit, pengurusan perbelanjaan Perbadanan telah bertambah baik. Sungguhpun demikian, ada beberapa perkara perlu diberi penekanan seperti menyelenggara Daftar Baucar Pembayaran dengan kemas kini, memastikan pengeluaran Pesanan Tempatan dibuat dengan betul, Daftar Bil disemak 1 bulan sekali dan pengeluaran baucar bayaran mengikut nombor siri.

47.4 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT

47.4.1 Jawatankuasa Gerakan Membaca

Jawatankuasa Gerakan Membaca adalah satu Jawatankuasa yang ditubuh bagi tujuan menjalankan aktiviti memupuk minat membaca di kalangan kanak-kanak dan orang awam di Negeri Sembilan. Untuk aktiviti ini, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM30,000 setiap tahun. Tarikh

Jawatankuasa mula ditubuhkan tidak diketahui kerana rekod mengenainya tidak disimpan oleh Perbadanan. Selain itu, penyata tahunan bagi Jawatankuasa ini juga tidak disediakan untuk menunjukkan jumlah yang diterima pada tahun dan perbelanjaan yang dibuat. Tanpa maklumat penubuhan dan Penyata Tahunannya, sukar bagi Audit untuk mengesahkan sama ada perbelanjaan yang dibuat dari akaun Jawatankuasa ini adalah teratur.

Perbadanan telah diminta menyediakan dan menyerahkan Penyata Tahunan bagi Akaun Jawatankuasa Gerakan Membaca untuk diaudit.

47.5 PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI

47.5.1 Harta Modal Dan Inventori

Semakan Audit mendapati Perbadanan tidak merekodkan harta modal dan inventornya yang ditempatkan di Pejabat Cawangan. Perbadanan telah dinasihatkan supaya merekodkannya dan sebagai panduan, telah diminta merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991 mengenai tatacara perekodan harta modal dan inventori.

47.5.2 Kawalan Keselamatan Buku

Memandangkan buku adalah aset utama Perbadanan, maka ianya hendaklah sentiasa dikawal. Lawatan Audit ke Perpustakaan Cawangan Tampin mendapati kawalan buku tidak begitu ketat. Ini disebabkan buku di Bahagian Rujukan yang terletak di Tingkat 2 mudah dibawa keluar tanpa melalui kaunter. Demi menjaga keselamatan buku rujukan ini, adalah dicadangkan supaya pengunjung ke Tingkat 2 diarah menaikinya melalui kaunter manakala pintu luar di tingkat tersebut ditutup. Perbadanan telah dinasihatkan supaya langkah keselamatan seumpama ini juga dilaksanakan di rangkaiannya yang lain.

47.5.3 Buku Log Kenderaan

Perbadanan memiliki 8 unit kenderaan, dimana 7 daripadanya digunakan sebagai Perpustakaan Bergerak manakala satu yang lain digunakan sebagai kenderaan rasmi Jabatan. Semakan secara persampelan yang dilakukan terhadap Buku Log kenderaan yang diselenggara mendapati kelemahan seperti berikut:

- i)** Butiran kenderaan tidak direkodkan;
- ii)** Jadual penyelenggaraan kenderaan tidak dilengkapkan;
- iii)** Rekod tayar tidak dicatat;
- iv)** Cerakinan penggunaan bahan api tidak disediakan; dan
- v)** Nama dan tandatangan pegawai yang menggunakan kenderaan tidak dicatat.

Pihak Perbadanan telah diarah merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 dan Bil. 6 Tahun 1999 dalam usahanya untuk mengawal penggunaan, pengurusan dan penyelenggaraan semua kenderaan Jabatan yang dimiliki oleh Perbadanan.

Pihak Perbadanan telah dinasihatkan supaya memastikan rekod harta modal dan inventornya sentiasa lengkap dan kemas kini.

48. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, tahap pengurusan kewangan Perbadanan berhubung kawalan pengurusan kutipan hasil dan kawalan perbelanjaan telah bertambah baik. Peningkatan ini adalah hasil usaha dan kerjasama yang diberi oleh Perbadanan semasa di jadikan Anak Angkat Audit pada tahun 2003. Sepanjang dijadikan Anak Angkat Audit, beberapa sesi taklimat dan tunjuk ajar telah diberi oleh Audit ke arah meningkatkan tahap pengurusan kewangan dan akaun Perbadanan.

MAJLIS DAERAH TAMPIN

PENGURUSAN KEWANGAN

49. LATAR BELAKANG

Majlis Daerah Tampin (Majlis) yang ditubuhkan pada bulan Julai 1980 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) bertanggungjawab mentadbir 7 buah mukim. Majlis bertanggungjawab bagi memastikan prasarana dan aktiviti sosio-ekonomi yang dibangunkan di mukim mewujudkan peluang pekerjaan, perniagaan dan pelaburan kepada penduduk setempat. Pihaknya juga dipertanggungjawab untuk menjaga keindahan dan kebersihan kawasan sekeliling serta menyediakan tempat rekreasi dan pelancongan. Untuk melaksana kesemua aktiviti ini, Majlis telah menyediakan perancangan struktur perkhidmatan yang strategik merangkumi pentadbiran, kewangan, kesihatan, kejuruteraan, perancangan bandar, pengindahan dan penguatkuasaan.

Pada tahun 2003, Majlis telah memperolehi hasil berjumlah RM5.8 juta manakala perbelanjaan mengurusnya berjumlah RM5.3 juta dan perbelanjaan pembangunan pula berjumlah RM0.17 juta.

50. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Majlis Daerah Tampin adalah mematuhi prosedur dan peraturan kewangan yang ditetapkan. Semasa menjalankan pengauditan, semakan telah dijalankan ke atas rekod kewangan dan dokumen yang berkaitan bagi tahun 2003 khususnya ke atas urus niaga bulan Oktober hingga Disember 2003. Penekanan tidak diberi ke atas rekod bulan Januari hingga September 2003 kerana semakan telah dijalankan semasa Majlis dijadikan Anak Angkat Audit pada ketika itu. Selain itu, perbincangan dengan pegawai yang terlibat dengan urusan kewangan juga diadakan.

51. PENEMUAN AUDIT

51.1 KAWALAN PENGURUSAN

Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab mewujudkan kawalan pengurusan yang mantap selaras dengan objektif jabatan supaya pengurusan Pejabat dapat dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan. Faktor yang perlu diberi perhatian termasuk penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja yang lengkap dan kemas kini, struktur organisasi yang jelas mengikut fungsinya, penurunan kuasa yang teratur, bimbingan dan latihan yang sesuai kepada kakitangan serta penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun. Pemeriksaan Audit terhadap elemen kawalan pengurusan tersebut mendapati perkara berikut:

51.1.1 Struktur Organisasi

Struktur organisasi Majlis terbahagi kepada lapan bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan, Kejuruteraan Dan Bangunan, Bahagian Perancang Bandar Dan Desa, Penilaian Dan Pengurusan Harta, Kewangan Dan Hasil, Undang-undang Dan Penguatkuasaan, Bahagian Sistem Maklumat dan Pelesenan, Kesihatan Dan Keindahan. Majlis diketuai oleh Yang Di Pertua dan dibantu oleh seorang Setiausaha serta 121 orang kakitangan yang lain. Daripada jumlah itu, sebanyak 89 berjawatan tetap dan 32 bertaraf sementara. Mengikut perjawatan yang diluluskan, Majlis mempunyai 126 jawatan tetap dan 40 jawatan sementara. Kekosongan 37 jawatan tetap dan 8 jawatan sementara masih belum diisi.

51.1.2 Manual Prosedur Kerja

Mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991, setiap Jabatan dikehendaki menyediakan Manual Prosedur Kerja bagi setiap aktivitinya. Manual Prosedur Kerja adalah merupakan panduan yang merekodkan susunan cara bekerja secara sistematik. Ia mengandungi maklumat yang memberi

gambaran secara menyeluruh mengenai Jabatan meliputi objektif, fungsi, prosedur dan tatacara melaksanakannya. Pada tarikh pengauditan, Majlis masih belum menyediakan Manual Prosedur Kerja bagi setiap bahagian di bawah pentadbirannya.

51.1.3 Fail Meja

Mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991, setiap pegawai dikehendaki mempunyai Fail Meja masing-masing. Fail Meja yang diselenggarakan hendaklah antara lain mengandungi senarai tugas, peruntukan kuasa dan undang-undang, prosedur dan senarai semakan serta garis panduan bagi membimbing seseorang pegawai menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan. Semakan Audit mendapati tidak semua pegawai di Jabatan mempunyai Fail Meja. Bagi Fail Meja yang telah disediakan, adalah didapati norma kerja tidak ditetapkan. Jabatan telah dinasihatkan supaya memastikan setiap kakitangannya mempunyai Fail Meja dan mengandungi semua elemen yang ditetapkan.

Senarai tugas adalah dokumen yang menjelaskan secara terperinci mengenai tugas dan tanggungjawab setiap kakitangan. Selain daripada menyenaraikan tugas yang perlu dijalankan oleh setiap kakitangan, ianya juga hendaklah mencatatkan tarikh kuatkuasa dan tandatangan pegawai yang menerima dan juga yang memberi tugas. Pemeriksaan Audit di Bahagian Kewangan Dan Pentadbiran mendapati semua kakitangan mempunyai senarai tugas. Sungguhpun demikian, penambahbaikan hendaklah dibuat dengan mencatat nama, jawatan, tarikh berkuatkuasa dan hendaklah ditandatangani oleh Ketua Jabatan.

51.1.4 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996 menetapkan supaya setiap Jabatan menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun masing-masing bagi membincang dan menyelesaikan hal kewangan dan akaun Jabatan. Majlis telah menubuhkan Jawatankuasa ini yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kewangan, Perkhidmatan Dan Pembangunan Sosio-ekonomi. Jawatankuasa ini kerap mengadakan mesyuarat dan pada tahun 2003 telah bermesyuarat sebanyak 13 kali. Perkara yang dibincangkan di mesyuarat termasuk kewangan dan akaun.

51.1.5 Kursus Dan Latihan

Latihan atau kursus yang bersesuaian adalah penting bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan khususnya yang mengendalikan urusan kewangan. Semakan Audit mendapati 7 daripada 12 kakitangan di Bahagian Kewangan telah menghadiri kursus kewangan dan akaun yang dianjurkan oleh Jabatan dan Pejabat Kewangan Negeri sepanjang tempoh tahun 2001 hingga 2003.

Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan Majlis masih boleh dipertingkatkan. Majlis hendaklah memastikan setiap bahagian di bawah pentadbirannya mempunyai Manual Prosedur Kerja dan setiap kakitangan mempunyai Fail Meja masing-masing.

51.2 KAWALAN HASIL

Hasil utama Majlis terdiri daripada cukai taksiran, lesen dan permit, sewaan, bayaran perkhidmatan dan geran daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Pada tahun 2003 hasil Majlis berjumlah RM5.8 juta. Majlis menggunakan sistem pengkomputeran bagi memungut hasil. Sehubungan dengan kawalan pungutan hasil, Majlis mematuhi kaedah dan peraturan

kewangan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Kewangan Negeri. Semakan Audit mendapati hasil yang dikutip adalah mengikut kadar yang ditetapkan.

51.2.1 Penurunan Kuasa

Arahan Perbendaharaan 11 menyatakan bahawa kewajipan kewangan dan perakaunan bagi setiap pegawai yang bekerja di bawah seorang Pegawai Pengawal hendaklah dinyatakan dengan jelas olehnya, setakat mana dibenarkan, tugas dan tanggungjawab mestilah dinyatakan secara bertulis. Adalah didapati kakitangan kewangan yang ditugas mengutip wang telah diberi surat penurunan kuasa secara bertulis selaras dengan kehendak Arahan Perbendaharaan 69.

51.2.2 Kawalan Borang Hasil

Arahan Perbendaharaan 67 menghendaki supaya Daftar Borang Hasil (Kew. 67) diselenggarakan bagi mengawal semua terimaan dan pengeluaran borang hasil manakala Arahan Perbendaharaan 66(a) menetapkan supaya semua borang hasil yang diterima, disemak serta disahkan kebetulannya dari segi bilangan dan nombor siri. Semakan Audit mendapati daftar kupon letak kereta dan buku kompaun yang diselenggarakan oleh Majlis bukan yang rasmi tetapi yang direka sendiri. Tidak ada bukti yang menunjukkan borang hasil disemak sebelum digunakan dan disahkan kerana tiada tandatangan ringkas di helaian terakhir buku resit. Jabatan telah dinasihatkan supaya menyelenggara daftar mengikut format rasmi yang ditetapkan dan bagi borang bernombor siri menyemaknya dahulu sebelum menggunakannya.

51.2.3 Simpanan Buku Resit Dan Kupon

Mengikut Arahan Perbendaharaan 68, semua stok resit dan kupon yang tidak digunakan hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan berkunci. Pemeriksaan Audit mendapati 100 buku kupon letak kereta telah disimpan dalam kabinet tidak berkunci

manakala 142 buku resit kewangan (Kew. 38) tersimpan dalam kotak di bilik juruwang. Majlis telah dinasihatkan supaya menyimpan kesemua dokumen tersebut di tempat yang selamat dan berkunci.

51.2.4 Pengeluaran Resit Tidak Mengikut Nombor Siri

Semakan Audit mendapati resit Kew. 38 telah dikeluarkan tidak mengikut nombor siri. Berikutan dari itu, kedudukan 12 buah buku resit melibatkan 600 keping resit tidak dapat disahkan. Jabatan memaklumkan resit berkenaan telah hilang dan kehilangan ini telah dilaporkan kepada pihak polis.

51.2.5 Pindaan Pada Resit Hasil

Bagi kesilapan yang terdapat pada resit hasil, pindaan dibuat dengan ditulis tangan oleh juruwang. Untuk tujuan kawalan dalaman, sebarang pindaan angka dan jumlah pada resit hendaklah diluluskan dan ditandatangani oleh pegawai penyelia.

51.2.6 Sistem Berkomputer Kutipan Hasil

Majlis telah menggunakan sistem berkomputer LOGINS untuk membuat kutipan hasil. Laporan terperinci yang dikeluarkan oleh sistem terdiri daripada Jurnal Kutipan Harian dan Laporan Kutipan Harian. Tidak ada bukti menunjukkan laporan terperinci yang dikeluarkan melalui sistem pengkomputeran itu disemak secara harian oleh pegawai yang bertanggungjawab. Pindaan yang terdapat pada laporan juga tidak disahkan oleh Pegawai Penyelia. Majlis telah diarah menyemak kedua laporan dan jika timbul perbezaan penyata penyesuaian hendaklah disediakan.

51.2.7 Patil

Sehubungan stok patil bernilai RM5 setiap satu yang dikeluarkan semasa peniaga memperbaharui lesen perniagaan, adalah didapati ianya telah dikawal dengan baik. Semua keluar masuk

patil direkodkan dan bagi patil yang belum digunakan disimpan di tempat yang berkunci.

51.2.8 Daftar Cek Tidak Laku

Mengikut peraturan kewangan, satu Daftar Cek Tidak Laku hendaklah diselenggara bagi merekodkan semua cek tidak laku yang diterima. Tindakan susulan sewajarnya hendaklah diambil bagi mendapatkan cek ganti. Semakan Audit mendapati Majlis tidak menyelenggara Daftar Cek Tidak Laku. Majlis telah disaran untuk menyelenggarakannya.

51.2.9 Akaun Tunai Bulanan

Arahan Perbendaharaan 144 hingga 147 menggariskan tatacara mengenai pengendalian Buku Tunai dan penyediaan Penyata Penyesuaian Bank. Antaranya, catatan dalam Buku Tunai hendaklah dibuat mengikut turutan urus niaga yang berlaku. Pada hujung hari Ketua Pejabat bertanggungjawab menentukan baki Buku Tunai tidak terlebih dikeluarkan dan wang dalam tangan adalah sama dengan baki Buku Tunai. Setiap akhir bulan, Penyata Penyesuaian Bank hendaklah disediakan. Majlis telah menyelenggarakan 2 Buku Tunai, satu bagi Buku Tunai Terimaan Hasil yang mencatat hasil yang diterima sahaja dan Buku Tunai kedua mencatatkan jumlah penerimaan dan perbelanjaan. Semakan Audit mendapati Buku Tunai yang diselenggara oleh Majlis adalah teratur, iaitu mengikut turutan urus niaga dan tanpa mempunyai sebarang pindaan yang dilarang. Majlis juga telah menyediakan Penyata Penyesuaian Bank setiap bulan. Walaupun demikian tiada bukti yang menunjukkan Buku Tunai tersebut telah disemak setiap hujung hari oleh pegawai yang diberi kuasa.

51.2.10 Daftar Mel

Mengikut Arahan Perbendaharaan 71, Daftar Mel hendaklah diselenggara bagi merekodkan terimaan wang dan dokumen atau barang berharga yang diterima melalui pos atau penghantar.

Pihak Majlis telah menyelenggara Daftar tersebut. Walaupun demikian Daftar ini tidak mencatatkan nombor resit. Tanpa mencatatkan nombor resit, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada Daftar disemak dengan Buku Tunai bagi memastikan semua kutipan yang tercatat dalam Daftar Mel diambil kira dalam Buku Tunai.

51.2.11 Serahan Wang Ke Bank

Menurut Arahan Perbendaharaan 78(a) Majlis hendaklah memasukkan semua kutipan wang tunai melebihi RM500 atau RM2,000 termasuk cek, wang pos dan kiriman wang ke dalam bank pada hari kutipan atau selewat-lewatnya pada keesokan hari bekerja. Semakan Audit terhadap pungutan bulan November 2003 mendapati Majlis telah lewat memasukkan wang ke dalam bank antara 2 hari hingga 6 hari sungguhpun jumlah kutipan adalah besar. Majlis telah dinasihatkan supaya memasukkan wang kutipan ke dalam bank dengan segera.

51.2.12 Penyemakan Slip Bayar Masuk Bank

Mengikut Arahan Perbendaharaan 80(e), pegawai yang bertanggungjawab hendaklah menyemak setiap slip bayar masuk bank selepas kutipan dimasukkan ke dalam bank. Tujuannya untuk memastikan jumlah yang dimasukkan ke dalam bank adalah bersamaan dengan rekod penyerahan wang. Semakan Audit terhadap semua slip bayar masuk bank bulan November dan Disember 2003 mendapati Majlis tidak mematuhi arahan tersebut. Sebagai langkah kawalan dalaman, Majlis telah dinasihatkan supaya membuat semakan antara kutipan harian dan slip bayar masuk wang ke bank setiap hari.

51.2.13 Peti Besi

Arahan Perbendaharaan 125 menghendaki Pejabat dilengkapi dengan sebuah peti besi atau bilik kebal yang mempunyai 2 kunci berasingan yang mana setiap satunya dipegang oleh pegawai

berasingan. Peti besi yang ada di Majlis tidak dicantumkan dengan kukuh pada rangka bangunan dan hanya mempunyai 1 anak kunci. Setelah membuat anak kunci tambahan, Jabatan kini mempunyai 3 anak kunci yang sama dan setiap satunya dipegang oleh Setiausaha, Penolong Pegawai Tadbir (N27) dan Pegawai Sistem Maklumat (F17). Tiada bukti yang menunjukkan penyelenggaraan dan semakan ke atas kandungan peti besi dilakukan dari masa ke masa.

51.2.14 Pemeriksaan Rekod Hasil

Tiada bukti yang menunjukkan Ketua Jabatan atau pegawai yang bertanggungjawab telah memeriksa dan menyemak setiap hari semua catatan yang dibuat dalam buku resit dan lesen, Buku Tunai dan buku akaun yang lain atau laporan komputer selaras dengan Arahan Perbendaharaan 80(b). Majlis telah dinasihatkan supaya menjalankan pemeriksaan harian tersebut.

51.2.15 Pemeriksaan Mengejut

Arahan Perbendaharaan 309 menetapkan supaya setiap pegawai yang menjaga sesuatu pejabat mengadakan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang daripada 6 bulan sekali. Pemeriksaan yang dijalankan hendaklah meliputi setiap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas lain untuk wang dalam jagaan seseorang pegawai. Hasil Pemeriksaan Mengejut hendaklah direkodkan. Semakan Audit mendapati bagi sepanjang tahun 2003, Majlis tidak melaksanakan Pemeriksaan Mengejut.

51.2.16 Tunggakan Hasil

Tunggakan hasil Majlis terdiri daripada cukai taksiran, lesen, permit dan sewaan. Hasil tertunggak Majlis yang terkumpul pada tahun 2003 berjumlah RM2.31 juta. Oleh kerana hasil kutipan Majlis sekitar RM5.8 juta setiap tahun, maka tunggakan tersebut adalah agak tinggi. Adalah dimaklumkan bahawa Majlis telah

mengeluarkan notis meminta mereka yang berkenaan menyelesaikan tunggakan tersebut dengan segera.

51.2.17 Daftar Kompaun

Bagi kesalahan seperti mendirikan bangunan tanpa kebenaran, berniaga tanpa lesen, meletak kenderaan berat di kawasan taman, tidak memamerkan lesen perniagaan dan tidak mematuhi peraturan Majlis, Notis Kompaun dikeluarkan kepada mereka yang bersalah. Sekiranya tidak ada maklum balas diterima selepas 14 hari dari tarikh notis dikeluarkan, Majlis akan mengeluarkan notis pemberitahuan yang antara lain menyatakan bahawa tindakan mahkamah akan diambil terhadap mereka yang terbabit. Semakan Audit terhadap Daftar Kompaun mendapati kompaun tidak dijelaskan mengikut tempoh yang ditetapkan. Majlis hendaklah memastikan kompaun yang dikenakan dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan.

51.2.18 Hasil Lesen Dan Sewaan

Majlis telah mewujudkan satu program pengkomputeran untuk menyimpan data pembayar lesen, nombor akaun pelesen, amaun bayaran, nombor resit dan tarikh bayaran. Semakan Audit mendapati maklumat yang dikeluarkan oleh program ini tidak sama dengan maklumat yang dikeluarkan oleh Laporan Terimaan Harian. Semakan ke atas laporan tersebut mendapati ada antaranya menunjukkan amaun negatif. Tidak ada laporan disediakan mengenai pelesen aktif yang tidak membayar lesen bagi tahun 2003. Majlis telah diarah supaya menyediakan program yang lebih khusus agar maklumat seumpama ini juga dapat disediakan oleh sistem pengkomputeran.

51.2.19 Kehilangan Wang Awam

Majlis telah melaporkan kehilangan/penyelewengan wang pungutan di Bahagian Lesen sejumlah RM23,559 menerusi Laporan Permulaan pada bulan Januari 2004. Penyelewengan ini

berlaku bagi tempoh bulan Oktober 2003 hingga bulan Disember 2003. Wang berkenaan telah dijelaskan sepenuhnya pada bulan Januari 2004. Kes ini dirujuk kepada Lembaga Tatatertib untuk tindakan selanjutnya seperti mana kenyataan Laporan Akhir pada akhir bulan Januari 2004.

Satu lagi kes kehilangan/penyelewengan berlaku melibatkan wang pungutan bulanan rizab letak kereta sejumlah RM12,720. Penyewa petak rizab telah menyerahkan bayaran bulanan kepada pegawai terlibat tetapi tidak diakaun ke dalam akaun Majlis. Majlis mengambil tindakan sendiri menyelesaikan kes ini. Bayaran balik pungutan tersebut telahpun diperolehi sepenuhnya pada akhir bulan Januari 2004.

Majlis perlu mematuhi Arahan Perbendaharaan 316(b) dengan menyediakan Laporan Permulaan dan Laporan Akhir bagi kes kehilangan/penyelewengan wang pungutan rizab letak kereta. Majlis juga perlu mematuhi Arahan Perbendaharaan 316 dengan mengemukakan laporan bagi semua bentuk kehilangan/penyelewengan kepada Jabatan Audit Negara dan Pihak Berkuasa Negeri.

Pada pandangan Audit, Majlis perlu mengatasi kelemahan dalam pengurusan kawalan hasil dan mematuhi arahan kewangan berkaitan.

51.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Pada tahun 2003, perbelanjaan mengurus Majlis berjumlah RM5.3 juta dan perbelanjaan pembangunannya pula berjumlah RM0.17 juta. Berikut adalah penemuan Audit mengenai kawalan terhadap perbelanjaan Majlis.

51.3.1 Penurunan Kuasa

Arahan Perbendaharaan 11 menyatakan bahawa kewajipan kewangan dan perakaunan bagi setiap pegawai yang bekerja di bawah seseorang Pegawai Pengawal hendaklah dinyatakan dengan jelas olehnya, setakat mana dibenarkan, tugas dan tanggungjawab mestilah dinyatakan secara bertulis. Semakan Audit mendapati Majlis telah menurunkan perwakilan kuasa secara bertulis kepada pegawai yang menandatangani cek, baucar, inden kerja dan Pesanan Tempatan.

51.3.2 Penyelenggaraan Buku Vot

Mengikut Arahan Perbendaharaan 95 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1987, Buku Vot hendaklah diselenggarakan lengkap dan kemas kini. Semua peruntukan yang dilulus, perbelanjaan, tanggungan, pindah peruntukan dan baki masih ada hendaklah direkodkan dengan betul di Buku Vot. Semakan Audit mendapati Buku Vot Majlis bagi tahun 2003 telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Walaupun demikian tiada bukti yang menunjukkan Buku Vot disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab setiap kali Pesanan Tempatan dan baucar dikeluarkan untuk memastikan peruntukan masih ada.

51.3.3 Kawalan Perolehan

Agensi kerajaan yang diberi peruntukan Kerajaan Negeri adalah dikehendaki mematuhi semua peraturan yang ditetapkan termasuk peraturan mengenai perolehan kerja dan sebagainya. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

i) Inden Kerja/Tender Kerja

Majlis mengguna pakai 3 kaedah dalam melaksanakan kerja pembinaan, pembaikan, penyelenggaraan, menaik taraf dan sebagainya. Bagi kerja yang bernilai RM200,000 ke atas, Majlis memanggil tender dan kerja yang bernilai

antara RM100,000 hingga RM200,000 Majlis memanggil sebut harga dan kerja yang bernilai kurang RM100,000 Majlis menawarkan kerja mengikut jadual harga yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Kewangan. Mengenai kerja yang dilaksanakan melalui sebut harga dan jadual harga, inden kerja dikeluarkan. Sepanjang tahun 2003, Majlis telah mengeluarkan 70 inden kerja bernilai RM5.7 juta. Sebanyak 39 inden daripadanya adalah merupakan pakej rangsangan ekonomi negara tahun 2003. Semakan Audit ke atas inden kerja yang dikeluarkan mendapati kesemuanya ditandatangani oleh Setiausaha Majlis. Inden yang dikeluarkan diberi nombor siri sebagai kawalan. Juga ada bukti bahawa inden kerja disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab selepas perakuan kerja yang dilaksanakan telah selesai bagi tujuan pembayaran.

ii) Tender Kerja

Pada tahun 2003, Majlis telah mempelawa 9 tender bernilai RM2.8 juta untuk melaksanakan projek pembangunan. Setiap proses pembukaan, penilaian dan kelulusan tender dilakukan oleh Jawatankuasa Tender. Arahan Perubahan Kerja diluluskan oleh Jawatankuasa Perubahan Kerja.

iii) Kerja Kecil Yang Diluluskan Oleh Majlis Daerah Tampin

Bagi kerja bernilai kurang RM20,000, Majlis menggunakan borang MDT 2 (kerja kecil/kerja segera) di mana ianya ditandatangani oleh Yang Di Pertua Majlis/Setiausaha. Pada tahun 2003 Majlis telah mengeluarkan sebanyak 26 inden kerja kecil berjumlah RM484,947 untuk menjalankan pelbagai projek pembangunan kecil. Semakan Audit mendapati pembayaran bagi projek kecil ini dibuat mengikut kemajuan siap kerja.

51.3.4 Pesanan Kerajaan

Pesanan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Majlis tidak diurus mengikut kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1971. Tarikh barang dibekalkan atau perkhidmatan dilaksanakan tidak dicatat pada salinan pertama dan salinan pejabat. Maklumat sama ada barang yang dipesan telah diterima dan dikeluarkan untuk terus digunakan atau disimpan dan dibukukan dalam lejar tidak dicatat. Selain itu, sebanyak 15 pembelian bernilai RM26,948 menunjukkan borang pesanan kerajaan dikeluarkan selepas invoice diterima.

51.3.5 Daftar Bil

Mengikut Arahan Perbendaharaan 103 dan pindaannya melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2002, Daftar Bil hendaklah diselenggara bagi merekodkan semua bil yang diterima. Ini bertujuan untuk memastikan yang semua bil yang diterima dapat dijelaskan dalam tempoh sebulan dari tarikh ianya diterima. Arahan tersebut juga menetapkan agar Ketua Pejabat menyemak Daftar Bil sekurang-kurangnya sekali sebulan. Sungguhpun Majlis telah menyelenggara Daftar tersebut lengkap dan kemas kini tetapi tiada bukti Ketua Pejabat telah menyemaknya sekurang-kurangnya sekali sebulan sebagaimana kehendak arahan. Majlis telah dinasihatkan supaya mematuhi arahan tersebut dan juga hendaklah memastikan bil dijelaskan dalam tempoh 1 bulan dari tarikh terimaan.

51.3.6 Daftar Baucar Pembayaran

Arahan Perbendaharaan 98(a) dan (b) menghendaki Daftar Baucar Pembayaran diselenggara untuk mengawal semua pengeluaran baucar. Pemeriksaan terhadap daftar ini hendaklah dilakukan tidak kurang daripada 1 kali sebulan oleh Ketua Pejabat atau wakilnya yang diberi kuasa dan hendaklah ditandatangani ringkas. Adalah didapati daftar tersebut diselenggara dengan lengkap dan kemas kini tetapi tidak ada bukti menunjukkan daftar

tersebut disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab. Majlis memaklumkan tindakan sewajarnya telah diambil selepas menerima teguran Audit.

51.3.7 Baucar Bayaran

Semakan Audit terhadap baucar bayaran Majlis mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

i) Bayaran Insurans Kakitangan

Semakan Audit terhadap baucar bayaran bagi bulan Oktober 2003 mendapati Majlis telah membuat bayaran bagi insurans kakitangan dan pegawai Majlis berjumlah RM2,488 bagi 1 bulan untuk kakitangan seramai 125 orang iaitu RM19 setiap seorang. Bayaran ini tidak dibawa ke Mesyuarat Majlis Penuh untuk kelulusan.

ii) Baucar dan Dokumen Sokongan

Mengikut peraturan Majlis, semua baucar bayaran dan dokumen sokongan hendaklah ditebuk atau di cop telah dibayar bagi menunjukkan yang pembayaran telah dibuat. Ini untuk mengelakkan dokumen tersebut digunakan semula di mana boleh melibatkan pembayaran 2 kali. Majlis hanya membuat pembatalan di baucar bayaran dan pesanan tempatan manakala bagi dokumen yang lain, pembatalan tidak dibuat. Majlis telah mengambil maklum perkara ini dan akan memastikan semua baucar bayaran dan dokumen sokongannya dibatalkan selepas dibuat bayaran.

51.3.8 Mesin *Franking*

Semakan Audit mendapati Majlis telah menyelenggara sebuah daftar bagi merekodkan semua belian dan penggunaan setem. Baki di mesin pada bulan Februari 2004 berjumlah RM171 adalah bersamaan dengan baki di daftar. Bagaimanapun, tiada bukti yang

menunjukkan daftar tersebut diperiksa kerana tiada tandatangan ringkas di daftar tersebut. Mengenai kunci mesin, adalah didapati ia disimpan oleh pihak yang menguruskan mesin dan bukan oleh pegawai kanan yang bertanggungjawab. Majlis mengambil maklum teguran Audit dan akan memastikan kunci mesin disimpan oleh pegawai kanan yang bertanggungjawab.

51.3.9 Kawalan Cek Terbatal

Arahan Perbendaharaan 118 menetapkan supaya cek yang tidak dapat ditunaikan pada akhir tempoh 3 bulan daripada tarikh ianya dikeluarkan hendaklah disifatkan sebagai terbatal dan dilaraskan dengan mendebitkan Akaun Tunai dan mengkreditkan Akaun Penyelesaian Cek Terbatal. Satu cek ganti hendaklah dikeluarkan dan didebitkan kepada Akaun Cek Terbatal. Majlis telah mematuhi arahan ini. Prosedur pembatalan cek dan pelarasannya ke Akaun Penyelesaian Cek Terbatal telah dibuat dengan wajar dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Pada pandangan Audit, semakan ke atas rekod kewangan dan akaun oleh pegawai yang bertanggungjawab hendaklah dipertingkatkan. Sebagai bukti semakan telah dijalankan, pegawai yang menyemak hendaklah menurunkan tandatangan ringkas ke atas rekod yang disemak.

51.4 PENGURUSAN AKAUN DEPOSIT DAN KUMPULAN WANG AMANAH

Majlis menyelenggara 1 akaun deposit dan 2 kumpulan wang amanah. Hasil daripada pemeriksaan terhadap akaun yang dikendali itu dihuraikan seperti berikut:

51.4.1 Deposit Wang Pertaruhan

Majlis menerima pelbagai jenis deposit seperti deposit sewaan gerai, sewaan gelanggang badminton, sewaan khemah, kerusi dan meja, deposit kebersihan dan sebagainya. Pihaknya juga

menyelenggara akaun individu bagi setiap jenis deposit tersebut. Semakan Audit mendapati baki di lejar individu bersamaan dengan baki di akaun kawalan. Bagi deposit yang terpendam dan tidak bergerak begitu lama, Majlis telah mengambil tindakan mengkreditkannya sebagai hasil Majlis. Pada tahun 2002, deposit berjumlah RM120,125 telah dijadikan hasil Majlis. Sepatutnya baki deposit ini digazetkan dan kemudian dikreditkan ke Kumpulan Wang Yang Tidak Dituntut.

51.4.2 Pinjaman Kenderaan

Sehubungan dengan pinjaman kenderaan yang diberi, semakan Audit telah dijalankan terhadap 8 fail peminjam yang masih berhutang. Tujuannya untuk memastikan sama ada peraturan yang ditetapkan menerusi Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 dan 8 Tahun 1993 telah dipatuhi.

i) Surat Perjanjian Pinjaman Kenderaan

Mengikut peraturan, setiap perjanjian kenderaan hendaklah disetamkan supaya perjanjian tersebut menjadi sah dari segi undang-undang. Tanpa perjanjian yang sah, tindakan mahkamah tidak dapat diambil terhadap mereka yang melanggar syarat perjanjian. Semakan Audit mendapati kesemua perjanjian pinjaman kenderaan yang disemak telah disetem untuk memastikan kepentingan kerajaan terpelihara.

ii) Penyimpanan Surat Permohonan Pinjaman Kenderaan

Mengikut peraturan, permohonan bagi pinjaman kenderaan hendaklah dalam 5 salinan. Salinan asal dan surat perjanjian berserta salinan kedua dikembalikan bersama baucar bayaran. Salinan ketiga disimpan dalam fail Majlis selaku pihak yang meluluskan pinjaman manakala salinan keempat untuk kegunaan bahagian bertanggungjawab menguruskan bayaran balik pinjaman melalui potongan gaji

bulanan. Salinan kelima untuk disimpan dalam fail peribadi peminjam. Semakan Audit mendapati peraturan ini tidak dipatuhi kerana kelima borang permohonan disimpan dalam 1 fail peribadi pemohon. Semakan juga mendapati Bahagian III dan Bahagian IV di borang tidak dilengkapkan.

iii) Hak Milik Kenderaan

Menurut Pekeliling Perbendaharaan di atas, pembiaya pinjaman kenderaan dikehendaki memastikan sijil pendaftaran bagi setiap kenderaan yang dibuat melalui pembiayaan wang kerajaan dicop 'Hak Milik Dituntut Kerajaan'. Perkara ini tidak dapat dipastikan kerana pihak Majlis tidak menyimpan salinan sijil pendaftaran bagi kenderaan tersebut.

iv) Potongan Gaji

Mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan, bayaran balik pinjaman hendaklah dimulai dengan potongan gaji tidak lewat daripada 2 bulan selepas cek pembiayaan pinjaman dikeluarkan. Semakan Audit mendapati Majlis mematuhi peraturan ini.

v) Peraturan Selepas Kelulusan

Peminjam yang mendapat pembiayaan kenderaan dikehendaki menyerahkan resit pembelian, sijil insurans kenderaan dan buku pendaftaran kenderaan yang dicatat "Hak Milik Dituntut oleh Majlis" dalam tempoh 30 hari selepas pinjaman diterima. Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada peraturan ini dipatuhi kerana salinan dokumen tersebut tidak berada dalam simpanan Majlis. Pihak Majlis telah dinasihatkan supaya mendapatkan dokumen tersebut. Selain itu, Majlis perlu memastikan salinan insurans komprehensif disimpan

supaya nilai insurans melindungi baki pinjaman kenderaan yang belum selesai.

vi) Butir Pinjaman Dalam Rekod Perkhidmatan

Mengikut peraturan, bagi setiap pinjaman yang diluluskan, butirannya hendaklah direkodkan ke dalam Rekod Perkhidmatan peminjam. Semakan Audit mendapati Majlis telah mematuhi peraturan ini.

51.4.3 Pinjaman Perumahan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1995 menghendaki Jabatan menyelenggara rekod individu bagi semua anggota kakitangannya yang diberi pinjaman perumahan. Semakan Audit mendapati Majlis tidak menyelenggara rekod tersebut. Semakan selanjutnya mendapati semua peminjam menjelaskan pinjaman mereka mengikut jadual menerusi potongan gaji bulanan.

Pada pendapat Audit pengurusan Akaun Amanah dan deposit adalah memuaskan.

51.5 PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI

Aset Majlis terdiri daripada bangunan, kenderaan, perabot dan kelengkapan pejabat. Pada tahun 2003, Majlis telah berbelanja sejumlah RM56,919 untuk tujuan pembelian aset. Selain daripada itu ada di antara aset Majlis diperolehi terus daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Peraturan menghendaki semua aset dikawal, direkodkan dengan lengkap dan kemas kini. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

51.5.1 Daftar Harta Modal Dan Inventori

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991, barangan yang bernilai RM500 dan ke atas hendaklah dianggap sebagai harta modal dan direkodkan di Daftar Harta Modal manakala yang bernilai RM500 dan ke bawah dianggap sebagai inventori dan

direkodkan di Daftar Inventori. Majlis masih belum menyelenggara kedua Daftar tersebut. Semakan Audit terhadap rekod penjenisan aset yang diselenggara mendapati ianya tidak lengkap dan kemas kini oleh kerana pertambahan aset dan aset yang telah dilupuskan masih belum direkodkan. Harta modal dan inventori Majlis juga tidak diberi nombor siri pendaftaran. Tatacara Pengurusan Stor perenggan 238 hingga 240 yang menghendaki Ketua Jabatan membuat pemeriksaan terhadap harta modal dan inventori telah tidak dilaksanakan oleh Majlis.

51.5.2 Stok Bekalan Pejabat

Daftar Stok Bekalan Pejabat yang diselenggara oleh Majlis adalah tidak kemas dan teratur. Juga tiada bukti yang menunjukkan verifikasi stok dijalankan dari semasa ke semasa oleh Majlis.

51.5.3 Pengurusan Kenderaan

Mengikut rekod, Majlis mempunyai 25 buah kenderaan pelbagai jenis. Ini termasuk sebuah jentera penyelenggaraan ladang yang diperolehi pada tahun 2003 dengan kos RM187,490. Majlis tidak mempunyai seorang pegawai pengangkutan untuk mengendali dan mengurus kenderaan kepunyaan Majlis dan sebaliknya telah meminta setiap bahagian mengurus dan mengendalikannya. Semakan Audit terhadap pengurusan kenderaan mendapati perkara seperti berikut:

i) Buku Log

Buku log merupakan dokumen penting bagi merekodkan butiran penggunaan kenderaan seperti tujuan, jarak perjalanan, pegawai yang mengguna dan pegawai yang memberi kuasa serta butiran penggunaan minyak setiap bulan. Sungguhpun Majlis menyelenggara Buku Log bagi setiap kenderaannya tetapi tiada bukti yang menunjukkan buku tersebut disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab. Majlis telah dinasihatkan supaya

melantik seorang pegawai pengangkutan bagi menyemak Buku Log kenderaan dan menentukan penggunaan minyak dan perjalanan yang dibuat adalah untuk tujuan rasmi. Majlis juga telah dinasihatkan supaya merekodkan semua kos pembaikan dan penyelenggaraan.

ii) Penggunaan Kad Inden Minyak

Pembelian minyak untuk kenderaan Majlis dibuat dengan menggunakan Kad Inden Minyak. Sehubungan ini, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999 menyenaraikan tindakan yang perlu diambil berhubung dengan penggunaan kad inden minyak, antaranya adalah supaya resit yang dikeluarkan dari pam petrol disimpan, dikumpulkan, disusun mengikut tarikh belian petrol dan disemak dengan penyata pembelian bulanan untuk tujuan pengesahan. Semakan Audit mendapati Majlis tidak mematuhi peraturan ini.

iii) Kenderaan Rosak

Semakan fizikal terhadap kenderaan Majlis mendapati 2 kenderaan telah mengalami kerosakan meter. Pihak Audit juga mendapati satu Lori Angkat Sampah jarang digunakan. Tarikh akhir digunakan ialah pada pertengahan tahun 2003 dan pengisian minyak kali terakhir pada akhir Februari 2002. Pihak Majlis telah dinasihatkan supaya membaiki kerosakan tersebut dan melupuskan kenderaan yang tidak ekonomi untuk dibaiki.

51.5.4 Stor Penyimpanan Barang

Sungguhpun Majlis mempunyai sebuah stor penyimpanan tetapi tidak diurus dengan kemas dan teratur di mana barangan yang berlebihan berada dalam stor seperti baja dan tong sampah. Juga ada 1 mesin rumput yang rosak tersimpan dalam stor. Ini menyebabkan ruang stor menjadi sempit. Atap stor pula bocor dan

dimasuki air apabila hujan. Baki sebenar barangan stor tidak pula diketahui kerana Majlis tidak mengemukakan buku stok semasa pemeriksaan Audit. Majlis hendaklah menyelenggara stor dengan kemas dan teratur serta menyelenggara rekod yang lengkap dan kemas kini seperti penerimaan, pengeluaran dan baki stok bagi semua barangan ada dalam stor. Verifikasi stok juga hendaklah dijalankan bagi memastikan baki dalam rekod bersamaan dengan baki stok fizikal.

51.5.5 Pelupusan Aset Dan Inventori

Mengikut Tatacara Pengurusan Stor 226, adalah menjadi kewajipan Pegawai Pengawal untuk menentukan bahawa semua harta Kerajaan yang usang dan tidak ekonomik untuk dibaiki dilupuskan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2003, Majlis telah melupuskan 6 buah kenderaan dengan nilai RM2,640. Pihak Majlis hendaklah melupuskan semua barangannya yang tidak berguna lagi seperti mesin rumput dan sebagainya.

Pada pandangan Audit, kawalan terhadap pengurusan aset dan stor adalah kurang memuaskan dan perlu diperbaiki.

51.6 PENGURUSAN PELABURAN

Pada tahun 2003 pelaburan Majlis berjumlah RM1.51 juta dan kesemuanya dalam bentuk simpanan tetap. Semakan Audit terhadap pelaburan Majlis mendapati perkara berikut:

51.6.1 Jawatankuasa Pelaburan

Semua urusan pelaburan dibuat oleh Setiausaha Majlis. Untuk memastikan Majlis mendapat pulangan terbaik setiap pelaburan hendaklah mendapat kelulusan Jawatankuasa Kecil Pentadbiran Dan Kewangan.

51.6.2 Simpanan Tetap

Pada tahun 2003, Majlis telah melabur sejumlah RM1.51 juta dalam 6 institusi kewangan tempatan. Tempoh pelaburan adalah antara 6 hingga 12 bulan. Sungguhpun Majlis menyelenggara Daftar Simpanan Tetap tetapi tiada bukti yang menunjukkan Daftar disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab. Majlis telah disyorkan supaya menyemak Daftar tersebut dari masa ke masa bagi memastikan pelaburan mendapat pulangan yang sewajarnya.

Pada pandangan Audit, pengurusan pelaburan adalah baik.

51.7 PENGURUSAN PINJAMAN

Mengikut perkara 49, Akta Kerajaan Tempatan 1976, pihak berkuasa dari masa ke semasa boleh mendapatkan pinjaman dan kemudahan overdraf. Sesuatu overdraf itu memerlukan kelulusan Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri, melainkan jika overdraf itu disandarkan dengan simpanan tetap di bank. Semakan Audit mendapati pihak Majlis mematuhi peraturan ini dengan mencagarkan simpanan tetap berjumlah RM700,000 untuk mendapatkan kemudahan overdraf dari bank. Sehingga akhir bulan Disember 2003 baki overdraf Majlis berjumlah RM174,014.

Pada pandangan Audit, pengurusan pinjaman Majlis adalah teratur.

52. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Majlis Daerah Tampin adalah antara 5 Jabatan/agensi yang dipilih sebagai Anak Angkat Audit bagi tahun 2003. Sepanjang menjadi Anak Angkat Audit bagi bulan Mei 2003 hingga bulan November 2003, Majlis telah diberi bimbingan dan tunjuk ajar mengenai penyelenggaraan rekod kewangan dan akaun. Melalui sesi perbincangan dan tunjuk ajar yang diadakan sebanyak 4 kali, adalah didapati kelemahan pengurusan kewangan yang dikenal pasti sebelum ini telah dapat diperbaiki oleh Majlis. Buku Tunai dan rekod lain berkaitan pungutan harian telah dilengkapkan dan dikemaskinikan oleh Majlis. Semakan ke atas rekod kewangan

Majlis pada bulan September 2003 juga menunjukkan bukti yang rekod telah disemak dan disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab. Namun demikian semakan Audit pada awal bulan Januari 2004 menunjukkan kelemahan pengurusan kewangan sebelum ini telah berulang. Pihak yang bertanggungjawab telah mengabaikan tanggungjawab seperti menyemak, mengawasi dan memantau kerja harian kakitangan mereka. Keadaan ini mendorong kepada berlakunya penyelewengan. Demi meningkatkan akauntabiliti awam, adalah disyorkan Pegawai Pengawal memantau dan menyelia dengan rapi kerja yang dijalankan oleh kakitangan mereka khususnya yang berkaitan dengan pengurusan kewangan dan akaun.

MAJLIS PERBANDARAN NILAI

PENGURUSAN LANDSKAP

53. LATAR BELAKANG

Landskap secara umum bermaksud suatu pemandangan luaran atau permukaan bumi yang dihasilkan dari keadaan semula jadi atau binaan. Ia juga adalah satu bidang seni kreatif untuk mengolah pemandangan di atas muka bumi dengan menggunakan unsur asli atau binaan supaya lebih berfungsi dan menarik. Unsur asli termasuk tumbuh-tumbuhan, air dan rupa bentuk bumi. Unsur binaan pula meliputi struktur dan bangunan yang menjadi keperluan kepada pengguna. Landskap yang dibangunkan dengan penggunaan unsur asli dikenali sebagai landskap lembut manakala yang menggunakan unsur binaan dikenali sebagai landskap keras atau kejur.

Selaras dengan hasrat dan aspirasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Taman, projek landskap merupakan salah satu aktiviti utama Majlis Perbandaran Nilai. Unit Landskap Majlis mula ditubuhkan pada bulan November 1993 dan dikenali sebagai Unit Pengindahan Bandar. Sejak dari tarikh itu, Unit ini telah melalui beberapa perubahan dan pada akhir tahun 2002 telah dinaikkan taraf sebagai Jabatan Landskap.

Selain daripada sumber kewangan sendiri, Majlis telah menerima peruntukan daripada Jabatan Landskap Negara, Unit Perancangan Negeri dan Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan untuk membiayai program pembangunan landskap yang meliputi pelbagai projek pengindahan bandar dan taman rekreasi. Pembangunan landskap yang dilaksanakan meliputi projek Taman Awam Baru, naik taraf Taman Awam dan penghijauan jalan.

54. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pembangunan landskap Majlis Perbandaran Nilai (Majlis) telah dilaksanakan secara terancang,

cekap dan berkesan agar persekitaran kawasan Majlis mempunyai pemandangan dan suasana yang bersih, indah dan nyaman.

55. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Kajian ini dijalankan dengan menyemak rekod yang diselenggara oleh Majlis Perbandaran Nilai bagi tahun 2000 hingga bulan Julai 2003. Ini termasuk menyemak perjanjian kontrak, laporan kemajuan kerja dan Minit Mesyuarat Majlis. Selain itu, perbincangan juga diadakan dengan pegawai Majlis yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan landskap. Lawatan ke tapak projek yang terpilih juga dilakukan bagi mendapatkan gambaran jelas mengenai kerja landskap yang telah dilaksanakan.

56. PENEMUAN AUDIT

56.1 PERANCANGAN

Matlamat utama Majlis adalah untuk mengindahkan Majlis Perbandaran Nilai dan kawasan persekitarannya agar dapat mempertingkatkan kesejahteraan hidup masyarakat di situ. Jabatan Landskap Majlis bertanggungjawab merancang program pembangunan landskap yang komprehensif untuk menjadikan kawasan Nilai dan persekitaran lebih indah, nyaman dan harmonis.

56.1.1 Fungsi Jabatan Landskap

Berikutan dengan penyusunan semula Majlis Perbandaran Nilai pada akhir tahun 2002, Unit Landskap telah dinaik taraf dan dikenali sebagai Jabatan Perancangan Dan Pembangunan. Antara fungsi Jabatan Landskap seperti berikut:

- i) memproses serta meluluskan pelan landskap yang dicadangkan;

- ii) mengemukakan pelan cadangan bagi tapak landskap yang strategik serta kos pembiayaannya bagi tujuan mendapatkan peruntukan;
- iii) menyediakan sebut harga/tender bagi kerja landskap;
- iv) memeriksa tapak landskap bagi tujuan pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan;
- v) menyediakan program penyelenggaraan khususnya bagi taman; dan
- vi) mengkaji serta mengambil tindakan terhadap aduan awam.

56.1.2 Struktur Pengurusan

Sejumlah 5 perjawatan pelbagai gred diluluskan bagi Jabatan ini. Sehingga bulan Ogos 2003 hanya 4 jawatan telah diisi terdiri daripada seorang Arkitek Landskap Gred J41 dan 3 orang Juruteknik Gred J22. Jawatan yang belum diisi adalah Pembantu Teknik Gred J36. Selain itu, ada 7 Pekerja Am dari Unit Kebersihan dan seorang pemandu ditempatkan di Jabatan bagi membantu kerja penyelenggaraan landskap. Adalah difahamkan usaha sedang diambil bagi mengisi kekosongan Pembantu Teknik Gred J36.

Pada pandangan Audit, tindakan segera Majlis untuk mengisi kekosongan jawatan di Jabatan Landskap akan dapat melicinkan lagi kerja landskap Jabatan.

56.1.3 Garis Panduan Pembangunan Landskap

Bagi pembangunan landskap di kawasan Nilai dan persekitarannya, Majlis adalah tertakluk kepada Garis Panduan Prosedur Membuat Permohonan Kelulusan Pelan Landskap yang digubal oleh Jabatan Landskap Negara. Garis Panduan tersebut meliputi proses perancangan seperti penyediaan pelan susun atur, penyediaan pelan landskap serta tatacara yang perlu diikuti bagi mendapatkan kelulusannya. Tujuan garis panduan adalah

untuk memastikan pembangunan landskap dilaksanakan secara terancang dan teratur seperti berikut:

- i) mengawal projek landskap yang dilaksana di samping menyelaraskan penyediaan kemudahan rekreasi;
- ii) mempercepat pelaksanaan projek landskap selaras dengan pembangunan yang dilaksanakan terutama yang melibatkan pembinaan taman permainan kanak-kanak dan gelanggang rekreasi;
- iii) memastikan arahan Kerajaan seperti yang termaktub pada Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995 dan Garis Panduan Landskap Negara dipatuhi;
- iv) penguatkuasaan arahan kelulusan kebenaran merancang terutama yang melibatkan kerja pengalihan, penebangan pokok dan kerja pemotongan tanah;
- v) memperkukuhkan lagi komitmen melaksanakan projek landskap di samping memberi contoh yang baik dan praktikal bagi projek yang dirancang untuk masa akan datang;
- vi) memudahkan Majlis menyediakan inventori dan data projek berkaitan landskap; dan
- vii) permohonan serta kelulusan landskap yang teratur akan mempercepatkan pelaksanaan projek landskap di samping memastikan wujud keseimbangan antara landskap lembut dan landskap kejur.

Dalam pembangunan landskap, kesemua faktor di atas hendaklah dipatuhi bagi menjamin keberkesanan pelaksanaan dan seterusnya mewujudkan landskap yang berkualiti.

56.1.4 Perancangan Penyelenggaraan Kawasan Landskap

Pembangunan landskap tidak akan lengkap tanpa mengambil kira aspek penyelenggaraan. Pelan pengurusan landskap yang disediakan oleh Majlis telah mengambil kira jadual dan program

penyelenggaraan bagi memastikan ianya dilaksanakan secara sistematik dan berterusan. Ini juga untuk memastikan projek yang sedia ada dijaga dengan rapi supaya sentiasa bersih, tumbuhan hidup segar dan tidak dicemari serta dirosakkan. Anggaran kos penyelenggaraan disediakan bersekali dengan anggaran belanjawan tahunan Majlis. Kos penyelenggaraan sebahagian kecil daripadanya turut dibiayai oleh Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

Selain daripada kawasan Bandar Baru Nilai dan Rasah Kemayan Golf & Country Township, Majlis juga akan memberi tumpuan kepada penyelenggaraan jalan utama yang menghubungkan Negeri Sembilan dengan Kuala Lumpur dan Melaka. Jalan tersebut terletak di Mantin, Sungai Gadut dan Rantau. Kerja penyelenggaraan bagi kawasan taman perumahan dan tempat awam lain akan dilaksanakan mengikut keperluan dan kemampuan kewangan Majlis.

56.1.5 Keperluan Kewangan

Keperluan kewangan Majlis adalah untuk tujuan pembangunan dan penyelenggaraan landskap. Kerja pembangunan terdiri dari pembinaan projek pengindahan, rekreasi, taman permainan kanak-kanak dan pengubahsuaian padang manakala kerja penyelenggaraan pula meliputi penyelenggaraan taman dan padang, pengeluaran benih dan penyediaan tapak semaian.

Permohonan peruntukan akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan seterusnya perlu mendapat kelulusan Mesyuarat Penuh Majlis. Jumlah perbelanjaan yang dianggarkan bagi tempoh tahun 2000 hingga 2003 adalah seperti di **Jadual 40**.

Jadual 40
Perbelanjaan Yang Dianggarkan Oleh Majlis
Perbandaran Nilai Bagi Tahun 2000 Hingga 2003

Pecahan	Tahun	Tahun 2000 (RM Juta)	Tahun 2001 (RM Juta)	Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)
Perbelanjaan Pembangunan					
Projek Pengindahan, Rekreasi & Taman Permainan		0.20	0.36	0.52	0.30
Membina, ubahsuai padang		0.10	0.10	0.16	-
Membina Papan Tanda dan Pintu Gerbang		-	-	-	0.20
Jumlah		0.30	0.46	0.68	0.50
Perbelanjaan Mengurus					
Taman & Padang		0.10	0.10	0.15	0.08
Penswastan Landskap		2.00	2.20	2.50	3.58
Benih, Tapak Semaian & Landskap		0.10	0.15	0.15	-
Jumlah		2.20	2.45	2.80	3.66
Jumlah Keseluruhan		2.50	2.91	3.48	4.16

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Nilai

56.1.6 Sumber Pembiayaan

Selain daripada sumber Majlis, sumber kewangan lain akan diperolehi daripada Jabatan Landskap Negara, Unit Perumahan Kerajaan Tempatan dan Unit Perancang Ekonomi Negeri. Jumlah peruntukan yang akan diperolehi dari ketiga agensi ini untuk tahun 2000 hingga 2003 adalah seperti **Jadual 41**.

Jadual 41
Cadangan Peruntukan Landskap Yang Akan Diperolehi
Dari Pelbagai Agensi Kerajaan

Agensi Tahun	Jabatan Landskap Negara (RM Juta)	Unit Perancangan Ekonomi Negeri (RM Juta)	Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
2000	0.24	0.10	-	0.34
2001	0.30	0.10	0.19	0.59
2002	-	0.22	0.07	0.29
2003	0.59	0.18	0.12	0.89
Jumlah	1.13	0.60	0.38	2.11

Sumber: Rekod Jabatan Landskap Majlis

Peruntukan daripada Jabatan Landskap Negara bertujuan membangunkan kawasan landskap baru dan juga untuk tujuan menaik taraf manakala daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri untuk tujuan pembangunan landskap dan kerja penyelenggaraan di kawasan perindustrian. Peruntukan yang diterima daripada Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan adalah bagi tujuan kerja penyelenggaraan dan penyediaan alat permainan di taman.

Pada pandangan Audit, sumber kewangan yang mencukupi boleh mewujudkan suasana persekitaran yang menarik, indah dan nyaman di kawasan landskap yang akan dibangunkan.

56.1.7 Kaedah Pelaksanaan

Majlis akan menyerahkan pelaksanaan projek pembangunan landskap kepada pihak swasta manakala bagi kerja penyelenggaraan landskap seperti menyiram, membaja dan

mencantas pokok dan bunga akan dilakukan oleh kakitangan Majlis.

56.1.8 Guna Tenaga Dan Latihan Kakitangan

Sebahagian besar kakitangan teknikal Majlis terdiri dari kalangan mereka yang baru berkhidmat dengan Majlis pada tahun 2003. Majlis perlu merancang program latihan untuk kakitangannya berkaitan dengan landskap bagi meningkatkan pengetahuan mereka yang terlibat dalam kerja landskap. Penggunaan perisian komputer untuk reka bentuk landskap hendaklah diamalkan selaras dengan perkembangan teknologi masa kini.

Pada pandangan Audit, Majlis mempunyai perancangan yang strategik dan teratur dalam melaksanakan aktiviti landskap.

56.2 PELAKSANAAN

Semasa RMK7 dan RMK8, program landskap merupakan antara agenda utama Majlis Perbandaran Nilai. Semakan Audit terhadap pelaksanaan program ini mendapati perkara berikut:

56.2.1 Pelan Induk Landskap Majlis

Pelan Induk Landskap Majlis masih dalam kajian syarikat swasta yang dilantik. Ianya dijangka dapat disiapkan pada bulan April 2005. Bagi tempoh kajian Audit dijalankan, pembangunan landskap Majlis meliputi projek yang telah diluluskan oleh Jabatan Landskap Negara dan Unit Perancangan Ekonomi Negeri. Pihak Majlis telahpun mendapatkan kelulusan Pelan Induk Landskap bagi cadangan pembangunan Taman Wilayah Galla, Nilai daripada Jabatan Landskap Negara. Kawasan taman berkenaan adalah seluas 1,000 ekar yang terletak di Jalan Mantin-Seremban kira-kira 5 km dari Pekan Mantin dan 8 km dari Bandar Seremban. Peruntukan bagi membangunkan Fasa 1 seluas 8 hektar berjumlah RM3.5 juta telahpun diluluskan semasa RMK8.

Namun demikian sehingga kini projek berkenaan masih belum dimulakan.

56.2.2 Perbelanjaan Landskap

Majlis memerlukan sejumlah RM13.05 juta untuk tujuan lanskap dan daripada jumlah itu, sejumlah RM11.11 juta diperlukan untuk tujuan mengurus landskap di kawasan Nilai dan persekitarannya bagi tempoh tahun 2000 hingga 2003. Kerja mengurus landskap termasuk penyelenggaraan taman dan padang, penswastaan landskap dan penyediaan benih serta tapak semaian. Untuk kerja pembangunan landskap pula seperti pengindahan, pembinaan tempat rekreasi dan taman permainan serta membina dan mengubahsuai padang, sejumlah RM1.94 juta diperlukan. Kesemua peruntukan yang dipohon telah diluluskan. Namun demikian, jumlah yang diluluskan pada setiap tahun khususnya untuk tujuan mengurus tidak mencukupi dan pihak Majlis telah mendapatkan kelulusan tambahan peruntukan bagi mengatasi masalah kekurangan tersebut. Tambahan peruntukan mengurus yang diluluskan bagi tahun 2000 berjumlah RM0.10 juta, tahun 2001 berjumlah RM0.47 juta, tahun 2002 berjumlah RM0.06 juta dan bagi tahun 2003 berjumlah RM0.04 juta. Perbelanjaan landskap Majlis bagi tahun 2000 hingga bulan Disember 2003 seperti dipaparkan di **Jadual 42**.

Jadual 42

Perbelanjaan Landskap Majlis Perbandaran Nilai

Pecahan/Peruntukan	Tahun 2000 (RM Juta)	Tahun 2001 (RM Juta)	Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)
Perbelanjaan Pembangunan				
Majlis Perbandaran Nilai	0.15	0.40	0.68	0.29
Jabatan Landskap Negara	0.23	0.28	-	0.59
Unit Perancangan Ekonomi Negeri	0.10	0.10	0.22	0.18
Jumlah	0.48	0.78	0.90	1.06
Perbelanjaan Mengurus				
Majlis Perbandaran Nilai	2.30	2.73	2.79	3.59
Unit Perumahan Kerajaan Tempatan	-	0.19	0.07	0.11
Jumlah	2.30	2.92	2.86	3.70
Jumlah Keseluruhan	2.78	3.70	3.76	4.76

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Nilai

Perbandingan perbelanjaan antara tahun 2000 dengan 2003 menunjukkan peningkatan sejumlah RM2 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pertambahan kawasan baru landskap.

Bayaran untuk perbelanjaan landskap dari peruntukan Jabatan Landskap Negara dijelaskan oleh pihak Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan manakala peruntukan dari Unit Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Unit Perancang Ekonomi Negeri dijelaskan oleh Bendahari Negeri. Sehubungan dengan tuntutan bayaran, Majlis masih bertanggungjawab bagi menyemak dan mengesahkannya sebelum diluluskan untuk urusan pembayaran.

56.2.3 Pemilihan Tapak Projek

Tapak projek yang dibangunkan landskap adalah kawasan yang strategik dan yang sering digunakan oleh pihak awam. Pembangunan landskap itu dilaksanakan selepas kelulusan diperolehi dari Jabatan Landskap Negara. Semakan Audit mendapati pemilihan lokasi projek ditentukan mengikut kepentingan kawasan berkenaan.

56.2.4 Pemilihan Kontraktor

Bagi kesemua projek pembangunan landskap yang menggunakan peruntukan Jabatan Landskap Negara, pemilihan kontraktor dibuat menerusi tender terbuka. Untuk projek pembangunan landskap yang menggunakan peruntukan Majlis dan Kerajaan Negeri, pemilihan kontraktor dibuat secara sebut harga di mana ia akan diiklankan di Pejabat Majlis manakala bagi pemanggilan tender akan diiklankan melalui akhbar harian.

Bagi tahun 2000, penilaian dan pemilihan penender ditentukan oleh Lembaga Tender Majlis Perbandaran Nilai sendiri manakala bagi tahun 2001 dan 2003, peranan dan tanggungjawab ini telah diambil alih oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. Namun demikian Majlis masih berperanan sebagai urus setia kepada lembaga berkenaan.

Semakan Audit mendapati Majlis menerima sekurang-kurangnya 5 permohonan bagi setiap sebutharga/tender yang dipanggil. Kesemua pemohon adalah berdaftar dengan pihak Majlis dan bertaraf Bumiputera. Bagi tawaran kerja yang dibuat, ianya disempurnakan dengan surat perjanjian yang sewajarnya.

Pada pendapat Audit, pemilihan kontraktor bagi projek pembangunan landskap kawasan Majlis telah dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan.

56.2.5 Pembangunan Landskap

Selain menggunakan peruntukan sendiri, Majlis juga mendapat peruntukan daripada Jabatan Landskap Negara dan Kerajaan Negeri melalui Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan serta Unit Perancang Ekonomi. Pada tahun 2000 hingga 2003, tiga kawasan landskap telah dibangunkan menerusi peruntukan Jabatan Landskap Negara iaitu di Pekan Rantau, Mukim Sungai Gadut dan Kawasan Perindustrian Nilai. Butiran pembangunan landskap di 3 kawasan tersebut seperti di **Jadual 43**.

Jadual 43

**Projek Landskap Menerusi Peruntukan Jabatan
Landskap Negara Bagi Tempoh 2000 Hingga 2003**

Tahun	Kerja Landskap	Kos (RM)	Tempoh Pelaksanaan	Tarikh Kerja Siap Dan Penyelenggaraan
2000	Landskap kejur dan lembut di Taman Awam, kawasan Dewan Orang Ramai, Pekan Rantau (Naik taraf)	237,970	12.10.2000 hingga 23.11.2000	9.12.2000 (Tanggung selenggara 1 tahun)
2001	Landskap kejur dan lembut di Taman Awam, kawasan Tuanku Jaafar, Mukim Sungai Gadut (Naik taraf)	280,600	15.8.2001 hingga 21.11.2001 Satu lanjutan masa hingga 12.12.2001	12.12.2001 (Tanggung selenggara 6 bulan)
2003	Landskap lembut, Penghijauan jalan di kawasan Perindustrian Nilai dari Simpang Tiga Jalan Mutiara ke kawasan pintu masuk Perindustrian Arab Malaysian (Projek baru)	591,645	17.3.2003 hingga 2.6.2003 Dua lanjutan masa hingga 23.6.03	21.7.2003 (Tanggung selenggara 1 tahun)

Sumber: Rekod Jabatan Landskap Majlis

Pelaksanaan kerja oleh kontraktor adalah di bawah pengawasan Majlis dan Jabatan Landskap Negara. Semakan Audit ke atas rekod yang diselenggara mengenainya mendapati ada di antara kerja landskap telah lewat disiapkan antara 3 minggu hingga 5 minggu. Bagi kerja yang lewat disiapkan, ada yang dikenakan denda dan ada pula yang mendapatkan kelulusan pengecualian dari Pihak Berkuasa yang berkenaan.

56.2.6 Projek Penghijauan Jalan Di Kawasan Perindustrian Nilai

Projek ini yang meliputi jalan sepanjang 3 kilometer dari kawasan Perindustrian Nilai ke kawasan Perindustrian Arab Malaysian melibatkan penanaman 1,430 pokok utama dan pokok palma serta 33,600 pokok renek. Bagi melaksanakan kerja penghijauan ini, Lembaga Perolehan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan telah menyerahkannya kepada sebuah syarikat melalui tender bernilai RM0.59 juta. Tempoh pelaksanaan kerja selama 10 minggu bermula dari bulan Mac 2003 dan tarikh siapnya ditetapkan pada awal bulan Jun 2003. Walau bagaimanapun, projek ini disiapkan pada bulan Julai 2003 selepas tempoh siapnya dilanjutkan sebanyak dua kali. Alasan kelewatan disebabkan cuaca yang tidak menentu. Bagi tempoh kelewatan selama 27 hari, syarikat berkenaan telah dikenakan denda sejumlah RM2,800 dikira pada kadar RM103.74 bagi setiap 1 hari.

Pemeriksaan Audit di tapak projek pada awal bulan Februari 2004 mendapati beberapa pokok utama jenis *Entolobium Saman* yang telah mati tidak ditanam semula. Selain itu, kerja penyelenggaraan yang dijalankan oleh Syarikat berkenaan tidak begitu memuaskan. Ada beberapa kawasan jalan di mana rumput tidak berpotong dan pokok renek tidak bercantas. Bagi jalan yang menghala ke Nilai Inland Port, Syarikat hanya mengindahkan satu kawasan dan bukan 2 kawasan seperti yang dijanjikan. Adalah dimaklumkan kos bagi mengindah kawasan kedua telah

digunakan bagi kawasan pertama. Sungguhpun demikian, kosnya tidak dapat disahkan kerana syarikat belum menyerahkan salinan Lukisan Seperti Dibina yang ditetapkan dalam perjanjian. Mengikut Majlis, perkara tersebut akan disusul dengan pihak syarikat sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan Kerja yang akan berakhir pada bulan Julai 2004.

56.2.7 Projek Pembangunan Landskap Kawasan Perindustrian

Tiga projek pembangunan landskap telah dilaksanakan pada tahun 2003 menerusi peruntukan Unit Perancangan Ekonomi Negeri. Projek terlibat berserta kosnya seperti mana **Jadual 44**.

Jadual 44
Projek Landskap Menerusi Peruntukan UPEN Tahun 2003

Kerja Landskap	Kos (RM)	Tempoh Pelaksanaan	Tarikh Kerja Siap Dan Penyelenggaraan
Kerja landskap di Jalan Perak, Kawasan Perindustrian Taman Semarak, Mukim Setul, Daerah Seremban	80,000	4.8.2003 hingga 15.9.2003 (6 minggu)	15.9.2003 (Tanggungan selenggara 6 bulan)
Kerja landskap di Kawasan Industri Sungai Gadut, Rantau	50,000	30.7.2003 hingga 20.8.2003 (3 minggu)	20.8.2003 (Tanggungan selenggara 6 bulan)
Kerja landskap di kawasan Perindustrian Arab Malaysian, Nilai	50,000	17.3.2003 hingga 2.6.2003 (6 minggu)	2.6.2003 (Tanggungan selenggara 6 bulan)

Sumber: Rekod Jabatan Landskap Majlis

Pemeriksaan Audit pada bulan Februari 2004 mendapati bagi Kawasan Perindustrian Taman Semarak dan Kawasan Perindustrian Arab Malaysian, kerja penanaman dan penyelenggaraan landskap telah dilaksanakan dengan baik. Walau bagaimanapun, bagi Kawasan Industri Sungai Gadut,

Rantau, kerja yang dilaksanakan tidak begitu memuaskan di mana 30 batang pokok utama daripada 300 batang yang ditanam telah mati tanpa ditanam semula.

Pada pandangan Audit, Majlis wajar memastikan pokok yang mati ditanam semula oleh syarikat yang berkenaan.

56.2.8 Penyelenggaraan Kawasan Landskap

Pihak Majlis bertanggungjawab bagi menyelenggara kesemua kawasan landskap yang telah dibangunkan selepas 6 bulan hingga 1 tahun kerja diperakukan siap. Ini adalah selaras dengan syarat perjanjian yang menetapkan selepas tempoh antara 6 bulan dan 1 tahun, syarikat tidak lagi bertanggungjawab di atas kerja penyelenggaraan. Adalah didapati Majlis telah menyerahkan kerja penyelenggaraan kepada pihak swasta untuk menguruskannya. Majlis tidak dapat melaksanakan kerja penyelenggaraan sendiri kerana kekurangan kakitangan akibat daripada perpindahan kakitangan ke sebuah syarikat pengurusan pelupusan sisa.

Dua buah syarikat telah dipilih untuk mengendalikan kerja penyelenggaraan secara kontrak. Bagi kawasan Bandar Baru Nilai, kerja penyelenggaraan diserahkan kepada syarikat pertama semenjak Julai 1997 manakala kerja penyelenggaraan bagi kawasan Rasah Kemayan Golf & Country Township, Seremban diserahkan kepada syarikat kedua pada bulan April 2003. Penyerahan kerja penyelenggaraan kepada kedua syarikat ini telah mendapat restu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

56.2.9 Kontrak Penyelenggaraan Kawasan Bandar Baru Nilai Dan Rasah Kemayan Golf & Country Township

Penyelenggaraan landskap bagi kedua kawasan di atas telah diswastakan. Kerja penyelenggaraan landskap di kawasan Bandar Baru Nilai telah diswastakan kepada syarikat pertama

pada awal Julai 1997. Mengikut syarat perjanjian, penyelenggaraan kawasan Bandar Baru Nilai dilaksanakan mengikut fasa. Bagi Fasa 1, bermula pada bulan Julai 1997, bagi Fasa 2 hingga 5 pada bulan Mei 1998 dan bagi Fasa 6 pada bulan Januari 2002. Kawasan yang diliputi seluas 2,493 hektar. Tempoh perjanjian selama 20 tahun bermula dari bulan Julai 1997 dan berakhir pada bulan Jun 2017.

Kerja penyelenggaraan landskap di kawasan Rasah Kemayan Golf & Country Township, Seremban telah diswastakan kepada syarikat kedua. Perjanjian ditandatangani antara kedua pihak berkuatkuasa pada bulan Mei 2003 untuk tempoh 2 tahun. Kawasan untuk diselenggara seluas 316.2 hektar.

Sepanjang tempoh 2000 hingga 2003 kos bagi menyelenggara kedua kawasan ini berjumlah RM9.91 juta. Kerja penyelenggaraan termasuk menyiram pokok, merumput, memotong pokok, memotong rumput, membaja, menyembur racun dan membersihkan longkang. Butiran perbelanjaan seperti di **Jadual 45**.

Jadual 45

**Kontrak Perbelanjaan Penyelenggaraan Landskap
Majlis Perbandaran Nilai**

Tahun	Bandar Baru Nilai (RM Juta)	Rasah Kemayan Golf & Country Township (RM Juta)
2000	1.95	0.26
2001	2.13	0.28
2002	1.86	0.24
2003	2.94	0.25
JUMLAH	8.88	1.03

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Nilai

56.2.10 Kos Penyelenggaraan Bagi Kawasan Bandar Baru Nilai

Kos penyelenggaraan di Bandar Baru Nilai dikira mengikut bilangan pokok yang ada di kawasan itu. Semakan Audit mendapati bilangan pokok yang ada tidak pernah dikira dari semasa ke semasa bagi menyesuaikan mengikut perubahan kadar bagi setiap pokok yang dibuat pada tahun 2002.

Pada pandangan Audit, Majlis wajar membancai semula bilangan pokok yang ada supaya kos penyelenggaraannya dapat dikurangkan. Selain itu, Majlis boleh mengadakan rundingan dengan pihak syarikat bagi mengurangkan kos penyelenggaraan dengan membuat beberapa modifikasi dan pindaan terhadap skop kerja penyelenggaraan.

56.2.11 Mutu Kerja Penyelenggaraan Bandar Baru Nilai Dan Rasah Kemayan Golf & Country Township, Seremban

Sehubungan dengan kerja penyelenggaraan landskap oleh pihak swasta di 2 kawasan ini, adalah didapati kerja penyelenggaraannya telah dikendalikan dengan baik. Kawasan yang diselenggara telah bertambah indah, nyaman dan bersih. **Foto 18** dan **Foto19** menunjukkan satu sudut pemandangan di Bandar Baru Nilai dan Rasah Kemayan Golf & Country Township, Seremban.

Foto 18
Pemandangan Bandar Baru Nilai



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 5 November 2003

Foto 19
Pemandangan Rasah Kemayan Golf & Country Township, Seremban



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 5 November 2003

56.2.12 Penyelenggaraan Di Kawasan Landskap Lain Oleh Pihak Swasta

Bagi kawasan landskap yang lain di mana kos penyelenggaraannya adalah kecil iaitu antara RM9,000 hingga RM10,000, adalah didapati kerja penyelenggaraannya telah diserahkan kepada beberapa buah syarikat swasta secara tawaran terus. Syarikat ini berdaftar dengan pihak Majlis. Kerja penyelenggaraan yang dijalankan oleh syarikat ini meliputi penyelenggaraan jalan utama, kawasan pejabat Majlis, kawasan taman perumahan dan juga tempat awam. Bidang kerja yang ditetapkan termasuk kerja menebang/mencantas pokok, hiasan kawasan Majlis, penggantian peralatan landskap kejur, bekalan pokok/bunga dan lain-lain. Tawarannya kepada syarikat swasta ini dibuat berdasarkan kepada keperluan dan keupayaan kewangan semasa Majlis.

Pada pandangan Audit penyelenggaraan yang ditawarkan kepada pihak syarikat secara rundingan terus boleh dikurangkan kerana sebahagian kerja boleh dibuat oleh Majlis. Sendiri.

56.2.13 Kawasan Angkat Oleh Agensi Dan Pertubuhan Setempat

Bagi mewujudkan rasa tanggungjawab masyarakat terhadap kawasan landskap, Majlis telah menganjurkan beberapa program gotong royong bagi kerja pembersihan dan pengindahan.

Pada pendapat Audit, usaha dan kerja secara gotong royong perlu diperluaskan. Dengan adanya kerjasama agensi swasta dan penduduk setempat dapat menjadikan kawasan landskap tertentu sebagai kawasan angkat mereka. Secara tidak langsung, usaha ini akan mewujudkan kesedaran masyarakat terhadap pemeliharaan kawasan landskap.

56.2.14 Tapak Semaian

Pada masa ini, Majlis mempunyai satu kawasan seluas 0.4 hektar di Mantin sebagai tapak semaian. Bilangan pokok bunga yang disemai berjumlah 600 batang dan kebanyakannya terdiri dari pokok bunga kertas. Penjagaan tapak semaian ini dilakukan oleh pegawai rendah Majlis. Gambar tapak semaian seperti mana di **Foto 20**.

Foto 20

Tapak Semaian Majlis Perbandaran Nilai, Di Mantin



*Sumber : Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 5 November 2003*

Pokok bunga yang disemai adalah untuk hiasan kawasan pejabat Majlis dan juga untuk memenuhi keperluan jabatan dan agensi kerajaan. **Pada pendapat Audit, Majlis boleh berperanan secara lebih proaktif dengan menguruskan sendiri bekalan pokok dan bunga bagi penghijauan taman di kawasan Nilai dan persekitarannya.**

Pada pandangan Audit, pelaksanaan landskap Majlis adalah baik. Namun demikian, kekangan dari segi kewangan menyebabkan Majlis tidak dapat melaksanakan kerja penyelenggaraan secara menyeluruh dan berterusan.

56.3 PEMANTAUAN

Bagi menentukan pelaksanaan aktiviti landskap mengikut perancangan yang ditetapkan, pemantauan dan penyeliaan perlu dilakukan sewajarnya. Ini bertujuan untuk menentukan orang awam khususnya di sekitar Nilai menikmati suasana yang indah, permai dan nyaman. Tinjauan Audit mendapati pemantauan telah dibuat sewajarnya.

56.3.1 Pemantauan Oleh Jabatan Landskap Negara

Jabatan Landskap Negara menjalankan pemantauan terhadap projek yang dibelanjakan daripada peruntukan yang dibiayainya sendiri. Pemantauan dari segi kewangan dibuat melalui Laporan Perbelanjaan Kewangan Terperinci bulanan yang dikemukakan oleh pihak Majlis. Lawatan ke tapak projek dan mengambil gambar kemajuan fizikal. Selain itu, maklum balas hasil dari perbincangan yang diadakan di Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Projek.

56.3.2 Pemantauan Di Peringkat Majlis

Jabatan Landskap Majlis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pemantauan pembangunan dan penyelenggaraan landskap. Pemantauan dibuat dengan membuat lawatan ke tapak projek dan seterusnya menyediakan laporan mengenainya. Selain itu agenda Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Kejuruteraan yang diadakan pada setiap bulan membincangkan Laporan Landskap dan juga dijadikan asas dalam membuat pembayaran kemajuan.

Pada pandangan Audit, pemantauan terhadap kerja landskap adalah baik.

57. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan landskap Majlis adalah baik. Adalah dicadangkan supaya kerja penyelenggaraan landskap tidak diswastakan kesemuanya seperti menebang/mencantas, bekalan pokok dan bunga yang boleh dikendalikan sendiri oleh Majlis. Penjimatan kos ke atas kerja ini dapat digunakan bagi tujuan landskap di tempat lain.

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

PROJEK USAHA SAMA PEMBANGUNAN MEDAN RAHANG

58. LATAR BELAKANG

Objektif utama Majlis ialah untuk memelihara kesucian Agama Islam supaya terus berkembang dan memberi perkhidmatan kepada seluruh umat Islam di Negeri Sembilan. Antara aktiviti yang dilaksanakan bagi mencapai objektif ini ialah usaha menambah harta Majlis melalui pelaburan dan usaha halal yang lain bagi faedah kebajikan umat Islam. Majlis berhak untuk menguruskan apa jenis harta yang dimilikinya dan berkepentingan ke atasnya mengikut cara yang difikirkan patut mengikut Seksyen 4 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 1991.

Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada tahun 1992 telah meluluskan pemberimilikan tanah Kerajaan Negeri Sembilan seluas 1.95 hektar kepada Majlis dengan syarat tanah digunakan untuk mendirikan bangunan perniagaan. Majlis telah membayar premium dan cukai tanah berjumlah RM0.23 juta. Hakmilik atas nama Majlis didaftarkan pada bulan Julai 1992. Pada tahun 1994, dua buah syarikat swasta telah mengemukakan cadangan untuk membangunkan kawasan tanah kepunyaan Majlis itu secara usaha sama.

59. OBJEKTIF AUDIT

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada projek usahasama ini telah dilaksanakan mengikut perjanjian dan mencapai matlamat untuk menjadikan kawasan Rahang sebagai kawasan perumahan dan pusat komersial.

60. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi tempoh tahun 1994 hingga ke akhir tahun 2003. Semasa menjalankan kajian, rekod berkenaan seperti perjanjian usahasama, laporan kemajuan kerja, minit mesyuarat dan fail yang berkaitan yang diselenggara di peringkat Majlis, Pejabat Tanah Seremban dan Majlis Perbandaran Seremban

telah disemak. Bagi meninjau kemajuan projek, lawatan ke tapak projek juga dilakukan.

61. PENEMUAN AUDIT

61.1 PERANCANGAN

Perancangan yang teliti adalah penting agar projek yang dilaksanakan berjalan lancar. Dalam membangunkan sesuatu projek, setiap elemen dalam perancangan perlu dihalusi supaya matlamat pembangunan dapat dicapai. Semakan Audit terhadap perancangan yang dibuat oleh Majlis mendapati perkara berikut:

61.1.1 Kertas Cadangan Projek

Syarikat pertama telah mengemukakan cadangan untuk membangunkan tanah Majlis seluas 1.95 hektar dengan pembinaan 48 lot kedai/pejabat 3 tingkat. Pulangan kepada Majlis mengikut kadar pegangan ekuiti 20% yang dicadangkan dalam usaha sama ini ialah RM2.73 juta. Syarikat pemaju kedua telah mencadangkan pembinaan 166 unit rumah pelbagai jenis termasuk rumah kedai 3 tingkat di tanah Majlis seluas 1.95 hektar dan juga di tanah persekitarannya seluas 6.3 hektar kepunyaan Kerajaan Negeri Sembilan. Pulangan kepada Majlis pada keseluruhannya dianggarkan sejumlah RM0.95 juta manakala kepada Kerajaan Negeri sejumlah RM1.92 juta.

61.1.2 Pertimbangan Kertas Cadangan Oleh Majlis

Majlis telah mengemukakan cadangan pihak pemaju kedua ke Mesyuarat Majlis pada bulan Disember 1994 untuk dipertimbangkan. Pada dasarnya Majlis bersetuju dengan konsep pembangunan yang dicadangkan oleh pemaju tersebut. Bagaimanapun, Majlis dan pemaju perlu berunding semula bagi mengkaji pulangan kepada Majlis, syarat penjualan rumah dan sebagainya.

Pada pandangan Audit, kertas cadangan pertama perlu juga dibawa ke Mesyuarat Majlis selain daripada menjemput beberapa pihak swasta lain yang berminat untuk membangunkan tanah Majlis. Penawaran projek ini sekiranya dibuat secara tender terbuka, akan membolehkan Majlis membuat perbandingan dan keputusan yang dapat mengoptimumkan pembangunan di tanah milik Majlis dan seterusnya pulangan kepada Majlis.

61.1.3 Permohonan Tanah Kerajaan Negeri

Cadangan daripada pemaju yang kedua yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis melibatkan tanah seluas 6.3 hektar kepunyaan Kerajaan Negeri. Bagi melaksanakan rancangan pembangunan mengikut kertas cadangan yang telah dikemukakan, Majlis telah memohon tanah tersebut daripada Kerajaan Negeri. Permohonan tanah Kerajaan Negeri ini telah diluluskan pada Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) yang bersidang pada bulan September 1995. Tanah ini terletak di antara Jalan Mufti Ahmad dan Jalan Dato' Wong Yik Tong, Rahang Seremban. Kawasan ini berserta tanah milik Majlis seluas 1.95 hektar dikenali sebagai Medan Rahang (*Rahang Square*). Kerajaan Negeri juga telah meluluskan penyerahan tanah di sekelilingnya seluas lebih kurang 0.25 hektar yang telah terdahulunya diluluskan pemberimilikan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan. Ada beberapa kuarters kerajaan yang didiami kakitangan awam di tapak tanah Kerajaan Negeri ketika pemberimilikan diserahkan kepada Majlis.

61.1.4 Matlamat Projek

Objektif utama Majlis apabila mendapat tanah di Medan Rahang adalah untuk membangunkannya dengan pembinaan rumah kediaman, kedai dan pejabat agar dapat meningkatkan taraf ekonomi penduduk Bumiputra setempat dengan bertambahnya kegiatan ekonomi dan sosial. Pembangunan kawasan ini juga diharap akan dapat mengurangkan kesesakan di pusat bandar dan

juga sebagai pusat alternatif kepada penduduk tempatan untuk membeli belah. Oleh kerana kawasan ini terletak hanya satu kilometer daripada Pusat Bandar adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri dan Majlis agar ianya dapat dijadikan sebagai salah sebuah rangkaian pusat tumpuan dan perniagaan yang strategik di masa hadapan selain dari dapat memenuhi keperluan semasa dan kehidupan yang lebih teratur.

61.1.5 Penyediaan Memorandum Persefahaman

Setelah Majlis bersetuju pada dasarnya dengan cadangan konsep pembangunan yang dikemukakan semasa Mesyuarat Majlis pada Disember 1994, arahan telah dikeluarkan untuk menyediakan satu Memorandum Persefahaman sebagai langkah awalan ke arah pelaksanaan cadangan projek di tanah tersebut secara usahasama. Tujuan penyediaan Memorandum Persefahaman ini adalah untuk mengesahkan perlantikan pemaju. Bagaimanapun perlantikan ini adalah tertakluk kepada syarat yang akan dipersetujui dan termaktub di dalam satu perjanjian yang perlu disediakan kelak. Setelah Memorandum Persefahaman ini dilaksanakan, kedua pihak akan memulakan perbincangan untuk menentukan pelbagai perkara termasuk pulangan dan tanggungan dalam pembangunan projek secara terperinci. Permuafakatan yang dicapai melalui perbincangan akan mengikat kedua pihak melalui satu perjanjian yang akan dipersetujui kelak.

Pada pandangan Audit draf Memorandum Persefahaman telah disediakan tidak teratur kerana tidak ditandatangani oleh kedua pihak.

61.1.6 Cadangan Pulangan Dan Penilaian Tanah

Dalam projek usaha sama ini, Majlis akan menyediakan tanah manakala pemaju akan menanggung segala kos pembinaan. Pulangan dari projek ini pula akan dibahagi antara Majlis dan pemaju. Bagaimanapun cara pembahagian dan pengiraan pulangan

dan kaedah pembayaran pulangan sama ada dalam bentuk aset, tunai ataupun kombinasi antara keduanya perlu dirunding dan dipersetujui oleh kedua pihak. Nilai tanah merupakan faktor utama dalam penentuan pulangan. Sehubungan itu, pihak pemaju akan melantik penilai bebas swasta sementara Majlis akan merujuk kepada penilaian yang dibuat oleh Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta bagi memastikan Majlis mendapat pulangan yang memuaskan ke atas tanah milikannya.

Antara cadangan pulangan yang akan dibincangkan adalah pulangan berbentuk bangunan pejabat yang akan dikenali sebagai Komplek Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Komplek MAINS). Kos keseluruhan pembinaan bangunan pejabat ini akan ditanggung oleh pemaju dan jumlahnya akan bergantung kepada nilai tanah yang terlibat dalam projek pembangunan ini.

Pada pendapat Audit, pihak Majlis telah mengambil tindakan yang wajar dengan melantik Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta untuk menjalankan penilaian ke atas tanah milikannya. Ini membolehkan perbandingan dibuat antara nilai dari pihak pemaju dan nilai Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta bagi memastikan sama ada nilai yang adil telah dibuat.

61.1.7 Komponen Pembangunan Projek

Pihak pemaju telah mencadangkan pelbagai komponen di peringkat perbincangan/rundingan sebelum mencapai kata sepakat berkenaan komponen pembangunan yang muktamad. Maklumat lanjut mengenai cadangan komponen pembangunan yang telah dibincangkan bersama Majlis adalah seperti di **Jadual 46**. Majlis akhirnya telah bersetuju dengan cadangan komponen pembangunan ketiga yang dikemukakan oleh pihak pemaju pada bulan Januari 1997.

Jadual 46
Cadangan Komponen Pembangunan Projek

Cadangan 1 Disember 1994		Cadangan 2 Oktober 1995		Cadangan 3 Januari 1997	
<u>Rumah/Kedai</u>	<u>Unit</u>	<u>Rumah/Kedai</u>		<u>Rumah/Kedai</u>	<u>Unit</u>
Teres 2 tingkat	56	Teres 2 tingkat		Teres 2 tingkat	92
Banglo setingkat	36	Apartment 5-6 tingkat		Banglo	32
Rumah kedai 3 tingkat	14	Rumah kedai 3 tingkat		Rumah kedai 3 tingkat	28
Berkembar 2 tingkat	20	Komplek MAINS 3 tingkat		Komplek MAINS 4 tingkat	
Town House 2 tingkat	40	<i>Nota: Bilangan unit tidak dinyatakan</i>			

Sumber : Rekod Majlis Agama Islam

Pihak Audit tidak dapat menentukan sebab cadangan 1 dan 2 ditolak dan faktor yang telah menyebabkan cadangan 3 dipilih. Pada pandangan Audit, pihak pemaju perlu menyokong cadangan komponen pembangunan dengan merujuk kepada permintaan pasaran hartanah semasa di kawasan bandar di Negeri Sembilan dan menyediakan analisis kos dan pulangan bagi membolehkan Majlis membuat keputusan yang menjamin kepentingan Majlis.

61.1.8 Anggaran Nilai Projek

Pemaju hanya mengemukakan anggaran kos pembangunan bagi projek perumahan dan perdagangan, kos pembangunan Komplek MAINS, pendapatan projek, keuntungan projek sebelum dan selepas cukai dalam kertas cadangannya. Bagaimanapun kos pembangunan bagi projek perumahan dan kedai serta Kompleks MAINS berjumlah RM42.47 juta yang dikemukakan pada bulan Januari 1997 adalah amaun keseluruhan secara kasar dan bukan secara terperinci. Majlis sepatutnya meminta pemaju menghuraikan kos terperinci bagi setiap komponen pembangunan termasuk rumah teres 2 tingkat, rumah kedai 3 tingkat, banglo dan Kompleks MAINS sebelum perjanjian ditandatangani.

Pada pendapat Audit, Majlis perlu merujuk kepada penilai bebas seperti Jabatan Kerja Raya bagi mendapatkan anggaran kos pembangunan secara terperinci bagi membantu Majlis membuat keputusan berkenaan pulangan. Ini bagi memastikan pulangan yang diterima oleh pemaju dan Majlis dalam projek usaha sama ini adalah munasabah.

61.1.9 Penetapan Syarat Projek Usaha Sama

Sejak awal tahun 1995 hingga bulan April 1997, Majlis telah mengadakan beberapa perbincangan dalam mengenal pasti dan memuktamadkan perkara berkaitan dengan projek pembangunan usaha sama sebelum perjanjian ditandatangani. Dalam tempoh tersebut, perkara yang telah dibincangkan oleh Majlis dan pemaju adalah seperti berikut:

- i)** komponen pembangunan meliputi jenis kediaman dan rumah kedai yang akan dibina, bilangannya dan pelan susunatur;
- ii)** pelan bangunan Kompleks MAINS termasuk spesifikasi bangunan, kos pembinaan bangunan dan lukisan perspektifnya;
- iii)** pulangan yang akan diserahkan kepada Majlis dari segi nilai dan bentuknya; dan
- iv)** penjualan rumah kediaman dan kedai kepada Bumiputera.

Hasil daripada rundingan tersebut, Majlis telah menetapkan beberapa syarat antaranya pembinaan surau di tengah kawasan perumahan, bilangan rumah kedai 3 tingkat dikurangkan daripada 28 unit menjadi 17 unit, Kompleks MAINS dibina auditorium dengan kapasiti 500 orang pada 1 masa, dewan serbaguna berkapasiti 1,000 orang, ruangan letak kereta 150 petak termasuk 20 petak berbumbung bagi orang kenamaan dan pembekalan kelengkapan perabot. Sekiranya pihak pemaju bersetuju dengan syarat yang

ditetapkan itu, ianya akan dimasukkan sebagai sebahagian dari terma Surat Perjanjian Usaha sama.

61.1.10 Draf Perjanjian Usaha Sama

Pada bulan Disember 1995, Majlis telah menyerahkan draf Perjanjian Usaha sama kepada Penasihat Undang-undang untuk dikaji. Semasa mengkaji draf perjanjian, Penasihat Undang-undang telah mencadangkan beberapa pindaan seperti berikut:

- i) Penjualan lot rumah kepada pihak bukan Bumiputera hendaklah terlebih dahulu mendapat persetujuan pihak Majlis.
- ii) Pihak Majlis hendaklah membuat perakuan sekiranya bersetuju untuk bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kos yang terlibat dalam penyerahan milikan kosong tanah tersebut setelah yakin dapat menanggung anggaran kos yang terbabit mengikut perkiraan Majlis.
- iii) Satu tarikh siap projek yang munasabah ditetapkan dalam surat perjanjian.
- iv) Menetapkan hak Majlis untuk mendapat ganti rugi jika projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh tertentu.

Pada pendapat Audit, syarat yang dicadangkan oleh Penasihat Undang-undang adalah penting bagi memastikan kepentingan Majlis terpelihara.

Pada keseluruhannya, pada pendapat Audit Majlis telah mengambil kira sebahagian besar perkara asas dalam perancangan projek usaha sama ini dan telah mengkaji beberapa aspek pembangunan projek bagi memastikan kepentingannya terpelihara.

61.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan projek pembangunan ini bermula dengan termeterainya 1 perjanjian usaha sama yang telah ditandatangani oleh Majlis dan pemaju pada bulan April 1997. Bagi memastikan matlamat Majlis tercapai, pelaksanaan projek ini haruslah mengikut perancangan dan syarat yang telah ditetapkan dalam perjanjian usaha sama. Semakan Audit terhadap pelaksanaan projek pembangunan usaha sama ini mendapati perkara berikut:

61.2.1 Pemilihan Pemaju

Kertas cadangan projek yang telah dikemukakan kepada Majlis untuk dipertimbangkan dalam Mesyuarat Majlis pada bulan Disember 1994, tidak mengandungi maklumat sokongan berkenaan latar belakang pemaju seperti pengalaman kerja, prestasi kerja pada masa yang lampau, kedudukan kewangan dan sebagainya sebagai justifikasi pemilihan. Semakan Audit mendapati syarikat pemaju yang dipilih telah ditubuhkan pada bulan April 1992 dengan modal berbayar RM9 juta. Syarikat ini merupakan syarikat subsidiari kepada sebuah syarikat pembangunan hartanah yang tersenarai di Papan Utama BSKL. Walaupun syarikat pada ketika ditawarkan projek usaha sama ini belum mempunyai sebarang pengalaman dalam menjalankan kerja pembangunan hartanah tetapi syarikat induknya mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pembangunan hartanah. Semakan seterusnya mendapati, Pengurus Projek terdiri daripada pegawai dari syarikat induk yang beribu pejabat di Kuala Lumpur.

Pada pandangan Audit, Majlis perlu menetapkan beberapa kriteria asas yang perlu diambil kira bagi pemilihan pemaju sebagai panduan.

61.2.2 Penilaian Tanah

Semasa di peringkat rundingan, beberapa nilai tanah bagi tapak projek telah diperolehi. Maklumat lanjut berkenaan penilaian tanah yang telah diperolehi adalah seperti di **Jadual 47**.

Jadual 47

Nilaian Tanah Oleh Jabatan Penilaian Dan Jurunilai Swasta

Jurunilai	Penilaian Pertama Jurunilai Swasta	Penilaian Kedua Jurunilai Swasta	Jabatan Penilaian	Penilaian Ketiga Jurunilai Swasta
Tarikh Nilaian	18.10.1994	20.9.1995	17.2.1996 2.4.1996	8.1.1997
Luas Tanah (Hektar)	8.12	8.12	8.22	5.56
Kaedah Nilaian	Kaedah perbandingan	Kaedah perbandingan	Kaedah perbandingan	Tiada Maklumat
Asas Nilaian	Nilai pasaran terbuka	Nilai pasaran terbuka	Nilai pasaran terbuka	Tiada maklumat
Andaian Dalam penilaian	Tanah akan diberi pemilikan perseorangan, bangunan kediaman, pajakan 99 tahun, hakmilik berasingan, baik, mempunyai pasaran dan didaftarkan.	Mengikut keadaan semasa tanah, dengan pemilikan kosong dan bebas dari sebarang bebanan.	Tanah dinilai sebagai tanah kediaman/ perniagaan dengan andaian untuk pegangan kekal.	Tiada Maklumat
Nilaian (RM)	RM4.73 juta	RM3.49 juta	RM13.71 juta	RM10.90 juta

Sumber : Rekod Majlis Agama Islam

Semakan Audit mendapati pada peringkat awal Majlis telah menetapkan pulangan yang mempunyai nilai yang bersamaan dengan nilai tanah yang telah dinilai oleh Jabatan Penilaian iaitu RM14 juta dan 20% dari keuntungan projek sebelum cukai. Pulangan ini hendaklah diserahkan dalam bentuk pembinaan Kompleks MAINS dan pemberian bangunan rumah kedai 3 tingkat atau kombinasi rumah kedai dan tunai yang mana nilainya

mestilah bersamaan dengan nilai pulangan 20% dari keuntungan projek sebelum cukai. Bagaimanapun pihak pemaju berpendapat penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta adalah terlalu tinggi kerana penilaian telah dibuat berdasarkan tanah yang telah didirikan rumah dan kedai sedangkan pihak swasta telah membuat penilaian berdasarkan keadaan semasa tanah yang masih kosong. Hasil daripada rundingan kedua pihak, Majlis telah bersetuju dengan pulangan dalam bentuk Kompleks MAINS setinggi 6 tingkat di mana nilainya mengikut pemaju berharga RM12.75 juta. Pemaju juga telah bersetuju untuk menanggung keseluruhan kos pembinaan Kompleks MAINS. Majlis tidak akan mendapat sebarang pulangan dari pendapatan projek iaitu hasil jualan rumah dan rumah kedai yang akan dibina di Medan Rahang.

Pada pendapat Audit, Majlis telah mengambil tindakan yang wajar dengan menetapkan pulangan berdasarkan kepada penilaian tanah oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

61.2.3 Surat Perjanjian Usaha Sama

Surat perjanjian telah ditandatangani pada bulan April 1997 iaitu lebih 1 tahun dari tarikh Majlis menerima cadangan pindaan syarat perjanjian dari Penasihat Undang-undang Negeri. Cadangan pindaan telah dikemukakan oleh Penasihat Undang-undang pada bulan Januari 1996. Sungguhpun demikian, ada antara cadangan pindaan tidak diambil kira dalam surat perjanjian yang ditandatangani iaitu:

- i)** pulangan kepada Majlis hendaklah bersamaan dengan nilai tanah yang harus dipastikan terlebih dahulu sebelum perjanjian ditandatangani;
- ii)** perlantikan jurunilai bagi membuat penilaian dan menyediakan laporan penilaian;

- iii) peruntukan berkenaan kuota Bumiputera dalam penjualan unit bangunan kediaman dan rumah kedai; dan
- iv) pembinaan surau di tengah kawasan kediaman.

Pada pandangan Audit, perjanjian yang telah ditandatangani dan disediakan oleh peguam pihak pemaju ini perlu dirujuk dan disemak oleh Penasihat Undang-undang Negeri. Selain itu, syarat dalam surat perjanjian usaha sama ini perlu dibincangkan terlebih dahulu di Mesyuarat Majlis bagi memastikan kepentingan Majlis terjamin dan pulangannya berpadanan dengan nilai tanah yang diserahkan kepada pemaju untuk dibangunkan.

61.2.4 Syarat Perjanjian Yang Tidak Dipatuhi

Adalah didapati beberapa syarat seperti yang ditetapkan dalam surat perjanjian telah tidak dipatuhi sepenuhnya oleh Majlis.

- i) Perjanjian tambahan ke atas pindaan pada perjanjian tidak disediakan walaupun terdapat peruntukan mengenainya. Antara pindaan pada perjanjian adalah perubahan dalam komponen pembangunan.
- ii) Majlis gagal menyerahkan tanah kepada pemaju dengan pemilikan kosong dan bebas dari sebarang bebanan.
- iii) Kos memindahkan penghuni yang menduduki tanah tapak projek telah ditanggung oleh pemaju walaupun ada peruntukan dalam perjanjian mengenai kesanggupan Majlis untuk menampung kos perbelanjaan tersebut. Majlis tidak menampung kos tersebut kerana berpendapat penghuni kuarters tidak perlu diberi pampasan.
- iv) Majlis gagal menyerahkan hakmilik secara 'blok' kepada pemaju. Sebaliknya Majlis telah terus menyerahkan kepada pemaju hakmilik berasingan bagi rumah kediaman dan bangunan perniagaan dari tanah yang belum ada hakmilik. Kos bagi mendapatkan hakmilik berasingan melalui kaedah

ini tidak diperuntukkan dalam perjanjian. Oleh kerana wujud pindaan cara penyerahan hakmilik tanah maka pihak pemaju enggan membayar kos bagi mendapatkan hakmilik ke atas tapak projek yang berjumlah RM677,784 telah dibayar oleh Majlis pada bulan Jun 2000.

Pada pandangan Audit, selaku tuan tanah, Majlis harus peka terhadap keperluan undang-undang tanah dan prosedur yang harus dilakukan berkenaan penyerahan hakmilik tanah yang akan dibangunkan oleh pemaju sebelum menandatangani perjanjian. Majlis sepatutnya mengelakkan kos luar jangka yang merugikan itu.

61.2.5 Pemaju Lewat Menyempurnakan Syarat Dalam Perjanjian Usaha Sama

Adalah didapati beberapa syarat dalam perjanjian usaha sama telah lewat disempurnakan oleh pemaju. Bagaimanapun kelewatan ini tidak menjejaskan perjanjian usaha sama kerana peruntukan berkenaan penangguhan had masa dibolehkan walaupun had masa spesifik ada dinyatakan. Antara syarat perjanjian yang lewat disempurnakan adalah seperti berikut :

- i) Pemaju telah menyerahkan Jaminan Korporat bernilai RM12 juta pada bulan Februari 2003 iaitu 5 tahun selepas surat perjanjian ditandatangani dan selepas projek pembangunan Fasa 1 disiapkan.
- ii) Pelan bangunan Kompleks MAINS hanya diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk mendapatkan kelulusan pada bulan September 2003 iaitu selepas 6 tahun perjanjian ditandatangani dan selepas 4 tahun pelan susunatur diluluskan. Mengikut perjanjian pelan bangunan hendaklah diserahkan dalam masa 6 bulan setelah pelan susunatur diluluskan iaitu pada tahun 1999.

Pada pandangan Audit, pematuhan kepada syarat perjanjian terlalu longgar dan Majlis sepatutnya memperuntukkan penalti ke atas pemaju seperti mengenakan denda supaya dapat mengelakkan berlaku kelewatan.

61.2.6 Pendaftaran Surat Hakmilik Tanah

Pada bulan Februari 2001, Pejabat Tanah telah mendaftar dan mengeluarkan 1 hak milik bagi bangunan pejabat, satu hak milik bagi kemajuan akan datang, sebanyak 17 hak milik berasingan bagi rumah kedai dan 125 hak milik berasingan bagi rumah kediaman. Oleh kerana hak milik ini didaftarkan atas nama Majlis maka hak milik berasingan telah diserahkan kepada pemaju kerana dokumen ini diperlukan dalam proses jual beli yang terletak hak atas pemaju.

61.2.7 Penyerahan Pemilikan Tanah

Tanah Kerajaan yang telah diberimilik kepada Majlis pada tahun 1992 dan 1995 yang merupakan tapak projek pembangunan usaha sama ini telah sedia ada didirikan kuarters bagi kakitangan kerajaan di bawah pengawasan pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK). Tanah tersebut sepatutnya dikosongkan sebelum hak milik ke atas tanah dikeluarkan. Walau bagaimanapun, setelah syarat kelulusan tanah diperolehi pada akhir tahun 1999 dan sehingga dokumen hakmilik dikeluarkan pada awal tahun 2001, tanah masih belum dikosongkan. Pemaju telah menghadapi masalah semasa kerja pembersihan tapak kerana masih terdapat penghuni yang enggan mengosongkan kuarters walaupun Pejabat SUK dan Majlis mengeluarkan notis mengosongkan premis beberapa kali sebelum ini. Penghuni kuarters yang terdiri dari kalangan kakitangan kerajaan, masih enggan berpindah kerana kebanyakannya terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan tidak mempunyai rumah sendiri. Setelah beberapa perbincangan diadakan antara penghuni kuarters, Majlis, pihak pemaju, pihak SUK dan

pemimpin politik, penghuni kuarters telah bersetuju untuk berpindah dengan dibayar pampasan sebanyak RM1,000 setiap penghuni.

Pada pandangan Audit, Majlis sepatutnya turut membincangkan mengenai isu pampasan dan perpindahan penghuni kuarters di peringkat perancangan projek dan tidak menyerahkan terus isu ini kepada Kerajaan Negeri untuk menyelesaikannya.

61.2.8 Kelulusan Pelan Susunatur

Sungguhpun pihak pemaju telah mengemukakan pelan susunatur kepada Pihak Berkuasa Tempatan pada bulan Oktober 1997, kelulusan pelan hanya diperolehi selepas 2 tahun berikutnya iaitu pada bulan Oktober 1999. Kelewatan ini adalah disebabkan oleh beberapa perkara teknikal yang telah dibangkitkan oleh beberapa Jabatan seperti Jabatan Bekalan Air, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perkhidmatan Pembentungan dan Tenaga Nasional yang merupakan ahli Jawatankuasa Teknikal I dan II. Pihak pemaju perlu menyelesaikan perkara teknikal yang telah dibangkitkan terlebih dahulu sebelum kelulusan Jawatankuasa Teknikal I dan II dapat dikeluarkan.

61.2.9 Kelulusan Pelan Bangunan

Selain dari pelan susunatur, pemaju juga dikehendaki mendapatkan kelulusan ke atas setiap pelan bagi bangunan yang akan didirikan mengikut pelan susunatur yang telah diluluskan iaitu pelan bangunan bagi rumah kediaman, kedai pejabat dan Kompleks MAINS. Pemaju telah menyerahkan pelan bangunan bagi rumah kediaman dan rumah kedai kepada Pihak Berkuasa Tempatan pada bulan September 1999 dan kelulusan telah diperolehi pada bulan Februari 2000. Pelan bangunan bagi Kompleks MAINS pula telah diserahkan pada bulan September

2003 dan sehingga tarikh pengauditan kelulusannya masih belum diperolehi.

61.2.10 Penangguhan Projek Pembangunan

Kemelesetan ekonomi yang melanda negara pada tahun 1998 telah mempengaruhi projek pembangunan Medan Rahang yang terpaksa ditangguhkan. Kelembapan pasaran hartanah perumahan dan perdagangan ketika itu turut mempengaruhi jualan kerana pembeli yang berpotensi sukar mendapatkan pembiayaan kerana kadar faedah pinjaman yang tinggi. Walaupun projek pembangunan ini terpaksa ditangguh, pihak pemaju telah mengambil langkah yang bijak dengan meneruskan usaha mendapatkan kelulusan teknikal dan bukan teknikal yang terlibat bagi memudahkan kerja pembinaan kelak. Pihak pemaju juga telah menjalankan analisis kajian kemungkinan dan analisis pasaran hartanah perumahan dan perniagaan di sekitar bandar Seremban. Hasil daripada analisis tersebut, pihak pemaju telah mengkaji semula komponen pembangunan dan beberapa pindaan telah dibuat bagi menyesuaikan dengan pasaran hartanah semasa yang agak lembab.

61.2.11 Perubahan Terhadap Pembinaan Rumah Dan Rumah Kedai

Pemaju telah mendapat persetujuan Majlis untuk membina bangunan kediaman dahulu walaupun pada asalnya Majlis telah menetapkan supaya Kompleks MAINS dibina dahulu. Selain itu, pemaju juga telah mengubah beberapa komponen pembangunan bagi projek Medan Rahang ini. Maklumat lanjut berkenaan pindaan yang dimaksudkan adalah seperti di **Jadual 48**.

Jadual 48
Pindaan Terhadap Komponen Pembangunan

Komponen Pembangunan	Surat Perjanjian 3 April 1997	Pelan Susunatur Yang Telah Diluluskan Pada Oktober 1999	Kedudukan Pada 31.12 2003
Kompleks MAINS 6 tingkat	1	1	1
Kedai pejabat 3 tingkat	17	17	-
Rumah teres 2 tingkat	92	100	91
Rumah banglo 2 tingkat	32	3	1
Rumah berkembar 2 tingkat	-	22	42
Rumah kedai 2 tingkat			17
Jumlah Unit	142	143	152

Sumber : Rekod Majlis Agama Islam

61.2.12 Kelulusan Bagi Pindaan Terhadap Komponen Pembangunan

Pindaan yang melibatkan penukaran pembinaan 2 buah rumah banglo 2 tingkat di Lot 6885 dan 6886 kepada 4 buah rumah berkembar 2 tingkat dan pertambahan 12 buah rumah berkembar 2 tingkat di Lot 6889 perlu mendapat kelulusan Pejabat Tanah kerana ia melibatkan pengeluaran surat hakmilik berasingan yang baru. Bagi tujuan tersebut, pemaju telah mengemukakan permohonan untuk menyerahkan dan memberimilik semula tanah mengikut Seksyen 204A Kanun Tanah Negara. Selain itu, pindaan tersebut juga perlu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan kerana pelan susunaturnya telah berubah. Pelan susunatur bagi pindaan tersebut telah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan pada bulan Mei 2002 dan kelulusan diperolehi pada bulan Februari 2003. Pada tahun 2003, pemaju telah membuat permohonan kedua untuk menukar pembinaan 9 buah rumah teres 2 tingkat di Lot 6887 hingga 6895 kepada 4 buah rumah berkembar 2 tingkat. Permohonan ini masih belum diluluskan sehingga laporan ini disediakan.

61.2.13 Pembinaan Rumah Dan Rumah Kedai

Mengikut program pemaju, pelaksanaan kerja telah dibahagikan kepada 3 Fasa seperti di **Jadual 49**.

Jadual 49
Pelaksanaan Projek Mengikut Fasa

Komponen Pembangunan	Fasa 1	Fasa 2	Fasa 3
Kompleks MAINS 6 tingkat	-	-	1
Kedai pejabat 2 tingkat	8	9	-
Rumah teres 2 tingkat	91	-	-
Rumah banglo 2 tingkat	-	1	-
Rumah berkembar 2 tingkat	22	20	-
Jumlah Unit	121	30	1

Sumber : Rekod Majlis

Lawatan Audit ke tapak projek pada bulan Februari 2004 mendapati projek Fasa 1 telah siap dibina. **Foto 21** menunjukkan rumah teres 2 tingkat dan rumah berkembar 2 tingkat yang telah siap dibina manakala **Foto 22** menunjukkan rumah kedai yang telah siap dibina.

Foto 21

**Rumah Teres Dan Rumah Berkembar 2
Tingkat Di Medan Rahang**



*Sumber : Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 25.02.2004*

Foto 22
Rumah Kedai 2 Tingkat Di Medan Rahang



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 25.02.2004

Sebahagian daripada rumah ini telah diduduki setelah Sijil Layak Menduduki dikeluarkan pada bulan Januari 2003. Manakala rumah kedai/pejabat masih kosong dan belum beroperasi. Pembinaan rumah kediaman dan rumah kedai Fasa 2 masih belum mula disebabkan keadaan ekonomi yang tidak menentu. Menurut pemaju, pembinaan rumah kediaman dan kedai pejabat bagi Fasa 2 hanya akan dimulakan setelah ada pembeli, bagaimanapun sehingga kini masih belum ada pembeli yang berminat. Tapak tanah bagi Fasa 2 itu berada dalam keadaan terbiar dan ditumbuhi belukar kecil. Ada juga tapak tanah yang tidak bersih dan dipenuhi sisa runtuh bangunan seperti di **Foto 23.**

Foto 23
Lot 6899 – Kemajuan Akan Datang
Tapak Tanah Dipenuhi Sisa Runtuhan Bangunan



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 25.02.2005

Pada pandangan Audit, tempoh masa bagi menyiapkan sebahagian daripada projek ini yang telah melebihi 6 tahun adalah kerana masalah kegawatan ekonomi yang tidak memihak kepada industri hartanah.

61.2.14 Laporan Jualan Hartanah

Rumah kediaman dan rumah kedai yang dibina di Fasa 1, dijual kepada golongan Bumiputera kerana Pejabat Tanah menetapkan supaya 30% hak milik hendaklah diperuntukkan kepada Bumiputra. Sehingga bulan Disember 2003, status jualannya kepada golongan Bumiputra dan bukan Bumiputra adalah seperti di **Jadual 50**.

Jadual 50
Status Jualan Rumah Dan Kedai Pejabat
Fasa 1 Sehingga 31.12.2003

Jenis Rumah/ Kedai Pejabat	Jumlah Yang Dibina	Status Jualan Rumah						Harga Jualan Seunit RM'000
		Unit Bumiputera			Unit Bukan Bumiputera			
		Jual	Belum Jual	Jumlah	Jual	Belum Jual	Jumlah	
Rumah teres 2 tingkat	91	18	1	19	69	3	72	167 hingga 223
Rumah berkembar 2 tingkat	22	8	-	8	13	1	14	265 hingga 339
Kedai/Pejabat 2 tingkat	8	3	-	3	5	-	5	331 hingga 388
Jumlah	121	29	1	30	87	4	91	

Sumber: Rekod Pemaju

61.2.15 Cadangan Pindaan Kepada Pulangan Majlis

Pada peringkat awal rundingan, pemaju telah bersetuju untuk membina Kompleks MAINS setinggi 6 tingkat dengan kos RM12.75 juta. Walau bagaimanapun, pada awal tahun 1999, pemaju telah merayu agar pulangan ini dikurangkan dan seterusnya mengemukakan 2 cadangan berkenaan pulangan bagi menggantikan pembinaan Kompleks MAINS. Cadangan yang telah dikemukakan adalah seperti berikut;

- i) Pemaju akan memberi pulangan dalam bentuk tunai sejumlah RM6.25 juta bagi menggantikan pembinaan Kompleks MAINS. Bayaran tunai ini akan dibayar secara ansuran dari bulan Januari 2003 hingga September 2003; dan
- ii) Pemaju akan membina Kompleks MAINS secara usahasama dengan Majlis dengan kos pembinaan

maksimum RM7 juta yang ditanggung oleh pemaju. Kos selainnya ditanggung oleh Majlis.

Majlis telah menolak kedua cadangan tersebut dan memilih untuk meneruskan rancangan asal di mana pemaju akan membina dan menyerahkan Kompleks MAINS setinggi 6 tingkat tanpa sebarang kos Kepada Majlis .

Pada pandangan Audit, Majlis patut mendesak pemaju membina Komplek MAINS dengan segera.

61.2.16 Nilai Bangunan Kompleks MAINS

Pemaju telah merayu agar nilai bangunan yang akan dibina dikurangkan dari RM12.75 juta menjadi RM6.25 juta. Justifikasi bagi pengurangan nilai bangunan adalah kerana daripada 6.79 hektar tanah Majlis, hanya 2.98 hektar sahaja dibangunkan bagi projek perumahan dan perniagaan yang dimiliki sepenuhnya oleh pemaju. Keluasan ini meliputi tapak tanah bagi 100 unit rumah teres, sebanyak 22 unit rumah berkembar, tiga unit rumah banglo dan 17 unit rumah kedai setelah ditolak rizab jalan, tapak permainan kanak-kanak, tapak pencawang TNB, dua lot tanah yang dirizabkan untuk Majlis dan tapak kosong yang dirizabkan bagi kemajuan akan datang. Kedudukan keluasan tanah dan kegunaannya seperti di **Jadual 51**.

Jadual 51**Kedudukan Keluasan Tanah Dan Kegunaannya**

Bil.	Kegunaan Tanah	Keluasan Tanah (Hektar)	% Kegunaan
1.	100 unit rumah teres	1.68	24.74
2.	22 unit rumah berkembar	0.74	10.89
3.	3 unit rumah banglo	0.23	3.39
4.	17 unit rumah kedai	0.32	4.71
Jumlah tanah untuk perumahan dan kedai		2.97	-
5.	Tanah Rizab Majlis (Tapak Komplek MAINS)	1.29	19.00
6.	Tapak pencawang TNB	0.08	1.18
7.	Rizab jalan	1.41	20.77
8.	Tapak permainan kanak-kanak	0.11	1.62
9.	Rizab bagi kemajuan akan datang	0.93	13.70
Jumlah tanah yang tidak dibangunkan		3.82	-
Jumlah keluasan tanah		6.79	100.00

Sumber: Rekod Jurunilai Swasta

Nilai bangunan ini sebagaimana yang dilaporkan oleh penilai swasta adalah bersamaan dengan nilai tanah seluas 2.98 hektar. Sehingga kini tanah iaitu tanah kosong, bebas dari bebanan dan hakmilik berasingan didaftarkan. Majlis melalui mesyuaratnya pada bulan Februari 2003 telah bersetuju supaya pemaju membina Kompleks MAINS pada nilai RM6 juta setelah mengambil kira pulangan pemaju yang berkurangan akibat kelembapan ekonomi negara.

Walau bagaimanapun, sehingga kini bangunan ini masih belum didirikan kerana belum mendapat kelulusan ke atas pelan bangunan dari Pihak Berkuasa Tempatan. Pihak Audit telah dimaklumkan bahawa pembinaan akan dimulakan sebaik sahaja kelulusan diperolehi. Lawatan Audit ke tapak projek mendapati kerja pembersihan tapak telah dimulakan seperti di **Foto 24**.

Foto 24
Lot 6901 – Tapak Kompleks MAINS
Tanah Telah Diratakan Dan Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 25. 02.2004

Pada pandangan Audit, Majlis perlu menyediakan surat perjanjian tambahan bagi menetapkan nilai bangunan Kompleks MAINS yang telah dipersetujui itu bagi memastikan kepentingan Majlis terjamin. Selain daripada itu, adalah dicadangkan juga satu penilai bebas dilantik bagi memastikan bangunan Komplek MAINS yang akan didirikan kelak dengan kos RM6 juta dan spesifikasi yang telah ditetapkan adalah munasabah.

61.3 PEMANTAUAN

Projek usaha sama ini telah diserahkan sepenuhnya kepada pemaju untuk merancang dan menguruskannya setelah perkara yang berkaitan dengan pulangan kepada Majlis dipersetujui dan hakmilik tanah diserahkan kepada pemaju pada awal tahun 2001. Majlis tidak mempunyai kepentingan ke atas projek pembinaan rumah kediaman dan rumah kedai, pemantauan di tapak projek hanya dilakukan oleh pengurus projek pihak pemaju melalui lawatan dan mesyuarat di tapak projek sekurang-kurangnya 1 kali sebulan. Semakan Audit mendapati, Laporan Ringkas Kemajuan projek yang dikeluarkan

secara bulanan tetapi tidak disampaikan kepada Majlis secara konsisten untuk perbincangan di Mesyuarat Majlis, Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Kewangan Dan Maksud-maksud Am akan diadakan hanya sekiranya timbul masalah.

Pada pandangan Audit, perbincangan dan laporan kemajuan projek sepatutnya dipantau secara berkala. Bagi pembinaan Kompleks MAINS di mana Majlis mempunyai kepentingan mutlak, Majlis hendaklah menjalankan pemantauan yang lebih kerap dan serius semasa pembinaannya dilaksanakan kelak.

62. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Matlamat utama projek ini untuk meningkatkan taraf ekonomi penduduk Bumiputra setempat dengan bertambahnya kegiatan ekonomi dan sosial menerusi penyediaan pusat tumpuan dan perniagaan yang strategik masih belum tercapai. Walau bagaimanapun, penempatan Bumiputera di kawasan Medan Rahang mengikut geran yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Tanah meliputi 30% daripada rumah kediaman dan bangunan perniagaan bagi Fasa 1 telahpun berjaya dijual kepada pembeli Bumiputera. Sungguhpun kawasan ini adalah strategik kerana ia terletak hanya satu kilometer daripada Pusat Bandar, tetapi faktor harga jualan yang tinggi sukar menarik pembeli Bumiputera ke kawasan ini. Kawasan ini masih kelihatan sunyi kerana masih banyak rumah yang belum diduduki dan rumah kedai pula masih belum dibuka walaupun setelah lebih satu tahun disiapkan.

BAHAGIAN V PERKARA AM

63. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan/Agensi berkenaan. Hasil dari pemeriksaan itu dilaporkan dalam Bahagian ini di bawah tajuk berikut:

- i) Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2002.
- ii) Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Yang Masih Belum Selesai.

64. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2002

64.1 PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI

Pada tahun 2002, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri serta Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin. Kecuali bagi Jabatan Perancang Bandar Dan Desa yang menunjukkan prestasi pengurusan kewangan yang baik, yang lain mempunyai beberapa kelemahan seperti berikut:

- i) Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja tidak lengkap dan kemas kini.
- ii) Buku Tunai dan Daftar Mel tidak disemak oleh Ketua Jabatan atau wakilnya. Juga tidak ada bukti penyemakan dilakukan terhadap Borang hasil yang dikawal. Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan sekurang-kurangnya 6 bulan sekali.
- iii) Daftar Bil tidak disemak oleh Ketua Jabatan atau wakilnya setiap bulan. Pesanan Tempatan dikeluarkan setelah invois diterima.

- iv) Daftar Harta Modal dan Inventori tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pemeriksaan tahunan terhadap harta modal tidak dilaksanakan. Tindakan pelupusan tidak dilaksanakan kerana Lembaga Pemeriksa tidak ditubuh.
- v) Ada deposit lama dan terpendam tidak diwartakan atau dikembalikan.

Kedudukan Masa Kini

Berdasarkan penerangan dan jawapan bertulis yang diterima daripada Jabatan dan Pejabat yang terlibat, adalah didapati tindakan telah diambil untuk menyelenggara dan mengemaskini semua rekod kewangan supaya lengkap dan teratur. Pemeriksaan terhadap rekod kewangan serta pemeriksaan mengejut telah juga dijalankan oleh Ketua Jabatan atau wakilnya.

64.2 AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS

64.2.1 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Pembinaan Dan Pengagihan Rumah Kos Rendah

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri melalui Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan adalah bertanggungjawab bagi melaksanakan projek perumahan kos rendah di seluruh Negeri Sembilan. Oleh kerana proses pengambilan tanah mengambil masa yang lama dan kegagalan pihak pemaju untuk menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan, beberapa projek perumahan kos rendah telah tergendala atau lewat disiapkan. Adalah juga didapati pengagihan rumah kos rendah kepada pembeli tidak mengikut kriteria yang ditetapkan.

Kedudukan Masa Kini

Bagi mengatasi kelewatan dalam melaksanakan projek perumahan kos rendah, Kerajaan Negeri telah melantik pihak perunding sebagai agensi pelaksanaan projek. Bagi 3 projek perumahan kos rendah yang telah dilaksanakan oleh pihak perunding, adalah

didapati pelaksanaannya mengikut jadual. Mengenai pengagihan rumah tidak mengikut kriteria, tindakan telah diambil supaya pengagihan mengikut kuota Kerajaan Negeri.

64.2.2 Jabatan Bekalan Air

Program Membaik Pulih Dan Menaik Taraf Loji Air

Kajian oleh pihak juruperunding pada bulan Oktober 1995 terhadap kehilangan hasil air Jabatan menganggarkan kehilangan sebanyak 49% daripada jumlah air bersih yang disalurkan kepada pengguna. Jabatan berhasrat untuk mengurangkan kehilangan air bersih yang disalurkan kepada pengguna menjadi 25% menjelang tahun 2020. Ke arah ini, Jabatan telah melaksanakan Program Membaik Pulih Dan Menaik Taraf Loji Air bagi Daerah Seremban dan Daerah Port Dickson. Kini Jabatan telah berjaya mengurangkan kadar kehilangan hasil air daripada 54% menjadi 37% manakala bagi Daerah Port Dickson pengurangan adalah sekitar 48%. Hasrat Jabatan untuk mengurangkan kehilangan hasil air (NRW) menjadi 25% adalah sukar kerana peruntukan yang diluluskan untuk kerja penggantian paip dan sebagainya tidak mencukupi.

Kedudukan masa Kini

Jabatan masih sukar untuk mendapatkan peruntukan tambahan bagi melaksanakan Program Membaik Pulih Dan Menaik Taraf Loji Air dan oleh itu kehilangan hasil air tidak dapat dikurangkan.

64.3 BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

64.3.1 Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

Bantuan Zakat Kepada Mualaf

Kaedah pengagihan zakat kepada mualaf adalah tidak mengikut prosedur kewangan dan perlu diperkemaskan lagi. Pematuhan kepada undang-undang dan arahan yang ditetapkan hendaklah diberi penekanan terutamanya kepada mereka yang menguruskan

zakat. Adalah didapati kelewatan dalam pengagihan wang zakat dan bagi wang zakat yang berlebihan, ianya didapati telah terlewat dikembalikan.

Kedudukan Masa Kini

Dalam panduan yang disediakan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam telah menetapkan beberapa kaedah yang perlu dipatuhi sebelum wang zakat diagihkan. Bagi mengatasi kelewatan pembayaran wang zakat, Jabatan telah mengambil inisiatif dengan membuat pembayaran melalui akaun bank dan bagi yang tidak mempunyai akaun bank diuruskan oleh Penggerak Masyarakat Orang Asli.

64.3.2 Majlis Daerah Jempol

Projek Pembangunan Pekan Batu Kikir

Mengikut perjanjian, pemaju dikehendaki menjelaskan cukai taksiran tanah untuk Projek Pekan Batu Kikir di mana 123 hak milik HS (D) 11869 hingga 11991 telah sempurna didaftarkan oleh Pejabat Hak Milik pada bulan Oktober 1998. Mengikut peraturan, tanah berkenaan sah untuk dikenakan cukai taksiran mulai tahun 1999 pada kadar minimum nilai tanah kosong. Bagaimanapun pihak Majlis tidak mengenakan cukai tersebut kepada pemaju.

Sijil Kelayakan Bagi Menduduki bangunan di Zon 'A' dan Zon 'B' telah dikeluarkan pada bulan Mac 1999 dan bulan November 2001. Mengikut peraturan, cukai taksiran tanah adalah sah dikenakan mulai suku kedua tahun 1999 bagi tanah di Zon 'A' dan bagi Zon 'B', sah dikenakan cukai taksiran mulai suku tahun pertama tahun 2002. Sungguhpun demikian, cukai taksiran tidak dikenakan sejak dari tarikh tersebut hingga kini.

Kedudukan Masa kini

Majlis masih dalam proses menentukan kewajaran mengenakan cukai kepada pemaju.

65. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA YANG MASIH BELUM SELESAI

TAHUN 2001

**65.1 PEJABAT DAERAH DAN TANAH PORT DICKSON
PENGURUSAN PEMBERIMILIKAN DAN TUKAR SYARAT
TANAH**

Premium tambahan bagi tukar syarat tanah kepada sebuah syarikat telah berkurangan dikenakan. Mengikut perkiraan Audit, jumlah yang sepatutnya dikenakan ialah RM2.84 juta tetapi premium tambahan yang dikutip adalah berjumlah RM1.69 juta iaitu berkurangan dikutip sejumlah RM1.15 juta.

Kedudukan Masa Kini

Syarikat telah membuat permohonan kepada Kerajaan Negeri agar premium tambahan tersebut dikurangkan tetapi sehingga kini belum ada maklumbalas mengenainya daripada Mesyuarat Majlis Kerajaan.

**65.2 MAJLIS DAERAH TAMPIN
PENSWASTAAN PROJEK PEMBANGUNAN**

Sehubungan dengan penswastaaan projek pembangunan di Majlis Daerah Tampin, Majlis telah memberi lanjutan masa selama 3 tahun kepada pemaju iaitu sehingga tahun 2001 untuk menyiapkan 74 unit rumah kakitangan, satu unit perpustakaan awam dan gelanggang tenis serta 30 unit bangunan di Pekan Pasir Besar. Bagi 53 rumah kedai milik pemaju yang telah dikeluarkan Sijil Layak Menduduki, Majlis tidak memungut cukai taksiran terhadapnya.

Kedudukan Masa kini

Majlis hanya diperuntukkan 35 unit rumah daripada 74 yang sepatutnya diterima. Pihak pemaju enggan mendirikan 39 unit lagi dengan alasan perjanjian tidak menetapkan bilangan unit yang mesti

dibangunkan. Perkara ini telah dirujuk kepada Penasihat Undang-Undang Negeri tetapi sehingga kini masih belum mendapat ulasan. Mengenai perhentian bas dan teksi di Pekan Pasir Besar yang sepatutnya diserahkan kepada Majlis, pembinaannya belum dimulakan kerana pemaju sedang mendapatkan kelulusan teknikal daripada pihak yang berkenaan.

**66. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA AKAUN AWAM DAN AKTIVITI JABATAN**

Perkara 107 (2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan yang akan mengarahkan laporan itu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sembilan dan Aktiviti Jabatan bagi tahun 2002 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada bulan Mei 2004.

**67. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG
AWAM NEGERI SEMBILAN**

Pada tahun 2003, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah bermesyuarat sebanyak 4 kali untuk membincangkan sebahagian dari isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara mengenai penyata akaun Majlis Agama Islam, akaun sebuah Badan Berkanun Negeri dan Akaun Awam Negeri Sembilan, kesemuanya bagi tahun 2000. Perkara yang telah dibincangkan oleh Jawatankuasa adalah seperti di **Jadual 52** .

Jadual 52
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sembilan
Sepanjang Tahun 2003

Tarikh	Jabatan	Perkara
17 April 2003	Jabatan Perhutanan	Laporan Audit 2000 1. Perjawatan 2. Hasil Lesen Industri Kayu 3. Daftar Mel 4. Buku Tunai 5. Daftar Bil 6. Pengurusan Akaun Amanah/Deposit 7. Daftar Harta Modal 8. Daftar Rumah Kerajaan
	Jabatan Kebajikan Masyarakat	Laporan Audit 2000 1. Daftar Pemeriksaan Mengejut 2. Penyata Dan Baki Wang Tunai 3. Penyata Penyesuaian Perbelanjaan 4. Pesanan Kerajaan 5. Buku Vot 6. Bantuan Kewangan Bencana Alam 7. Pengurusan Aset dan Inventori 8. Pengurusan Stor
24 April 2003	Perbadanan Perpustakaan Awam	Laporan Audit 2000 1. Kawalan Pengurusan Manual Prosedur Kerja Fail Meja Kad Perakam Waktu 2. Kawalan Hasil Surat Kuasa Buku Stok Resit Pemeriksaan Mengejut Kelewatan Bank In Hasil Daftar Sewa 3. Kawalan Perbelanjaan Baucar Bayaran Tidak Disokong Buku Vot Daftar Bil 4. Pengurusan Akaun Amanah 5. Pengurusan Aset dan Inventori
4 September 2003	Majlis Agama Islam	Laporan Audit 2000 1. Tunggakan Bayaran Pinjaman 2. Surat Perjanjian Pinjaman 3. Pinjaman Dihapuskira 4. Penyelenggaraan Akaun Peminjam
9 September 2003	Yayasan Negeri Sembilan	Laporan Audit 2000 1. Manual Prosedur Kerja 2. Pungutan Hasil 3. Daftar Mel 4. Daftar Pemeriksaan Mengejut 5. Buku Vot 6. Pesanan Kerajaan 7. Daftar Bil 8. Pengurusan Aset dan Inventori

PENUTUP

Secara keseluruhannya ada kemajuan dalam pengurusan kewangan Kerajaan Negeri di mana tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan adalah lebih baik berbanding dengan tahun sebelumnya. Bagaimanapun, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan berhubung dengan pelaksanaan program/aktiviti. Seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya, masih ada beberapa kelemahan yang jika tidak diperbetulkan boleh menjejaskan pencapaian objektif yang telah ditetapkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan dalam pelaksanaan program/aktiviti ialah kekurangan kakitangan, kekurangan latihan dan kepakaran, peruntukan kewangan yang terhad dan ketiadaan penyeliaan yang rapi.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

17 Ogos 2004



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003**

Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2003 telah diperiksa dan diaudit atas arahan saya mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9(1) Akta Audit 1957.

Pada pendapat saya, Penyata Akaun Awam ini memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada 31 Disember 2003 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil ini hendaklah dibaca bersama-sama laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam serta aktiviti Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri tahun 2003.

(TAN SRI DR. HADENAN BIN A. JALIL)
Ketua Audit Negara
Malaysia.

Putrajaya
17 Ogos 2004

LEMBARAN IMBANGAN
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2003

PENYATA	NOTA	2003 RM	2002 RM
ASET			
A WANG TUNAI	7	37,586,169.27	12,814,651.31
B PELABURAN	8	135,535,107.79	191,711,375.13
		<u>173,121,277.06</u>	<u>204,526,026.44</u>
JUMLAH ASET DIPEGANG BAGI :			
C AKAUN HASIL DISATUKAN	9	235,042,931.59	230,419,582.72
D AKAUN AMANAH DISATUKAN	10	(96,856,219.65)	(55,692,133.84)
E AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	11	34,934,565.12	29,798,577.56
		<u>173,121,277.06</u>	<u>204,526,026.44</u>

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan.


(DATO' ABDULLAH SANI BIN AB. HAMID)
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS



(PUKHARI BIN SAMSURI)
BENDAHARI NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS


PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
30 JUN, 2004

**PENYATA AKAUN MEMORANDUM
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2003**

PENYATA	NOTA	2003 RM	2002 RM	
ASET				
F1	PINJAMAN BOLEH DITUNTUT	12 (a)	108,532,920.87	95,698,508.00
F2	TUNGGAKAN HASIL	12 (b)	60,357,989.17	53,617,959.06
F3	PELABURAN	12 (c)	3,800,000.00	3,800,000.00
F4	BANK	12 (d)	529,554.48	913,229.96
F5	LAIN-LAIN PELABURAN	12 (d)	25,220,045.00	25,220,045.00
			<u>198,440,509.52</u>	<u>179,249,742.02</u>
TANGGUNGAN				
G1	HUTANG KERAJAAN NEGERI	13 (a)	1,295,594,066.86	1,222,467,624.84
G2	PENCEN TERBITAN	13 (b)	529,554.48	913,229.96
			<u>1,296,123,621.34</u>	<u>1,223,380,854.80</u>

Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan.


(DATO' ABDULLAH SAN BIN AB. HAMID)
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS


(PUKHARI BIN SAMSURI)
BENDAHARI NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
30 JUN, 2004

C PENYATA AKAUN HASIL DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2003

Perihal	Belanjawan RM	2003		2002	
		Sebenar RM	%	Sebenar RM	%
BAKI PADA 1 JANUARI		230,419,582.72	-	279,849,828.61	
C1 HASIL					
Hasil Cukai	91,944,500.00	76,313,802.08	83.00	74,862,536.24	87.27
Hasil Bukan Cukai	53,706,700.00	102,069,262.92	190.05	57,748,240.78	85.92
Terimaan Bukan Hasil	25,336,100.00	55,472,089.60	218.94	58,857,479.72	150.16
JUMLAH HASIL	170,987,300.00	233,855,154.60	136.77	191,468,256.74	99.63
C2 PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	65,130,692.00	60,897,589.66	93.50	58,595,862.32	96.81
Perkhidmatan Dan Bekalan	47,247,094.18	44,281,696.55	93.72	42,236,122.11	94.87
Aset	7,022,216.00	5,740,877.81	81.75	6,378,233.93	96.34
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	146,830,623.82	117,422,723.63	79.97	132,664,590.88	98.91
Perbelanjaan Lain	1,401,400.00	888,918.08	63.43	1,023,693.39	74.91
JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS	267,632,026.00	229,231,805.73	85.65	240,898,502.63	97.47
LEBIHAN/(KURANGAN) BAGI TAHUN	(96,644,726.00)	4,623,348.87	-	(49,430,245.89)	-
BAKI PADA 31 DISEMBER		235,042,931.59	-	230,419,582.72	-


(DATO' ABDULLAH SANI BIN AB. HAMID)
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS


(PUKHARI BIN SAMSURI)
BENDAHARI NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
30 JUN, 2004

**Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan
Agensi Kerajaan Negeri Setakat 31 Julai 2004**

Nama Agensi	Penyata Kewangan Terakhir Diakui	Sedang Diaudit	Belum Diterima
A. PIHAK BERKUASA TEMPATAN			
1. Majlis Perbandaran Seremban	2002	2003	-
2. Majlis Perbandaran Nilai	2000	2001	2002 & 2003
3. Majlis Perbandaran Port Dickson	2002	2003	-
4. Majlis Daerah Tampin	2002	2003	-
5. Majlis Daerah Kuala Pilah	2002	2003	-
6. Majlis Daerah Jelebu	2002	2003	-
7. Majlis Daerah Jempol	2001	2002	2003
8. Majlis Daerah Rembau	2002	-	2003
B. MAJLIS AGAMA ISLAM			
1. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	2000	2001 2002	2003
C. BADAN BERKANUN NEGERI			
1. Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	2002	2003	-
2. Yayasan Negeri Sembilan	2002	-	2003
3. Lembaga Muzium Negeri, Negeri Sembilan	1998	-	1999 2000 2001 2002 2003
4. Majlis Sukan Negeri, Negeri Sembilan	1999	2000 2001 2002	2003
5. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan	2000	2001 2002	2003
Jumlah	14	14	13

Penyata Kewangan
Badan Berkanun Negeri Dan Pihak Berkuasa Tempatan
Yang Belum Dibentangkan Setakat 31 Julai 2004

Nama Agensi	Bilangan Penyata Kewangan	Tahun Penyata Kewangan Belum Dibentangkan	Tarikh Penyata Disahkan
A. PIHAK BERKUASA TEMPATAN			
1. Majlis Perbandaran Nilai	1	2000	04.03.2004
2. Majlis Daerah Tampin	1	2002	08.04.2004
3. Majlis Daerah Jelebu	1	2002	19.02.2004
4. Majlis Daerah Rembau	1	2002	02.03.2004
5. Majlis Daerah Kuala Pilah	1	2002	25.06.2004
6. Majlis Perbandaran Port Dickson	1	2002	25.05.2004
7. Majlis Daerah Jempol	1	2002	25.05.2004
B. BADAN BERKANUN NEGERI			
1. Yayasan Negeri Sembilan	1	2002	28.04.2004
2. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	3	1998	22.12.2000
		1999	12.05.2003
		2000	02.09.2003
3. Lembaga Muzium Negeri	2	1997	03.12.2001
		1998	25.03.2004
Jumlah	14		